

DEWAN MAJLIS**Khamis, 15 Rabiulawal 1430 / 12 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI., Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia

Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir kerana kurang sihat)

**AHLI-AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG
YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN):**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ.,
PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulikan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi)

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini dimulakan dengan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kuncang. (Imam Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah).

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum mesyuarat ini dilanjutkan terlebih dahulu kita meminta semua Ahli-Ahli yang hadir di dalam Dewan ini berdiri bertafakur dan membaca surah Al-Fatihah bagi memperingati kemangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail pada 11 Jamadilawal 1429 bersamaan dengan 17 Mei 2008 dan kembalinya ke rahmatullah Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh pada 29 Safar 1430 bersamaan pada hari Rabu 25 Februari 2009, marilah kita berdiri bersama-sama membaca Al-Fatihah.

(Bertafakur Membaca Surah Al-fatihah).

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih dan syukur Alhamdulillah dengan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan limpahnya serta rahmatnya dapatlah kita bermesyuarat pada pagi ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita

memohon agar permesyuaratan hari ini dijalankan dengan sebaik-baiknya dengan penuh kebijaksanaan dan hati-hati.

Jurutulis: Perkara Yang Kedua, mengesahkan Minit-Minit dari Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat yang telah bersidang pada hari Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu, Isnin, Selasa dan Rabu, 26, 27, 28, 30 Safar 2, 3, dan 4 Rabiulawal 1429 Hijrah bersamaan dengan 4, 5, 6, 8, 10, 11 dan 12 Mac 2008, bertempat di Bangunan Baru, Dewan Majlis Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mendengar Jurutulis menyampaikan Minit Mesyuarat tahun lepas dan sekiranya Ahli-Ahli yang hadir pada ketika itu bersetuju. Tidak ada kesilapan dalam minit itu, maka saya minta sepertimana lazim, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya semua bersetuju, maka minit itu dipersetuju dan diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana lazimnya pada Mesyuarat Negara kita ini lazimnya dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka untuk maksud ini saya menanggungkan permesyuaratan pada pagi ini bagi menunggu keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkenan berangkat serta mengurniakan titah di dalam Majlis ini

nanti. Maka oleh yang demikian saya menanggungkan Majlis ini.

(Majlis ditanggungkan)

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELIMA MAJLIS MESYUARAT NEGARA, BERTEMPAT DI DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA, BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA HARI KHAMIS, 15 RABIULAWAL, 1430 BERSAMAAN DENGAN 12 MAC 2009.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ يَا نَسْتَعِينُ
 عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَالصَّلَاةِ
 وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Segala puji dan syukur bagi Allah jua yang mengizinkan kita berkumpul pada hari ini di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyurat Negara.

Seperti lazimnya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjadikan Persidangan ini sebagai wadah untuk mencetuskan idea-idea baru lagi bernas, bagi membantu kerajaan untuk melakar strategi-strategi pembangunan yang diperlukan.

Demikian juga, ia diharapkan, untuk dapat menunjukkan imej terbaik tentang sistem kita, berbanding beraneka sistem di merata dunia yang tidak mampu, walau sekadar hanya untuk menstabil keadaan.

Kita, melalui sistem yang ada, telah membuktikan keupayaan dapat membawa negara ini menikmati berbagai kebijakan, melebihi dari orang lain. Di samping kita mengekalkan kemakmuran dengan izin Allah, kita jua Alhamdulillah, menikmati keamanan dan ketenteraman, apa yang sungguh-sungguh sukar diperolehi, khususnya di masa akhir-akhir ini oleh orang lain.

Kita, belum pun sampai sebulan merayakan Jubli Perak Kemerdekaan. Jangka masa 25 tahun itu dapat disifatkan sebagai titik awal menguji kita, sama ada kita layak dianggap bangsa yang benar-benar merdeka.

Pada hemat beta, kelayakan itu adalah merujuk kepada keadaan suatu bangsa, sama ada ia mampu membangun dirinya dan berjaya melakar kehidupan yang lebih baik.

Dalam konteks ini, kita rasanya tidaklah ketinggalan, masalah sentiasa memiliki kedudukan terbaik di bidang apa saja, hasil daripada pencapaian menerusi sistem kita yang ada itu. Ini bukan lagi andaian tetapi kenyataan.

Kedewasaan bernegara turut menerima ujian-ujian berat. Namun kita terselamat, kerana kita mampu mengurus diri sendiri dengan sebaik mungkin.

Di antara ujian berat itu ialah krisis ekonomi global yang melanda dunia hari ini. Krisis itu merambat ke seluruh jagat tanpa memilih-milih. Ia dianggap paling parah sejak kemelesetan dunia 80 tahun yang lampau, di sekitar tahun-tahun 1927 dan 1929.

Krisis ini menjadi pasaran merudum. Nilai mata wang mengecil, pembuangan beramai-ramai pekerja dan sistem kewangan hancur.

Pada akhir tahun 2008, Tabung Mata Wang Antarabangsa IMF meramalkan ekonomi dunia berkembang cuma 2.2 peratus pada tahun 2009. Tetapi ramalan terkini IMF juga cuma 0.5 peratus sahaja, iaitu suatu kadar paling rendah dalam tempoh 60 tahun. Itupun, masih ada lagi pihak lain yang meramal bahawa kadar 0.5 peratus juga masih dianggap terlalu optimistik.

Semua negara di dunia mengalami pertumbuhan lembab, tidak kira negara maju atau negara sedang membangun. Malah misalnya, ada negara yang biasa menikmati pertumbuhan 'dua' angka, menjadi cuma 'satu' angka sahaja. Di samping, ada pula negara yang meramalkan dirinya mungkin

merudum sampai dua angka, suatu kemerosotan yang cukup memeritkan.

Dari kegawatan yang dahsyat ini, maka banyakkah negara mengambil langkah darurat dengan memberhentikan sekian ramai pekerja-pekerja mereka. Kalau seribu dua yang diberhentikan itu adalah biasa saja. Tetapi terdapat juga sampai puluhan ribu, dan malah di negara yang ramai penduduk, ada yang sampai 20 juta pekerja daripada pedalaman terpaksa pulang ke kampung semula setelah kehilangan pekerjaan di bandar dan di kilang-kilang setempat.

Ini semua membayangkan betapa dunia adalah di ambang bahaya.

Namun sosial-ekonomi negara kita pada setakat ini, Alhamdulillah masih terus dalam kedudukan stabil dan kukuh, walaupun pendapatan kerajaan sedikit terjejas disebabkan penurunan harga pasaran minyak global.

Kemampuan kita bertahan adalah ditolong dengan dasar dan sikap berbelanja negara secara berhemah, ditambah lagi dengan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi kita tidak bergantung kepada hutang (*leverage*). Perlu diketahui bahawa pergantungan kepada hutang itu telah menjerumuskan banyak negara ke jurang kemiskinan lebih parah.

Kejatuhan harga minyak secara mendadak perlu dihadapi dengan lebih bijak dalam berbelanja, termasuk mengelak segala bentuk pembaziran. Lebih - lebih lagi di pihak kerajaan, amat perlu membanyakkan aktiviti-aktiviti ekonomi, sambil tidak lupa, merancang langkah-langkah untuk

menghadapi saingan apabila ekonomi dunia pulih nanti.

Negara turut bernasib baik dengan harga minyak yang melonjak naik beberapa tahun sebelumnya, kerana ia, benar-benar menyumbang kepada lebih hasil pendapat kerajaan.

Hasil lebih ini perlu diurus dengan sebaik mungkin untuk memperolehi pulangan bagi mengukuhkan lagi fiskal negara dalam jangka panjang. Maka untuk tujuan ini, beta telah memperkenankan penubuhan sebuah dana dipanggil *Sustainability Fund* di bawah Kementerian Kewangan. Dan untuk tujuan pengawalan serta pengurusan dana, beta juga telah memperkenankan satu rang undang-undang *Sustainability Fund Order* yang mula berkuat kuasa pada 11 Mac 2008.

Dalam menangani perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan, kita juga mengambil ingatan akan perkara-perkara yang di luar kawalan dan jangkaan, seperti baru-baru ini, satu fenomena banjir luar biasa dan tanah susur telah turut melanda negara ini. Kejadian ini memberi impak pada sejumlah besar rakyat dan penduduk.

Selain menyumbangkan bantuan-bantuan, kita juga perlu mengambil langkah-langkah ke hadapan pada mengemaskini rangkaian infrastruktur negara, sehingga tidak ada lagi apa yang disebut sebagai kemudahan-kemudahan asas yang lemah atau keperluan-keperluan utama yang belum ditangani.

Sebenarnya, peruntukan-peruntukan untuk itu telahpun disediakan, dan malah bila

keadaan memerlukan, peruntukan tambahan boleh saja ditimbangkan. Contohnya, kerana kejadian yang melanda baru-baru ini, maka beta telah memperkenankan satu peruntukan khusus berjumlah \$30 juta untuk mempercepatkan lagi usaha atau langkah-langkah pembaikan, pemeliharaan dan menaik taraf infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam. Agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dikehendaki serentak untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing tanpa berlengah.

Beta melihat, masih banyak kerja-kerja terbangkalai yang perlu dipercepat. Setengah projek itu, baru saja berjalan tiba-tiba berhenti. Mengapakah ia terhenti? Apakah ini tidak mungkin - menjadi salah satu sebab - menyumbang kepada banjir besar?

Semua itu memerlukan kajian dan "jawapan tepat" untuk mengatasi.

Beta percaya, Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak akan lepas pandang begitu sahaja terhadap perkara-perkara seumpama ini, tetapi akan memberikan perhatian secukupnya kepada apa-apa jua yang menyangkut dengan kebajikan rakyat dan negara tanpa takut-takut atau malu-malu dan ragu.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni I-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua dan pembesar-pembesar Negara).

(Majlis bersurai sebentar)

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, Perasmian Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara telahpun selamat sempurna dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar tadi dan harapan kita mudah-mudahan permesyuaratan kita pada tahun ini akan berjalan dengan baik, lancar dan teratur.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan dan akan bersidang pada hari Sabtu, 14 Mac 2009, jam 2.00 petang. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 17 Rabiulawal 1430 / 14 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI., Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir ada urusan kerja)

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji
Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir kerana kurang sihat)

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN):

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat disambung pada jam 2.00 petang

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim,
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat
Negara disambung semula dengan didahului
bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji
Emran bin Haji Kuncang. (Imam Masjid
Jame' Asr Hassanil Bolkih).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua: Sebelum kita memulakan
mesyuarat, iaitu sambungan mesyuarat
sepertimana yang peramba, kaola jelaskan
pada mulanya pembukaan majlis ini dan
menangguhkan pada jam yang waktu kita

bersidang pada tengahari ini, saya
mengharapkan Yang Amat Mulia dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian
berat terhadap kertas-kertas yang akan kita
bincangkan pada petang ini dan seharusnya
Yang Amat Mulia dan Ahli-Ahli Yang
Berhormat akan meneliti kertas-kertas yang
dikemukakan kepada Yang Amat Mulia dan
Ahli-Ahli Yang Berhormat itu, mudah-
mudahan pada persidangan kita hari ini,
akan lebih sempurna dan berjaya
dilaksanakan dengan sebaik-baiknya,
mudah-mudahan dengan daya itu, kita akan
dapat memberi sumbangan yang besar
terhadap raja, negara dan rakyat, demikian
sahaja yang saya dapat sampaikan dalam
mengambil sedikit kesempatan untuk
memberikan ucapan ini, terima kasih.
Seterusnya akan disambung oleh Jurutulis
Majlis Mesyuarat Negara.

Jurutulis: Perkara ke IV, Kertas-Kertas
Yang Akan Dibentangkan Di Atas Meja:
Kertas No: 1 Tahun 2009 yang akan
dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang
Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang
Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri
Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul
Rahman bin Dato Setia Awang Haji
Mohamed Taib:** Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi
Ta'ala Wabarakatuh, Yang Di-Pertua
Dewan, dengan segala hormatnya saya
ingin memohon keizinan kepada Yang

Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja **Kertas No: 1 Tahun 2009** yang bertajuk **Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan Dalam Tahun 2008 Menurut Fasal 83 Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam**. Terima kasih.

Jurutulis: Kertas No: 2 Tahun 2009 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Di-Pertua Dewan dengan segala hormatnya, saya memohon izin Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja **Kertas No: 2 Tahun 2009 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2009/2010**. Terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Yang Amat Mulia dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu cadangan oleh Yang Berhormat tadi telah mendapat sokongan, maka dengan demikian perkara ini boleh dibawa tanpa perbincangan.

Jurutulis: Perkara yang ke V: Soalan-soalan yang telah diberi notis, soalan pertama ialah daripada Yang Berhormat

Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Soalan yang akan saya bawa ialah:-

Pada masa ini penggunaan bas sekolah hanya diberikan lesen sehingga berumur 10 tahun sedangkan ada bas-bas tersebut boleh diguna pakai sehingga 15 tahun saya ingin bertanya, adakah pihak Jabatan Pengangkutan Darat khususnya Lembaga Melesen Bas Sekolah akan mengkaji jangka masa penggunaan dengan memanjangkan hayat penggunaan sebuah bas yang disewa oleh Kementerian Pendidikan untuk mengangkut murid-murid sekolah? Jika ada, bilakah masanya? Dan jika tiada berikan sebab-sebabnya. Sekian Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan, terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman mengenai soalan berkenaan.

Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor adalah berperanan di antaranya untuk mengeluarkan permit bas sekolah bagi memenuhi keperluan Kementerian

Pendidikan dalam perkhidmatan bas sekolah. Dalam hubungan ini Kementerian Pendidikan akan menetapkan jumlah dan jenis bas berkenaan yang akan dilaksanakan melalui tawaran terbuka. Pengusaha bas sekolah yang berjaya akan membuat ikat janji, kontrak dengan Kementerian Pendidikan.

Pada masa ini kelamaan atau tempoh satu-satu ikat janji kontrak yang dipersyaratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan pihak penguasa atau syarikat bas tidak melebihi 10 tahun sahaja. Oleh yang demikian tempoh lesen bas adalah diselaraskan di antara Kementerian Pendidikan dengan pengusaha atau syarikat bas. Tentulah pihak berkenaan telah menimbang dengan teliti asas-asas bagi menetapkan tempoh ikat janji selama 10 tahun itu.

Antara pertimbangan-pertimbangan tersebut adalah:-

1. Bagi memastikan bas sekolah dalam keadaan selamat dan selesa;
2. Mengelakkan kekerapan berlakunya kerosakan kepada bas sekolah berkenaan; dan
3. Menjamin ketepatan waktu sampai ke sekolah dan juga waktu balik dari sekolah agar penuntut-penuntut tidak lewat menghadiri sesi sekolah petang jika sekiranya mereka menghadiri sekolah petang.

4. Pulangan pelaburan.

Yang Di-Pertua Dewan, sungguhpun tempoh lesen bas sekolah ini hanya 10 tahun, pihak Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor menyedari akan hasrat pengusaha untuk melanjutkan lagi perabuaran awal mereka. Yang demikian Lembaga telah memberikan pertimbangan bagi mana-mana bas sekolah yang sudah mencapai 10 tahun atau lebih, bas-bas sekolah berkenaan bolehlah digunakan, selanjutnya sebagai pengangkutan bas sewa khas dengan syarat terlebih dahulu mendapat sijil kelayakan teknikal atau *road certificate worthiness* daripada pihak Jabatan Pengangkutan Darat.

Sijil kelayakan teknikal ini perlu diperbaharui setiap 6 bulan. Dengan memenuhi syarat ini pengusaha bas boleh memohon permit bas sewa khas kepada pihak Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor dengan permit bas khas. Bas berkenaan bolehlah disewakan kepada orang ramai, ejen-ejen pelancongan atau disewakan bagi majlis-majlis perkahwinan dan lain-lain.

Alhamdulillah setakat ini kebanyakan permohonan mendapatkan permit bas sewa khas ini mendapat pertimbangan dari Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin mengongsikan mengenai dengan data yang diterima oleh Kementerian Pendidikan yang pada masa ini terdapat sebanyak 321 buah bas sekolah yang

beroperasi. Namun demikian bas sewa khas masih diperlukan bagi memenuhi kehendak semasa, ini adalah disebabkan pertambahan penuntut sekolah yang menghendaki perkhidmatan tersebut. Saya juga ingin mengongsikan untuk perhatian kita bahawa pada masa ini Kementerian Pendidikan dan Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor sedang meneliti permohonan membarui lesen dan juga lesen-lesen baru, hanya 48 buah bas sekolah yang diperlukan dan permohonan yang diterima ialah sebanyak 703 permohonan bagi hanya mendapatkan hanya 48 buah bas sekolah.

Jadi dalam hubungan ini tentulah barangkali tempoh masa yang telah diberikan selama 10 tahun itu adalah berpatutan, sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang Kedua dari Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Osman bin Uking kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Soalan saya yang kedua ialah mengenai bantuan kepada peladang disebabkan banjir dan tanah susur. Akibat banjir dan tanah susur yang telah berlaku pada akhir bulan Januari awal bulan Februari 2009, banyak peladang-peladang di Daerah Tutong dan Daerah Belait mengalami kerugian disebabkan ladang-ladang mereka seperti ladang padi, sayuran-sayuran dan buah-buahan telah rosak, adakah pihak Kerajaan khususnya Kementerian Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama akan memberi ganti rugi atau bantuan kepada mereka yang terlibat, sekian Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan, peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Bagi menjawab soalan ini, memang ganti rugi dan bantuan akan diberikan kepada mereka mengikut perusahaan yang dijalankan. Bagi perusahaan padi, hasil daripada lawatan yang telah dijalankan, Jabatan Pertanian telah menganggarkan kerosakan sebanyak 20 hingga 30% di Daerah Tutong dan Belait. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian akan menilai jumlah padi yang rosak, dan akan membuat ganti rugi mengikut skim bantuan harga padi yang diguna pakai pada masa ini iaitu \$1.60 sekilogram, bantuan ini akan diberikan selepas musim penuaian padi yang dijangkakan akan selesai pada bulan April ini.

Manakala bagi pengusaha ladang sayuran-sayuran dan buah-buahan, bantuan akan diberikan dalam bentuk bahan keperluan pertanian yang akan dibekalkan secara percuma iaitu biji-biji benih sayuran-sayuran, anak-anak pokok buah-buahan, baja, racun penyakit dan serangga perosak. Bantuan ini juga akan diberikan mengikut penaksiran kerosakan yang terlibat. Untuk

mengurangkan kesan banjir terutama sekali di kawasan-kawasan pertanian yang sering terjejas, Jabatan Pertanian juga akan membuat peningkatan infrastruktur yang mana termasuk pembuatan sistem saluran yang lebih efisien. Memang diakui sektor pertanian adalah satu sektor yang mencabar bukan saja dari segi perniagaan malah jua ancaman yang berpunca dari ancaman bencana alam. Adalah diharapkan dengan dokongan-dokongan serupa ini, kita akan dapat sama-sama menjayakan peningkatan pengeluaran sektor pertanian. Terima kasih.

Jurutulis: Soalan Ketiga dari Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Osman bin Uking soalan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Osman bin Uking: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, soalan saya yang ketiga dari sejak mengenal sistem Tabung Amanah Pekerja bagi menggantikan sistem berpencen bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat selepas tahun 1993, adalah didapati bahawa, manakala mereka telah bersara caruman yang tersimpan melalui TAP tidak cukup bagi menyara mereka di kala sudah bersara, dan tidak ada pendapatan lain kecuali pencen umur tua yang boleh diharapkan, sedangkan bagi mereka yang berkhidmat sebelum tahun 1993 mereka dibayar baksis dan pencen bulanan bagi mereka dalam perkhidmatan berpencen. Menyedari kesusahan yang dihadapi oleh mereka yang terlibat, saya ingin bertanya,

adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem TAP ini dengan mengadakan semula sistem berpencen bagi mengurangkan beban mereka untuk meniti di hari-hari tua, kerana mereka kurang upaya untuk mencari kerja. Sekian Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas keprihatian Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Osman bin Uking.

Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini memang pernah beberapa kali dibangkitkan bukan saja di majlis yang mulia ini malahan di beberapa forum-forum yang lain. Ke arah itulah kajian-kajian terperinci secara berterusan sentiasa dibuat bagi menangani isu ini secara menyeluruh kerana ianya bukan saja melibatkan kesejahteraan warga sektor awam, malahan ianya perlu meliputi juga rakyat dan penduduk negara ini yang bekerja di dalam sektor swasta.

Kajian yang dijalankan bukanlah satu perkara yang mudah kerana skopnya yang amat luas yang bukan hanya melibatkan pihak Kerajaan, tetapi juga kemampuan pihak swasta dan individu sebagai ahli TAP dan penyumbang. Kajian ini dibuat dengan

bantuan Institusi Kewangan Antarabangsa yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam perkara ini.

Berpandukan kepada kajian yang telah dilaksanakan setakat ini, pilihan untuk mengadakan semula sistem berpencen seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat nampaknya tidak akan menjanjikan penyelesaian yang terbaik kepada masalah yang dihadapi pada masa ini. Malahan jika diteliti dengan sehalus-halusnya pilihan mengenalkan semula sistem berpencen akan menimbulkan masalah yang lebih berat kepada negara dalam jangka masa yang panjang.

Antara lainya masalah-masalah dan kesulitan yang akan dihadapi adalah seperti berikut:-

1. Dalam meneliti perkara ini semua pihak perlulah mengambil kira keperluan untuk mengadakan satu skim persaraan yang menyeluruh bagi seluruh rakyat dan penduduk negara ini sebagai satu keselamatan sosial rakyat dan penduduk negara ini pada masa akan datang. Oleh itu skim tersebut tidak sepatutnya terhad kepada pegawai dan kakitangan di sektor awam sahaja, tetapi juga rakyat dan penduduk negara ini yang bekerja di sektor swasta;
2. Bagi pihak kerajaan, pilihan untuk mengenalkan semula sistem berpencen ini dijangka akan membebankan kewangan kerajaan bagi jangka masa

yang panjang dan ianya adalah tidak berdaya tahan ataupun *sustainable*. Ini mengambil kira bilangan kakitangan yang ramai sebanyak 16,834 orang. Ini belum termasuk lagi kakitangan bergaji hari dan *open vote* sebanyak 11,280 jawatan. Dengan jumlah tersebut, kos untuk membiayai bayaran pencen-pencen setentunya akan semakin bertambah tinggi dari setahun ke setahun.

Berdasarkan kajian dan pengalaman di beberapa negara lain yang mempunyai skim berpencen, kos pembiayaan, bayaran pencen-pencen kepada warga yang bersara merupakan salah satu perbelanjaan negara yang sangat besar. Terdapat setengah negara perlu menambah hutangnya bagi membiayai skim ini yang setentunya akan membebankan generasi akan datang yang perlu melunaskan hutang-hutang tersebut.

Bagi Negara Brunei Darussalam, jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi bayaran pencen Tahun Kewangan 2008/2009 iaitu sehingga 28 Februari 2009 ialah sebanyak \$158,676,000.00 manakala pada Tahun Kewangan 2007/2008 ianya berjumlah kira-kira \$160 juta. Jumlah ini belum termasuk perbelanjaan Kerajaan bagi baksis yang masing-masing berjumlah \$104 juta sehingga 28 Februari 2009 bagi Tahun Kewangan 2008/2009 dan \$109 juta bagi Tahun Kewangan 2007/2008; dan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, peruntukan bagi tanggungan bayaran pencen terus menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun.

3. Pilihan untuk mengenalkan semula sistem berpencen adalah bercanggah dan tidak bertepatan dengan usaha-usaha Kerajaan pada masa ini untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi. Secara langsung jika sistem berpencen diberikan semula kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan ianya akan menjadikan peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta bertambah tidak menarik dan para pencari kerja akan terus menumpukan perhatian mereka untuk mendapatkan pekerjaan dengan pihak Kerajaan.

Semasa sistem TAP mula diperkenalkan pada tahun 1990an, salah satu tujuan utama ialah untuk menseimbangkan keistimewaan yang diberikan oleh sektor swasta dengan pihak Kerajaan bagi menggalakkan anak-anak tempatan untuk mendapatkan pekerjaan di sektor swasta.

Pengenalan semula sistem berpencen juga akan menjadi salah satu penghalang kepada pemindahan kerja yakni *job mobility* jika pegawai dan kakitangan sektor awam berhasrat untuk berpindah jawatan ke sektor swasta kerana khuatir akan kehilangan kemudahan berpencen dan bayaran baksis.

Jika sesebuah syarikat di sektor swasta ingin benar menghendaki tenaga kerja dari sektor awam yang berkelayakan, berpengalaman dan berkaliber, syarikat tersebut terpaksa menyediakan pampasan ataupun *compensation* yang tinggi bagi mendapatkannya yang mana setentunya meningkatkan lagi kos perniagaan ataupun *cost of doing business* di negara ini.

Dari maklumat-maklumat yang diperolehi, terdapat *trend* yang menggalakkan di mana bilangan anak-anak tempatan yang bekerja dengan pihak swasta semakin meningkat dan juga pegawai-pegawai Kerajaan berpindah untuk bekerja di sektor swasta bagi menyahut cabaran pekerjaan di sektor berkenaan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sistem berpencen yang masih lagi dinikmati oleh sebahagian pegawai dan kakitangan Kerajaan pada masa ini adalah satu keistimewaan yang diberikan di bawah prinsip yang digelar *define benefit*, yang mana tidak lagi banyak diamalkan pada masa ini.

Rata-rata semua negara sudah berhijrah kepada skim atau tabung yang berkonsepkan *define contribution*, pada mana setiap pekerja dikehendaki membuat sumbangan ataupun tabungan masing-masing dan dibantu sebahagiannya oleh pihak majikan.

Kebanyakan negara mengakui bahawa sistem berpencen adalah tidak berdaya

tahan. Ke arah itulah kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini agar sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan jaminan keselamatan sosial masing-masing semasa persaraan nanti dan mengurangkan penggantungan mereka kepada bantuan kewangan Kerajaan semata-mata.

Melalui langkah-langkah bersepadu dan berterusan pihak Kerajaan dalam meningkatkan kesedaran menabung di kalangan orang ramai telah terdapat sebilangan rakyat dan penduduk yang telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah positif bagi menjaga kesejahteraan dan keselamatan sosial masing-masing bagi menghadapi hari tua.

Di samping itu kita juga perlu menyedari bahawa tahap kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini adalah jauh lebih baik berbanding dengan negara-negara lain. Ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh pihak Kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antaranya termasuklah penyediaan perkhidmatan kesihatan dan persekolahan percuma, perbelanjaan subsidi-subsidi bagi barangan keperluan asasi seperti beras dan gula, minyak kira-kira \$200 juta setahun, bekalan elektrik dengan perbelanjaan kira-kira \$115 juta setahun, air, penyediaan skim perumahan yang bersubsidi berjumlah kira-kira \$40 ribu sehingga \$91 ribu seunit dan lain-lain. Bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan tersebut sudah setentunya

meringankan beban rakyat dan penduduk di negara ini, di mana kos minima keperluan asas negara adalah lebih jauh rendah berbanding dengan kadarnya di negara-negara lain. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang keempat daripada Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad kepada Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan, pihak Kementerian Perhubungan telah membuat kenyataan bahawa satu kajian akan difikirkan terhadap sistem pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam. Memandangkan pertumbuhan kenderaan di Negara Brunei Darussalam begitu cepat dengan pengeluaran kenderaan dianggarkan 1,000 buah kenderaan setiap bulan, jalan-jalan raya akan menjadi sibuk. Jika sistem pengangkutan awam diatur dengan lebih sistematik, adalah dipercayai orang ramai akan dapat membuat pilihan terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan bandar dan kesesakan di jalan raya akan dapat dikurangkan.

Saya ingin bertanya Yang Di-Pertua Dewan, adakah sudah kajian tersebut dibuat, kalau sudah bilakah masanya akan diimplementasikan dan kalau belum apakah yang menghalangnya?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'alahi Wabarakatuh, Bismillahir rahmani irahim. Yang Di- Pertua Dewan, terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad, diatas perhatian dan soalan yang dikemukakan. Kajian terhadap sistem pengangkutan awam sememangnya telah dirancang sebagai salah satu langkah untuk menangani peningkatan kenderaan di Negara ini oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Untuk makluman kita bersama dalam tahun 2008 sebanyak 173,606 buah kereta telah direkodkan membarui lesen kenderaan atau *road tax* dan ini menggambarkan jumlah kereta yang aktif di Negara Brunei Darussalam. Sebenarnya kita sudah ada sistem pengangkutan awam khususnya di Daerah Brunei dan Muara menerusi perkhidmatan bas awam berwarna ungu atau *purple*. Sejak ianya diperkenalkan ia telah dapat menampung keperluan orang ramai tetapi kebanyakannya digunakan oleh pendatang-pendatang luar negeri yang bermastautin di negara ini. Apa yang kita maksudkan dengan sistem pengangkutan awam ialah satu sistem yang dihasratkan akan dapat menjadi pilihan kepada penduduk-penduduk tempatan, orang kitani sendiri dan meliputi kawasan yang lebih luas. Dalam hubungan ini kajian awal atau *preliminary study* mengenai pengangkutan awam telahpun diungkayahkan bagi mengenal pasti bidang-bidang yang menjadi

perhatian atau *areas of concerns* yang perlu dikaji dengan lebih mendalam termasuklah keperluan pengangkutan awam ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *preliminary study* yang pernah dijalankan itu telah dilaksanakan pada bulan November 2006, Bagi tujuan mendapatkan fakta atau *fact finding* terhadap sistem pengangkutan awam di Bandar Seri Begawan. Kajian awal ini telah dilaksanakan oleh satu rombongan dari Negara Jepun mewakili *Ministry of Land Infrastructure and Transport, Japanese Transport Consultancy Association dan Pedicore Limited* dan adalah merupakan satu projek di bawah Kerjasama Asean-Jepun. Kajian awal ini belumlah lengkap. Ia memerlukan kajian yang lebih luas dan terperinci lagi. Jadi berasaskan kajian awal atau *preliminary study* ini adalah menjadi hasrat Jabatan Pengangkutan Darat untuk menyediakan satu plan induk Pengangkutan Darat atau *Land Transport Master Plan* bagi merangkumi pengangkutan awam. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan Kelima seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima Kasih Yang Di-Pertua Dewan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah di mana baginda menekankan supaya usaha-usaha ke arah menambahkan

pengeluaran padi hendaklah diusahakan dan 2 kementerian terlibat telahpun membuat lawatan ke kawasan-kawasan sawah padi di Mukim Labi, Daerah Belait. Di samping itu ada kenyataan bahawa beberapa kajian telahpun dibuat bagi menentukan kesesuaian tanah untuk projek-projek pertanian di seluruh negara:-

1. Apakah hasil kajian-kajian yang dibuat selama ini?
2. Adakah sudah perancangan atau tindakan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan hasil daripada lawatan-lawatan tersebut?

Sekian, Yang Di-Pertua Dewan, Terima Kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan, peramba juga sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

Bagi menjawab soalan pertama, salah satu kajian yang telah dibuat termasuklah projek Konsultansi Penilaian Kesuburan Tanah dan Perkhidmatan Khidmat Nasihat di Negara Brunei Darussalam. Matlamat utama projek yang dikendalikan oleh pihak konsultan dari *Commonwealth Science and Industrial Research Organization*, (CSIRO) ini adalah untuk meningkatkan dan mengumpulkan maklumat saintifik mengenai jenis tanah,

status kesuburan, kesesuaian tanaman dan jenis-jenis baja yang diadakan untuk disesuaikan mengikut jenis tanaman untuk mencapai penghasilan pertanian negara yang maksimum di 27 Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP).

Pihak konsultan telah menghasilkan peta jenis tanah bagi 27 buah Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) yang mengandungi maklumat jenis tanah, sifat-sifat dan kesesuaian tanaman. Buku panduan mengenai 10 jenis tanah utama yang dikenal pasti di negara juga disediakan. Kerja-kerja juga telah dibuat dalam mengenal pasti penghalang utama kemajuan Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti air bertakung, bukit curam dan hakisan, toksik aluminium, kemasaman dan lain-lain sifat fizikal dan kimia tanah.

Hasil kajian ini juga mendapati kewujudan tanah asid sulfat yang meluas dan menyediakan strategi dan panduan pengurusan tanah asid sulfat secara mampan. Dari projek ini juga kaedah pengiraan dan cadangan baja ikut jenis tanaman juga dihasilkan.

Sebelum projek konsultansi yang dikendalikan oleh pihak (CSIRO) ini Jabatan Pertanian juga pernah membuat projek-projek untuk mengenal pasti jenis-jenis tanah dan kesesuaian tanaman iaitu yang dikendalikan oleh *Hunting Technical Services* pada tahun 1958 dan ULG Konsultan pada tahun 1984.

Maklumat yang diperolehi ini adalah berguna untuk perancangan jabatan dan juga akan membantu para usaha ladang untuk memilih bidang usaha tanaman yang bersesuaian dengan jenis tanah yang dimiliki.

Bagi soalan kedua, Mukim Labi khususnya Lot Sengkuang, tambahan seluas 700 hektar akan dimajukan, dan Labi Baru berjumlah 1,000 hektar telah dikenal pasti bagi kawasan yang di tanam padi berskala besar. Dalam perancangan tersebut varieti padi yang akan ditanam ialah sejenis padi atau tuaian berpenghasilan tinggi dan penanaman akan dilakukan sebanyak dua pusingan atau dua tuaian setahun. Di samping itu kerja-kerja pembinaan infrastruktur ladang, seperti parit tali air dan saluran akan dibina bagi menampung keperluan pengurusan air di ladang-ladang tersebut.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Majlis ini juga, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengkaji semua program peningkatan pengeluaran beras negara. Kementerian ini berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran daripada 3.12% sara diri iaitu 9.82 % metrik tan dalam setahun kepada 20% sara diri iaitu kira-kira 6000 metrik tan setahun pada tahun 2010. Dan seterusnya ketahap 60% sara diri iaitu kira-kira 18,000 metrik tan setahun pada tahun 2015. Bagi mencapai sara diri 20% sarahidup iaitu 6,000 metrik ton setahun pada tahun 2010. Empat aspek akan diutamakan:-

1. Penambahan kawasan-kawasan yang sedia ada, iaitu daripada 1,354 hektar dengan pembukaan 4,906 hektar di kawasan baru. Di antara kawasan-kawasan baru yang telah dikenal pasti termasuk Buau di Daerah Belait dalam 2,000 hektar, Kandul di Daerah Belait sebanyak 600 hektar, Labi Baru di Daerah Belait 1,000 hektar dan Limau Manis di Daerah Brunei Muara 300 hektar;
2. Peningkatan infrastruktur ladang termasuk kawasan-kawasan yang sedia ada;
3. Penukaran biji benih dari varieti tradisional kepada varieti padi penghasilan tinggi dan boleh ditanam 2 kali setahun; dan
4. Memberi kursus yang berkaitan kepada kakitangan Jabatan Pertanian dan pengusaha-pengusaha yang akan terlibat.

Bagi mencapai sasaran 60% sara diri kira-kira 18,000 metrik ton setahun pada penghujung tahun 2015 akan memuatkan 3 aspek:-

- i. Kawasan baru tidak akan dibuka tetapi akan ditingkatkan tahap infrastruktur di ladang padi yang sedia ada iaitu seluas 6,260 hektar;

- ii. Penanaman padi penghasilan tinggi dan boleh ditanam 2 kali setahun di semua kawasan ladang; dan
- iii. Meneruskan usaha - usaha peningkatan teknologi dan keupayaan sumber tenaga manusia.

Pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga bekerjasama dengan pihak luar melalui kerjasama di antara kerajaan dengan kerajaan serta dengan pihak swasta bukan saja di bidang peningkatan kepakaran malahan juga penggunaan teknologi terkini dalam pengurusan ladang secara '*mechanisation*'. Jabatan Pertanian juga membeli biji benih padi berkualiti daripada negara luar yang diketahui mempunyai cita rasa dan tekstur yang sesuai dengan permintaan penggunaan untuk penanaman ujian di ladang-ladang yang sedia ada. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang Keenam, oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih. Yang Di-Pertua Dewan. Soalan saya yang seterusnya *Wave Breaker* (pemecah tembok), ialah saya difahamkan satu kajian mengenai dengan hakisan pantai di ibu Negara Brunei Darussalam telah diusahakan. Pantai-pantai terutama sekali di Daerah Belait, kalau tidak dibendung

dengan cepat akan memusnahkan persisiran pantai, bangunan-bangunan dan jalan-jalan di persisiran pantai. Contoh yang baik untuk mengelakkan hakisan pantai ialah dengan adanya '*sea breaker*' seperti di Pantai Jerudong dan Tungku.

Sudah adakah ketetapan yang dibuat dari kajian-kajian tersebut dan jika ada, sudahkah ianya dilaksanakan. Terima Kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim, mula-mula sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, mengenai soalan '*Waves Breaker*' di kawasan Daerah Belait. Pada masa sudah-sudah terdapat kerja-kerja yang sudah dibuat untuk melindungi persisiran pantai Brunei Darussalam termasuk di sepanjang Pantai Serasa, Tanjung Pelumpong, Berakas, Kawasan Sungai Penanjung, Danau, Kuala Lumut dan Kuala Belait. Usaha-usaha ini telahpun diungkayahkan pada beberapa tahun lepas. Beberapa kerja-kerja yang terlibat juga ialah untuk mempertahankan tebing-tebing sungai, seperti Sungai Tutong dan beberapa sungai yang lain yang ada pantai. Kajian Brunei '*Costal Erosion Study*' telahpun siap pada tahun 2005 dan telah mengenal pasti kawasan-kawasan kritikal yang memerlukan perlindungan selanjutnya

akibat dari hakisan tersebut. Mengikut keutamaan beberapa projek-projek kawalan hakisan pantai telahpun dicadang dan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara daripada tahun 2007 hingga ke tahun 2012. 3 projek utama telah dikenal pasti iaitu:-

1. *Protection of Brunei Bluff and Control Beach Erosion at Maragang* atau mempertahankan Brunei *Bluff* di Muara dan pengawalan hakisan pantai di Maragang;
2. *Stabilisation of Tutong River Phase IV* atau menstabilkan Kuala Sungai Tutong fasa IV; dan
3. *Rehabilitation and Costal Protection Works For Pelumpong Spit*. Atau pemulihan semula dan mempertahankan pantai di sekitar Pelumpong *Spit*.

Ketiga-tiga projek ini sekarang adalah dalam perlaksanaan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan firma perunding telahpun dilantik bagi projek-projek tersebut. Kajian telah dibuat juga menanda bahawa sepanjang persisiran Pantai Belait pada masa ini adalah berkeadaan stabil dan tidak ada hakisan yang membimbangkan dikenal pasti di kawasan berkenaan. Oleh yang demikian Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan belumlah bercadang untuk membuat kerja-kerja perlindungan di kawasan tersebut buat pada masa ini kecuali kawasan-kawasan berdekatan dengan Sungai Teraban. Walau

bagaimanapun Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan akan sentiasa dan berterusan memantau seluruh persisiran pantai Brunei bagi mengawal hakisan pantai dan seterusnya melaksanakan kerja-kerja perlindungan jika diperlukan atau jika hakisan baru dikenal pasti. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang ketujuh, oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Perkara yang dibangkitkan ialah Tabung Amanah Pekerja.

Dalam Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyuarakan mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja yang dianggap kurang berjaya terutama sekali bagi kakitangan-kakitangan dalam bahagian iv dan v. Apabila bersara dari perkhidmatan kerajaan mereka mengalami kesukaran keperluan hak asasi dan perbelanjaan sekolah anak-anak mereka sehingga ada yang memohon meminta bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam bagi menampung keperluan hidup sedangkan wang persaraan yang disimpan di TAP digunakan untuk melunaskan hutang perumahan atau kos pembinaan rumah sendiri.

Saya ingin bertanya, adakah sudah perbincangan-perbincangan dan kajian-kajian yang dibuat oleh pihak yang berkenaan mengenai dengan perkara-perkara ini bagi memperbaikinya dan jika ada apakah keputusannya?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas soalan Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad. Nampaknya soalan ini hampir sama dengan soalan yang pertama tadi.

Jadi saya tidak akan berpanjang lebar dalam penjelasan yang akan saya berikan. Seperti yang diterangkan memang pengkajian berterusan dilakukan. Cuma pengkajian ini memakan masa, kerana ianya perlu mengambil kira pelbagai isu-isu yang berkaitan termasuklah penyelarasannya dengan usaha-usaha dan matlamat kerajaan yang berkaitan dengan jaminan sosial semasa persaraan itu nanti. Kajian-kajian yang dijalankan ini memerlukan pengumpulan data-data yang lengkap dan menyeluruh agar hasil kajian-kajian ini akan benar-benar diguna pakai dan dilaksanakan.

Ini termasuklah mengambil kira semua aspek termasuk beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak swasta dan pencampuran itu sendiri, kemampuan

kerajaan dalam jangka masa panjang dan matlamat utama negara untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi mengelakkan pergantungan berterusan kepada sumber hasil minyak dan gas.

Beberapa pilihan atau *option* telah dikaji secara mendalam yang selaras dengan objektif pertumbuhan sektor swasta dan menjadikan lebih menarik lagi lebih ramai lagi belia-belia untuk memilih di sektor tersebut. Seperti yang telah saya terangkan terdahulu dalam meneliti dan mengkaji isu mengenai dengan kepentingan persara-persara, inisiatif-inisiatif yang dipertimbangkan tidak seharusnya hanya memfokus kepada kepentingan pegawai dan kakitangan kerajaan sahaja.

lanya perlu mengambil kira kepentingan semua rakyat dan penduduk termasuk mereka yang bekerja di sektor swasta yang mana semua mereka ini turut memberikan sumbangan penting kepada perkembangan dan kemajuan negara ini. Walau bagaimanapun kita juga perlu menyedari bahawa pemeliharaan kesejahteraan hidup setiap individu setelah mereka bersara nanti tidaklah seharusnya dipertanggungjawabkan di pihak kerajaan semata-mata.

Kita perlu dari awal mengubah sikap dan budaya yang hanya bergantung kepada pihak kerajaan dalam memastikan jaminan keselamatan setelah bersara nanti walaupun berbagai kemudahan-kemudahan lain telahpun disediakan dan dihulurkan oleh kerajaan. Setiap rakyat dan penduduk

di negara ini sama ada yang berkhidmat di sektor awam ataupun swasta malahan yang bekerja sendiri perlulah juga sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan masing-masing terpelihara semasa dalam perkhidmatan dan juga setelah bersara. Ini termasuk menerapkan budaya menyimpan atau menabung yang bukan saja semasa persaraan tetapi juga bagi keperluan yang mendadak yang tidak dijangkakan.

Oleh itu semua pihak terutama belia-belia perlulah diterapkan agar sentiasa mengutamakan perancangan kewangan atau *financial planning* dalam mengatur perbelanjaan harian dengan mengambil kira keperluan masa depan termasuk bagi keperluan apabila telah berkeluarga nanti dan juga membina rumah kediaman masing-masing. Perancangan kewangan ini perlulah dimulakan segera sebaik sahaja mereka ini memasuki alam pekerjaan yang mana dalam hal ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kementerian Kewangan sedang aktif melaksanakan berbagai projek promosi kepada lapisan rakyat dan penduduk negara ini bagi memberikan kesedaran akan pentingnya mereka membuat perancangan kewangan tersebut.

Seperti yang diterangkan awal tadi rakyat dan penduduk di negara ini seharusnya rasa bersyukur kerana sebahagian besar kos kehidupan mereka telah ditanggung oleh kerajaan melalui pemberian subsidi-subsidi yang telah diterangkan terdahulu yang jarang sekali dinikmati oleh penduduk dunia ini.

Insya-Allah kajian ini akan sentiasa diteruskan semata-mata untuk mendapatkan jalan yang terbaik bagi semua pihak. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang kelapan dan sembilan daripada Yang Berhormat, Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan 1 (Elaun Sara hidup).

Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:12/1998 bertarikh 23 Julai 1998 satu Elaun Sara hidup telah dikurniakan bermula 1 Julai 1998 bagi menampung gaji pegawai dan kakitangan terutama sekali yang berpendapatan rendah termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara dan berpencen seperti berikut:-

Bahagian 1, - \$80.00 sebulan,
Bahagian II, - \$100.00 sebulan,
Bahagian III, - \$120.00 sebulan,
Bahagian IV dan Kebawah - \$140.00 sebulan.

Tetapi apabila mereka bersara Elaun Sarahidup ini akan diberhentikan, dan bagi

mereka yang bersara dengan tidak menerima pencen adalah menjadi kesukaran untuk menyara hidup mereka, kerana caruman dan simpanan daripada TAP tidak mencukupi. Saya percaya jika sekiranya Elaun Sara Hidup ini diteruskan dibayar bagi mereka yang tidak berpencen akan sedikit sebanyak mengurangkan bebanan mereka yang terlibat.

Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan akan dapat mempertimbangkan supaya Elaun Sara Hidup yang mereka terima sebelum bersara itu diteruskan dibayar selepas mereka bersara?

Soalan 2.

Mengikut peraturan yang diguna pakai pada masa ini bahawa setiap pegawai dan kakitangan kerajaan yang berpencen, setelah mencapai 70 tahun, mereka akan dibayar pencen penuh iaitu kenaikan 30% dari yang mereka terima, manakala memulakan persaraan mereka pada umur 55 tahun. Oleh kerana masa 15 tahun itu adalah begitu lama, sepatutnya perkara ini dikaji semula untuk mengurangkan dari 70 ke 65 tahun.

Saya ingin tahu adakah kerajaan bersedia untuk menimbangkannya? atau sekurang-kurangnya meneliti peraturan-peraturan yang ada tentang kesesuaian supaya perkara ini dapat dilaksanakan?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbilang banyak terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dalam menimbulkan 2 isu yang telah ditimbulkan tadi.

Saya akan menjawab soalan yang pertama dulu iaitu mengenai dengan Elaun Sara Hidup. Alhamdulillah kita sangat bersyukur kerana pegawai dan kakitangan kerajaan menikmati pelbagai keistimewaan termasuk satu elaun sara hidup bagi menampung perbelanjaan harian mereka. Kita menyedari apa jua bentuk bantuan tambahan yang dihulurkan kepada pesara-pesara setentunya akan dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan sara hidup bagi mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun, kita haruslah juga menyedari bahawa saranan Yang Berhormat di atas tadi hanyalah melibatkan pesara-pesara yang pernah berkhidmat di dalam perkhidmatan kerajaan. Ianya tidak meliputi pesara-pesara yang pernah berkhidmat di sektor swasta. Dalam kita memikirkan usaha untuk menyelesaikan sesuatu masalah kita juga perlulah memastikan bahawa penyelesaian yang dibuat adalah menyeluruh dan meliputi semua rakyat dan penduduk negara ini. Apa jua langkah yang diambil bagi mengatasi suatu perkara perlulah dipastikan tidak akan menimbulkan permasalahan lain yang tidak

dijangkakan. Berdasarkan penelitian yang dibuat beberapa permasalahan akan timbul jika sekiranya elaun sara hidup tersebut diteruskan setelah bersara yang antara lainnya termasuklah;-

1. Pihak kerajaan terpaksa menanggung kos perbelanjaan pembayaran tersebut yang dijangka semakin bertambah pada setiap tahun yang sudah setentunya menambah beban kepada kedudukan fiskal kerajaan lebih-lebih lagi kegawatan ekonomi global yang semakin meruncing pada waktu ini. Jika hasil kerajaan tidak bertambah, pihak kerajaan terpaksa membatalkan atau meniadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang lain yang mungkin lebih utama lagi untuk semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini seperti mengembangkan sumber tenaga manusia atau menyediakan infrastruktur penting bagi pertumbuhan ekonomi negara. Apa yang dikhuatiri langkah sedemikian tidak akan berdaya tahan dan mungkin membebankan kepada generasi-generasi kita yang akan datang.

Untuk makluman, peruntukan tahunan bagi bayaran Elaun Sara Hidup pada masa ini sudah meningkat dengan bertambahnya bilangan pegawai dan kakitangan kerajaan pada setiap tahun. Bagi tahun Kewangan 2007/2008, jumlah perbelanjaan bagi pembayaran Elaun Sara Hidup ialah

kira-kira B\$112 juta iaitu meningkat sebanyak 5.38% dari tahun Kewangan yang lepas iaitu B\$106 juta. Adalah jelas bahawa *trend* perbelanjaan ini akan terus meningkat pada setiap tahun selaras dengan peningkatan jumlah kakitangan awam dan ianya akan semakin meningkat jika ianya dilaratkan kepada bekas anggota perkhidmatan awam yang telah bersara yang mana jumlahnya juga sudah setentunya bertambah dari tahun kesetahun.

Alhamdulillah kita bersyukur bahawa dengan wawasan dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan Penduduk Tetap negara ini yang berusia 60 tahun ke atas telah dikurniakan dengan pencen tua sebanyak \$250 sebulan yang mana kemudahan seperti ini adalah unik bagi negara ini;

2. Jika sekiranya Elaun Sara Hidup tersebut diteruskan ianya akan menambah-burukan lagi masalah yang dihadapi oleh sektor swasta untuk menarik anak-anak tempatan untuk menceburi bidang pekerjaan di dalam sektor tersebut. Pada masa ini selain dari pemberian Elaun Sara Hidup, keistimewaan atau kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan

adalah jauh lebih baik. Misalnya kemudahan - kemudahan yang dihulurkan tersebut antara lainnya termasuklah:-

- i. Pemberian Elaun Kurnia Khas yang mana perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan pada waktu ini ialah kira-kira B\$108 juta setahun.
- ii. Pemberian Elaun Pelajaran sehingga 4 orang anak, untuk itu kerajaan juga perlu menyediakan perbelanjaan sebanyak kira-kira B\$27 juta setahun;
- iii. Kemudahan Pinjaman Perumahan tanpa faedah. Sehingga bulan Februari 2009 jumlah bersih pinjaman yang telah dikeluarkan oleh kerajaan ialah kira-kira sebanyak B\$536 juta. Sebagai perbandingan sahaja jika pinjaman dibuat melalui bank setiap B\$100 ribu pinjaman yang dihulurkan akan dikenakan kadar faedah ataupun keuntungan kira-kira B\$700 sebulan; dan
- iv. Elaun Tambang 3 tahun dan 10 tahun yang mana bayaran yang dibuat dalam tahun Kewangan 2008/2009 sehingga 28 Februari 2009 adalah berjumlah kira-kira B\$45 juta. Malahan kerajaan juga menyediakan kemudahan perumahan bagi sebahagian pegawai dan kakitangan

yang berkecukupan yang mana perbelanjaan sewa bagi kemudahan ini telah melebihi B\$150 juta setahun.

Perkara ini telah menyebabkan bekerja di sektor kerajaan lebih menarik dan tidak seimbang dengan pihak swasta yang menyebabkan kebanyakan anak-anak tempatan kita akan meninggalkan sektor swasta jika mendapat tawaran berkhidmat di sektor kerajaan.

Dalam hubungan ini, kajian terperinci akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi menangani masalah yang dihadapi dengan mengambil pendekatan yang menyeluruh. Saranan saya, buat masa ini ialah bagi rakyat dan penduduk negara ini akan membuat persediaan tambahan secara persendirian dengan membuat perancangan kewangan masing-masing bagi menghadapi hari-hari persaraan sebagai contoh, individu adalah dibenarkan untuk membuat tambahan sumbangan caruman secara sukarela ataupun *voluntary* kepada Tabung Amanah Pekerja melebihi jumlah minima yang ditetapkan bagi meningkatkan jumlah simpanan bagi persaraan nanti. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kewangan dengan kerjasama institusi-institusi negara ini insya-Allah akan mempergiatkan usaha untuk mendedahkan rakyat dan penduduk negara ini bagi meningkatkan kesedaran terhadap keperluan perancangan kewangan sebagai inisiatif ke arah menjamin kehidupan di hari persaraan.

Di samping itu langkah Kementerian Kewangan dalam mengetatkan garis panduan kemudahan pinjaman peribadi dan kad kredit pada tahun 2005 adalah bertujuan untuk mengelakkan rakyat dan penduduk negara ini dari menanggung beban hutang yang berterusan. Ini juga akan membolehkan mereka mengamalkan sikap menabung dengan membuat simpanan bulanan menurut perancangan kewangan mereka.

Mengenai dengan soalan kedua, iaitu pertambahan pencen setelah 70 tahun yang mana cadangan Yang Berhormat tadi, ialah untuk mengkaji bagi mengurangkan umur daripada 70 ke 65 tahun. Sebelum saya memberikan penjelasan pada soalan yang diajukan ini saya sukacita terlebih dahulu ingin mengongsikan saja maklumat mengenai dengan keistimewaan pencen yang dinikmati oleh mereka yang dalam berjawatan berpencen pada masa ini.

Apabila pegawai dan kakitangan yang memegang jawatan berpencen bersara setelah mencapai usia 55 tahun, perkiraan pencen akan dibuat oleh pihak Jabatan Perbendaharaan berdasarkan peraturan-peraturan dan prosedur perkiraan yang berkuat kuasa pada waktu ini. Pegawai atau kakitangan yang di dalam jawatan berpencen akan diberikan 2 pilihan ataupun *option* dalam pengendalian pencen mereka.

Option pertama, pesara boleh memilih untuk menerima bayaran pencen penuh tanpa sebarang potongan mulai dari awal persaraan mereka jika mereka memilih untuk

tidak menerima sebarang bayaran baksis pada awal persaraan mereka atau;

Option kedua, pesara boleh memilih untuk menerima bayaran baksis pada awal persaraan mereka yang mana adalah merupakan bayaran pencen secara pendahuluan yang diperkirakan berdasarkan kepada 25% dari pencen bulanan yang bakal diterima bagi tempoh 15 tahun persaraan. Oleh itu apabila seseorang penerima pencen mencapai tempoh 15 tahun setelah persaraan mereka, pada lazimnya ketika mencapai usia 70 tahun bagi mereka yang bersara apabila berusia 55 tahun, pembayaran pencen bulanan akan dihulurkan pada kadar pencen penuh seperti yang diterima oleh pesara-pesara yang memilih *option* pertama tadi.

Pada kebiasaannya semua pesara berkecenderungan untuk memilih *option* yang kedua di atas kerana ingin menikmati jumlah baksis yang banyak sebagai *reward* peribadi setelah berpuluh-puluh tahun berkhidmat, kerana itu jika seseorang pesara mencapai umur 70 tahun ianya akan menerima pencen penuhnya seperti pilihan yang kedua saya sebutkan tadi. Jika saya dapat benar-benar memahami cadangan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya pilihan atau *option* kedua pada mana tempoh 15 tahun bagi 25% pencen diterima lebih awal sebagai baksis dikurangkan kepada 10 tahun supaya pesara dapat menerima pencen penuh setelah mencapai umur 65 tahun. Implikasi ataupun kesannya daripada

cadangan ini ialah bagi pegawai-pegawai yang bersara pada umur 55 tahun akan menerima jumlah baksis yang lebih rendah daripada yang ditetapkan mengikut perkiraan yang terdapat di dalam Akta Pencen pada masa ini. Cadangan Yang Berhormat tersebut jika dilaksanakan mungkin akan menyulitkan dan menyukarkan pegawai-pegawai yang bersara untuk membuat perancangan-perancangan tertentu. Pada masa ini majoriti yang terlibat setentunya akan memilih untuk menerima jumlah baksis yang lebih tinggi kerana ianya boleh dilaburkan bagi mendapat pulangan yang lebih baik dan sebahagiannya juga dapat digunakan oleh pesara-pesara ini sebagai modal membuka perniagaan atau perkara-perkara yang difikirkan perlu. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang kesepuluh yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba dalam menghadapkan mengenai jalan raya dan jambatan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong. Pada mesyuarat tahun lepas Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyatakan bahawa ada pihak-pihak berkemampuan yang berminat untuk mengadakan kajian

bagi pembinaan jalan raya dan jambatan yang akan menghubungkan Daerah Brunei Muara dengan Daerah Temburong. Peramba, saya ingin tahu adakah sudah dilantik konsultan-konsultan untuk membuat kajian ini. Jika ada sejauh manakah sudah kajian itu berjalan?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan, peramba, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad mengenai perkara ini. Apa yang saya nyatakan pada tahun lepas usaha-usaha untuk mengadakan kajian ini akan dibuat pada tahun ini iaitu tahun lepas. Sebenarnya usaha untuk menjemput pihak yang berminat untuk melaksanakan projek kajian kemungkinan ini telahpun dipanggil pada suku ketiga tahun lepas, tetapi usaha itu secara *expression of interest*, tetapi usaha itu terpaksa digantung kerana perundingan sempadan antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia yang pada masa itu memasuki peringkat yang kritikal. Itu saja yang dapat saya terangkan. Terima kasih.

Jurutulis: Soalan kesebelas dan kedua belas daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin ditangguhkan kepada hari Isnin kerana Menteri yang berkenaan tidak hadir dalam dewan ini. Soalan yang

ketiga belas oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih yang Di-Pertua Dewan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan saya ialah mengenai dengan kegawatan ekonomi ataupun *economic crisis* yang sedang melanda dunia masa ini. Berikutan dengan kegawatan ekonomi yang berpunca dari Amerika Syarikat dan telah merebak ke Eropah serta ke seluruh dunia. Negara-negara Asean juga tidak terkecuali, saya ingin tahu:-

1. Adakah krisis ekonomi yang melanda pada masa ini juga memberi kesan kepada ekonomi negara sebagai misal penurunan pendapatan negara dan adakah pihak swasta di negara ini yang terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja mereka terutama sekali rakyat dan penduduk tetap negara ini?.
2. Adakah pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengelakkan daripada menerima kesan daripada krisis ekonomi yang melanda pada masa ini?. Sekian Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin. Sepertimana kita sedia maklum bahawa kedudukan ekonomi bagi sesebuah negara adalah bergantung pada asas ataupun *fundamental* yang menjadi penjana dalam ekonomi berkenaan. Asas ini adalah berbeza di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain yang mana tidak terkecuali juga bagi Negara Brunei Darussalam. Di antara perbezaan utama dalam asas ekonomi negara berbanding negara-negara lain ialah aktiviti ekonomi negara ini lebih banyak bergantung pada perbelanjaan kerajaan. Di negara lain pula pihak swasta adalah merupakan peneraju dan penyumbang utama pada ekonomi dan juga dalam keluaran dalam negara kasar bagi negara-negara berkenaan. Bagi kebanyakan negara-negara lain kesan dan impak krisis ekonomi global ini telah menjejaskan asas ekonomi negara mereka terutama dari segi keluaran dalam negara kasar. Negara-negara yang mempunyai ekonomi yang terbuka dan bergantung pada eksport nampaknya adalah lebih terjejas oleh kegawatan ekonomi dunia ini. Sebahagian negara juga telah menghadapi aliran keluar kapital ataupun *capital outflow*, yang memaksa mereka untuk menarik dana mereka di negara-negara lain untuk menangani kecairan. Ini telah menjejaskan kadar mata wang negara berkenaan dan memaksa campurtangan-campurtangan

bank-bank pusat bagi menstabilkan kadar pertukaran. Masalah-masalah ini telah menjejaskan sosial sama ada dari segi memelihara dan mengekalkan pekerjaan di negara-negara tersebut, di mana pada ketika ini pembuangan kerja telah semakin meningkat di seluruh dunia. Di samping itu hasil pendapatan kerajaan negara-negara berkenaan juga banyak terjejas yang mengakibatkan defisit belanjawan yang signifikan dan sukar dikawal, ke arah itulah usaha-usaha telah diambil negara-negara berkenaan bagi menangani krisis tersebut terutama bagi mengurangkan impaknya kepada sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara berkenaan.

Bagi Negara Brunei Darussalam kesan krisis ekonomi global ini, Alhamdulillah kurang menjejaskan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini dan seperti mana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis perasmian sesi Kelima Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini tidak dinafikan bahawa kesan krisis tersebut telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada hasil pendapatan negara disebabkan pergantungan kepada pendapatan hasil dari sektor minyak dan gas. Ini kerana selain dari sektor minyak dan gas lain-lain sektor ekonomi negara ini lebih banyak bergantung kepada perbelanjaan kerajaan dalam menjana aktiviti-aktiviti ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara ini. Sektor perbankan dan kewangan di negara ini juga

Alhamdulillah adalah masih kukuh dan mantap di mana aktiviti-aktiviti perbankan dan kewangan berjalan seperti biasa. Ini antara lainnya disebabkan perkara-perkara berikut;-

1. Asas ekonomi negara Alhamdulillah adalah kukuh;
2. Persaraan modal dan kewangan masih di peringkat di permulaan dan tiada bank atau institusi kewangan negara yang mempunyai transaksi ataupun pelaburan dalam *instrument* kewangan yang telah diklasifikasikan sebagai toksik;
3. Institusi kewangan di negara ini juga memiliki modal berbayar dan kecairan yang mencukupi, manakala bank-bank luar yang beroperasi terdiri daripada cawangan-cawangan luar negeri yang sentiasa tertakluk pada penyeliaan pihak-pihak berkuasa negara masing-masing dan Kementerian Kewangan;
4. Negara ini telah mengenalkan perundangan dan peraturan bagi mengukuhkan sektor perbankan dan kewangan di negara ini yang mana selaras dengan piawai antarabangsa dan amalan terbaik; dan
5. Berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang

mengembang luaskan sistem kewangan dan perbankan berlandaskan hukum syarak. Institusi Kewangan Islam di negara ini nampaknya tidak terlibat dengan *instrument-instrument* pelaburan *conventional* yang terjejas.

Mengenai dengan persoalan sama ada terdapat pihak swasta yang terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja apa yang diketahui setakat ini dari maklumat-maklumat dan data-data yang dikumpulkan. Alhamdulillah kita belum mendengar maklumat – maklumat yang menyatakan bahawa peluang pekerjaan di negara ini telah terjejas disebabkan oleh ekonomi pada masa ini.

Walau bagaimanapun kita insya-Allah akan berterusan memantau secara dekat perkembangan dan kesan dari pada masalah ekonomi global yang melanda ketika ini dari masa ke semasa. Mengenai dengan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan ekonomi global ini, perkara ini insya-Allah akan diterangkan secara meluas di dalam pembentangan Kertas Belanjawan Negara tahun Kewangan 2009/2010 ini nanti dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga langkah-langkah yang bakal diambil oleh kerajaan ini akan dapat menjana lebih banyak aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini, memberi peranan kepada sektor swasta dalam sama-sama memangkin aktiviti-aktiviti

ini, meluaskan asas ekonomi dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk terutama anak-anak tempatan di negara ini, insya-Allah.

Apa yang dipohonkan di sini ialah kerjasama semua pihak termasuk dari Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak swasta dan orang ramai untuk sama-sama membantu kerajaan dalam mengambil langkah-langkah meningkatkan dan mengembangmajukan ekonomi negara ini agar ianya akan lebih berdaya-saing dan kukuh dalam menghadapi segala cabaran global pada masa ini. Insya-Allah sekian terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Kita bersidang hampir kepada dua jam maka adalah kaola, saya cadangkan kiranya ahli-ahli bersetuju kita berehat dalam kira-kira 20 minit selepas itu kita bersidang semula.

(Majlis berehat sebentar)

(Majlis persidangan disambung semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula.

Jurutulis: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Persidangan disambung semula, soalan yang telah diberi notis oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin iaitu soalan yang kesebelas kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Di-Pertua, soalan saya yang kesebelas iaitu mengenai dengan penanaman padi. Di Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara pada 4hb. Mac 2008 Kebawah Duli Yang maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain telah bertitah:-

“Sekali sekala beta dapat menyaksikan melalui media bahawa ada pemimpin dan lain-lain pegawai kerajaan sama-sama dengan rakyat turun ke sawah padi. Apakah rumusan kita dari pengalaman ini? Adakah misalnya prasarana persawahan dan perladangan kita sudah mencapai piawaian standard, persawahan dan perladangan yang maju. Jika ya, sudah tentulah galakan perlu diberikan untuk kelangsungan dan peningkatannya. Sementara jika belum maka bimbingan atau tunjuk ajar adalah mustahak”.

Saya ingin tahu:

- i. Apakah penjelasan-penjelasan yang dapat diberikan oleh pihak yang berwajib mengenai dengan titah tersebut?
- ii. Apakah langkah-langkah atau perancangan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menuju

ke arah penanaman padi secara besar-besaran di negara ini? Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin iaitu soalan mengenai dengan penanaman padi. Pada ketika ini memang pengeluaran beras tempatan masih di tahap rendah iaitu pada kadar 3.12% sara diri iaitu 982.9 metrik tan setahun. Manakala 96.9% iaitu 30,259 metrik tan setahun telah diimpot dari luar negara. Ini adalah disebabkan beberapa perkara seperti berikut:-

1. Infrastruktur yang tidak lengkap iaitu dari segi sistem pengaliran parit dan tali air;
2. Jenis atau varieti padi yang ditanam adalah jenis varieti tradisional iaitu pusu, adan dan bario yang mana hanya mampu menghasilkan pengeluaran padi yang rendah iaitu di antara 1 hingga 2 metrik tan sehektar dan hanya boleh ditanam sekali setahun;
3. Keupayaan kapasiti tenaga manusia yang terhad;
4. Tapak-tapak tanah yang mengambil masa untuk dimajukan; dan

5. Kurangnya minat penduduk tempatan di dalam kegiatan penanaman padi akibat penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar untuk merebut peluang mendapatkan mata pencarian lebih menarik.
6. Kos pengeluaran yang tinggi, tidak menjamin keuntungan yang baik.

Dalam pengeluaran beras tempatan terdapat bermacam-macam jenis yang ditanam di negara kitani, jenis padi yang utama ialah pusu, bario dan adan yang telah saya sebutkan. Walaupun ianya digemari oleh penduduk tempatan pukol rata hasil sehektar adalah sangat rendah. Selain dari itu, pokok jenis padi ini adalah lebih tinggi, mudah rebah dan kurang bertindak balas terhadap baja. Jangka matang padi tempatan adalah panjang dari *variety* moden iaitu selama 150 hari. Padi-padi tempatan ini jua hanya boleh ditanam semusim setahun kerana ianya amat peka terhadap potokala atau *photo period sensitive*. Jadi itulah keadaan, penanaman padi yang dapat saya jelaskan. Sebagai menjawab persoalan kedua itu, langkah-langkah yang diambil seperti yang dijelaskan persoalan awal tadi daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Safiee bin Ahmad, Kementerian ini telahpun menyediakan program meningkatkan penghasilan pengeluaran beras tempatan. Jadi program ini bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan tadi. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang kedua belas yang dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang kaya Seri Pahlawan Tudin : Terima kasih Yang Di-Pertua. Soalan saya seterusnya ialah mengenai dengan projek penanaman buah-buahan, yang mana projek penanaman buah-buahan ini ialah salah satu usaha di bidang pertanian.

Jabatan Pertanian telah menganjurkan berbagai projek yang telah diusahakan oleh rakyat. Antara lain:-

- a) Projek penanaman buah-buahan secara berkelompok;
- b) Projek komunal; dan
- c) Projek penanaman secara komersial.

Projek-projek ini antaranya sudah berjalan lebih daripada 20 tahun dan sudah mengeluarkan hasil. Malangnya walaupun ada yang diusahakan dengan baik tetapi ada yang kurang memuaskan dan tidak terpelihara, malahan ada yang menjual ladangnya kepada orang lain. Saya ingin bertanya:-

- i. Apakah matlamat atau tujuan kerajaan mengadakan projek-projek ini?

- ii. Bagaimana cara pemberian tanah bagi projek-projek ini dibuat. Adakah secara TOL, pajakan atau kawasan tanah tersebut disimpan di bawah kawalan dan jagaan Jabatan Pertanian?
- iii. Apakah peraturan atau syarat-syarat yang dikenakan kepada peserta mengenai dengan pemilikan dan pemberian tanah tersebut. Adakah ianya boleh dijual atau disewakan oleh peserta?
- iv. Sejauh ini adakah projek-projek ini berjaya atau sebaliknya? Sekian terima kasih.

Sekian Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, sekali lagi peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa. Dalam projek penanaman buah-buahan dalam kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, kawasan-kawasan itu dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Kawasan Pertanian Luar Bandar ataupun dikenali dengan KPLB dan Kawasan Kemajuan Pertanian yakni KKP.

KPLB atau Kawasan Pertanian Luar Bandar ini, asalnya ialah memandangkan

perkembangan pembukaan tanah secara berluas-luasan tanpa kebenaran bagi kegiatan pertanian yang berlaku pada suatu masa dahulu yang mana inilah merupakan satu perkembangan yang memimbangan dan menimbulkan masalah yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan tanah. Di samping itu juga kawasan-kawasan itu diharapkan akan dapat menambah pendapatan penduduk luar bandar demi meningkatkan tahap kehidupan melalui kegiatan-kegiatan pertanian yang dikendalikan diharapkan secara bersestematik. Dan juga supaya dapat diurus pembukaan dan pengurusan tanah-tanah tersebut supaya ia mengelakkan kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar.

Bagi KKP atau Kawasan Kemajuan Pertanian, matlamatnya ialah untuk menerapkan konsep *Good Argiculture Practices* atau *Good Farming Managment*, bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil dengan menggunakan sistem berteknologi tinggi. Secara komersial ianya juga diharap untuk meningkatkan penggunaan tapak secara aktif serta menggalakkan kumpulan peladangan untuk pemasaran produk dan lebih terjamin dalam pengeluaran hasil dan konsisten, berkualiti dan selamat. Dan untuk meningkatkan usahawan tempatan secara berkumpulan dan membuat perancangan kualiti tambah nilai.

Cara pemberian tanah KPLB atau Kawasan Kemajuan Pertanian Luar Bandar caranya adalah yang pada masa ini berjalan bagi penilaian dua peringkat jawatankuasa, iaitu

peringkat Jawatankuasa Teknikal KPLB di peringkat daerah dan Jawatan Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama.

Pada masa ini tatacara ini sedang dalam proses penilaian. Matlamat proses penilaian ini ialah untuk meningkatkan penghasilan pengeluaran hasil pertanian yang lebih tinggi dengan keluasan tanah yang terhad bersesuaian untuk pertanian. Sementara KKP atau Kawasan Kemajuan Pertanian, proses pemberian tanah pula adalah permohonan itu dihadapkan kepada Pengarah Pertanian berserta cadangan kertas kerja perancangan termasuk aliran kewangan dan permohonan akan diproses melalui jawatankuasa memproses tapak pertanian dan Mesyuarat Perlaksanaan Projek atau PIC. Jadi dua cara dalam proses pemberian tanah tapak-tapak KPLB dan KKP.

Sementara dalam peraturan atau syarat-syarat yang dikenakan kepada peserta mengenai dengan pemilikan dan pemberian tanah seperti apa yang berjalan pada masa ini, syarat-syarat yang dikenakan pada masa ini ialah, penilaian ke atas permohonan tanah akan dihadapkan kepada Jawatankuasa Teknikal di peringkat daerah dan peringkat kebangsaan.

Jadi tanah-tanah tersebut hendaklah di atas tanah kerajaan dan tanah berkenaan hendaklah sesuai dari sudut teknikal untuk perusahaan pertanian dan tanah yang

diperuntukkan itu bukanlah akan menjadi milik koperasi, persatuan atau peserta, tetapi kekal adalah milik agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan.

Sementara KKP syaratnya ialah setiap syarikat yang dibenarkan memiliki tapak dikenakan bayaran mengikut perusahaan yang dijalankan. Tempoh penyewaannya adalah diperbaharui setiap 5 tahun. Setiap tapak yang diberikan keluasan hendaklah diusahakan dalam masa yang diberikan, pemantauan akan dibuat setiap bulan untuk memastikan tapak tersebut diusahakan. Sekiranya tapak berkenaan tidak diusahakan dalam masa yang diberikan Jabatan Pertanian akan mengeluarkan surat peringatan, ini akan dibuat sebanyak tiga kali dan jika tidak ada sebarang perkembangan yang berlaku, sokongan penarikan balik tapak tersebut akan dihadapkan.

Menyentuh mengenai dengan kejayaan projek-projek ini sejauh ini hanya kawasan komersial iaitu Kawasan Kemajuan Pertanian atau KKP yang menunjukkan prestasi yang membanggakan. Manakala KPLB yakni kawasan Pertanian Luar Bandar tidak mencapai pengeluaran yang dihasratkan. Sejauh ini lebih daripada 2660 orang pengusaha atau ahli telah dikenal pasti di dalam KPLB dan mereka ini hanya mencapai produktiviti dalam 2.78 metrik tan seekar dibandingkan dengan pengeluaran purata yang biasa pada taraf 3.7 metrik tan seekar.

Jadi kekurangan pencapaian bagi kawasan-kawasan KPLB ini berpunca daripada isu yang dikenal pasti:-

- i. Ahli kurang memahami konsep berkoperasi;
- ii. kepimpinan koperasi peladang perlu ditingkatkan;
- iii. Peladang sendiri tidak berkomitmen penuh; dan
- iv. Pemberian dan pemantauan tapak tersebut perlu ditingkatkan.

Sekian terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Usul yang telah diberi notis kepada kita yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Yang Di-Pertua Dewan kerana mengizinkan saya membentangkan satu usul yang telah diberi notis. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah saya dahului ucapan syukur kepada Allah Subahahu Wata'ala kerana

dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua serta atas kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat Pertama di Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara sekali lagi dapat bersidang dalam suasana yang penuh mesra, tenang dan penuh harmoni. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam dan seterusnya baginda berkenan mengurniakan titah yang mana Majlis ini menjunjung kasih dengan setinggi-tingginya dan sepenuh-penuhnya adalah menunjukkan bahawa baginda adalah seorang Ketua Negara yang benar-benar mengambil berat akan pentadbiran negara dan kebajikan rakyat di dalamnya,

Yang Di-Pertua Dewan yang arif lagi bijaksana, saya bersama-sama dengan rakan-rakan di sebelah sini menaruh sepenuh kepercayaan akan kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan dalam mengatur perjalanan persidangan kita ini agar ianya dapat berlangsung dengan licin, teratur, dan penuh berkesan. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan itu saya bangun ini adalah untuk mencadangkan satu usul atas nama saya yang berbunyi "**Majlis ini bersetuju meluluskan satu**

usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Khamis dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sepenuh-penuhnya”.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dalam keadaan dunia bergolak dan akan terus bergolak ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah tetap berdiri teguh dan terus tetap berusaha dengan penuh tanggungjawab melaksana pelbagai projek yang meliputi pembangunan infrastruktur, perekonomian, keselamatan, pembangunan sumber tenaga manusia dan perkhidmatan-perkhidmatan demi kehidupan yang berkualiti bagi rakyat dan penduduk negara yang aman makmur dan penuh dengan kesentosaan ini.

Baginda juga telah menekankan bahawa kita semua harus mengambil sikap berhati-hati

kerana impak krisis ekonomi global yang berpunca pengecutan kredit atau “*credit crunch*” yang melanda Amerika Syarikat sedikit sebanyak terpaksa juga dihadapi oleh negara kita ini. Perkara ini telahpun diperkatakan lebih lanjut lagi oleh rakan-rakan kita terdahulu tadi. Apatah lagi dalam keadaan permintaan minyak mentah dunia yang menurun dengan drastik dan menjunam, walau berbagai-bagai usaha telahpun cuba dibuat untuk mempertahankan harga minyak dunia ini. Oleh sebab itu, di dalam kekalutan ekonomi sekarang yang dikatakan lebih teruk daripada keadaan ketika *The Great Depression* 80 tahun yang lalu, maka kita tidak ada pilihan lain melainkan terpaksa menghadapi kenyataan ini dengan dasar dan perancangan pek ekonomi yang bijak dan stimulus bagi memastikan keluaran dalam negeri kasar akan meningkat. Kita semua menjunjung kasih atas tindakan awal yang cekap dan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah memperkenankan penubuhan misalnya *Sustainability Fund* dan Rang Undang-Undang *Sustainability Fund Order* yang akan menjadi sekuriti agar kita terhindar daripada terheret sama ke dalam kancah keperitan *deflasi rentetan* daripada krisis kewangan global ini.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam kita menyahut titah baginda itu kita hendaklah juga mengambil iktibar daripada pergolakan ekonomi dan perkembangan teknologi yang bergerak dengan amat pantas ini. Kadang-kadang tidak tercapai oleh akal kita akan keadaan

yang bakal kita hadapi di masa hadapan dan dalam menghadapi ketidakpastian ini, kita perlu lebih pantas merangka ikhtiar-ikhtiar yang *empirical* supaya sebagai sebuah negara kecil kita tidak akan terpinggir daripada arus perdana kemajuan dunia.

Dalam menyediakan generasi muda yang mampu menghadapi apa jua rupa bentuk perubahan di masa hadapan, program-program pendidikan memainkan peranan yang amat besar untuk mengubah *mindset* ini. Oleh sebab itu program-program pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengasuh dan mempersiapkan generasi muda kita dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan jati diri untuk mereka menjadi lebih kreatif, berdaya tahan dan tidak hanya bersifat menunggu tetapi berani menerokai bidang-bidang yang boleh mewujudkan pekerjaan yang dapat membantu meningkatkan ekonomi mereka dan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, baginda juga mengingatkan tentang kejadian-kejadian yang di luar kawalan dan jangkaan. Kita harus mengakui bahawa dalam suasana kita semakin maju dengan pelbagai pembangunan, kadang-kadang kita alpa hingga membawa kerosakan terhadap bumi tempat tinggal kita ini. Menyedari kesilapan kita itu, maka kita perlu mengimbangi pembangunan dengan alam semulajadi dan semua pihak harus berganding bahu bagi memastikan tempat tinggal kita ini adalah tempat yang selamat

dan selesa untuk generasi kita di masa hadapan.

Pada keseluruhannya, titah baginda itu padat berisi dengan pesanan dan harapan yang wajib kita junjung dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas. Di bahu kita, sebagai ahli sidang majlis yang mulia ini terletak segunung harapan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan seluruh rakyat jelata negeri ini bagi satu kehidupan yang lebih selesa, selamat dan makmur. Oleh sebab itu, sama-samalah kita membuka minda terhadap apa jua isu dan persoalan yang dikemukakan, seterusnya akan memberikan pemikiran-pemikiran dan jawapan jitu terhadap perkara-perkara yang disentuh oleh baginda itu. Kita semua di persidangan ini seharusnya dapat menilai dan meneliti dengan bijak, terperinci dan fokus terhadap hujah-hujah yang dikemukakan agar hasilnya adalah sesuatu yang nyata atau *real* dan boleh diimplementasikan untuk mencapai sasaran yang akan mengekalkan keutuhan dan kemantapan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengucapkan syukur yang berpanjangan kerana kebijaksanaan baginda memerintah negara ini telah membolehkan segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini berterusan hidup dalam keadaan selesa, sentosa dan makmur. Keadaan yang aman damai dan stabil ini akan memangkinkan negara kita untuk mencapai Wawasan 2035 dengan penuh jayanya, dan

apa yang jelas ialah titah baginda itu telah menunjukkan arah dan sasaran untuk negara kita tuju dengan penuh yakin dan penuh tawakal.

Oleh sebab yang demikian, saya sekali lagi mencadangkan usul yang dikemukakan ini akan dapat diterima oleh semua pihak dalam majlis ini. Sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya meminta sokongan sama ada Usul oleh Yang Berhormat itu tadi mendapat sokongan atau tidak. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli menyokong dan mengangkat tangan).

Ternyata banyak sekali yang mengangkat tangan untuk menyokong Usul tersebut, maka ternyata Usul itu dipersetujui oleh Dewan.

Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan kita melihat jam sekarang sudah hampir 5.00 petang dan kebetulan malam ini malam Minggu, oleh kerana memberi peluang kepada ahli-ahli, maka saya tangguhkan majlis ini pada hari Isnin jam 9.30 pagi. Sekian.

(Majlis ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Isnin, 19 Rabiulawal 1430 / 16 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS.,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir
sebelah pagi)**

Yang Berhormat

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi)**

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi)**

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji
Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir
sebelah pagi/petang)**

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN):

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ.,
PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat disambung pada jam 9.30 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim,
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kelima bagi Majlis
Mesyuarat Negara disambung semula bagi
hari yang ketiga dengan mendahului Doa
Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji
Emran bin Haji Kuncang. (Imam Masjid
Jame' Asr Hassanil Bolkiah).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua Dewan: Assalamualaikum
Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh,
Alhamdulillah segala puji bagi Allah
Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah
kurnia-Nya jua kita dapat meneruskan

permesyuaratan pada hari ini. Yang Amat
Mulia dan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada
hari Sabtu, 14 Mac 2009, Yang Berhormat
Menteri Pendidikan telahpun membawa Usul
untuk menjunjung kasih ke atas
Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan
seterusnya mengurniakan titah yang begitu
indah dan nasihat di dalam majlis ini.
Nampaknya usul Yang Berhormat itu
telahpun ada sokongan. Maka dengan hal
yang demikian untuk membolehkan Ahli-Ahli
Yang Berhormat, yang ingin membahaskan
usul tersebut maka saya sukacita
memberikan peluang bagi Ahli-Ahli Yang
Berhormat mengemukakan perbahasan
dengan sebaik-baiknya sepertimana
lazimnya, iaitu penuh dengan tatatertib
mengikut peraturan permesyuaratan dan
mudah-mudahan perjalanan permesyuaratan
dalam membincangkan usul ini berjaya
dilaksanakan dengan sebaik-baiknya
sebelum kita membincangkan Rang Undang-
Undang. Sekarang saya bukakan majlis ini
untuk perbahasan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya
Awang Haji Othman bin Uking:** Terima
kasih Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat serta para hadirin sekalian.
Yang Di-Pertua Dewan, saya menyokong
Usul yang dicadang oleh Yang Berhormat
Pehin Menteri Pendidikan terhadap
menjunjung kasih Kehadapan Majlis
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda dan mengurniakan titah dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat pada 12 Mac 2009 yang lalu, menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Duli Yang Maha Mulia dari tuan patek. Dalam hubungan ini saya sukacita mengambil peluang untuk merumus sebahagian dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang lalu.

Yang Di-Pertua Dewan, setelah mencapai kemerdekaan dalam masa selama 25 tahun, selaras dengan tema menyambut Ulang tahun Hari Kebangsaan pada 23 Februari 2009 yang lalu berbunyi "Kedewasaan Bernegara". Perkara ini telah disentuh dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pembukaan rasmi permesyuratan kali ini iaitu kali kelima dalam dewan ini pada 12 Mac 2009. Pada pendapat saya walaupun kita baru merdeka dan seandainya dibandingkan dengan kehidupan seseorang insan ianya bererti baru masuk dalam alam dewasa bermakna belum matang dalam soal-soal kehidupan sejagat.

Yang Di-Pertua Majlis, setelah negara kita mencapai kemerdekaan berbagai-bagai ujian telah dialami termasuk ujian-ujian berat seperti krisis ekonomi global yang sedang melanda seluruh dunia pada masa ini.

Di negara-negara luar ramai pekerja-pekerja telah hilang mata pencarian mereka, ini akan menyebabkan kemungkinan menimbulkan berbagai-bagai masalah lain, termasuklah masalah-masalah sosial yang lebih teruk. Alhamdulillah kita di Brunei bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara kita Brunei Darussalam walaupun baru dewasa tetapi ternyata kematangan dan kemantapannya dalam menangani krisis ekonomi global telah berjaya dan terselamat mampu mengurus diri dengan cara yang terbaik.

Yang Di-Pertua Majlis kejayaan dalam menangani krisis ekonomi global ini adalah di atas kebijaksanaan dan kepimpinan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri, yang mana secara langsung membawa keadaan sosial ekonomi negara dalam keadaan stabil dan kukuh. Keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini seharusnya berasa bersyukur dan gembira apabila menerima berita melalui Titah dari Duli Yang Maha Mulia sendiri yang secara tidak langsung menjamin kedudukan sosial dan ekonomi akan berjalan seperti biasa yang ada sekarang atau tidak terganggu, insya-Allah.

Yang Di-Pertua Majlis, dalam kejadian baru-baru ini berlaku banjir dan tanah susur, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bercemar Duli dengan turut serta turun padang untuk menyaksikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan-kawasan yang terlibat banjir dan

tanah susur ataupun tanah runtuh. Dengan keprihatian kerajaan baginda dan orang ramai mangsa-mangsa banjir telah menerima bantuan makanan dan kewangan, dengan bantuan ini adalah diharapkan akan membantu mengurangkan bebanan mereka yang terlibat dalam bencana tersebut. Dan kita mengucap menjunjung kasih setinggi-tingginya ke atas keprihatian baginda. Menjunjung kasih.

Yang Di-Pertua Majlis, dalam pada itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan Peruntukan Khas sebanyak \$30 juta Brunei untuk tujuan pemeliharaan kenaikan taraf infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam. Dengan berlakunya banjir dan tanah susur baru-baru ini saya yakin pihak-pihak berkenaan sudah tentu melihat sendiri dan mengenal pasti tempat-tempat yang menghalang perhubungan laluan mereka yang berkenaan di kawasan yang terlibat banjir terutama sekali di Daerah Tutong dan Belait.

Dengan Peruntukan Khas itu sepertimana harapan titah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya mempercepatkan usaha-usaha atau langkah-langkah bagi memperbaiki dan menaik taraf dan pembaikan terutama bagi jalan-jalan raya yang masih rendah dan mudah ditenggelami air apabila ada hujan lebat. Kepada mereka yang berkenaan, rakyat menaruh harapan supaya mereka ini akan dapat melaksanakan tanggungjawab

mereka masing-masing dengan jujur dan amanah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat semata-mata kerana Allah jua. Sekian Yang Di-Pertua Dewan, terima kasih menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Di-Pertua Dewan, peramba memohonkan supaya persidangan ini peramba bolehlah menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan.

Untuk makluman Yang Di-Pertua Dewan, pada tahun 1970, ada sebahagian Yang Berhormat telahpun menggunakan bahasa Inggeris seperti *State Financial Officer*, John Lee dan *Attorney General*, Mr. Talog Davis. Peramba memohonkan supaya permohonan peramba ini bolehlah dipertimbangkan. Junjung kasih.

Yang Di-Pertua Dewan, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba ingin mengucapkan terima kasih dan menyokong sepenuh-penuhnya Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara pada 12 Mac 2009, hari Khamis yang lalu. Usul ini telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan jelas.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan mesej yang jelas kepada rakyat Brunei termasuklah Menteri-Menteri Kabinet

dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang kita sedia maklum, dunia mengalami perubahan krisis global telah melanda dunia ini seperti Amerika, Europe, Korea, China, Jepun dan Asia Tenggara. Berjuta-juta orang pekerja telah diberhentikan, kilang-kilang ditutup dan merupakan krisis global yang paling teruk pernah berlaku sepanjang 80 tahun.

Namun syukurlah, berkat kebijaksanaan dan kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kita di Brunei belum merasa impaknya tetapi kita perlulah bersedia untuk berhadapan dengan krisis global ini. Kita juga perlu berbelanja secara berhemat dan mengelakkan pembaziran ataupun *mis-spent*.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menubuhkan sebuah dana iaitu *Sustainability Fund Order*. Ini merupakan satu strategi yang bagus untuk jangka masa panjang dan haruslah dihargai oleh semua rakyat Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menyampaikan satu peruntukan khas sebanyak B\$30 juta untuk membaiki kawasan yang terjejas akibat banjir dan tanah susur, juga untuk mengelakkan dari berlaku lagi pada masa-masa akan datang.

Yang Di-Pertua Dewan, semua ini adalah kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan

rakyatnya. Saya sangat berharap peruntukan ini akan digunakan dengan baik dan sempurna. Junjung kasih Pengiran.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menggabungkan diri bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan bagi menyebarkan menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara di Musim Permesyuaratan Yang Kelima ini dan di atas kurnia titah Baginda di majlis perasmian tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan, Insya-Allah permesyuaratan kita ini akan dapat serba sedikit mencetuskan idea-idea baru lagi bernas sebagaimana yang dititahkan dan diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Titah Baginda yang menyentuh berbagai-bagai aspek itu adalah bernas dan penuh dengan kata-kata nasihat, pengajaran dan pandangan yang jauh ke hadapan untuk kabaikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini.

Alhamdulillah, dengan berkat dan kebijaksanaan kepimpinan baginda memerintah negara ini melalui sistem yang ada telah membuktikan pencapaian yang membawa negara ini boleh menikmati berbagai kebajikan dan kemakmuran yang melebihi orang lain dan juga dapat mengekalkan keamanan dan ketenteraman lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia yang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi global ini.

Krisis ekonomi dunia kali ini yang paling parah sejak 80 tahun yang lampau. Walau bagaimanapun, negara kitani *Government Driven Economy* yang mana bergantung kepada harga pasaran minyak sebagai hasil pendapatan negara. Alhamdulillah, buat masa ini kita masih boleh bertahan dan meneruskan pembangunan negara melalui Peruntukan RKN – Rancangan Kemajuan Negara dan belum lagi memerlukan *stimulus package* seperti yang sedang berlaku di negara-negara lain.

Kita juga sudah dapat mencapai dan baru-baru ini kita telah dapat meraikan Jubli Perak Kemerdekaan Negara dengan tema “Kedewasaan Bernegara”. Justeru itu juga baginda juga mengingatkan supaya kita

perluah berusaha dengan lebih bijak dalam berbelanja dan mengelakkan segala bentuk pembaziran dan mengutamakan aktiviti-aktiviti ekonomi serta membuat persediaan untuk boleh bersaing di masa depan.

Ke arah itu, baginda juga telah memperkenankan penubuhan sebuah dana yang dipanggil *Sustainability Fund* di mana pengurusannya di bawah Rang Undang-Undang *Sustainability Fund Order* yang juga telah baginda perkenankan.

Sebagai seorang raja yang prihatin terhadap kepentingan rakyat dan negara, baginda juga telah memperkenankan peruntukan berjumlah sebanyak B\$30 juta untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha atau langkah-langkah pembaikan, pemeliharaan dan meningkatkan taraf *infrastructure* dan kemudahan awam sebagai tindakan padu setelah baru-baru ini negara kita dilanda oleh satu fenomena bencana alam seperti banjir dan tanah susur yang menjejaskan sejumlah besar rakyat dan penduduk negara ini.

Sekali lagi baginda memperingatkan dan memberikan kepercayaan kepada kita Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya akan dapat memberikan perhatian sepenuhnya terhadap perkara-perkara di atas untuk kebajikan rakyat dan negara. Baginda juga menekankan bahawa tindakan segera dan tegas oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan juga dikehendaki untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing tanpa berlengah-lengah. Insya-Allah, dengan

kerjasama yang dapat kita berikan nanti kelak akan memudahkan kita mencapai Wawasan Negara 2035.

Yang Di-Pertua Dewan, sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu. Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas peluang diberi kepada saya berucap dimajlis ini bagi menyatakan sokongan saya pada usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bagi menyembah sepenuh-penuhnya menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda pada hari Khamis 12hb March 2009 dan di atas titah Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih sepenuh-penuhnya.

Yang Di-Pertua Dewan, saya hanya akan menyentuh dengan ringkasnya harapan-harapan baginda dalam titah baginda dan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang tertentu serta mengambil apa jua tindakan yang bersesuaian.

Pertama, baginda berharap persidangan ini boleh menimbulkan idea-idea yang baru lagi bernas bagi membantu kerajaan untuk merancang strategi pembangunan yang diperlukan. Ianya adalah satu arena yang mampu melahirkan pemikiran-pemikiran yang baru untuk pembangunan negara. Juga baginda berharap ianya juga dapat mewujudkan imej terbaik tentang sistem kita, ianya akan dapat menimbulkan satu persepsi atau satu anggapan bahawa sistem kita adalah satu sistem yang lebih cemerlang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyentuh mengenai dengan krisis ekonomi global yang muram dan teruk. Pendapatan kerajaan yang sedikit terjejas disebabkan harga minyak jatuh.

Baginda memperingatkan supaya ianya dihadapi dengan bijak dalam berbelanja dan elakkan pembaziran. Baginda juga menyeru supaya dikemaskinikan rangkaian *infrastructure* dan memperingatkan agensi-agensi yang berkenaan untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan tidak berlengah-lengah lagi. Mengenai dengan projek-projek yang tergendala perlaksanaannya supaya diadakan kajian

yang terperinci akan puncanya untuk mengatasinya.

Akhirnya khusus kepada kita Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Majlis yang mulia ini, baginda menyeru demi kebajikan rakyat dan negara kita sepatutnyalah jangan takut-takut, atau malu dan ragu.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima Kasih Yang Di-Pertua, Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bergabung terus kepada usul Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mana usul tersebut merangkumi apa yang di titahkan oleh Kebawah Duli Yang Mulia. Walau bagaimanapun sukacita saya menambah serba sedikit apa yang dititahkan. Saya sesungguhnya menjunjung kasih apa jua yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara, pada 15 Rabiulawal 1430 bersamaan 12 Mac 2009, hari Khamis.

Yang Di-Pertua Dewan, pada memperkatakan kurnia titah Kebawah Duli Yang Mulia yang begitu padat, bernas melonjakkan beberapa sasaran yang menitik beratkan pembangunan negara, kebajikan serta mencetuskan idea-idea yang baru.

Yang Kedua, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam begitu unik kerana sistem pemerintah yang ada sekarang mampu mengekalkan keamanan, keselamatan, kesejahteraan, kebajikan dan sebagainya. Saya penuh yakin bahawa sistem ini dengan izin Allah jua akan dapat dipertahankan.

Yang Ketiga, fenomena yang luarbiasa melanda negara ini, iaitu banjir dan tanah susur yang mana baginda sendiri turun padang dan bercemar duli ke Mukim Tanjung Maya pada 10 Februari 2009 meninjau dan melihat sendiri dan berjumpa kepada mereka yang terlibat dengan begitu mesra. Ini bererti bahawa baginda mengambil perhatian mendalam akan keadaan ini.

Yang Di-Pertua Dewan, di samping itu baginda juga bertitah bahawa bantuan-bantuan disumbangkan, selain dari itu peruntukan ke arah ini juga disediakan apa jua baginda harapkan bahawa agensi-agensi kerajaan akan mengatasi masalah banjir dan tanah susur. Sebelum baginda mengakhiri titah baginda menekankan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak akan terlepas pandang pada kebajikan rakyat dan pembangunan negara dengan beberapa

rangkaian kata seperti tanpa takut-takut, malu-malu dan ragu. Kalau kita terjemahkan kata-kata hikmah ini sesungguhnya begitu luas maknanya, apa tidak sepertimana peribahasa Melayu, “takut kerana salah”, “berani kerana benar”, “malu berkayuh perahu hanyut”, “malu bertanya sesat jalan” dan ragu-ragu ini sesungguhnya kita jangan was-was. Sekian Yang Di-Pertua, Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan Yang Di-Pertua Dewan bagi saya berucap di majlis ini.

Saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda bercemar duli dan atas titah baginda sempena pembukaan Resmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima bagi Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam titah baginda itu adalah jelas bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, ialah forum yang sesuai untuk menyampaikan pemikiran-pemikiran baru untuk sama-sama dibincangkan demi

kepentingan negara ke arah pembangunan yang dihasratkan bagi menjamin kemakmuran negara supaya akan berterusan dapat dinikmati oleh rakyat di negara ini.

Sistem pemerintahan negara kita masa ini, dengan konsepnya Melayu Islam Beraja, adalah terbukti dan teruji sebagai yang terbaik dan sesuai bagi negara kita, Negara Brunei Darussalam. Sistem pemerintahan yang kita amalkan ini telah menjadikan negara kita sebagai negara yang aman makmur, tenteram dan bahagia dari dahulu hingga sekarang. Semasa krisis ekonomi dunia masa ini yang telah merebak ke seluruh dunia, Alhamdulillah negara kita terus bertahan dalam keadaan stabil dan kukuh.

Semua ini adalah berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda serta sokongan dan dokongan rakyat negara ini keseluruhannya.

Di penghujung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, baginda telah menyebut beberapa masalah pengendalian projek-projek kerajaan yang perlu dikaji dan diatasi. Baginda menginginkan supaya perkara-perkara seperti ini akan dapat diberi perhatian secukupnya terutama sekali yang berkaitan dengan kebajikan rakyat dan negara.

Sehubungan dengan titah baginda ini, maka adalah wajar Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini diberi peluang yang secukupnya untuk menghadapi perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara ini di persidangan ini.

Sekian Yang Di-Pertua. Terima Kasih. Wabillahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmannir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbilang-banyak terima kasih di atas kesempatan ini. Izinkan saya juga menggabungkan diri saya untuk sama-sama menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Iaitu menyembahkan dengan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima

Majlis Mesyuarat Negara tahun 2009 dan di atas kurnia titah baginda di Majlis perasmian itu.

Yang Dipertua Dewan, kurnia titah perasmian baginda adalah padat dengan sasaran-sasaran matlamat yang jauh pandangan demi untuk kepentingan kemakmuran dan kesejahteraan dan keamanan negara dan seluruh rakyat. Titah Baginda itu sangat tinggi nilainya bukan sahaja untuk diamat-amati khusus oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan ini, tetapi juga pihak-pihak yang berkenaan dan lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Di antara lain baginda ada bertitah supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjadikan persidangan ini sebagai wadah untuk mencetuskan idea-idea yang baru lagi bernas bagi membantu kerajaan baginda untuk melakar strategi-strategi pembangunan yang diperlukan. Baginda juga bertitah perihal projek-projek yang terbelengkalai yang perlu dipercepatkan. Kajian-kajian perlu dibuat untuk mencari jawapan, kenapa ianya terhenti dan mungkin penyebab, penyumbang kepada banjir besar. Baginda seterusnya bertitah agar Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak akan lepas pandang begitu sahaja terhadap perkara-perkara seumpama ini, tetapi akan memberikan perhatian secukupnya kepada apa-apa yang menyangkut dengan kebajikan rakyat dan negara tanpa takut-takut atau malu-malu dan ragu.

Yang Di-Pertua Dewan, jika pihak kami diberi peluang yang secukupnya nsya-Allah, kami akan menimbulkan perkara-perkara ini dalam permesyuaratan kita pada kali ini.

Alhamdulillah dengan kebijaksanaan baginda menerajui kepimpinan negara ini dengan sistem yang ada telah membuktikan keupayaan yang dapat membawa negara ini menikmati berbagai kebajikan melebihi dari negara-negara lain. Di samping Negara Brunei Darussalam telah mengekalkan kemakmuran menikmati keamanan dan ketenteraman yang sungguh-sungguh sukar diperolehi khasnya, di mana akhir-akhir ini oleh negara lain. Baginda juga bertitah krisis ekonomi global yang melanda dunia pada ketika ini telah merambat ke seluruh padat tanpa memilih-memilih. Alhamdulillah, sosio ekonomi Negara Brunei Darussalam masih terus berkedudukan stabil dan kukuh. Walaupun pendapatan kerajaan baginda sedikit terjejas disebabkan penurunan harga pasaran minyak global.

Kemampuan negara ini bertahan adalah dasar dan sikap kerajaan baginda berbelanja secara berhemah ditambah lagi dengan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi negara yang tidak bergantung kepada hutang (*debt*). Penggantungan kepada hutang telah menjerumuskan banyak negara ke jurang kemiskinan. Negara Brunei Darussalam perlulah lebih bijak dalam berbelanja termasuk mengelakkan pembaziran. Kerajaan amat perlu membanyakkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan tidak lupa merancang

langkah-langkah untuk menghadapi saingan apabila ekonomi dunia pulih nanti, titah baginda.

Penubuhan Dana '*Sustainable Fund*', yang disokong oleh '*Sustainability Fund Order*' yang berkuatkuasa pada 11 Mac 2009, memang kena pada tempatnya dan satu usaha yang bijak. Kita selaku rakyat di negara ini, marilah sama-sama menyokong tanggungjawab kita untuk mencapai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan tunjukkanlah kedewasaan kita sebagai sebuah negara yang telah merdeka selama 25 tahun.

Di kesempatan ini juga saya ingin menyembahkan sepuh-puhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas lawatan baginda bercemar duli melawat kawasan-kawasan banjir dan tanah susur di beberapa tempat baru-baru ini. Ini membuktikan keprhatian baginda terhadap kesejahteraan rakyat di negara ini. Sekian Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmannir Rahim.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya terlebih dahulu menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menggabungkan diri bagi bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan setinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara 2009 dan di atas kurnia titah baginda di Majlis Perasmian pada hari khamis yang lalu.

Yang Di-Pertuan Dewan, kurnia titah perasmian baginda yang mana menarik perhatian persidangan dan rakyat, menghasilkan pemikiran yang membina yang mana untuk menyumbang rancangan kerajaan yang boleh menjana imej yang membanggakan. Setentunya kita tetap mempertahankan kemakmuran yang diamalkan dan tidak dimiliki oleh orang lain dengan kedudukan yang baik dalam mencapai dan mampu menjana diri yang dinamik dalam krisis global yang melanda dunia, termasuk negara kita yang tidak terjejas walaupun dalam kegawatan ekonomi dunia yang menempuh perubahan yang besar hingga ada yang memberhentikan puluhan juta pekerjaanya.

Alhamdulillah, sosial ekonomi negara kita dapat dipertahankan, kekukuhan negara kita masih mampu kerana dasar dan cara perbelajaan lagi berhemah dan amalan yang tidak menanggung hutang serta mengelakkan daripada pembaziran yang berlebihan. Di samping cara yang tidak jemu berusaha dan aktiviti-aktiviti yang boleh menjana ekonomi yang dipelbagaikan.

Yang Di-Pertua Dewan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan untuk menubuhkan sebuah dana yang berkuat kuasa pada 11 Mac 2008 yang lalu, dapat menangani keperluan dari kejadian yang berlaku seperti kejadian yang mengejutkan dan menimpa di negara baru-baru ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia turun padang bagi menyaksikan sendiri di Kampong Mulaut, Mukim Sengkurong dan ini benar-benar menampakkan keprihatinan baginda yang sukar dicari di rantau ini.

Peruntukan yang disediakan yang khusus berjumlah B\$30 juta untuk langkah-langkah yang cepat, untuk membaikpulih infrastruktur dan kemudahan awam. Baginda juga menekankan agar projek-projek kerajaan yang tergendala dan terhenti sepenuhnya untuk dikendalikan dengan cepat. Kita menyambut baik titah baginda agar meningkatkan langkah-langkah yang lebih berkesan supaya aktiviti-aktiviti dan projek dapat diteruskan dengan lancar, mengorak langkah yang lebih mencabar dan positif serta yang penting agar tidak terlepas pandang terhadap perkara-perkara yang

perlu diberikan pemantauan yang wajar terhadap kebajikan rakyat dan penduduk. Walau apa-apa jua yang menyangkut dengan kebajikan rakyat dan negara supaya diberikan perhatian dan pemedulian yang sama tanpa takut-takut dan malu-malu dan ragu. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullhi Wabarakatuh

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, pertama-pertama saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana memberikan kesempatan untuk saya berucap di majlis pada pagi ini. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, saya dengan hati jernih lagi ikhlas sukacita menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dilafazkan oleh baginda pada hari perasmian Majlis Mesyuarat Negara pada 12 Mac 2009 yang baru lalu.

Secara peribadi, saya berpendapat bahawa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah sungguh jelas dan nyata serta amat ikhlas dalam mengingatkan, menegur serta memberi saranan kepada kita semua terutama

perkara-perkara yang sudah berlaku, yang sedang berlaku, mahupun yang akan berlaku dalam krisis ekonomi dunia, bencana alam dan juga sikap dan cara kita menanganinya.

Mesej yang amat penting yang perlu kita ingati dan kita laksanakan secepat mungkin ialah kerja-kerja yang terbengkalai dan yang belum selesai. Yang Di-Pertua Dewan, izinkan saya mengimbas kembali akan sebahagian titah baginda "beta melihat masih banyak kerja-kerja terbengkalai yang perlu dipercepat, setengah projek itu baru saja berjalan, tiba-tiba berhenti. mengapa ia terhenti?, dimanakah salahnya? Apa ini tidak mungkin menjadi salah satu sebab penyumbang kepada belanja besar, semua itu memerlukan kajian dan jawapan untuk mengatasinya." Dan seterusnya baginda mengingatkan kita supaya tidak terlepas pandang dan akan memberi perhatian secukupnya kepada apa jua, memberi perhatian secukupnya kepada apa jua perkara-perkara yang bersangkutan dengan kebajikan dan rakyat dan negara.

Kita memang patut menjunjung kasih terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kemurahan hati baginda memperkenalkan penubuhan sebuah dana yang dipanggil *Sustainability Fund* dan rang undang-undang *Sustainability Fund Order* dan satu peruntukan khusus berjumlah B\$30 juta untuk mempercepatkan usaha dan langkah-langkah pembaikan infrastruktur-

infrastruktur yang terjejas akibat bencana alam yang kita alami baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Dewan, saya sangat-sangat menjunjung tinggi akan harapan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dan selaku Ahli Yang Berhormat, saya akan berusaha menjadikan persidangan ini sebagai wadah untuk mencetuskan pemikiran-pemikiran yang baru dan termampu, membantu pihak kerajaan untuk kebajikan rakyat dan negara tanpa takut-takut, malu-malu dan ragu.

Kami memohon apa jua permasalahan-permasalahan dan isu-isu yang dibawa ke Majlis ini akan dapat di *respond* dengan sebaiknya agar rakyat dapat mendengar dengan sepenuhnya. Insya-Allah kerana ketentuan itu semuanya datang dari Allah s.w.t.

Sekian saja yang dapat saya sampaikan dalam menyokong cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, saya sudahi dengan Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmannir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu

Wassalamuu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabbarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan peluang yang diberikan ini disertai dengan hati yang penuh tulus ikhlas menggabungkan diri peramba dalam menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda di Dewan Majlis yang indah ini pada hari Khamis, bertarikh 15 Rabiulawal 1430 bersamaan 12 Mac 2009 semasa Pembukaan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya mengurniakan titah.

Yang Di-Pertua Dewan, kalau kita melihat dalam keseluruhan titah baginda itu telah menunjukkan satu pentadbiran yang mantap dan utuh dan betapa keprihatinan mendalam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, demi kesejahteraan rakyat di bawah naungan dan pemerintahan baginda. Pandangan jauh baginda adalah dari segi menjaga kebajikan, keharmonian, keselamatan, sosio-budaya rakyat dan generasi yang akan datang. Dan satu lagi langkah terbaru bagi memastikan kelicinan pentadbiran negara baginda telah memperkenalkan penubuhan sebuah dana dipanggil *sustainability fund* di bawah Kementerian Kewangan. Ini adalah menandakan satu penjimatan kewangan negara demi mengukuhkan perbelanjaan kerajaan baginda. Kita amat menyanjung tinggi di atas perkenan tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam titah baginda juga ada disebutkan mengenai kegawatan ekonomi dunia ketika ini dan ramalan mengenainya di masa mendatang. Negara kita dengan sistem pentadbiran ekonomi serta pendapatan dari hasil minyak yang ada, mampu menangani krisis tersebut, kita perlu berubah dan perlu membuat perubahan seperti mengurangkan bergantung kepada 100% hasil gas dan minyak mentah, meneroka dan menyertai peluang-peluang aktiviti dan pelaburan-pelaburan perekonomian di negara-negara yang membangun dan yang paling asas sekali mampu mengeluarkan dan menampung sekurang-kurangnya 50% keperluan-keperluan negara kepada makanan asasi seperti beras, gula, ikan, daging dan sayur-sayuran.

Sekian Yang Di-Pertua Dewan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya tidak akan dapat berucap banyak-banyak lagi ucapan, sebab sepanjang yang saya dengar. 10 orang wakil di sebelah sini semuanya menyokong dengan mengulang balik apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah perintah baginda di Majlis Mesyuarat yang ada pada hari ini.

Saya hanya Yang Di-Pertua Dewan di sini berdiri ingin menyampirkan diri bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyokong titah baginda yang telahpun dengan panjang lebar dan cukup sempurna bunyinya dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya sepenuh-penuhnya bersama-sama dengan mereka dan bersama menyokong hanya berharap apa jua yang dipinta, apa jua yang dikatakan oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, di majlis ini akan mendapat perhatian kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Jadi mudah-mudahan dengan ada sokongan yang bersama-sama ini dan kita akan dapat bersama-sama menikmati apa jua yang

dapat dikurniakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Dalam hal ini oleh kerana menyokong segala apa-apa jua, saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada dalam majlis ini dan juga kepada orang-orang, kepada para pemimpin, menteri-menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini akan menyedari akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, bukan hanya yang ada di hadapan kita. Pada baru-baru ini juga barangkali masing-masing masih ingat Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada menitahkan sempena menyambut hari 25 tahun Brunei Merdeka, di antaranya yang saya ingat supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini dan juga kepada orang-orang yang bertanggungjawab serta rakyat sekaliannya akan memerhatikan titah baginda itu. Di antaranya barangkali semua orang telah dapat melihat dan pernah membaca, ialah "25 Tahun Brunei Merdeka yang telahpun mendewasakan dirinya, dewasa untuk bernegara, perlu pembaharuan dan perubahan".

Dua titah ini, pembaharuan dan perubahan, perubahan yang akan di adakan itu, saya berharap akan dapat diperbaiki dengan bijaksana, pikiran yang waras, fikirkanlah apakah yang maksudnya pembaharuan dan apakah yang perlu untuk diubahkan, jadi mudah-mudahan ini akan mendapat ilham pemikiran kepada orang-orang yang bertanggungjawab, bukan hanya kita di sini tetapi juga seluruh rakyat memikirkan apa

yang dititahkan ini berkehendakkan dalam pembaharuan dan perubahannya.

Sekian saja dari Yang Di-Pertua Dewan, akhirnya sekali lagi saya menyampirkan diri untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas titah baginda di sini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Amat Mulia Di-Pertua Dewan yang memberikan peluang kepada saya untuk berucap dalam majlis ini, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang membawa cadangan yang sedang kita bahaskan ini mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada 11 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Sabtu, dan pandangan-pandangan dalam mereka menyokong itu sangatlah bernas dan memang diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang duduk di sebelah sini yang hadir maupun yang tidak hadir kerana ada urusan-urusan yang lain.

Untuk menggulung, setakat yang dapat digulung dan juga untuk menghuraikan secara ringkas apa yang dapat dihuraikan, saya akan menyentuh dua perkara iaitu fakta dan harapan daripada kurnia titah Kebawah

Duli Yang Maha Mulia itu. Ada tiga fakta yang ingin saya sentuh.

Fakta pertama, ialah mengenai dengan titah baginda, bahawa negara kita yang bermaksud, bahawa negara kita ini menikmati pelbagai kebajikan dan berjaya mengekalkan kemakmuran sehingga kita menikmati keamanan dan ketenteraman. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Alhamdulillah, sentiasa menitik beratkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduknya.

Kesejahteraan itu diukur dari berbagai-bagai segi yang terasa dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini. Di antaranya ialah pendapatan rakyat dan penduduk di negara ini dan kuasa membeli yang ada di tangan rakyat dan penduduk di negara ini. Dan ukuran yang penting ialah *quality of life*, yang mana kriterianya termasuklah perkara pelbagai berikut yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negeri ini iaitu termasuklah milik kebendaan, benda-benda yang dimiliki oleh setiap rumah oleh setiap individu di negara ini adalah suatu kemakmuran dan kemewahan yang dilimpahkan dikurniakan oleh Allah berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Tubuh badan yang sihat, khidmat yang diberikan yang sentiasa memedulikan kesihatan rakyat, melalui agensi khas Kementerian Kesihatan dan juga memelihara alam sekitar negara ini. Ini dinikmati oleh rakyat, salah satu ukur tara kesejahteraan, minda yang

sihat, masyarakat yang hidup harmoni. Alhamdulillah kalau kita ikuti berita-berita baik dalam tv atau surat khabar dan lain-lain, sebagaimana keadaan-keadaan negara, kebanyakan negara kucar-kacir, demonstrasi sana-sini, umban-umban batu sana sini, bunuh-membunuh sana sini, tembak-menembak sana sini. Tetapi Alhamdulillah, Brunei Darussalam masyarakatnya hidup harmoni, walaupun penduduknya terdiri dari berbagai puak, terdiri berbagai bangsa, tetapi kehidupan harmoni di negara ini memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk.

Negara yang aman makmur, aman dengan berkat adanya kawalan-kawalan daripada pihak-pihak yang berkenaan dan kemakmuran yang kita rasa Alhamdulillah, termasuklah subsidi-subsidi yang diberikan oleh kerajaan bagi kesejahteraan rakyat dan serta persekitaran yang bersih. Alhamdulillah semuanya ini telah dapat dipenuhi oleh negara ini dan hampir ke semua rakyat dan penduduk dapat menerima keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kita lihat projek-projek perumahan yang disediakan oleh kerajaan, ini adalah sumbangan daripada kerajaan yang menolong rakyatnya supaya menikmati kesejahteraan itu.

Di samping itu rakyat dan penduduk juga mudah sahaja menerima pendidikan dan perkhidmatan yang disediakan secara percuma oleh pihak kerajaan. Inilah di

antara bentuk-bentuk apa yang dinamakan negara menikmati pelbagai kebajikan. Inilah fakta yang ada di Brunei.

Fakta yang kedua, sebagaimana maksud titah baginda ialah hasil pencapaian yang ada sekarang ini adalah menerusi sistem kita yang ada. Sistem negara kita mempunyai panduan ialah Perlembagaan Negara dan konsep negara Melayu Islam Beraja. Kedua-dua perkara ini yang menentukan hala tuju negara kita, menghasilkan pencapaian-pencapaian yang dinikmati oleh rakyat sehingga kita sejahtera.

Walaupun bagaimanapun cantiknyanya sistem itu, walaupun moleknnya konsep sesuatu negara itu, dia akan tidak begitu berjaya mungkin ia gagal. Di antara syarat utamanya ialah;-

1. Kepimpinan yang bijaksana ini dilaksanakan oleh baginda. Dewan ini mendengar daripada sebelas-sebelas ahli yang bercakap tadi, bagaimana baginda turun padang sebagai misal ketika negara menghadapi bencana alam, banjir, hujan lebat, tanah susur, Baginda dengan kebijaksanaannya turun padang. Ini ialah contoh kepimpinan yang bijaksana;
2. Peranan rakyat yang mendokong kerajaan dan bersatu padu kalaulah rakyat dan penduduk di negara ini tidak mendokong kerajaan, tidak bersatu padu, jauhkan, mudah-

mudahan Allah mejauhkan. Kemungkinan besar segala kesejahteraan yang sedang kita nikmati sekarang ini mungkin akan terhakis dan deritanya akan diterima oleh keturunan kita yang akan datang; dan

3. ialah maksud titah Baginda socio-ekonomi kita masih terus dalam keadaan stabil dan kukuh. Ini Alhamdulillah di antaranya ialah perpaduan rakyat, sokongan rakyat kepada Kebawah Duli sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Dalam pada itu, kita mesti sentiasa berusaha, bagi orang Islam ialah iman dan takwa. Al-Qur'an menegaskan dengan kekuatan iman, dengan tebalnya takwa rahmat dari langit akan sentiasa mencurah-curah dan rahmat dari bumi sentiasa datang dari bumi. Ini dua syarat yang ditentukan di dalam Al-Qur'an bahawa berkat inilah rahmat yang disediakan oleh Allah. Jaga negara ini, negara sedang dewasa, negara zikir ini bagi mengekalkan keadaan sosio-ekonomi yang stabil dan kukuh.

Mengenai dengan harapan-harapan baginda banyak telah disuarakan oleh kesebelas-belas Ahli Yang Berhormat tadi. Di antara yang dititahkan ialah kemampuan kita bertahan, dasar dan sikap berbelanja secara

berjimat. Harapan baginda supaya kerajaan serta rakyat secara individu, setiap orang wajib hendaklah berjimat cermat. Kata-kata orang tua-tua dahulu, semasa saya damit saya masih ingat lagi, "jangan kaya-kaya bajau" mungkin ada generasi baru tidak tahu akan maksud kaya-kaya bajau itu. Jadi harapan baginda ialah supaya kita berjimat, simpulan bahasanya berjimat sebelum habis, ada tabungan. Harapan yang kedua ialah bijak dalam berbelanja, mengelak segala bentuk pembaziran. Janganlah pula terlampau diambur-amburkan nikmat yang ditangan itu, dengan tujuan-tujuan yang sia-sia, biarlah ia bermanfaat dapat dinikmati secara halal.

Harapan baginda yang ketiga, mengukuhkan lagi fiskal negara dalam jangka panjang telah banyak disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan lebih hasil tahun-tahun yang lalu dimasukkan ke dalam satu dana yang baru ditubuhkan bagi memperkukuh fiskal negara. Inilah harapan baginda untuk menjamin kedudukan sosio-ekonomi sentiasa stabil dan kukuh di masa-masa yang akan datang, khasnya bagi dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Kemudian harapan baginda, mengenai dengan supaya diambil langkah ke hadapan pada mengemaskinikan rangkaian *infrastructure* negara sehingga tidak ada lagi apa yang disebut sebagai kemudahan-kemudahan asasi yang lemah atau keperluan-keperluan utama yang belum

ditangani. Dan insya-Allah pihak Yang Berhormat Menteri-Menteri sebagaimana juga yang diharapkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi supaya apa yang dititahkan oleh baginda dan juga apa yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu memang titah baginda itu adalah dijunjung dan pendapat-pendapat Ahli-Ahli Yang Berhormat itu akan diteliti untuk semata-mata kesejahteraan rakyat dan negara ini demikianlah Yang Amat Mulia Pengiran Di-Pertua Dewan, peramba bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang membawa usul ini menggulung perbahasan ini dan mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada kesebelas orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan. Demikian juga Yang Berhormat Menteri-Menteri yang ada di sini sepenuhnya menyokong usul ini. Terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan telahpun dibahaskan dengan panjang lebar dan setelah mendapat cukup banyak sokongan daripada Ahli-Ahli terutamanya ahli-ahli dilantik, juga termasuk ahli-ahli kerajaan.

Maka saya bertanya siapa yang bersetuju kepada usul ini sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Siapa yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(tidak ada).

Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka usul ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Ahli Yang Berhormat yang membawa Usul Kertas Kerja yang akan kita bawa ini tidak hadir, kerana usul ini sangat penting, maka saya tangguhkan dulu mesyuarat kita ini sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Jurutulis: Perkara yang ke VII iaitu mengemukakan Rang Undang-Undang, yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) iaitu Rang Undang-Undang (2009), Perbekalan 2009/2010.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamuu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan, Segala hormatnya peramba menjunjung keizinan Tuan Peramba untuk mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan "**Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu**" untuk bacaan kali pertama.

Yang Di-Pertua Dewan: Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "Sautu Akta Untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 dan bagi Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu" dibaca bagi kali yang pertama.

Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 dan Bagi Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu".

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Di-Pertua Dewan, peramba memohon izin tuan peramba bagi memaklumkan pada majlis ini bahawa peramba akan mengemukakan cadangan untuk bacaan kali kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu" pada mesyuarat hari ini jua. Oleh kerana peramba bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut pada hari ini jua maka peramba memohon kebenaran Yang Di-Pertua Dewan supaya digantungkan peraturan-peraturan tetap Majlis Mesyuarat Negera supaya dibolehkan dibuat cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan peramba ini adalah semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerja dengan lebih licin lagi.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah mendengar huraian ringkas daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) terhadap satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010

Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu” supaya dibaca bagi kali kedua dan ada sokongan. Sekarang saya bukakan majlis itu untuk perbahasan menurut Undang-Undang mengikut peraturan buku 8(2) dipersilakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Di-Pertua Dewan, peramba ingin menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas izin Yang Di-Pertua Dewan untuk peramba mencadangkan supaya rang undang-undang bergelar **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 Dan Bagi Memperuntukkan Wang yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil ‘Alameen, Wassalaatu Wassalamuu ‘Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa’alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma’een. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **“Untuk membenarkan pengeluaran Empat Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Ringgit Brunei (B\$4,985,785,600.00) Dari Kumpulanwang**

Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 Dan Untuk Memperuntukkannya Bagi Maksud-Maksud Yang Dinyatakan Dalam Jadual”. Dalam berbuat demikian, saya memohon izin Yang Di-Pertua Dewan bagi menghuraikan secara ringkas mengenai dengan perkembangan ekonomi negara pada tahun 2008 dan juga isu-isu utama ekonomi dan geo-politik global, khususnya yang berkaitan dan mempunyai impak tertentu terhadap sosio-ekonomi negara ini.

Insyaa-Allah, saya juga akan mengongsikan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam merancang Belanjawan Negara dan seterusnya akan menerangkan mengenai objektif, strategi dan fokus belanjawan Tahun Kewangan 2009/2010 termasuk cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dalam Tahun Kewangan 2009/2010.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kedudukan Ekonomi Global.

1. Pada tahun 2008, kita telah menyaksikan bagaimana ekonomi global secara keseluruhannya telah menempuh berbagai cabaran dan kesulitan. Sehingga suku ketiga tahun lepas, dunia telah menghadapi kesukaran yang berpunca dari harga barangan, tenaga dan komoditi yang melambung naik ke paras yang amat tinggi. Ini diikuti dengan krisis

- kekurangan bekalan makanan yang amat membimbangkan. Harga minyak dunia yang melonjak tinggi pada ketika itu secara langsung telah menyebabkan kadar inflasi dunia semakin meningkat;
2. Bagaimanapun, masalah tersebut telah bertukar wajah mulai suku keempat tahun 2008 apabila isu 'credit crunch' telah semakin menonjol. Kebanyakan negara maju perlu mengalihkan tumpuan dan sasaran dasar ekonomi kepada menangani krisis 'financial meltdown' yang semakin meruncing dan mula menjejaskan keseluruhan kegiatan perekonomian negara - negara berkenaan. Sistem kewangan global telah tidak dapat lagi berfungsi seperti sebelumnya, iaitu sebagai institusi pengantara (*financial intermediary*) kepada firma-firma dan syarikat-syarikat yang memerlukan modal pusingan (*working capital*) dan perbelanjaan modal untuk mengembangkan perniagaan mereka. Institusi kewangan telah mengambil sikap lebih berhati-hati dalam memberikan pinjaman disebabkan keyakinan yang menurun terhadap situasi pasaran masa kini. Ini telah menjejaskan lagi keadaan dan usaha untuk mengatasi situasi ini;
 3. Sepertimana yang kita maklumi krisis ini pada peringkat awalnya adalah berpunca daripada krisis kewangan yang melanda negara utama ekonomi dunia, iaitu Amerika Syarikat. Lanya telah turut menjejaskan bukan sahaja ekonomi sebenar (*real economy*) negara-negara maju tetapi juga negara-negara membangun. Kesan dari krisis ini, beberapa negara maju telah mengalami kemelesetan ekonomi. Masalah ini juga dijangka akan menyebabkan ekonomi negara-negara membangun yang banyak bergantung kepada pengeksporan barangan ke negara-negara maju, mengalami pertumbuhan ekonomi pada kadar yang lebih perlahan dari sebelumnya. Kegawatan ekonomi global ini telah menyaksikan negara-negara yang terlibat, sama ada yang maju mahupun "emerging markets", mengalami masalah pengangguran dan fiskal defisit yang tinggi, di samping nilai rizab yang menurun;
- Yang Di-Pertua Dewan,
4. Sepertimana yang diramalkan, kesan daripada kemelesetan ekonomi global pada masa ini, telah menyebabkan permintaan minyak dunia menurun dengan drastik. Perkara ini telah memberi kesan mendalam kepada harga minyak

- dunia yang telah menjunam daripada paras tertingginya pada kadar US\$147 setong pada bulan Julai 2008, ke paras di bawah US\$40 setong pada bulan Disember 2008. Penurunan ini terus berlaku walaupun terdapat usaha berterusan daripada Negara - Negara Pertubuhan Pengeluaran Minyak (OPEC) untuk mempertahankan harga minyak dunia, termasuk dengan mengurangkan pengeluaran minyak ke tahap yang lebih rendah;
5. Adalah jelas bahawa kesan negatif kegawatan ekonomi dunia kali ini sangat mendalam dan lebih menyeluruh. Kini *emerging economies* utama mula ikut terjejas. Apa yang lebih membimbangkan ialah belum nampak sebarang petanda bahawa masalah ini akan berakhir dalam masa yang terdekat meskipun ke semua kerajaan yang terlibat telah sedaya upaya cuba menanganinya dengan apa jua cara yang difikirkan sesuai, termasuk *direct intervention* dalam bentuk *financial bailouts* dan mengadakan *fiscal stimulus* bagi mengelakkan keadaan daripada menjadi lebih buruk;
 6. *International Monetary Fund* (IMF) melalui *World Economic Outlook Update*, yang diterbitkan pada 28 Januari 2009, antara lain telah mengunjurkan prestasi ekonomi dunia akan jauh lebih perlahan dalam tahun 2009 iaitu pada kadar 0.5%, berbanding 5% dan 3.75% masing-masing pada tahun 2007 dan 2008. Ekonomi dunia diramal hanya akan kembali pulih semula mungkin pada penghujung tahun 2009 atau awal tahun 2010. Ekonomi negara-negara maju dijangka akan mencatatkan pertumbuhan negatif (-2%) pada tahun 2009, iaitu pertumbuhan negatif tahunan yang pertama sejak perang dunia kedua. Negara "*emerging economies*" pula dijangka hanya akan mencatatkan pertumbuhan 3.25% pada tahun 2009 berbanding 6.25% pada tahun 2008;
 7. Bagi rantau Asia pula, pihak IMF meramalkan bahawa ekonomi negara Jepun dijangka akan mengecut (*contract*) 2.6% dalam tahun 2009. Sementara itu, ekonomi Negara China dijangka hanya akan tumbuh lebih perlahan pada kadar 6.7%. dalam tahun 2009 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Bagi 3 buah negara-negara industri baru (*Newly industrialised economies – NIE-3*) di rantau Asia iaitu Republik Korea, Hong Kong dan Singapura, yang mempunyai ekonomi terbuka, KDNK mereka dijangka mengecut dengan drastik

pada kadar -3.9%, jatuh dari 3.8% yang dijangkakan pada tahun 2008. Di samping itu, pertumbuhan KDNK negara-negara ASEAN 5 dijangka menurun jauh pada kadar 2.7% dalam tahun 2009 ini berbanding dengan 5.4% dalam tahun 2008 disebabkan kegawatan ekonomi dunia yang telah melembapkan permintaan bagi barangan eksport;

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Bagi Negara Brunei Darussalam, ianya juga dijangka akan turut menghadapi pelbagai cabaran dalam tahun 2009 di tengah-tengah pergolakan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang. Antara lain cabaran-cabaran utama tersebut termasuklah dari segi meluaskan lagi sumber hasil pendapatan bagi membantu membiayai perbelanjaan tahunan kerajaan agar tidak terlalu bergantung kepada sektor minyak dan gas. Ini terutama mengambil kira hasil pendapatan kerajaan daripada sektor minyak dan gas dijangka akan terjejas terutama jika kemelut ekonomi dunia ini diramal akan berpanjangan. Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk mempelbagai aktiviti-aktiviti ekonomi hendaklah terus dilipat gandakan dan pengurusan kutipan hasil kerajaan diperkesankan lagi;

9. Pihak Asian Development Bank (ADB) di dalam Laporan Ekonomi mereka pada bulan Nobember 2008 yang lalu, menjangkakan negara ini akan mencatat pertumbuhan KDNK pada kadar 2% dalam tahun 2009, berbanding pertumbuhan negatif - 0.5% dalam tahun 2008. Ini adalah berdasarkan andaian bahawa pengeluaran minyak kembali semula ke tahap pengeluaran pada tahun 2006. Bagaimanapun pihak ADB juga melahirkan kebimbangan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara boleh terjejas kerana harga minyak dunia yang menurun dengan drastiknya sejak akhir-akhir ini;

10. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri meramalkan pertumbuhan KDNK negara bagi tahun 2009 adalah di antara 1.2% hingga 3.1% berbanding pertumbuhan negatif di antara -1% hingga -3% bagi tahun 2008. Bagi tahun 2009, perkembangan positif ini akan dibantu oleh peningkatan pelaburan dalam sektor kerajaan, terutama pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN), projek sektor minyak dan gas dan loji methanol yang dijangka menjana pertumbuhan dalam sektor-sektor pembinaan, kewangan, perdagangan, pengangkutan dan

perhubungan. Walau bagaimanapun, unjuran pertumbuhan yang positif ini mempunyai risiko pertumbuhan yang lebih rendah tertakluk kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara dan harga minyak di pasaran global yang dijangka lebih rendah berbanding tahun 2008 berikutan berkurangnya permintaan (*weaker demand*) di negara-negara pengimport utama minyak dan gas;

Yang Di-Pertua Dewan,

Perkembangan dalam Tahun 2008/2009.

11. Alhamdulillah, dan dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini telah dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan yang berterusan. Begitu juga kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana di tengah-tengah kemelut krisis kewangan ini, sektor kewangan di negara ini masih terus kukuh dan stabil. Ini telah membolehkan kita menumpukan usaha untuk meneruskan pelaksanaan program dan projek-projek bagi merangsang ekonomi negara;

12. Pada tahun 2008, kita telah menyaksikan beberapa perkembangan penting yang dapat menjadi pemangkin dan teras kepada hala tuju dan daya saing negara. Dalam sektor pendidikan dan *Capacity Building*, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan bagi kenaikan taraf dua buah institusi pengajian tinggi yang utama di negara ini, iaitu Institut Teknologi Brunei dan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah;

13. Di samping itu, pelancaran Sistem Pendidikan Abad 21 (SPN 21) pada awal Tahun 2009, merupakan satu mercu tanda penting untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian pendidikan di semua peringkat di negara ini, selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Pelaksanaan SPN 21 ini juga dihasratkan untuk mempersiapkan rakyat negara ini dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mampu bersaing, berjaya dan berdaya tahan dalam apa jua keadaan dan perubahan yang berlaku di sekeliling kita;

14. Pada tahun 2008 juga, beberapa projek utama telah dapat dilaksanakan seperti projek-projek pembangunan berkaitan *Sungai Liang Industrial Park* (SPARK); peningkatan usaha - usaha

- perlaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara, dan lain-lain. Di samping itu, sebagai salah satu strategi ke arah mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan perlantikan pengurus-pengurus dana '*private equity*' yang berwibawa dan profesional untuk membuat pelaburan-pelaburan tertentu dalam negara ini. Dana-dana tersebut, yang di bawah kawalan Kementerian Kewangan dihasratkan untuk menyediakan modal kewangan berisiko (*risk capital*) bagi membuat pelaburan secara komersial di dalam sektor pembangunan dan sektor perusahaan kecil dan sederhana. Ianya juga bertujuan untuk menarik minat pelabur-pelabur luar termasuk *Multinational Corporations* (MNC's) ke negara ini;
15. Bagi membantu pengusaha-pengusaha peniagaan kecil dan sederhana (PKS) dalam keperluan kewangan, kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menambah baik skim-skim kemudahan kewangan untuk PKS yang telah diperkenalkan sejak beberapa tahun yang lalu. Bagi skim kemudahan kewangan *Enterprise Facilitation Scheme*, jumlah maksima pinjaman telah dinaikkan daripada \$1.5 juta kepada \$5 juta dan tempoh bayaran balik dilanjutkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun. Sementara itu, jumlah pinjaman maksima di bawah Skim Mikro-Kredit telah dinaikkan kepada \$50 ribu daripada jumlah pinjaman maksima awal berjumlah \$30 ribu dan tempoh pembayaran balik dipanjangkan lagi setahun kepada 4 tahun;
16. Langkah-langkah pengurangan kadar cukai pendapatan korporat, iaitu daripada 30% kepada 25.5%, serta pengenalan *threshold* cukai, yang mengenakan kadar cukai yang lebih rendah dan juga pengecualian cukai korporat bagi keuntungan di bawah \$100,000.00 juga, sedikit sebanyak telah dapat membantu meringankan tanggungan cukai yang perlu dibayar dan aliran tunai syarikat-syarikat terutama syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Di samping itu, bagi menggalakkan aktiviti pelaburan dalam negara, kadar "*initial allowance*" bagi *Industrial Building* juga telah dinaikkan daripada 10% kepada 20%;
17. Pada Tahun 2008, Perintah Perbankan Islam 2008 dan Perintah Takaful 2008 telah dikuatkuasakan bagi mengukuhkan pengawalseliaan

- dan menjaga kepentingan orang ramai;
18. Selaras jua dengan perkembangan serantau dan global dalam menangani masalah krisis sistem kewangan pada masa ini, kerajaan juga telah mengeluarkan jaminan bagi deposit-deposit di bank-bank tempatan, sama ada dalam mata wang tempatan ataupun mata wang asing bagi tempoh sehingga 31 Disember 2010. Ini adalah bagi memastikan sistem perbankan dan kewangan negara tidak terjejas oleh perkembangan kewangan global;
19. Di samping perkembangan-perkembangan positif yang telah saya bentangkan di atas, dalam Tahun Kewangan 2008/2009, sebagaimana yang telah kita semua maklumi, negara juga telah mengalami satu fenomena yang amat jarang kita alami iaitu keadaan cuaca hujan lebat dan air pasang yang lebih kerap. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya kejadian banjir dan tanah susur di beberapa kawasan yang mana telah menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk di negara ini. Oleh itu, bagi Tahun Kewangan 2009/2010, keutamaan akan diberikan untuk meneruskan usaha menangani perkara ini dengan melaksanakan langkah-langkah jangka panjang,

supaya impak fenomena tersebut yang menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk negara ini insya-Allah akan dapat dikurangkan;

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sekarang izinkan saya mengongsikan mengenai asas dan unjuran pendapatan negara bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ini.

ASAS DAN UNJURAN PENDAPATAN

20. Sepertimana yang kita maklumi, pada separuh kedua tahun 2008, kita telah menyaksikan penurunan mendadak harga minyak dunia sehingga mencapai paras terendah dalam tempoh 4 tahun. Dengan berasaskan ramalan-ramalan serta arah tuju ekonomi dunia pada masa ini, unjuran pendapatan kerajaan bagi tahun kewangan 2009/2010 dijangka akan menurun dengan signifikan kepada kira-kira **\$4,000,367,000.00**, berbanding unjuran bagi Tahun Kewangan 2008/2009 sebanyak \$5.602 billion;
21. Unjuran hasil tersebut juga mengambil kira jangkaan peningkatan hasil Perkhidmatan Kerajaan dan Cukai Pendapatan Korporat kepada \$766 juta berbanding \$704 juta yang diunjurkan bagi Tahun Kewangan

2008/2009. Dalam kedudukan hasil pendapatan daripada sektor minyak dan gas yang tidak menentu, agensi-agensi kerajaan yang diamanahkan untuk mengutip hasil pendapatan kerajaan perlulah meningkatkan tahap perkhidmatan masing-masing di samping mengukuhkan pentadbiran kutipan hasil Kerajaan;

22. Daripada unjuran - unjuran pendapatan tersebut, jelas menunjukkan yang hasil pendapatan Kerajaan masih lagi terus bergantung kepada sektor minyak dan gas, walaupun harga komoditi tersebut sudah menurun dengan drastik sejak akhir-akhir ini. Hasil pendapatan daripada sektor bukan minyak dan gas dan perkhidmatan kerajaan hanya mampu menampung kira-kira 19% dari jumlah keseluruhan anggaran perbelanjaan kerajaan. Jika sektor minyak dan gas tidak diambil kira, kedudukan fiskal kerajaan akan mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira \$4,889 juta;

Yang Di-Pertua Dewan

OBJEKTIF DAN STRATEGI BELANJAWAN

23. Sepertimana pada tahun-tahun sebelumnya, objektif Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2009/2010 masih lagi terus menjurus

kepada pengukuhan fiskal bagi mencapai kedudukan fiskal yang berdaya tahan. Ini adalah bertujuan bagi menjana perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan (*sustainable*). Dalam melaksanakan dasar pengukuhan fiskal ini, langkah-langkah akan diambil bagi memastikan pengawalan perbelanjaan oleh kerajaan tidak akan menjejaskan usaha bagi memperkembangkan, memperkukuhkan dan mempelbagai kan aktiviti ekonomi (*stimulation of economic activities*) negara;

24. Oleh itu, salah satu keutamaan dalam perancangan perbelanjaan kerajaan akan ditumpukan kepada perbelanjaan yang dapat meningkatkan lagi penglibatan pihak swasta. Fokus ini penting terutama mengambil kira peranan utama sektor swasta dalam turut menyumbang kepada usaha meluaskan asas ekonomi dan hasil, di samping dalam membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Ke arah itu, setiap perancangan perbelanjaan perlulah memberikan penekanan yang wajar kepada projek-projek dan program-program yang akan dapat menyumbang kepada meningkatkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini;

25. Di samping itu, ke arah mencapai matlamat strategik negara jangka panjang dengan lebih berkesan, objektif belanjawan 2009/2010 ini juga akan ditumpukan kepada perkara-perkara berikut:-
- 25.1 Memastikan kedudukan fiskal negara terus kukuh dan berdaya tahan;
- 25.2 Bagi meningkatkan keberkesanan usaha-usaha dan perancangan bagi membasmi kemiskinan di negara ini;
- 25.3 Memastikan keselamatan perbekalan permakanan bagi tempoh jangka sederhana dan panjang;
- 25.4 Meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan, termasuk mengukuhkan pengurusan pengutipan hasil bagi mengurangkan tunggakan yang mana berjumlah kira-kira \$475.8 juta pada bulan March 2008; dan mengkaji semula kadar bayaran perkhidmatan yang diberikan dengan cara yang tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah;
- 25.5 Bagi mengembangkan sektor-sektor yang telah dikenal pasti untuk dimajukan selaras dengan arah tuju perancangan jangka panjang negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang *sustainable*; dan
- 25.6 Meningkatkan daya saing iklim pelaburan dan ekonomi negara (*competitiveness*) bagi menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) terutamanya *Multinational Corporations* (MNC's) ke negara ini.
26. Bagi mencapai objektif ini; strategi, prosedur dan proses penyediaan Belanjawan Tahun Kewangan 2009/2010 bagi setiap Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan, memberi penekanan kepada isu-isu berikut:-
- 26.1 Mengekalkan *fiscal discipline* dengan memastikan bahawa perbelanjaan adalah mengikut sumber kewangan yang diperuntukkan;
- 26.2 Memberi keutamaan kepada projek-projek dan perbelanjaan-perbelanjaan yang mendokong atau berupa keutamaan strategik (*strategic priorities*) negara;
- 26.3 Mempastikan *value for money* melalui penggunaan peruntukan

yang efisien dan efektif (berkesan);

- 26.4 Memastikan keupayaan dan kemampuan pelaksanaan projek-projek dan perbelanjaan-perbelanjaan yang dicadangkan; dan
- 26.5 Memberikan akauntabiliti kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam penggunaan peruntukan.

ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN KEWANGAN 2009/2010

27. Berasaskan objektif belanjawan dan faktor-faktor yang telah saya bentangkan tadi, anggaran jumlah perbelanjaan biasa termasuk peruntukan Kumpulanwang Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 dicadangkan sebanyak **Empat Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Ringgit Brunei (B\$4,985,785,600.00)**. Jumlah ini adalah bertambah sebanyak \$200 juta daripada peruntukan Tahun Kewangan 2008/2009;
28. Ini bermakna jika kita mengambil kira keseluruhan perbelanjaan kerajaan yang bakal dilibatkan di atas

termasuk Perbelanjaan Yang Di Akui dan anggaran pendapatan sebanyak kira-kira \$4 billion, kerajaan akan mengalami defisit belanjawan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 sebanyak kira-kira \$1.65 billion. Dengan usaha gigih serta kerjasama kesemua pihak dalam mendokong dasar berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah, kerajaan, insya-Allah akan masih mampu untuk membiayai dengan hasil pendapatan negara segala perbelanjaan-perbelanjaan utama yang dirancang, terutama dalam meningkatkan lagi kedudukan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini;

29. Fokus Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ini akan diuruskan kepada perkara-perkara seperti berikut:-
- 29.1 Pertahanan dan keselamatan awam;
- 29.2 Kesejahteraan sosial dan pembasmian kemiskinan;
- 29.3 Keselamatan bekalan makanan kebangsaan (*National Food Security*);
- 29.4 Perkembangan dan pengukuhan sektor swasta; dan

29.5 *Human Resource Development dan Capacity Building.*

FOKUS BELANJAWAN / TARGET SPENDING

Pertahanan dan Keselamatan Awam

30. Sepertimana jua yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lepas, keutamaan akan terus diberikan kepada aspek-aspek keselamatan, keamanan, dan kestabilan negara. Peruntukan juga turut disediakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan, termasuklah bagi menangani bencana alam seperti banjir kilat, angin kencang, wabak penyakit dan sebagainya;
31. Secara keseluruhannya peruntukan yang disediakan bagi sektor pertahanan dan keselamatan awam bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ialah sebanyak \$1,046 juta (18.50%). Sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan di bawah kawalan agensi-agensi berkenaan, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan khas sejumlah \$10 juta bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dijangkakan jika diperlukan nanti. Di samping itu, selaras dengan titah perkenan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Sesi Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara pada 12 Mac 2009 yang lalu, peruntukan tambahan sebanyak \$30 juta akan disediakan khusus bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan kerja-kerja yang perlu diberikan keutamaan dalam memperbaiki, memelihara, dan menaik taraf infrastruktur - infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam, seperti sistem saliran, bekalan air, elektrik, serta sistem perhubungan. Jumlah ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan di bawah Perbelanjaan Biasa dan Rancangan Kemajuan Negara sebanyak kira-kira \$33 juta dengan harga rancangan \$221 juta bagi peningkatan dan pemeliharaan sistem saliran negara. Di samping itu, bagi peningkatan sistem bekalan tenaga elektrik, termasuk perkembangan sistem rangkaian, mengukuhkan sistem pembahagian (*distribution system*), projek memperbaharui dan menaik taraf jana kuasa dan sebagainya diperuntukkan sebanyak \$73 juta dengan harga rancangan \$502 juta; manakala peruntukan sebanyak \$15 juta disediakan bagi Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan

Perdana Menteri bagi pemeliharaan dan peningkatan sistem bekalan tenaga elektrik;

Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan

32. Dalam mendokong hasrat untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan pembasmian kemiskinan, kerajaan akan terus komited untuk memastikan pendidikan diberikan keutamaan sebagai langkah meningkatkan perkembangan sumber tenaga manusia di negara ini yang sekaligus sebagai elemen penting bagi melepaskan rakyat dan penduduk dari belenggu kemiskinan, insya-Allah;

33. Kita perlulah menyedari bahawa kesejahteraan (*well-being*) bukanlah sesuatu yang boleh diukur dengan pendapatan dan kuasa membeli (*purchasing power*) semata-mata seperti tanggapan setengah golongan. Ukuran yang lebih bermakna ialah kualiti kehidupan (*quality of life*), yang mana antara kriterianya termasuklah memiliki kemudahan - kemudahan asas, seperti tempat tinggal, makan minum, kemudahan pendidikan dan perubatan, tubuh badan dan minda yang sihat, masyarakat yang harmoni, negara yang aman

makmur, persekitaran yang segar bersih dan sebagainya;

34. Alhamdulillah, kebanyakan perkara-perkara tersebut telah dapat dipenuhi oleh negara ini termasuk kemudahan pendidikan dan perkhidmatan perubatan percuma yang disediakan oleh kerajaan. Oleh itu, kita seharusnya bersyukur dengan segala kemudahan dan bantuan yang kita nikmati ini dan seterusnya memperkukuhkan tekad untuk meningkatkan sumbangan kita kepada negara agar apa yang kita kecapai pada masa ini akan terus dapat dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang;

35. Walau bagaimanapun, sepertimana jua di negara-negara lain, masih juga terdapat di negara ini golongan-golongan yang masih memerlukan bantuan. Dalam hubungan ini, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat kadar kemiskinan di negara ini berada di tahap sifar, usaha-usaha tertentu telah diambil termasuk penubuhan dua Jawatankuasa di peringkat kebangsaan yang berperanan dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu bagi menangani perkara ini. Jawatankuasa pertama, iaitu, Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan, dikhususkan bagi

- membuat kaji selidik mengenai punca kemiskinan, menyediakan pelan tindakan dan menyelaras pelaksanaan program-program menangani isu kemiskinan. Jawatankuasa kedua pula, ialah Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan bagi menangani masalah sosial, ditubuhkan dengan bidang tugasnya menjurus kepada mengenal pasti, merancang dan menyediakan pelan tindakan dan program-program mengenai isu sosial (termasuk kemiskinan). Bagi membolehkan kajian dan penyelidikan - penyelidikan yang diperlukan dibuat, agar usaha pembasmian kemiskinan ini akan dapat dirancang dan dilaksanakan secara komprehensif, bersepadu dan berkesan; peruntukan sebanyak \$10 juta akan disediakan terutama bagi mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat yang relevan dan apa jua kerja-kerja yang berkaitan;
36. Bagi meningkatkan keberkesanan usaha ini, kerjasama semua pihak adalah penting terutama dalam memastikan setiap kanak-kanak di negara ini mengikuti persekolahan mereka ke peringkat yang sewajarnya. Melalui pendidikan, selain daripada dapat mendokong usaha *capacity building* di negara ini, ianya juga akan dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah terutamanya untuk meningkatkan taraf kualiti kehidupan mereka. Di samping itu, usaha-usaha meningkatkan kehidupan ini juga boleh dilaksanakan misalnya dengan mengadakan skim latihan semula (*retraining*) kepada belia-belia yang belum bekerja bagi membolehkan mereka memperoleh kemahiran - kemahiran tertentu seperti dalam bidang pertukangan, pertanian dan lain-lain. Dengan kemahiran - kemahiran yang diperolehi dari latihan-latihan tersebut, ianya insya Allah akan dapat membantu pencari-pencari pekerjaan untuk berdikari, bagi saraan diri dan jua keluarga mereka;
37. Secara keseluruhannya, sejumlah \$270.3 juta disokong bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan kebajikan awam dan sosio ekonomi. Ini termasuk, tambahan-tambahan jawatan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi meningkatkan lagi keberkesanan usaha - usaha perkembangan belia yang juga turut menjurus kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan;
38. Selain daripada peruntukan-peruntukan di atas, peruntukan sejumlah \$340.95 juta juga

- disediakan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini. Ini termasuk tambahan-tambahan bagi pembelian ubat-ubatan; pembelian ambulan-ambulan; serta peruntukan-peruntukan bagi pembelian peralatan dan perkakas perubatan bagi hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan;
39. Di samping itu, kerajaan juga akan terus mempergiatkan usaha-usaha meningkatkan tahap penyediaan perkhidmatan asas dan infrastruktur termasuk perkhidmatan bekalan elektrik, perumahan, jalan raya, tempat-tempat riadah, bersukan dan sebagainya, di mana keseluruhannya sejumlah \$680.73 juta disediakan bagi sektor binaan dan kemudahan awam;

Keselamatan Bekalan Makanan Kebangsaan (*National Food Security*)

40. Pada beberapa bulan yang lalu, ekonomi global telah berhadapan dengan krisis bekalan makanan yang telah membawa kenaikan mendadak kepada harga bagi barang-barang keperluan asas. Rakyat dan penduduk di negara ini, Alhamdulillah, sangat beruntung kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memberikan berbagai subsidi dan bantuan yang

mana menyebabkan kesan kenaikan harga keperluan asas tertentu di negara ini adalah masih di tahap terkawal. Ini termasuklah bagi minyak kenderaan, gas, beras dan gula. Malahan bagi bekalan tenaga elektrik dan air, kadar yang dikenakan masih lagi yang terendah di rantau ini;

41. Walau bagaimanapun, keselamatan bekalan makanan (*food Security*) tidaklah hanya dapat ditangani dengan mendapatkan bekalan beras secara import daripada negara-negara pengeluar beras, walaupun dari segi kewangan, kerajaan insya Allah mampu untuk mengambil langkah sedemikian. Pergantungan kepada bekalan daripada negara-negara luar belum tentu dapat menjamin bekalan makanan yang berterusan. Apatah lagi pada peringkat ini, negara hanya mampu membekalkan kira-kira 3% (kira-kira 900 metrik tan sahaja) daripada keperluan beras tempatan (*local consumption*) yang keseluruhannya berjumlah sebanyak 33,000 metrik tan setahun;
42. Oleh itu, selaras jua dengan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai keperluan menangani isu keselamatan bekalan

- beras negara, tindakan segera berdasarkan perancangan yang teliti, bersepadu dan fokus akan dilaksanakan. Usaha ini khusus bertujuan bagi meningkatkan lagi keselamatan makanan asas negara dengan menjadikan negara ini lebih *self-sufficient* dalam menampung keperluan perbekalan makanan tempatan;
43. Ke arah itu, bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian bagi perkara ini peruntukan sejumlah \$30 juta telah disediakan khusus bagi mendokong strategi-strategi dan perancangan-perancangan bagi melaksanakan usaha ini secara berkesan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan secara "*cost-effective*" bagi negara ini;
44. Tumpuan akan diberikan kepada melipat gandakan penghasilan padi dan beras bagi setiap hektar tanah (*yield per hectre*) di negara ini. Ini termasuk membuat perancangan yang rapi seperti mengenal pasti tapak-tapak tanah yang bersesuaian untuk dimajukan, melaksanakan rancangan penanaman secara besar-besaran, penggunaan benih-benih dan jenis-jenis padi yang dapat memberikan penghasilan yang tinggi, penanaman 2-3 kali dalam setahun, penggunaan teknologi perladangan padi terkini (secara

mechanised) dan penyediaan infrastruktur seperti *irrigation*, parit air dan saliran yang bersesuaian bagi tujuan tersebut;

Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta

45. Sehingga ini, pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan telah mengambil berbagai langkah untuk meningkatkan aktiviti dan pengukuhan sektor swasta, sebagai usaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi negara dan juga untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan di negara ini. Untuk itu, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan tertentu bagi mendokong usaha untuk mengukuhkan lagi sektor swasta agar pergantungan kepada sumber minyak dan gas akan dapat dikurangkan;
46. Perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil, termasuklah dalam membantu meningkatkan lagi daya saing negara dalam menggalak dan menarik aktiviti-aktiviti pelaburan ke negara ini. Agensi-agensi kerajaan yang berperanan selaku pihak berkuasa, penyelia atau pemudah cara kepada masyarakat perniagaan (*Business Community*) di negara ini perlu untuk melaksanakan tindakan bersepadu yang dapat

- membantu mengurangkan “*cost of doing business*” tetapi pada masa yang sama meningkatkan lagi kedudukan “*ease of doing business*” bagi negara ini;
47. Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah antara lainna penyediaan infrastruktur yang mencukupi bagi memenuhi keperluan perniagaan untuk berkembang maju; pengurangan kos pengeluaran; memudah cara perlaksanaan projek - projek pelaburan; atau peningkatan kualiti produk-produk tempatan yang boleh di ketengahkan untuk eksport. Di samping itu, perancangan dan perlaksanaan akan diperkukuhkan bagi meningkatkan lagi keberkesanan “*service delivery*” sektor kerajaan, terutama yang melibatkan usaha memperkukuhkan sektor swasta dan penarikan pelabur asing ke negara ini;
48. Dalam merealisasikan usaha kerajaan untuk mengembangkan sektor swasta, langkah-langkah bersepadu yang akan terus dilaksanakan antara lain termasuklah:-
- 48.1 Menyediakan infrastruktur asas yang mencukupi dan diperlukan oleh pihak swasta bagi menyegerakan memulakan perniagaan (*business start-ups*) untuk kegunaan MNC’s dan PKS dalam jangka panjang;
- 48.2 Menyediakan kemudahan latihan-latihan kemahiran selaras dengan keperluan sebenar sektor swasta; dan
- 48.3 Mengenal pasti perkhidmatan perkhidmatan yang boleh dikendalikan oleh pihak swasta dengan lebih efisien untuk dipindahkan secara berperingkat - peringkat melalui *Public / Private Partnership* (PPP).
49. Ke arah itu, di samping peruntukan keseluruhan sejumlah \$178.17 juta yang disediakan kepada agensi-agensi berkenaan untuk melaksanakan perancangan dan program mengenai objektif ini, peruntukan sejumlah \$10 juta akan disediakan bagi mendokong apa jua usaha dan perancangan khusus mengenai perkara ini;
50. Sebagai meneruskan lagi usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan daya saing iklim pelaburan dan perekonomian di negara ini, serta membantu dan menggalakkan pihak swasta untuk meningkatkan pelaburan dalam negara, dan dapat

menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak tempatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenalkan beberapa pindaan yang berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35) seperti berikut:-

50.1 Sebagai kesinambungan kepada langkah pengurangan kadar cukai pendapatan korporat secara berperingkat-peringkat seperti yang telah diumumkan pada tahun lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya memperkenankan agar cukai korporat bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran seterusnya akan dikurangkan lagi 2% daripada 25.5% bagi tahun taksiran 2009 kepada 23.5% sahaja;

50.2 Sebagai langkah bagi menggalakkan pengambilan pekerja-pekerja tempatan, perbelanjaan syarikat bagi pembayaran sumbangan majikan kepada Tabung Amanah Pekerja akan diberikan potongan tambahan (*further deduction*), iaitu

sebanyak 100% tambahan daripada sumbangan asal majikan. Oleh itu, bayaran potongan sumbangan majikan akan diperkirakan dua kali atau sekali ganda daripada perbelanjaan sebenar. Langkah ini akan dapat membantu mengurangkan beban cukai korporat yang dikenakan kepada syarikat berkenaan;

50.3 Sebagai usaha untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan dibuat dalam meningkatkan "*efficiency*" dan keberkesanan perniagaan dan perusahaan di negara ini, pindaan juga dibuat kepada pemberian "*Capital Allowance*" bagi pengiraan cukai pendapatan seperti berikut:-

i. "*Initial Allowance*" bagi pembelian atau pelaburan dalam "*Plant and Machinery*" di bawah bab 16(1) diubah dan dinaikkan kepada 40% daripada 20% pada masa ini;

ii. Dalam pada itu, pengusaha - pengusaha juga diberikan pilihan atau alternatif agar perbelanjaan yang dibuat

bagi pembelian "*plant and machinery*" untuk diperkirakan secara potongan purata bagi tempoh tiga tahun (secara *straight line method* pada kadar 33 1/3% setahun);

- iii. Bagi pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga yang menampung perbelanjaan bagi memasang komputer, atau "*automation equipment*" yang dibenarkan, iaitu bagi tujuan meningkatkan *efficiency* dan keberkesanan perusahaan dan perniagaan syarikat, ianya boleh mendapatkan "*capital allowance*" pada kadar 100% khusus bagi perbelanjaan yang ditanggung bagi pemasangan atau pembelian komputer atau peralatan "*automation*" berkenaan; dan
- iv. Bagi memudahkan pengurusan akaun - akaun, mana-mana perbelanjaan "*capital expenditure*" yang tidak melebihi \$2,000.00, perbelanjaan tersebut boleh dikenakan 100% bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan;

51. Sepertimana jua saranan saya pada sesi pada tahun lepas, adalah

diharapkan langkah-langkah tersebut akan dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan lagi daya saing PKS di negara ini melalui langkah-langkah berikut:-

- i. Menambahkan pelaburan dalam "*capital expenditure*" bagi meningkatkan keberkesanan dan efisiensi operasi syarikat untuk meningkatkan lagi daya saing dan daya maju syarikat;
- ii. Memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan supaya masalah pengangguran dapat dikurangkan;
- iii. Memperbaiki dan meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan di tempat kerja di samping lain-lain keperluan yang lazimnya dihulurkan dalam meningkatkan kesejahteraan para pekerja, agar akan lebih menarik kepada pekerja - pekerja tempatan dan juga pekerja-pekerja mahir dan pakar daripada luar negara yang bersesuaian; dan
- iv. Meningkatkan lagi program-program latihan bagi pekerja-pekerja syarikat, terutama

pekerja-pekerja tempatan bagi membantu dan mendokong usaha-usaha syarikat untuk berkembang dan bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa;

Human Resource Development dan Capacity Building

52. Menyedari akan kepentingan perkembangan tenaga manusia dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi sesebuah negara, kerajaan telah melabur sejumlah peruntukan yang besar bagi menyediakan infrastruktur pendidikan di seluruh negara. Kemudahan ini meliputi bukan sahaja penyediaan sekolah-sekolah, tetapi juga mengadakan biasiswa di bawah berbagai skim yang membolehkan pelajar-pelajar dan juga anggota-anggota perkhidmatan awam tempatan untuk meningkatkan taraf pendidikan masing-masing termasuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri. Langkah ini dihasratkan untuk memenuhi keperluan negara bagi membantu memperkembang majukan ekonomi di samping bagi membanyakkan rakyat berpelajaran tinggi dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja, supaya negara mempunyai daya saing yang tinggi bagi

meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat dan penduduk negara ini;

53. Usaha ini adalah juga selaras dengan Visi 2035, untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa. Oleh itu, bagi memastikan sistem pendidikan akan sentiasa relevan dengan tuntutan zaman, kerajaan akan terus mendokong Pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN 21) yang sedang dilaksanakan. Ianya dihasratkan akan dapat menghasilkan generasi terpelajar lagi pemikir, selaku wawasan yang akan mengharungi abad ke 21 nanti. Oleh yang demikian, fokus perbelanjaan bagi kategori ini akan ditumpukan kepada beberapa aspek utama seperti berikut:-

- i. Meningkatkan kemahiran dan produktiviti (*Capacity Building*) melalui program-program latihan bagi kakitangan perkhidmatan awam;
- ii. Menjana belia yang mampu menyara diri dan *marketable*, melalui program-program yang

dapat melengkapkan belia-belia dengan kemahiran seperti *entrepreneurship* sama ada melalui jurusan akademik atau teknikal / vokasional; dan jua mengukuhkan jati diri melalui program-program seperti pendidikan ugama yang berjalan pada masa ini, Belia Cintakan Negara, dan lain-lain; dan

- iii. Peningkatan Penyelidikan dan Perkembangan (*Research and Development*) yang dapat membantu dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan memajukan sektor tertentu.
54. Secara keseluruhannya sejumlah \$1,060.9 juta (18.76%) telah disediakan bagi agensi-agensi yang berperanan dalam merancang dan melaksanakan perkembangan sumber tenaga manusia, termasuk pendidikan dan hal ehwal ugama. Di samping itu, sejumlah \$120.89 juta juga diperuntukkan bagi pengurusan, pengendalian dan pelaksanaan teknologi maklumat dan info komunikasi di negara ini;

RUMUSAN

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

55. Walaupun keadaan ekonomi global pada masa ini sedang mengalami kegawatan, yang mana masih belum lagi dapat dijangkakan dengan tepat bilakah penghujungnya, Alhamdulillah, dengan pandangan jauh dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana kerajaan telah berterusan melaksanakan dasar berjimat cermat di dalam mengurus dan mengawal perbelanjaannya sejak beberapa tahun ini, Kerajaan, insya-Allah, masih lagi mampu untuk meneruskan usaha - usaha dan program - program yang dirancang selaras dengan objektif belanjawan dan perancangan strategik negara. Malahan pada Tahun Kewangan 2009/2010 ini, anggaran perbelanjaan kerajaan juga telahpun ditambah sebanyak \$200 juta berbanding pada tahun sebelumnya sebagai usaha kerajaan dalam menjana lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti ekonomi, yang mana hasilnya nanti ialah pembukaan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan

- kepada rakyat dan penduduk di negara ini;
56. Adalah diharapkan dengan belanjawan yang dibentangkan ini, ianya bukan saja akan dapat membantu pihak swasta dalam mengharungi cabaran pergolakan ekonomi global ketika ini, malahan dapat meningkatkan lagi sumbangan mereka dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak tempatan. Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan nanti, terutama yang berbentuk *capital expenditure* kira-kira \$1,642 juta, negara akan lebih bersedia untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan dalam menghadapi cabaran - cabaran ekonomi global pada masa-masa akan datang, insya-Allah;
57. Untuk itu, kerjasama yang padu dari semua pihak, iaitu di pihak kerajaan, sektor swasta dan orang ramai adalah diperlukan untuk menjadikan hasrat ini satu kenyataan. Melalui kerjasama yang erat dari semua pihak ini, ianya insya-Allah dijangka akan dapat meningkatkan lagi pencapaian negara dalam melaksanakan program-program dan projek-projek yang telah dirancang, terutama dalam usaha pembasmian kemiskinan; meningkatkan keselamatan bekalan makanan negara; peningkatan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan awam bagi kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk; membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan melalui pengukuhan sektor swasta dan lain-lain. Apa yang penting, dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal ini, usaha gigih dan bersepadu semua pihak adalah diperlukan bagi sama-sama memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara supaya negara kita dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menjadi negara darussalam "Baldatun, Tayyibatun, Warabbun Ghafur", iaitu negara yang baik yang mendapat keredhaan dari Allah Subhanahu Wat'ala yang maha pengampun;
58. Oleh itu, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan program-program yang telah diaturkan dapat dilaksanakan, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan daripada Peruntukan Kumpulanwang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun 2009/2010. Maka saya memohon

supaya undang-undang ini diluluskan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Saya menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat kerana memberi penerangan yang panjang dalam pada menunjukkan keterangan-keterangan pada Rang Undang-Undang Kewangan 2009/2010. Diucapkan tahniah.

Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membuka perkara ini untuk diperbahaskan, maka saya tangguhkan mesyuarat ini selama 20 minit untuk memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat menenangkan fikiran dan mencari ilham untuk membahaskan apabila majlis dibuka nanti.

(Majlis ditangguhkan)

Yang Di-Pertua Dewan: Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mensyorkan supaya Rang Undang-Undang di hadapan kita dibaca bagi kali kedua. Saya bukakan majlis untuk membahaskan asas dan kelayakan Rang Undang-Undang ini, supaya sesiapa yang ingin mengambil bahagian bercakap dalam Rang Undang-Undang ini, silakan.

Kalau sekiranya tidak ada sesiapa ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Undang-Undang ini, saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli yang bersetuju pada Rang Undang-Undang ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli-Ahli bersetuju)

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Setelah saya perhatikan dan lihat, semua ahli-ahli kebanyakannya bersetuju, maka yang bersetuju menang.

Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang, Satu Akta yang bergelar, "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu" diluluskan.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa ke semuanya untuk membincangkan Bab Rang Undang-Undang ini satu persatu, demikian.

(Majlis Bersidang Sebagai Jawatankuasa)

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Bab 2 (I dan II), Pengeluaran Sejumlah Wang yang tidak melebihi Empat Ribu,

Sembilan Ratus, Lapan Puluh Lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu dan Enam Ratus Ringgit (\$4,985,785,600.00) dari Kumpulanwang yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 adalah dengan ini dibenarkan.

Siapa yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Siapa yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Kumpulan wang yang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 adalah dengan ini dibenarkan.

Siapa yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Siapa yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Bab 2 diluluskan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam jadual seperti yang diedarkan kepada

Ahli-Ahli yang terdahulu daripada persidangan ini. Sekarang kita di Bab 2 diluluskan.

Jurutulis: Bab 2 dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO1A - Jabatan Perdana Menteri.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada ingin mengambil bahagian dalam tajuk ini, yang bersetuju angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SAO1A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO2A Jabatan Adat Istiadat.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
SAO2A - Jabatan Adat Istiadat Negara. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Jabatan Adat Istiadat Negara SAO2A dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO3A Jabatan Audit.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak setuju sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SAO3A - Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO4A - Biro Kawalan Narkotik.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismilahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam Biro Kawalan Narkotik melihat jumlah peruntukan yang telah dipaparkan ini mengikut Tahun 2009/2010 berjumlah \$12 juta dan mengikut peruntukan tahun yang lalu adalah \$9 juta. Jadi nampak disini kenaikan jumlah peruntukan Alhamdulillah.

Jadi apa yang ingin peramba, saya ingin bangkitkan di sini dalam Biro Kawalan Narkotik mengenai dengan bekas penagih-penagih dadah yang mana ingin disyorkan supaya golongan ini diberikan pemantauan dan pemedulian yang berterusan supaya kehidupan mereka dalam golongan ini dapat diteruskan dan menjamin keluarga dan tanggungan mereka dan supaya ianya tidak akan berulang terjebak semula dalam penagihan dadah. Kerana golongan ini kebanyakannya melihat situasi dalam kampung dan mukim golongan inilah yang

kebanyakannya menghadapi permasalahan. Jadi dipohonkan di Dewan ini supaya golongan ini diberikan sedikit bantuan bulanan kepada mereka agar dapat menyara diri mereka dan keluarga mereka dan apa jua bantuan yang berbentuk penyesuaian bagi penagih-penagih dadah. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan ribuan terima kasih di atas syor Ahli Yang Berhormat itu dan perkara ini akan diambil perhatian insya-Allah tetapi setakat ini orang-orang yang dikategorikan sebagai bekas penagih-penagih dadah ini telahpun diberikan bimbingan.

Mereka ini telahpun diterima sebagai pelajar-pelajar yang diasuh yang diberikan latihan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia dibawah kategori "Orang Yang Di bawah Perhatian (OYDP)" dan program ini adalah bertujuan untuk memberikan mereka kemahiran bagi memulakan kehidupan dalam berusaha sendiri dan peramba percaya program yang sebegini akan dipertingkatkan lagi pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismilahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Satu daripada masalah yang dihadapi oleh bekas-

bekas penagih dadah apabila mereka keluar daripada tahanan di Al-Islah yang mana kelazimannya mereka di sana lebih kurang dalam jangka masa 2 tahun ialah mencari pekerjaan sesudah dibebaskan.

Dalam tinjauan saya yang singkat, saya memerhatikan bahawa dalam jangka 2 tahun mereka di sana mereka diberi pengajaran ugama yang mana dalam fikiran saya adalah penting, tetapi juga mereka diberi latihan dalam hal-hal kemahiran. Yang kurang tepat sekali latihan yang mereka dapati ialah kesesuaian latihan apabila mereka keluar untuk mencari kerja nanti, kalau boleh latihan-latihan yang ada di Pusat Al-Islah akan dapat dipersesuaikan dengan kehendak swasta apabila mereka keluar nanti. Seperti barangkali bekerja sebagai dilatih sebagai bekerja sebagai perkeranian, dilatih sebagai pekerja mekanik dan sebagainya yang mana kalau ada dengan dalam tempoh 2 tahun, kalau ada dengan latihan-latihan ini, mereka insya-Allah akan mudah mencari pekerjaan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi diucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, membuat cadangan tadi dan insya-Allah perkara ini akan difikirkan dan jika sekiranya sesuai akan dijalankan pada masa yang akan datang.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi yang ingin mengambil bahagian dalam Biro Kawalan Narkotik, maka saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SAO4A - Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada Jadual, SAO5A - Biro Mencegah Rasuah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SAO5A - Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada Jadual,

SAO6A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ingin bertanya kajian mengenai dengan kegiatan jenayah di Daerah Temburong. Apakah pihak agensi keselamatan di negara ini pernah membuat kajian terperinci mengenai dengan kegiatan-kegiatan haram, jenayah dan penyeludupan yang ada di Daerah Temburong selama ini. Apakah kajian tersebut dinyatakan hasilnya yang berupa langkah-langkah yang perlu dan mesti diambil oleh pihak agensi keselamatan dan mencegah atau mengurangkan kadar jenayah yang berlaku di daerah ini.

Sekiranya kajian ini telah dibuat, apakah langkah-langkah positif yang diambil atau dilaksanakan oleh pihak agensi keselamatan?. Hasrat ini adalah sebagai usaha sama-sama menjaga keharmonian dan kemaslahatan rakyat sendiri khususnya penduduk Daerah Temburong, mungkin dengan adanya penerang hasil kajian penduduk daerah sendiri akan lebih peka, lebih memberikan kerjasama dan bersatu padu dalam menangani isu-isu sedemikian. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji

Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih pada Ahli Yang Berhormat yang mengajukan pertanyaan tadi. Sememangnya sebagai sebuah agensi kerajaan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri ini sememangnya membuat kajian-kajian mengenai dengan hal-hal keselamatan yang mana apa jua kajian-kajian itu, peramba tidaklah mengetahuinya secara terperinci, walau macamanapun, perkara ini mungkin tidak sesuai dibincangkan dan diperbahaskan dalam majlis ini jadi peramba mensyorkan bahawa perkara ini, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ingin penjelasan yang lanjut bolehlah berhubung dengan pihak peramba dan peramba akan memberikan ataupun meminta Jabatan Keselamatan ini untuk membuat penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SAO6A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual, SAO7A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Di-Pertua, peramba hanya sedikit saja dalam bahagian Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara ini, iaitu bahagian, nampaknya dibagikan nampaknya tahun lepas ada \$15,000 dan \$5,000 perkataannya tak payahlah saya tiap-tiap orang tetapi sekarang nampaknya ditiadakan dalam tahun 2009 diadakan kepada bahagian dot dot dot, adakah ini bagaimana perkataan di sini perjalanan tetap / hutang hitung kilometer / rumah ke pejabat, adakah ini untuk pegawai-pegawai yang bekerja di pejabat sahaja ataupun Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali kalau Ahli Yang Berhormat itu melihat pada anggaran peruntukan bagi tahun 2009/2010, ada jumlah 20,000 disimpan di sana. Jadi yang \$20,000 itu sama jua tajuknya, yang mana \$20,000 ini adalah merupakan \$15,000 dan \$5,000 yang disebutkan oleh Yang Amat Mulia tadi itu dipindahkan menjadi elaun perjalanan tetap / hitung

kilometer / rumah ke pejabat, itu yang sudah digelarkan yang baru.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SAO7A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual, SAO8A - Radio Televisyen Brunei

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Alhamdulillah dengan ada peruntukan yang kita dengar pada petang ini, pada mesyuarat tahun lepas yang sudah pernah disuarakan supaya RTB cawangan Daerah Temburong akan dapat diberikan kenderaan pacuan empat roda bagi kemudahan krew RTB cawangan Daerah Temburong dalam membuat tugas liputan luar terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Kerana sejak tertubuhnya RTB cawangan Daerah Temburong, krew RTB terpaksa

menggunakan kereta sendiri. Peramba ingin tahu kedudukan mengenainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sendiri tidak mengetahui dengan perkara ini, walau macamanapun peramba akan menyiasat mengenai dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu dan akan memberikan jawapannya satu masa kemudian. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Yang Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sesungguhnya agak terpanggil mengenai program Radio Televisyen Brunei yang berfungsi sebagai agen kerajaan pada memaparkan maklumat berhubung apa juga program yang dilaksanakan kerajaan kepada rakyat sama ada pendidikan, ekonomi, ugama, pembangunan negara, berita tempatan dan luar negeri dan seumpamanya. Dengan lain kata bahawa peranan yang diamanahkan kepada Radio Televisyen Brunei adalah menyeluruh setanding dengan lain-lain negara, peramba mengucapkan syabas dan tahniah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sukacita peramba menarik perhatian kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang

mulia ini, bahawa masa 25 tahun negara kita telah mengadakan sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan, peramba berpendapat apa jua program hendaklah menepati hasrat kerajaan, sebagai contoh program drama TV hendaklah menghasilkan drama bukan sahaja drama hiburan yang didatangkan dari luar negeri. Apatah jua kiranya, bahawa dengan diisi drama-drama berbentuk kemasyarakatan sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, umpamanya Negara Brunei Darussalam menghasilkan pengeluaran beras dan mengurangkan penggantungan dari negara luar dengan adanya drama tersebut, peramba yakin membuka minda penonton yang berminat untuk berusaha di bidang pertanian seperti ladang padi baik secara tradisional dan komersial ini satu usaha dapat menghasilkan mengikut kaedah yang betul seperti negara yang menghasilkan pengeluaran beras bukan sahaja sara diri bahkan dieksport ke negara lain seperti pepatah melayu "*Kalau hendak seribu daya tak hendak seribu dalih*". Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih di atas komen hujah Ahli Yang Berhormat itu dan apa jua saranan akan dianalisa dan dikaji. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dilihat daripada anggaran Radio Television Brunei bagi Tahun 2009/2010, kalau dibandingkan dengan anggaran 2008/2009 agak menurun sedikit. Walau bagaimanapun, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang cawangan Radio Televisyen Kuala Belait yang mempunyai bangunannya yang baru dan ianya sudah pun beroperasi sejak tahun lepas. Adalah diharapkan dengan bangunannya yang baru itu pihak Radio Television Brunei daerah tersebut akan dapat memainkan peranan dengan lebih aktif dalam menyalurkan bahan-bahan berita dan perkembangan semasa di daerah tersebut. Juga ingin saya suarakan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi perkara-perkara seperti berikut:-

1. Peralatan dan tenaga kerja yang berkemahiran perlu ditambah bagi meningkatkan prestasi pengeluaran program yang bermutu;
2. Dapat mengusahakan program-program yang menjana perpaduan kaum secara yang lebih berkesan dan akhir sekali;
3. Program menyingkap sejarah lama daerah tersebut bagi memberi pengetahuan kepada generasi sekarang dan akan datang bakal menjadi ristaan sepanjang zaman.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mula Pengiran Pengerusi, saranan Yang Berhormat itu telahpun dimaklumi dan akan diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SA08A - Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA09A - Jabatan Penerangan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya cuma ingin menyentuh tentang Jabatan Penerangan adalah salah satu Jabatan yang

tidak kurang pentingnya dalam menyebar luaskan maklumat kepada orang ramai. Jabatan ini telah ujud lebih awal daripada RTB. Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab bukan saja menyebar luaskan maklumat kerajaan bahkan lebih peranan untuk merapatkan kefahaman orang ramai terhadap kerajaan melalui sebaran am yang tepat dan betul. Antara lain penyampaian maklumat yang memang sudah diadakan ialah mengadakan taklimat penerangan pengeluaran surat khabar "Pelita Brunei", sesi dialog ke mukim dan kampung, menganjurkan acara kebudayaan masyarakat di musim-musim hari kebesaraan negara. Bagi memudahkan pelaksanaan semua perkara, saya nyatakan di atas tadi agar ianya lebih berfungsi kepakaran dan pengalaman tenaga kerja dan serta peralatan yang cukup adalah amat diperlukan.

Oleh yang demikian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi tenaga yang terlatih dan komited perlu diadakan khususnya di Daerah Belait. Peralatan yang diperlukan seperti *PA System* yang cukup lagi lengkap, kenderaan yang bersesuaian bagi menjalankan tugas ke mukim dan kampung, menghidupkan kembali program sesi bersama penduduk-penduduk mukim dan kampung yang pernah disoalkan oleh jabatan tersebut beberapa tahun yang lalu. Sekian saja yang dapat saya sampaikan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat di atas saranan-saranan Yang Berhormat mengenai Jabatan Penerangan ini dan perkara-perkara yang disebutkan tadi akan diteliti dan diambil perhatian, sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan dijadikan sebagai daripada Jadual. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Yang Di-Pertua Speaker, Government Ministers and members of parliament. The Civil Servant is the nerve-centre for the Nation Building Machinery, functioning to implement*

Government policies and Regulations. In His Majesty Sixtieth birthday bertitah, His Majesty said the Civil Service needs to be constantly update rules and regulation and methods, especially concerning the provision of services to the public. It needs to be transparent, effective, customer friendly and fair. For example: When an application is made for something and is not approved, it would be more transparent if the reasons for the application being turned down are stated. And clear guidelines must be provided for making applications, and period how long the outcomes would be known must be indicated.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, *please don't receive any applications if the form not complete. Otherwise, you will be holding the application and unable to proceed it accordingly.*

Each Ministry and Government department have a proper, clear guidelines to avoid corruption because without transparency and proper guidelines, corruption because without transparency and proper guidelines, corruption will happen. It's human nature. His Majesty has said in a titah: Corruption is a social disease that can weaken and hold back development of countries. Brunei Darussalam must close the doors to corruption tightly. Second things, I like to talk in Malay.

Dalam jabatan-jabatan kerajaan selalu mengadakan mesyuarat-mesyuarat. Kadang-

kadang, kalau bolehlah mesyuarat ini *afternoon* sahaja. Kalau boleh *meeting* ini janganlah terlampau panjang. Ada masanya pengerusi bercakap sampai berjam-jam, lepas itu meneliti minit lagi sejam. Dan ucapan pengerusi dan meneliti minit sudah dekat 1 jam setengah. Kalau boleh elakkanlah barang-barang seperti ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada mengemukakan apa-apa pertanyaan mengenai dengan jabatan yang dibahaskan ini, jadi tidak perlu jawapan dan barangkali Ahli Yang Berhormat itu kalau tidak ada apa-apa soalan janganlah dikemukakan yang membuang masa kitani sahaja.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Minta maaf Yang Berhormat. Ini apa ertinya *public service*. Ertinya semua *department*, antara *Ministry* semua. Minta maaf.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang semua *department* tapi satu-satu yang kitani bincangkan ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bukannya Biro Mencegah Rasuah dan pasal perjalanan mesyuarat ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ingin menyuarakan mengenai dengan Skim Perkhidmatan Pegawai-Pegawai Teknikal dan Profesional. Bagi pegawai-pegawai yang memegang jawatan teknikal ataupun profesional seperti *engineer*, arkitek, juruukur dan mungkin juga *lawyer*. Peluang untuk kenaikan pangkat hanyalah melalui kekosongan jawatan. Saya ingin mencadangkan satu skim *work service* bagi pegawai-pegawai yang berkenaan diadakan. Barangkali sebelum itu diadakan dan satu skim *work service* yang bersesuaian yang diadakan yang mana pegawai-pegawai berkenaan akan dapat kenaikan pangkat meskipun dalam jawatan-jawatan mereka yang sedang mereka pegang pada suatu masa.

Perkara kedua, yang ingin saya tanyakan, ialah mengenai dengan peluang *main power development* di pihak swasta. Alhamdulillah kita perhatikan, kehendak tenaga mahir dan semi mahir dalam jawatan kerajaan adalah mencukupi tetapi adalah ketara di pihak swasta yang mana kekosongan-kekosongan terutama sekali profesional-profesional adalah jauh lebih berkurangan. Jadi saya berharap pihak perkhidmatan awam walaupun mungkin di luar daripada bidang kuasa ataupun tanggungjawab jabatan berkenaan akan dapat mengambil kira *main power development*. Kehendak *main power* bagi pihak swasta. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu adalah dialu-alukan untuk membuat apa juga cadangan dan cadangan-cadangan yang membina akan diterima dan dikaji dan jika sekiranya munasabah akan dilaksanakan dan peramba sarankan supaya Ahli Yang Berhormat itu dapat menghadapkan satu cadangan supaya perkara ini akan dapat diteliti oleh jabatan berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di sini, peramba ingin menimbulkan iaitu mengenai dengan pengangguran, jadi setengah golongan ada mengatakan bahawasanya di Negara Brunei Darussalam ini kekosongan tidak seimbang dengan jawatan-jawatan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang bersara. Apakah ini betul ataupun sebaliknya. dan

Kedua, sebab-sebab kenapa pencari-pencari kerja yang kurang minat memohon pekerjaan kepada pihak swasta kerana mereka mengatakan keistimewaan yang terdapat di pihak swasta tidak seimbang dan tidak sama dengan bekerja di bahagian kerajaan. Oleh yang demikian apakah usaha-usaha pihak berkenaan untuk mengatasi perkara yang peramba saya sebutkan tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, nampaknya perkara ini adalah di luar bidang-bidang Perkhidmatan Awam yang tidak ada kena mengena dengan pengangguran dan yang kedua, peramba kurang faham apa sebenarnya yang akan disarankan nampaknya kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat itu ada setengahnya bercanggah, kalau boleh minta penerangan lanjut lagi mengenai dengan perkara itu.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor: Mohon izin untuk menambah sedikit apa yang peramba maksudkan setengah bahagian mengatakan bahawasanya kekosongan-kekosongan kerja yang terdapat di negara ini tidak seimbang dengan kekosongan pegawai-pegawai kerajaan yang sudah berpencen, satu, yang kedua tadi barangkali sudah difahami barangkali. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba masih lagi kurang jelas apa-apa yang sebenarnya maksud Yang Berhormat itu. Apa yang anda seimbang itu? lebih banyak pegawai yang berpencen daripada jawatan kosong ataupun macamana.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor: Mohonkan ampun, sekali lagi untuk

menjelaskan maksud peramba/saya jumlah kekosongan yang ada di negara ini tidak seimbang dengan kekosongan bagi pihak pegawai-pegawai kerajaan yang sudah bersara, contohnya dalam sesuatu pekerjaan itu misal kata 10 orang yang berpencen tetapi apabila untuk memohon kekosongan di dalam 10 ini hanya 8 atau 7 sahaja yang masih kosong, jadi itulah salah satunya yang peramba/saya maksudkan itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali perkara ini lebih baik Ahli Yang Berhormat itu akan membincangkan di luar persidangan ini, kerana masih lagi belum jelas mengenai dengan maksudnya.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada

Jadual. SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbahasan mengenai tajuk ini, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA12A - Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan bagi Polis Diraja Brunei di Tahun 2009/2010 nampaknya kurang menurun dengan jumlah B\$460 ribu, sedikit kekurangan, walau macamanapun Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyuarakan tentang kesejahteraan anggota Polis Diraja Brunei Daerah Belait, saya difahamkan bahawa bilang anggota Polis Diraja Daerah Belait lebih kurang 400 orang anggota. Manakala keramaian penduduknya maksud saya penduduk Daerah Belait hampir mencapai 70,000 orang. Ini bermakna dalam kiraan kasar setiap seorang anggota Polis mengawal 175 orang, Namun demikian

pihak Polis Daerah Belait tetap menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan semampunya, walaupun kadang-kala tidak dapat memenuhi, di mana orang ramai bagi mengimbangi pertumbuhan penduduk seperti kes-kes jenayah, kemalangan jalan raya, kesesakan di persimpangan sekolah-sekolah di daerah tersebut. Saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sukacita mencadangkan perkara-perkara berikut untuk dipertimbangkan:-

1. Anggota Polis Diraja Daerah Belait perlu ditambah bilangan anggotanya;
2. Kenderaan bagi megawal perondaan keselamatan daerah perlu juga ditambah;
3. Perumahan pegawai-pegawai Polis daerah berkurangan dan ianya perlu juga ditambah bagi mengelak Pegawai-Pegawai Polis berulang-alik dari rumah kediaman mereka, ada setengah tinggal di Tutong dan di Daerah Belait bertugas di Daerah Belait. Jika perlu tempatkan mereka di rumah-rumah sewa seperti pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang lain;
4. Memperbaiki perumahan anggota polis yang ada sekarang yang keadaannya sudah usang; dan
5. Rumah kediaman APO di Bukit Puan, supaya dapat dipindahkan lokasinya yang lebih sesuai bagi

kesejahteraan dan keselesaan kepada anggota-anggota dan keluarga mereka kerana Perumahan APO tersebut sudah berada di kawasan yang sering dilanda banjir iaitu lebih 20 tahun sudah. Sekian sahaja yang dapat saya sampaikan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Sekian terima kasih.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji

Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, diucapkan ribuan terima kasih di atas saranan-saranan Yang Berhormat dan perkara ini akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan untuk diambil perhatian.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin

Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ada sedikit untuk disampaikan iaitu mengenai dengan Pasukan Polis Diraja Brunei, kadangkala terdapat apabila terjadi satu-satu kemalangan, apabila dihubungi pihak polis untuk datang ke tempat kemalangan berlaku, kadangkala memakan masa yang terlalu lama, jadi dipohonkanlah supaya perkara sedemikian akan dapat diperbaiki supaya pihak polis akan lebih cepat sampai ke tempat kemalangan berlaku. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji

Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saranan Yang Berhormat itu akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah jam 5.00 petang setelah perbincangan mengenai dengan Tajuk Polis Diraja Brunei kita dengar dan mendapat perbincangan maka saya minta ahli-ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak setuju, sila angkat tangan

(Tidak ada).

Nampaknya ramai yang mengangkat tangan, maka Polis Diraja Brunei lulus sebahagian undang-undang.

Jurutulis: SA12A - Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat perhatikan sekarang waktu sudah jam 5.00 petang tentu sahaja kita akan menyempurnakan berbagai-bagai perkara di rumah, lebih-lebih lagi menunaikan fardhu sembahyang Asar, maka saya dengan ini menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa dan menyambung balik persidangan kita semula.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, selepas kita berbincang dalam Majlis Jawatankuasa dan balik kepada Majlis Mesyuarat, maka melihatkan jam sudah 5.00 petang dengan sebab itu saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga esok jam 9.30 pagi. Sekian.

(Majlis ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Selasa, 20 Rabiulawal 1430 / 17 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri
Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI., Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir sebelah pagi)

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia

Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir sebelah pagi/petang)

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN):

Yang Berhormat

Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,

Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat

Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulikan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat disambung pada jam 9.30 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim,
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat
Negara hari keempat disambung semula
dengan mendahului bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimulikan Pehin Khatib Awang Haji
Emran bin Haji Kuncang. (Imam Masjid
Jame' Asr Hassanil Bolkiah).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang
Berhormat, majlis bersidang semula dan
sebagaimana yang telah kita laksanakan
kelmarin, kita masih di dalam peringkat
menyempurnakan penyelesaian
perbelanjaan pejabat-pejabat yang baru

sampai ke tahap yang rendah, maka untuk
membolehkan supaya majlis itu
disempurnakan dengan sebaik-baiknya,
maka sekarang saya tangguhkan Majlis
Mesyuarat Negara dan bersidang dalam
Majlis Jawatankuasa untuk membolehkan
kita dapat menyelesaikannya sepertimana
yang saya jelaskan tadi.

(Mesyuarat Bersidang sebagai Jawatankuasa)

Jurutulis: Tajuk SA14A - Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.
Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi
Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia
Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang
Berhormat yang saya hormati sekalian, saya
akan menyuarakan mengenai dengan
Succession Planning di Jabatan Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam. Peranan Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam dari menyelaras
proses pengisian jawatan-jawatan kosong
di jabatan-jabatan kerajaan, ianya juga
sebagaimana yang saya difahamkan
master mind dalam perancangan mengisi
jawatan-jawatan kosong di semua agensi
kerajaan kecuali kekosongan di Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei.

Saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi
ingin bertanya, adakah SPA ada
menyediakan *Succession Planning* bagi
mengisi jawatan-jawatan utama dalam
perkhidmatan awam, kerana didapati banyak

jawatan-jawatan yang kosong diisi secara memangku lebih dari enam bulan dan ada kalanya yang bertahun-tahun, jawatan-jawatan tersebut seperti SUT, Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah dan lain-lain lagi. Kalau boleh mohon minta penjelasan dan bukan sekadar untuk diambil maklum Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekian dan terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai *Succession Plan* bukanlah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, *Succession Plan* ini adalah tanggungjawab kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing dan tidak ada kena mengena dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini sebagai satu badan yang *independent* ataupun bebas, mempunyai tugas penyelarasan bagi lantikan-lantikan jawatan-jawatan bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, jadi itu saja yang dapat diterangkan kepada Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan *Succession Plan* adalah tanggungjawab kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan untuk menyediakannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat,

peramba ingin menyentuh tiga perkara mengenai dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam:-

1. Mengenai dengan kekosongan, adalah dianggarkan kekosongan yang terdapat di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan pada ketika ini adalah lebih kurang dalam 7,000 kekosongan, sedangkan negara kita juga mempunyai pengangguran lebih daripada 7,000. Jadi peramba ingin bertanya mengapakah kekosongan ini berlaku?;
2. Temuduga-temuduga untuk jawatan-jawatan yang kosong kadangkala memakan masa yang agak lama untuk diisikan, mengapakah perkara ini terjadi?; dan
3. Dari segi sistem penilaian kakitangan kerajaan, sistem pengambilan dan pembuangan kakitangan, barangkali perlu dinilai semula. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ketiga-tiga soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu adalah dimaklumi. Mengenai dengan jumlah kekosongan yang terdapat pada masa ini memang mungkin berjumlah 7,000 tetapi bagaimana yang

peramba sendiri mengetahui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada masa ini sedang berusaha dengan seboleh-bolehnya untuk mengurangkan kekosongan-kekosongan ini dengan membuat lantikan-lantikan seberapa cepat yang boleh.

Mengenai dengan mengapa lama kekosongan ini barulah diisi, ini adalah terpulang kepada beberapa faktor yang mungkin di luar daripada kemampuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menyelesaikannya kerana sebelum sesuatu lantikan itu dibuat, beberapa proses penyelarasan dan juga proses pemantauan dan segala maklumat-maklumat harus di cek ditentukan bahawa permohonan-permohonan itu betul-betul mempunyai kelayakan, bagi mengisi jawatan-jawatan itu daripada segi kelulusan dan daripada segi *security waiting* dan sebagainya. Mungkin penyelarasan yang sebegini inilah memakan masa kerana dia bukan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi berbagai agensi kerajaan, itulah yang menyebabkan kekosongan ini lambat diproses kerana faktor-faktor yang di luar daripada kawalan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Mengenai cadangan yang ketiga insya-Allah perkara ini akan diambil kira dan akan diteliti pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA15A – Unit Petroleum.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan

Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan mengenai dengan stesen-stesen minyak. Pada masa ini pemeriksaan timbangan ke atas stesen-stesen minyak di negara ini diadakan 3 kali dalam setahun, setiap satu nuzul yang diperiksa dikenakan bayaran sebanyak \$20.00, kalau satu stesen itu mempunyai 30 nuzul maka pemilik *station* ini akan dikenakan bayaran yang berjumlah \$600.00 dan bayaran bagi setahun ialah \$1,800.00 setahun.

Ini sudah jelas akan mengurangkan pendapatan pemilik-pemilik stesen minyak, tidakkah ianya boleh dilakukan setahun sekali supaya pengusaha-pengusaha stesen minyak tidak akan terpaksa mengeluarkan wang yang tidak menjimatkan dan sepatutnya tidak perlu. Dulu pihak stesen - stesen minyak yang mempunyai stesen di atas tanah sendiri telah dibayar sewa tanah oleh Brunei Shell Marketing, tetapi pembayaran sewa ini sudah diberhentikan,

ini telah menyebabkan pendapatan pemilik-pemilik stesen minyak itu berkurangan. Bagi membantu perniagaan, peniaga tempatan seperti *SMEs* dan koperasi-koperasi maka pembayaran sewa ini patutlah diadakan semula. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ada dua soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang pertama mengenai kekerapan timbangan diperiksa oleh pihak yang berkuasa, dalam hal ini ialah pihak Brunei Shell Marketing, perkara ini dibuat bukanlah bertujuan untuk mengutip hasil, tetapi ia adalah untuk kepentingan orang ramai supaya apa jua *volume* yang diberikan kepada orang ramai itu adalah menepati kepada sukatan, jadi peramba kira kepentingan orang ramai ini mestilah juga dijaga.

Dengan itulah kerana sukatan ini harus diperiksa dengan kekerapan yang dibuat pada masa ini, walau bagaimanapun perkara ini akan dibincangkan dengan pihak Brunei Shell Marketing dan jika sekiranya tidak menjejaskan kepentingan orang ramai perkara ini akan dipertimbangkan semula. Mengenai dengan pembayaran sewa tanah ini peramba kurangnya mengetahui kedudukannya, peramba tidak tahu sama ada rakan peramba Yang Berhormat Menteri Pembangunan mempunyai maklumat mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun

jika jawapan tidak dapat diberikan pada pagi ini, perkara ini akan disiasat dan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berwajib. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Unit Petroleum adalah satu jabatan kerajaan yang bertanggungjawab mengawasi akan aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat swasta yang menghasilkan minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam. Unit-Unit ini juga saya difahamkan berkuasa dalam memberikan lampu hijau di syarikat-syarikat swasta tersebut menjalankan kerja-kerja operasinya, di kawasan-kawasan kerja eksplorasinya sama ada di luar pantai mahupun di darat, juga berkuasa dalam membenarkan mendatangkan pekerja-pekerja asing bagi memenuhi jawatan-jawatan tinggi yang kosong di syarikat-syarikat swasta tersebut.

Apa yang ingin saya timbulkan di sini Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ialah pertama tidak semua kawasan yang diterokai itu akan menghasilkan minyak dan gas walaupun dengan menggunakan teknologi yang tinggi, kalau kawasan-kawasan tersebut sudah pasti berkeadaan kering ianya tetap akan berkeadaan sedemikian, oleh itu Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kita minta Unit Petroleum membuat pemantauan dalam hal ini dan jika perlu memohon mana-mana kawasan tanah pajakan yang tidak lagi dapat dimajukan oleh syarikat-syarikat tersebut akan dapat dinilai, dikaji semula perjanjian pajakan dan

jika perlu kawasan-kawasan tersebut diminta dikembalikan kepada kerajaan bagi dimajukan untuk tujuan pembangunan negara. Perkara ini pernah berlaku di mana pihak swasta sedang merancang untuk menjadikan sebuah bangunan serbaguna *Multi-Purpose Centre* di Pekan Seria.

Yang kedua diminta pihak Unit Petroleum dapat membuat pemantauan dan penyiasatan rapi terhadap pengambilan pekerja-pekerja asing yang memenuhi jawatan-jawatan tinggi di syarikat-syarikat tersebut bukan hanya menerima bulat-bulat akan penjelasan dan penerangan pihak swasta yang mengatakan tidak ada anak tempatan yang layak atau sesuai untuk mengisikan jawatan-jawatan tinggi tersebut, jika benar ini berlaku tolong siasat dan cari sebab kenapa ianya berlaku. Sekian saja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, soalan pertama mengenai dengan telaga-telaga minyak yang sudah kering, memang Unit Petroleum mempunyai tanggungjawab untuk meminta balik kawasan-kawasan yang sudah tidak lagi diterokai itu dan perkara ini telah pernah dijalankan oleh Unit Petroleum, mengenai dengan kedudukan pekerja-pekerja asing, daripada segi pemantauan supaya anak-anak Brunei mengisikan jawatan-jawatan di dalam syarikat-syarikat minyak shell ini,

pemantauan ini juga sentiasa dibuat oleh pihak Unit Petroleum, misalnya pada masa ini Syarikat Minyak Shell Brunei pada kedudukan sehingga bulan Mac tahun ini mempunyai 57.7% daripada jawatan-jawatan tinggi dan telahpun diisi oleh orang-orang Brunei dan perkara ini adalah satu peningkatan, misalnya daripada keadaan dalam tahun 2000 di mana hanya 17 daripada 43 kedudukan ataupun jawatan-jawatan tinggi dipegang oleh orang-orang Brunei. Jadi perkara ini adalah hasil daripada pemantauan yang telahpun dibuat oleh Unit Petroleum.

Mengenai dengan kontraktor-kontraktor yang diberikan kontrak. Perkara ini mungkin adalah tugas Jabatan Buruh, kerana ia bukanlah di bawah kawalan Unit Petroleum dari segi pengambilan pekerja-pekerja yang diberikan kontrak bagi Syarikat-Syarikat Minyak Shell ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sejak 25 tahun yang lalu dalam proses negara untuk memperkembangkan lagi industri minyak dan gas adalah disedari bilangan syarikat-syarikat minyak dan gas antarabangsa dan tempatan serta servis kompeni telah meningkat.

Dengan sumber tenaga manusia yang ada dalam pentadbiran dan *regularity* kerajaan misalnya struktur Unit Petroleum perlu diperkukuhkan agar akan dapat terus memantau dan mampu dan seimbang

dengan *counterpart* mereka dalam menangani apa jua isu-isu atau perkara-perkara yang mungkin akan timbul.

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saranan Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil maklum. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA15A – Unit Petroleum dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya,

yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA16A – Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang kawalan harga barang. Kenaikan harga komoditi di Negara Brunei Darussalam memang sukar dibendung kerana kebanyakan komoditas hampir 90% diimport dari luar negara.

Walau bagaimanapun, komoditas keluaran tempatan atau luar negara yang berasaskan sumber minyak dan gas sepatutnya dapat dikawal kenaikan harganya, kerana harga minyak telahpun turun ke paras \$40 setong ketika ini.

Baru-baru ini pihak JPKE telahpun mengenalkan satu mekanisme yang dipanggil *Consumer Watch Column* secara *on line* bagi publik memberi maklumat kepada JPKE dalam usaha untuk

mengekang harga barangan. Inisiatif ini adalah sangat dialu-alukan.

Kita berharap orang ramai akan mengambil kesempatan ini dengan sebaiknya. Manakala pihak JPKE hendaklah bertindak, merespons dengan cepat, bila mana menerima maklumat dari orang ramai dan janganlah hendaknya kelak membisu seribu bahasa bila mana menerima maklumat-maklumat tersebut.

Saya difahamkan bahawa pada masa ini ada beberapa komoditi sahaja yang dapat dikawal harganya iaitu beras, gula, kopi, susu kanak-kanak, minyak, kenderaan dan lain-lain. Bagi membolehkan pihak JPKE mengawal sesetengah barangan di negara ini, saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sukacita mencadangkan:-

1. Memperbanyakkan barangan yang difikirkan perlu dikawal oleh pihak kerajaan dan barangan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam senarai barangan di bawah kawalan kerajaan, terutama produk yang berasaskan dari sumber minyak selain dari barangan yang saya sebutkan di atas tadi; dan
2. Pihak yang berwajib, hendaklah benar-benar menguatkuasakan undang-undang bukan sekadar memperingati pihak peniaga untuk tidak mengambil peluang menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya terutama sewaktu

kegawatan ekonomi pada masa ini. Dengan cara sedemikian, saya rasa Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sesetengah harga barang itu dapat disekat kenaikan harganya.

Sekian saja yang dapat saya bahaskan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Memang benar harga barang-barang naik semasa harga minyak telah naik dan apabila harga minyak telah turun harga barang-barang yang berasaskan minyak ini tidak turun. Jawapan daripada peniaga-peniaga ialah bahawa mereka masih lagi menjual stok yang lama, yang diimport dengan harga yang tinggi.

Walau bagaimanapun, peramba difahamkan bahawa JPKE telahpun menubuhkan satu badan untuk mengawasi, kawalan harga barang ini dan insya-Allah dengan adanya unit ini nanti berfungsi dengan rapi, ia akan dapat memantau kenaikan harga-harga barang terutama sekali harga barang yang dikawal dan diucapkan ribuan terima kasih di atas saranan Ahli Yang Berhormat tentang cara bagaimana memantau perkara ini. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian

dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA18A – Bahagian Undang-Undang.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Mulia Pengiran Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba difahamkan bahawa sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan pada 2 Mac 1999 iaitu jawatankuasa menelitikan undang-undang ataupun *Law Revision Committee* yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lela Setia Bakti Diraja Laila Utama Haji Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim. Di antara fungsifungsinya ialah jawatankuasa boleh mencadangkan ataupun memindahkan *amendment* ke atas undang-undang yang telah lapuk ataupun yang *absolutely* dan melihat apa yang undang-undang yang perlu diubah suai termasuk isu-isu berkaitan perlesenan, tanah, buruh, imigresen dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun sejak tahun 2002 jawatankuasa ini telah tidak

dipermesyuaratkan dan tidak ada makluman diterima, adakah jawatankuasa ini masih wujud?.

Oleh yang demikian peramba memintalah penjelasan dari Yang Berhormat Menteri berkenaan apalah *status* jawatankuasa ini. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba hanya memegang jawatan peramba sebagai Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri sejak bulan Ogos 2008 jadi apa yang terjadi sebelum itu tidaklah peramba mengetahui sepenuhnya dan peramba akan menyiasat apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimana pun peramba difahamkan bahawa penggubalan ataupun *revision* mengenai dengan undang-undang kita ini sedang dijalankan pada masa ini dan apa-apa jua undang-undang yang perlu diubah dipindah prosesnya sedang berjalan dan ditangani oleh pegawai-pegawai yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri, sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SA18A - Bahagian Undang-Undang dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, selama 2 tahun yang berlalu saya telah menerima salinan naskah Warta Kerajaan ini. Warta Kerajaan ini adalah dokumen rasmi kerajaan bagi merujuk perkara-perkara yang telah diperkenankan dan diluluskan oleh kerajaan.

Saya pernah mendapati beberapa kesalahan kecil di bahagian-bahagian naskah tersebut. Dokumen tersebut sepatutnya mesti tepat, betul dan bersih daripada sebarang kesalahan supaya tiada ada ruang untuk orang mempertikaikannya lebih-lebih lagi kalau rujukan itu dibawa ke dalam perbicaraan di mahkamah-mahkamah. Soalan saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ialah ingin memohon penjelasan dalam hal ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sendiri tidak dapat memberikan

apa-apa jua penjelasan selagi kerja ini dibuat oleh manusia memang ada kesilapan, jadi kesilapan itu kalau sekiranya berlaku akan diperbetulkan. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SA20A - Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA21A - Peguam Negara.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya akan membawakan *Arbitration Centre*, sepertimana yang kita ketahui *Arbitration* Antarabangsa atau *International Arbitration* kini telah menjadi salah satu mekanisme yang popular untuk menyelesaikan perbalahan atau *disburse* dalam bidang perlaburan ataupun bisnes. Bagi memberi keyakinan kepada pelabur asing mengenai

dengan keselamatan pelaburan mereka di Brunei ini, kita perlulah melihat akan penubuhan *Arbitration Centre* sebagaimana yang telah dilakukan di negara-negara Asean yang lainnya.

Rangka kerja *Arbitration Act* telah diwartakan pada tahun 1994 dan dipindah pada tahun 1999, *Brunei Arbitration Act (cap 173)* pada masa ini adalah berdasarkan pada 1950 *English Arbitration Act* dan akta tersebut adalah berpandukan prinsip yang telah digunakan lebih daripada 50 tahun dahulu. Pada Ogos 2008 satu persidangan *International Arbitration Conference* telah diadakan di Brunei oleh *Arbitration Association Brunei Darussalam*, yang mana Yang Berhormat Peguam Negara telah berucap dan mengatakan bahawa 2 draf baru bertulis bagi *Arbitration Domestic* dan *Arbitration Antarabangsa* akan diwartakan tidak lama lagi, jadi saya harap akan dapat makluman terkini akan kedudukan 2 draf bertulis tersebut.

Untuk memperkembangkan lagi pelaburan dari luar ke negara ini seperti *FDI Foreign Direct Investment* maka sudah sewajarnya penubuhan *Arbitration Centre* tepat pada masanya untuk ditubuhkan di negara ini. Alhamdulillah kita juga mempunyai pakar-pakar tempatan pakar-pakar *Arbitration* tempatan seperti Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh Ibrni Almarhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhammad Alam, Dr Collin dan lain-lain lagi rakan-rakan dari ahli-ahli AABD

yang dengan ini, sukarela ingin berganding bahu bagi menubuhkan pusat *Arbitration* ini. Usaha seperti ini haruslah diberikan sokongan padu. Penubuhan *Arbitration Centre* ini juga memerlukan tempat fizikal seperti bangunan. Sukacita dicadangkan mana-mana bangunan-bangunan kerajaan yang ada dan terbiar dan tidak digunakan bolehlah diberikan untuk tujuan ini. Pusat ini juga menghendaki sumber-sumber kewangan baginya untuk beroperasi. Kita berbangga negara kita tidak ketinggalan dalam bidang mahkamah dan undang-undang yang mana kita sudah memiliki semuanya ini hanya kini diharap dan dipohonkan penubuhan *Arbitration centre* ini akan dapat diusahakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan ribuan terima kasih di atas saranan-saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan *Arbitration Centre*. Memang benar pada masa ini, kita mempunyai bangunan untuk menempatkan *Arbitration Centre* ini dan apa jua cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Mengenai status terkini dengan akta yang berhubung kait dengan *arbitration* ini peramba mohon maaf tidak dapat memberi penjelasan kerana tidak mendapat maklumat mengenainya pada masa ini. Walau bagaimanapun perkara ini akan disiasat dan jawapan akan

diberikan kepada Ahli Yang Berhormat itu.
Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA21A - Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK05A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya akan membawakan energi, memandangkan energi adalah satu keperluan asas dalam kehidupan kita pada masa ini dan juga masa depan dan juga peningkatan harga pengeluaran energi juga kian meningkat tinggi dan seterusnya impak ataupun ancamannya kepada alam sekitar ataupun *environment*.

Saya sukacita mencadangkan, Brunei kita patutlah menumpukan usaha untuk membuat *study* ataupun *research* di bidang-bidang seperti berikut:-

1. *Energy Economic And Policy;*
2. *Energy Conservation And Management;* dan
3. *Material Renewable Energy'* seperti *Solar Energy Hydro Power, Nuclear Energy'* dan sebagainya.

Saya difahamkan UBD, Universiti Brunei Darussalam sedang mengusahakan dan membuat perundingan dengan Kementerian *Energy* untuk membuat 6 projek energi. Memohonkan peruntukan daripada RKN 2007/2012 di bawah *Budget Science And*

Technology Research. Projek dianggarkan berharga \$14 Juta.

Jesteru itu, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi izinkan saya, kaola di Dewan yang mulia ini mempunyai kuasa untuk meluluskan peruntukan yang diperlukan sebanyak B\$14 Juta Ringgit itu. Sukacita saya sokong dan pohonkan supaya peruntukan dalam RKN 2007/2012 untuk 'Science Technology Research' itu akan dapat digunakan untuk pembiayaan *research* projek ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba percaya perkara ini mungkin terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara mengenai dengan 'Solar Power' dan jika sekiranya benar, diharap Ahli Yang Berhormat itu akan meluluskan peruntukan itu nanti apabila kita sampai kepada bahagian yang dibincangkan. Walau bagaimanapun saya percaya perkara ini akan diambil perhatian oleh Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Elektrik, yang saya nampak memerhati persidangan pada pagi ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan

Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba akan mengutarakan dua soalan iaitu:-

1. Apakah ada dalam perancangan perkhidmatan Jabatan Elektrik bagi pemasangan lampu-lampu awam jalan raya kawasan-kawasan yang terlalu gelap pada waktu malam daripada Pos Kawalan Labu melalui ke Mukim Labu dan Mukim Batu Apoi menuju ke Pekan Bangar?; dan
2. Peramba juga ingin bertanya mengikut perancangan tambahan 2 enjin diesel 3 mega watt yang baru akan ditambah dan dibangunkan, bagi tambahan 4 buah enjin diesel yang ada, yang sudah sedia ada di Stesen Janakuasa di Belingus. Bilakah ianya akan dibangunkan?.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pertama sekali mengenai dengan tambahan dua enjin diesel Stesen Janakuasa di Belingus. Perancangan telahpun dibuat dan pihak konsultan telahpun dilantik bagi projek ini. *Tender* ataupun Tawaran akan dibuka dalam bulan April dan adalah dijangkakan bahawa rancangan ataupun projek ini akan diberikan kepada pemborong yang berjaya sekitar bulan Ogos/September pada tahun ini.

Dan adalah dijangkakan projek ini akan memakan masa selama 16 bulan untuk dibina. Jadi dengan mengambil kira penambahan janakuasa bagi Daerah Temburong, sememangnya Jabatan Perkhidmatan Elektrik telahpun membuat perancangan bagi pemasangan lampu-lampu jalan raya daripada Kawasan Pos Kawalan di Labu hingga ke Mukim Batu Apoi dan Bangar.

Walau macamapun projek ini harus diselaraskan dengan pembinaan tambahan janakuasa bagi Stesen di Belingus dan dikhuatiri kalau sekiranya projek ini dijalankan dulu mungkin pembekalan letrik yang ada pada masa ini tidak cukup untuk menjana lampu-lampu yang dipasang. Jadi insya-Allah sebagaimana yang peramba terangkan tadi, pemasangan lampu ini akan diselaraskan dengan pembinaan dua lagi penambahan stesen enjin di Belingus. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini mengenai dengan pemasangan lampu juga di Daerah Tutong, Jalan dari Pekan Tutong, lebuhraya daripada Pekan Tutong menuju ke Bukit Beruang lebih kurang 10km belum mempunyai lampu jalan. Walaupun sudah bertahun-tahun digunakan. Jadi saya syorkan supaya jalan tersebut dipasang lampu untuk mengelakkan sebarang kemalangan sepertimana yang telah berlaku pada 12 Jun 2008 di pusingan 'U' tidak ada lampu, tiba-tiba satu

kemalangan berlaku iaitu sebuah trailer berpusing dan mengorbankan empat nyawa, diharapkan supaya pihak-pihak yang berkenaan akan memasang lampu di sepanjang jalan tersebut untuk mengelak berlakunya kemalangan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingat kemalangan itu terjadi pada waktu siang, jadi tidak ada kena mengena dengan pemasangan lampu. Peramba minta maaf dengan keadaan itu, walau macamapun beberapa projek pembinaan pemasangan lampu sedangpun diungkayahkan dan dilaksanakan dan insya-Allah perkara itu akan diperhati semula supaya akan dapat dipercepatkan pembinaannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kita bersyukur di Negara Brunei Darussalam ini diseluruh negara telahpun dibekalkan elektrik jadi sebagai makluman kepada pihak-pihak yang berkenaan yang mana pada masa ini terdapat tiang letrik yang dipasang di tepi-tepi jalan, terutama sekali di tempat-tempat pendalaman, kampung-kampung dan mukim-mukim, tiang letrik tersebut ada yang sudah condong dan ada pula tiang konkret yang telah dibubuh simen sudah timbul daripada tanah asal dan juga ada di antara wayar letrik tersebut

sudahpun terturun daripada tiang letrik, tidak kurang juga terdapat di kawasan Kampong Air, oleh yang demikian saya syorkan supaya perkara ini akan dapat dibuat penyiasaan dan dapat dibaik pulih.

Yang kedua, mengenai dengan kedudukan tiang letrik sekarang ini, dilihat kedudukan tiang letrik itu dipasang telalu dekat dengan pit jalan, kalau boleh di masa-masa akan datang apabila ada pemasangan tiang letrik yang baru supaya pemasangan tiang letrik ini dijauhkan daripada pit jalan.

Yang ketiga, terdapat *sub-station* letrik di kampung-kampung dan mukim-mukim kedudukannya sekarang agak rendah daripada kedudukan jalan raya, jadi jika sekiranya berlaku banjir *sub-station* ini akan dibanjiri air, mudah-mudahan perkara ini dapat disedari supaya ianya akan dapat dinaikkan daripada paras yang begitu rendah. Itulah sahaja sebagai makluman kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membaik pulih keadaan itu nanti. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Jabatan Perkhidmatan Elektrik berdekatan dengan jalan yang hampirnya tidak begitu sempurna, bolehkah Ahli Yang Berhormat memberitahu di mana tiang letrik yang dekat jalan itu?

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Izinkan peramba, saya memberikan satu contoh salah satu daripadanya tiang letrik yang terlalu dekat dengan pit jalan yang peramba, saya sendiri hari-hari melintas dan melihat seperti jalan raya menuju Kampong Tarap Bau dan Kampong Lupak Luas ada jua tiang-tiang letrik yang selain daripada peramba, saya sebutkan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan terima kasih di atas maklumat-maklumat yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan pembaikan tiang-tiang letrik yang ada setengahnya telah condong dan sebagainya. perkara ini telah disedari hasil daripada hujan lebat baru-baru ini dalam bulan Januari dan Februari, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telahpun membuat perancangan bagi memperbaiki keadaan tiang-tiang letrik mungkin akan runtuh disebabkan hakisan tanah hasil daripada hujan lebat.

Yang kedua, mengenai dengan tiang letrik hampir dengan pit jalan ini, saranan itu akan diambil kira. Jabatan Kerja Raya supaya akan berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik apabila menjalankan projek pembesaran jalan pada masa yang akan datang.

Yang ketiga, mengenai *sub-station* yang rendah telahpun disedari apabila berlaku banjir terutama di kampung-kampung dan mukim-mukim di beberapa kawasan. Perkara ini telahpun ketara kedudukannya dan pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telahpun membuat perancangan untuk meninggikan *sub-station* yang berkedudukan di kawasan-kawasan yang rendah ini, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya menyokong cadangan kajian tenaga, alternatif yang dibawa salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, bagi pandangan saya tenaga solar mungkin boleh dikaji sebagai tenaga alternatif juga. Di samping itu saya ingin mengambil kesempatan untuk menyuarakan tentang Jabatan Elektrik, Daerah Belait di mana pada masa ini dalam proses mengemaskinikan terutama di kawasan Daerah Kuala Belait, adalah diharapkan usaha yang diungkayahkan ini akan dapat mengurangkan gangguan tenaga elektrik yang sering dialami oleh orang ramai di kawasan ini. Walau bagaimanapun gangguan-gangguan di Pekan Seria masih lagi berlaku. Saya ingin bertanya:

1. Berapakah kekuatan tambahan tenaga elektrik yang ditambah di Pekan Kuala Belait itu?.
2. Berapa lamakah projek tersebut akan disiapkan?;

3. Apakah tindakan Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi mengurangkan gangguan-gangguan di Pekan Seria?; dan
4. Saya juga difahamkan bahawa pemasangan lampu jalan dari Lumut ke Jalan Mumong dan seterusnya ke Sungai Teraban dan juga lampu Jalan Seria, Anduki sedang dalam pertimbangan? Saya ingin tahu bilakah perkara ini dapat dilaksanakan?.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang berapa rancangan telahpun dibuat bagi keadaan pembekalan elektrik terutama sekali bagi kawasan Seria yang seringkali berlaku gangguan-gangguan. Pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telahpun melantik konsultan baru dan iklan untuk tawaran akan dibuat pada bulan Mei tahun ini. Iklan ini adalah untuk pemasangan baru sistem talian pembahagian 66 KV dan juga pengukuhan sistem talian pembahagian 11KV. Juga terbabit ialah mengenai dengan pemasangan baru tambahan sistem talian 66KV daripada bekalan Janakuasa Lumut ke Kuala Belait. Insya-Allah perkara ini akan dibuat pada kira-kira dalam bulan Julai 2009. Di samping itu juga masih dalam perlaksanaan adalah membuat talian baru 66KV *backup line*

daripada stesen utama 66, 11KV Penaga ke stesen utama Kuala Belait yang dijangka siap pada bulan April 2009. Sekian saja yang dapat dimaklumkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SKO5A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Terima Kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai sejarah *E-Government*. Semenjak *inisiatif E-Government* yang lalu melalui bajet RKN 8 iaitu kira-kira \$1 billion, hanya segelintir sahaja daripada belanjawan yang diperuntukkan telah digunakan untuk ini, seperti yang dilaporkan di dalam terbitan Wawasan Brunei 2035. *E-Government* merupakan hujah-hujah kerajaan untuk

membekalkan infrastruktur IT, perhubungan dan perkhidmatan kepada pihak awam dan sektor perniagaan. Tetapi sejak kebelakangan ini adalah nyata bahawa perkembangan ICT seakan-akan tergendala. Pihak kerajaan telah memainkan peranan dalam *re-aligning dan considering*. Usaha-usaha ini antaranya ialah penubuhan *EG National Centre* ataupun Pusat Kebangsaan E-Kerajaan yang mana ditugaskan untuk meneliti isu-isu, masalah-masalah yang mempengaruhi atau melambatkan inisiatif ICT untuk berkembang maju. Ini merupakan satu tindakan yang amat dibanggakan dan dipuji. Saya ada dua soalan;-

1. Apakah strategi-strategi yang akan digunakan untuk bergerak maju agar inisiatif *E-Government* akan dapat diperluaskan penggunaannya dengan berkesan dan mencapai matlamatnya dalam mempertingkatkan perkhidmatan kepada pihak kerajaan dan rakyat?; dan
2. Adakah langkah-langkah ini termasuk penyediaan satu plan induk ataupun ICT *master plan* yang strategik bagi memastikan kita akan dapat menuju ke arah yang betul?

Saya rasa 10 tahun kita berusaha di bidang ICT kita sudah pasti boleh mengenal ke arah hala tujuan yang dikehendaki. Seandainya perlu, kita perlulah melihat dan mencontohi *the best practices* di negeri-negeri yang maju dan yang boleh disesuaikan dan diselaraskan dengan keperluan negara kita.

Dari itu, saya mengalu-alukan dan bersetuju peruntukan bagi Pusat E-Kerajaan ini diluluskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih di atas sokongan Ahli-Ahli Berhormat untuk meluluskan peruntukan ini. Memang strategi kita ialah untuk membelanjakan sebanyak \$950 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012, bagi Perkhidmatan E-Kerajaan ini. Pada dasarnya pihak kerajaan sememangnya ingin mempercepatkan pelaksanaan projek-projek tersebut, akan tetapi pihak kerajaan juga mempunyai cabaran yang tersendiri antara lain cabarannya adalah seperti berikut:-

1. Jumlah kakitangan yang telah terlatih dalam bidang ICT tidak mencukupi dan kurang berkemahiran bagi melaksanakan projek - projek E-Kerajaan;
2. Projek-projek ini mesti di *prioritise* ataupun dibuat keutamaan;
3. Proses-proses yang kurang efisien dan kurang mesra pelanggan, di mana *Business Process Re-Engineering* akan dibuat untuk menghalusi proses tersebut; dan

4. Sistem perhubungan *E-Government Bandwith* yang perlu ditingkatkan prestasinya memandangkan perkara ini sering menjadi aduan orang ramai ataupun pengguna.

Bagi menangani cabaran-cabaran tersebut pihak E-Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri telah membuat perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang yang antara lain adalah seperti berikut:-

1. Bagi jangka masa pendek dan sederhana; mengambil khidmat pakar luar negeri dan dalam negeri dan juga pengambilan mentor untuk latihan dalam kerja bagi kakitangan sekarang.
2. Bagi jangka masa panjang; merekrut anak tempatan yang akan diberikan latihan dan pengalaman tertentu.

Sebanyak lebih daripada \$20 juta telah dipohonkan untuk latihan ICT ini. Sementara itu pihak kerajaan mengambil langkah untuk *memprioritise* projek-projek yang lebih penting untuk dijalankan terlebih dahulu. Pengambilan kakitangan baru sedang giat dilaksanakan pada masa ini dan peningkatan penyediaan prasarana ICT seperti komputer, *network cable* dan sebagainya supaya lebih ramai pegawai dan kakitangan kerajaan akan menggunakan komputer dalam kerja seharian. Itulah yang dapat peramba terangkan mengenai projek ini dan sekali lagi peramba mengucapkan terima kasih

di atas sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji

Yunos bin Mohd Noh: Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanya sedikit mengenai dengan projek *E-Government* ini. Kita sudah maklum ahli-ahli *E-Government* dilaksanakan berpandukan pelan induk yang ada, yang menjadi tanya kepada saya ialah bilakah jangkanya *E-Government* ini akan selesai? dan yang kedua apakah kesan-kesannya apabila ia selesai nanti kepada orang ramai?.

Perlu jua diakui ada di antara jabatan yang telah mengendalikan *E-Government* bahawa proses-proses perkhidmatan nyata ada kecepatannya tetapi ada juga di antara jabatan-jabatan ataupun kementerian yang telah menjalankan *E-Government* ini perkhidmatannya adalah macam biasa juga. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji

Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai jawapan bilakah ianya akan disiapkan, proses *E-Government* ini adalah berjalan setiap masa dan daripada tahun 2001 sehingga bulan Januari sebanyak 223 projek melibatkan E-Kerajaan telahpun diungkayahkan dan kebanyakannya telah siap dan masih lagi ada beberapa projek dalam perlaksanaan. Walau bagaimanapun

keadaan pada masa ini telah mencapai satu kemajuan dan insya-Allah dia akan dapat dikemaskinikan pada masa yang akan datang.

Mengenai dengan latihan yang dijalankan sebagaimana yang peramba terangkan perkara ini sedang diungkayahkan bagi mengikut anak-anak tempatan untuk menjalani latihan ICT, ini sebagaimana diterangkan tadi sebanyak \$20 juta telahpun dipohonkan bagi tujuan ini. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampak semua ahli-ahli telahpun lelah sedikit, batak jua kitani duduk ani, maka dengan demikian saya sukacita menanggungkan majlis ini kira-

kira dalam 15 minit baru bermesyuarat semula. Terima kasih.

(Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat disambung semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kita bersidang semula sebagaimana yang saya jelaskan tadi sekarang kita bersidang dalam Majlis Mesyuarat Negara untuk menyelesaikan perundingan kita dan urusan kita dalam menyempurnakan perbelanjaan negara, maka saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan berbincang dalam sidang Jawatankuasa untuk membincangkan perbelanjaan yang akan diadakan tahun 2009/2010 dengan teliti satu persatu, maka saya tangguhkan Majlis Mesyuarat dan kita bermesyuarat berbincang dalam Majlis Jawatankuasa.

(Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Jurutulis : SB - Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sebenarnya telah diwakilkan untuk memberikan sedikit penerangan singkat sahaja mengenai

dengan usul peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun ini.

Disembahkan seperti mana pada tahun-tahun yang sebelumnya peruntukan yang telah diusulkan untuk kegunaan pertahanan bagi tahun-tahun ini mengambil kira sepenuhnya tanggungjawab pertahanan dan keselamatan yang telah diamanahkan kepada Kementerian Pertahanan yang boleh dikatakan semakin lama semakin mencabar dan meluas. Keamanan yang telah sekian lama kita kecapi sama sekali tidak bererti pengurangan tanggungjawab di pihak di Kementerian Pertahanan. Bertambahnya bentuk ancaman pada masa ini dari hanya *conventional* kepada *non-conventional* yang meliputi berbagai jenis merentas sempadan, sama ada yang datangnya daripada ancaman manusia, mahupun ancaman yang datang dari alam semula jadi, telah menambahkan keperluan bagi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahirannya.

Jadi projek-projek permodenan dan peningkatan taraf harus terus dijalankan agar selaras dengan fungsi atau bentuk ancaman yang dihadapi masa kini. Selain itu fungsi peranan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyokong usaha diplomasi juga tidak kurang pentingnya dan turut memerlukan perhatian yang sama dari segi peruntukan Kewangan.

Ini termasuk keperluan berterusan bagi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha kerjasama dengan negara-negara sahabat dari segi latihan bersama pertukaran perisikan dan sebagainya.

Kementerian Pertahanan dalam memenuhi keperluan-keperluan tersebut masih tetap berpandukan kepada perancangan yang telah digariskan dalam kertas putih dan perancangan strategik pertahanan. Dalam erti kata lain peruntukan yang dipohonkan bagi tahun kewangan 2009/2010 merupakan kesinambungan dalam meneruskan pelaksanaan rancangan dan inisiatif dari tahun sebelumnya.

Dalam pelaksanaan perancangan dan inisiatif ini Kementerian Pertahanan menggunakan tatacara yang sama iaitu dengan mengeksploitasikan aset-aset yang sedia ada iaitu sumber tenaga manusia, peralatan tentera, prasarana dan kewangan. Ini dilaksanakan melalui penambahan nilai aset-aset tersebut, masing-masing dengan cara peningkatan tahap pendidikan dan penyediaan latihan terkini bagi sumber tenaga manusia, pelaksanaan pemeliharaan, *upgrading*, dan pengubahsuaian tentera dan prasarana dan memastikan pencapaian manfaat yang maksima dari peruntukan pertahanan. Keperluan-keperluan permodenan dan peningkatan keupayaan yang tidak dapat dielakkan turut dipenuhi dengan perolehan baru.

Dalam hal ini Kementerian Pertahanan tetap menekankan faktor-faktor efisiensi dan *cause effectiveness* iaitu amalan penyelamatan tanpa mengkompromikan kualiti perkhidmatan dan pada waktu yang sama mendatangkan pulangan pada pertumbuhan negara. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif penswastaaan contohnya penswastaaan rumah-rumah masak, di khemah-khemah tentera telah terbukti berkesan dalam mencapai faktor-faktor tersebut. Selain itu sepertimana yang telah dipraktikkan pada tahun lepas, permohonan peruntukan bagi 2009/2010 telah disesuaikan sebenarnya yang telah dibuat oleh Kementerian Pertahanan sejak beberapa tahun kebelakangan. Penyusunan program-program pembangunan secara lebih sistematik dalam rancang pelaksanaan dan pembayaran dalam tempoh beberapa tahun juga telah banyak membantu menstabilkan perbelanjaan tahunan.

Untuk tahun 2009 Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan adalah lebih berkurangan sebanyak poin 08% berbanding dengan peruntukan yang diluluskan pada tahun lepas. Peruntukan yang diusulkan ini telah dirancang dengan teliti dan dijangka akan membolehkan Kementerian Pertahanan untuk terus melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya dalam mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara serta melaksanakan tanggungjawabnya di dalam komuniti yang lebih besar selaku ahli kepada badan-badan serantau dan antarabangsa.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana hal ehwal pertahanan adalah satu perkara yang sensitif dan kurang bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka dan terperinci seperti juga di tahun-tahun yang lepas, saya sukacita memohon supaya bajet Kementerian Pertahanan ini akan dapat diluluskan dengan sebulat suara. Terima kasih

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SC - Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) tidak dapat hadir pada pagi ini disebabkan urusan-urusan lain. Maka bajet ataupun anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan ditangguhkan. Kementerian Kewangan - SD01A Jabatan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan

Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba akan menimbulkan 3 perkara:-

1. Masalah balu yang suaminya meninggal dunia dalam usia setelah mencapai usia 70 tahun. Seseorang pegawai atau kakitangan kerajaan yang berpencen atau menerima pencennya menurut peraturan kerajaan yang sedang berjalan pada masa ini sekiranya persara itu meninggal dunia setelah dia mencapai umur 70 tahun, maka pencen akan diberhentikan dan tidak akan dibayar kepada balunya. Dalam hubungan ini, sudah tentulah balunya akan menghadapi kerumitan untuk menyara hidupnya jikapun mereka mempunyai anak, tapi anak-anak mereka itu sudah berumahtangga dengan tanggungan mereka masing - masing. Pada menyampaikan hasrat dan masalah balu-balu, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkenaan di sini, saya menghadapkan kepada pihak yang berkenaan supaya bayaran pencen suami mereka itu akan terus dibayar kepada balu mereka sehingga akhir hayat mereka;
2. Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah berkhidmat dan bersara sebelum Perisytiharan Kemerdekaan penuh pada 23 Februari 1984, yang telah berpencen dan telah

menerima pencen mereka menurut kadar seperti dalam peraturan yang masih digunakan hingga masa ini. Gaji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan pada waktu itu adalah jauh rendah daripada pegawai-pegawai dan kakitangan setelah *salary revision* yang dibuat selepas merdeka.

Oleh kerana gaji mereka itu rendah maka pencen mereka pun rendah pada masa ini, misalnya pencen Setiausaha Kerajaan iaitu jawatan pegawai yang tertinggi sekali ialah lebih kurang \$2,000 lebih sebulan dan pencen ketua-ketua pejabat dan kakitangan kerajaan yang lain tentulah lebih rendah lagi.

Saya percaya pada masa ini masih ada lagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang saya maksudkan itu masih hidup walaupun jumlah mereka berkurangan. Bagi mengenang jasa-jasa mereka itu saya berpendapat adalah wajar dan sesuai supaya pencen mereka itu dinaikkan menurut kadar yang difikirkan sesuai dengan keperluan dan keadaan ekonomi pada masa ini; dan

3. Mengenai dengan pinjaman wang kerajaan iaitu loan rumah dan kenderaan. Di atas keprihatinan kerajaan skim pinjaman untuk membeli atau membina rumah dan membeli kenderaan bagi warga perkhidmatan awam sudahpun berjalan sekian lama

dan telahpun digunakan dengan sebaik-baiknya oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkecukupan. Di atas ehsan dan usaha pihak kerajaan itu warga perkhidmatan awam mengucapkan syukur dan terima kasih, bagaimanapun menurut keadaan sekarang harga rumah sudahpun naik yang menyebabkan pinjaman terpaksa menambah atau membuat *personal loan* dari bank untuk menyiapkan atau membeli rumah, begitu jua halnya dengan pinjaman wang untuk membeli kenderaan yang mana pinjaman di antara \$9,500.00 hingga \$15,000.00 yang disediakan adalah tidak mencukupi dan terpaksa ditambah dengan *personal loan* dari bank.

Dengan mendapatkan loan dari bank ini adalah membebankan kerana *interest* yang terlalu tinggi. Ini bermakna seseorang pegawai atau kakitangan perkhidmatan awam itu terpaksa membayar *double loan* atau dua pinjaman yang sangat membebankan. Dengan sebab-sebab yang demikian, maka adalah wajar jika kerajaan dapat menimbangkan semula supaya pinjaman rumah dan membeli kenderaan akan dinaikkan bagi mengelakkan warga perkhidmatan awam dari menanggung bebanan kerana *double loan* yang berkenaan.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibarahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Tiga saranan dari Yang Berhormat tadi, sepertimana yang kita ketahui pembayaran pencen perkhidmatan kawal oleh peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkan di dalam Akta Pencen 1957. Jadi soal-soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan balu dan sebagainya sehingga kini masih lagi dikawal peraturan-peraturan tersebut. Di mana jika pegawai berkenaan meninggal setelah bersara lebih dari 15 tahun persaraan maka pencen tidak akan diturunkan kepada balu-balu ataupun anak-anaknya berkecukupan.

Jadi sebagaimana yang kita sedia maklum perlulah kita ingati jua bahawa seperti yang telah diterangkan pencen-pencen ini jumlahnya semakin meningkat dari tahun ke setahun dan sekiranya perkara ini dilaratkan lagi sudah setentunya ianya akan sekurang-kurangnya membebankan pihak kerajaan untuk menambah lagi perbelanjaan-perbelanjaan yang melibatkan untuk pencen.

Begitu jua dengan soalan yang kedua tadi, memanglah peraturan yang ada pada waktu ini ianya akan mengikut perkiraan gaji yang terakhir. Kalau orang pencen-pencen kitani *back dated* lagi daripada tahun 1984 mungkin perkara ini amat muskil bagi kitani kerajaan untuk membiayai perkara-perkara sedemikian.

Jadi perlulah kitani memikirkan jua dalam kitani mencadangkan apa-apa jua perkara-perkara ini perlulah kita melihat dari segi aspek-aspek lain jua yang secara menyeluruh dan bukannya dari pihak-pihak tertentu sahaja.

Mengenai dengan soalan ketiga, iaitu pinjaman wang kerajaan sebagaimana yang kita sedia maklum, pinjaman wang kerajaan ini adalah bagi membantu sebahagian daripada pembiayaan pinjaman-pinjaman tersebut. Misalnya kenderaan, bukan sepenuhnya, begitu juga mengenai dengan pinjaman perumahan ini ianya ialah 4 bulan gaji, jadi barangkali perlulah dinasihatkan kepada pegawai-pegawai kerajaan sekiranya *loan* itu adalah macam tingkatannya hanya sebahagian sahaja, perlulah kitani mengukur di badan sendiri kitani. Ertinya kalau sekiranya *entitle* kitani 200 maka sekurang-kurangnya perlulah kitani mengukur yang *entitlement* itu supaya ianya tidak akan lebih daripada 200, kalau tidak terpaksa meminjam daripada sumber-sumber yang lain, kalau pun itu perlu, dipinjam daripada bank dan institusi-institusi bank yang lain. Nasihat saya pada peringkat ini, ukurlah baju di badan sendiri, jadi jangan kitani berbelanja lebih daripada kemampuan yang telah ada pada kita. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di sini saya ingin menarik perhatian di Dewan ini, telahpun disentuh oleh rakan tadi iaitu mengenai dengan elaun pencen turunan balu. Walaupun perkara ini

telahpun dibentangkan dan diberikan penjelasan yang amat luas, walau macamanapun apa yang akan saya sampaikan ini ada sedikit kelainan iaitu mengenai dengan Skim Tabung Amanah Pekerja yang mana telah dimaklumi ia diperkenalkan pada 1 Januari 1993 dan seperti yang dimaklumi, setiap pegawai dan kakitangan yang diambil berkhidmat dengan kerajaan hendaklah mencarum 5 peratus dan pihak kerajaan juga mencarum 5 peratus untuk pegawai serta kakitangan dengan adanya Skim Tabung Amanah Pekerja tersebut maka Skim Perkhidmatan Persaraan telah dimansuhkan mulai 1 Januari 1993, kecuali perkhidmatan yang tertentu seperti perkhidmatan-perkhidmatan Angkatan Bersenjata, Polis Diraja Brunei. Dalam hubungan ini dan dalam tempoh 15 tahun yang akan datang kita akan dapati tidak lagi ada pegawai serta kakitangan yang menerima faedah persaraan bulanan mereka apabila mereka mencapai umur persaraan genap 55 tahun. Pada masa itulah kita nanti akan dapat melihat kesan sebenarnya sama ada Skim Tabung Amanah Pekerja...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat terlalu panjang bercakap itu jadi sekiranya ada keraguan dalam tajuk ini bolehlah memberi penerangan di mana ada kekurangan dan di mana patut ditokok tambah, jadi kalau bercakap panjang nanti mesyuarat kita terlalu panjang nanti. Jadi saya minta kerjasama jangan terlalu membawa perkara-

perkara yang tidak ada banyak kaitnya dengan perbincangan ini.

Yang Berhormat Haji Bakar bin Mansor: Munkan ampun, difahami. Jadi untuk meneruskan, peramba, saya memendekkan, jadi disarankan dalam perkara ini jika sekiranya Tabung Amanah Pekerja ini masih lagi diteruskan, maka dicadangkan agar kadar caruman daripada pihak kerajaan itu dipohonkan supaya akan dinaikkan jumlahnya dan yang kedua, jika sekiranya juga Skim Tabung Amanah Pekerja ini diteruskan, maka dicadangkan agar perkhidmatan pegawai dan kakitangan yang dimasukkan dalam Skim Tabung Amanah Pekerja dipanjangkan sehingga mereka mencapai umur 60 tahun, Jadi sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terima kasih lagi di atas saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan Skim Tabung Amanah Pekerja ini, Peramba telahpun menerangkan dalam jawapan-jawapan yang terdahulu jadi peramba tidaklah akan berpanjang lebar mengenai dengan perkara ini, cuma apa yang peramba ingin terangkan di sini sekiranya majikan-majikan kerajaan sahaja yang akan dinaikkan kadar carumannya mungkin ianya akan menjejaskan jua majikan-majikan yang bekerja di *private sector*, jadi ini perlulah kita teliti secara mendalam dan perlulah pengkajian-pengkajian yang tertentu dibuat secara

terperinci. Mengenai cadangan yang kedua perkara ini insya-Allah kita akan teliti dari segi atas kesesuaiannya bersama-sama dengan kajian-kajian yang terperinci yang telah peramba sebutkan tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji

Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ada menerima keluhan sebilangan pekerja sektor swasta di mana ada syarikat-syarikat majikan enggan membayar caruman kepada TAP, maknanya setiap bulan pembayaran yang diterima pekerja tidak dikategorikan sebagai gaji tetapi elaun, difahamkan bahawa mengikut peraturan jika dibuat pembayaran elaun tidak dimestikan membuat caruman ke dalam TAP. Dalam perkara ini Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pernahkah pihak TAP menerima laporan seperti ini? dan jika sekiranya pernah adakah pihak TAP pernah membuat siasatan jika didapati benar?, iaitu terdapat penduduk tempatan hanya dibayar dengan elaun dan bukan gaji dan lagi jika sekiranya benar berapa ramai rakyat kitani yang mengalami masalah ini? Apakah perancangan TAP dalam menangani perkara seperti ini dan adakah pihak TAP memikirkan untuk memperkenalkan peraturan baru yang mana akan menyebabkan syarikat-syarikat swasta mengambil khidmat orang luar. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman

bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan terima kasih di atas saranan dan soalan Ahli Yang Berhormat tadi, barangkali nanti mungkin Yang Berhormat Pengerusi TAP boleh menambah, tapi dalam menangani perkara ini sebenarnya TAP mempunyai beberapa pilihan. Walau bagaimanapun pada peringkat ini TAP akan sedaya upaya mengambil tindakan penyelesaian yang mengambil kira kepentingan kedua belah pihak melalui pendekatan *manual agreement*. Setakat ini Alhamdulillah banyak masalah yang telah dapat diselesaikan melalui pendekatan ini. Walau bagaimanapun mulai tahun 2006 TAP telah mempertingkatkan usaha menguatkuasakan akta yang telah sedia ada di antaranya dengan perlantikan khidmat guaman tempatan dalam membantu TAP menangani isu-isu berkaitan pematuhan. Di samping itu pihak TAP sedang di dalam proses kajian semula akta dan aturan TAP bagi memastikan ianya selaras dengan perubahan masa dan situasi yang ada pada waktu ini.

Untuk makluman tindakan undang-undang telahpun diambil terhadap majikan yang gagal. Tindakan tersebut adalah dengan menghadapkan kes-kes di atas kepada Jabatan Peguam Negara untuk nasihat dan seterusnya tindakan pendakwaan. TAP juga telahpun melantik tiga *final* guaman dari sektor swasta bagi membantu melicinkan dan mempercepatkan proses penyediaan dan pengumpulan bukti-bukti untuk tindakan pendakwaan. Insya-Allah apabila pindaan

kepada bab-bab tertentu telah dikuatkuasakan TAP sudah setentunya akan membuat tindakan-tindakan berpandukan peruntukan-peruntukan ataupun *provision* dalam undang-undang, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun saya beberapa kali mengangkat tangan, namun demikian belum ada giliran lagi. Dalam Dewan yang mulia ini apa yang saya cakapkan ialah skim cepat kaya dan pembersihan wang haram, kami penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, dan beberapa orang ahli Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampong di Daerah Tutong pada 4 Disember 2008 mengikuti taklimat dari pegawai-pegawai Kementerian Kewangan, bertempat di Dewan Serbaguna Serampang, agak panjang sedikit Pengerusi Yang Amat Mulia Pengerusi, dalam taklimat tersebut di antara lain aktiviti-aktiviti pelaburan atau pengambilan *deposit* dari orang-ramai yang menawarkan kadar pulangan yang tinggi dalam tempoh yang singkat. Skim cepat kaya yang pernah wujud di Brunei Darussalam, pelaburan emas dan skim-skim berunsurkan permit sasaran skim cepat kaya satu penerima-penerima pencen dan baksis, yang kedua pegawai-pegawai kerajaan yang ketiga orang-ramai yang ingin pulangan keuntungan yang tinggi lagi cepat, yang keempat orang ramai yang mudah terpedaya.

Yang Amat Mulia Pengerusi, berdasarkan apa yang ditaklimat ini sesungguhnya memberi gambaran yang meyakinkan bahawa di negara kita ini, isu skim cepat kaya dan hasil pendapatan haram yang dimasukkan ke dalam bank seolah-olah berlaku secara meluas dan dalam keadaan kritikal. Oleh yang demikian bahawa kita ingin mengetahui di antara lain sejauh mana seriusnya kes ini? dan seramai mana orang Melayu Brunei terlibat dengan gejala jenayah yang membimbangkan ini? Yang kedua berapa ramai orang-orang Melayu Brunei yang telah tertangkap begitu juga berapa jumlah wang dalam kes skim cepat kaya dan wang haram yang dapat dikesan setakat ini?, bagaimana kerajaan khususnya pihak berkuasa dalam pencegahan jenayah perancangan dan mengenalpasti hasil pendapatan wang haram, persoalannya, mengapa orang-orang Melayu Brunei ramai terlibat membuat pelaburan skim cepat kaya ini, kemungkinan di antara lain:-

1. Orang-orang Melayu Brunei dengan membuat pelaburan ini, mereka memikirkan memberi pulangan yang lumayan dan cepat; dan
2. Jalan pintas mana-mana institusi kewangan yang menerima mereka tanpa melihat risikonya.

Yang Amat Mulia Pengerusi, oleh yang demikian saya lontarkan dalam dewan yang mulia ini bahawasanya...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, mengemukakan suatu pandangan-pandangan yang tidak diperkenankan atau kekurangan hendaklah disingkatkan, dapatkan mana yang kurang membawa kebaikan terus terang supaya dengan jalan itu nanti sebelah pihak kerajaan mudah menyelesaikan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Menjunjung ampun jua Pengerusi, peramba singkatkan sedikit, jadi untuk menyingkatkan perkara ini supaya pihak kerajaan memberi peluang dan membuka satu saham yang berunsurkan pelaburan supaya perkara itu tidak menjadi keraguan, seterusnya ini untuk mengelakkan pengambilan, menerima atau mendapat wang simpanan melainkan dengan mendapatkan lesen di bawah bab 4 (1) dari Perintah Perbankan 2006, adalah melakukan kesalahan di bawah bab 93 (1) Perintah Perbankan 2008. Jadi denda yang tidak melebihi \$10 juta atau penjara selama melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan yang berterusan dikenakan denda tidak melebihi dari \$100 ribu bagi setiap hari tersebut kesalahannya. Jadi peramba sesungguhnya atas teguran Pengerusi mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba berterima kasih di atas saranan Ahli-Ahli yang Berhormat tadi, nampak-nampaknya banyak

maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh Ahli-Ahli yang Berhormat sehingga denda-denda dan perkara-perkara lain telahpun ditimbulkan oleh yang Berhormat tadi, cuma perkara ini untuk mengetahui sejauh mana rakyat dan penduduk di negara ini terlibat di dalam skim ini secara spesifik memang di sini saya tidaklah dapat memberikan kerana memang banyak, senarai-senarainya memang ada sebenarnya dan jumlah-jumlah yang terlibat itu bukan saja beratus ribu tetapi berjuta-juta.

Jadi sebab itulah Kementerian Kewangan amat prihatin terhadap perkara ini dan sebab itulah Kementerian Kewangan dari masa ke semasa telah membuat *press release* ataupun mengadakan forum-forum dan jua penerangan-penerangan kepada orang ramai supaya mereka tidak terjebak di dalam kes-kes *deposit packing* yang tidak berlesen ini, dan untuk makluman jua pada waktu ini Kementerian Kewangan juga telah membuat dakwaan kepada satu syarikat yang mana perkara ini insya-Allah dakwaan-dakwaan tersebut akan dijalankan oleh Bahagian Peguam negara, dan setakat ini apa yang penting kepada orang ramai supaya mereka berhati-hati kerana apa yang dijanjikan ini sebenarnya *higher return* selalunya ialah *high risk* dan pulangan-pulangan yang dijanjikan itu adalah tidak munasabah kalau dikira-kirakan dengan keadaan kegawatan ekonomi yang berlaku pada waktu-waktu ini di mana pulangan-pulangan dari pelaburan-pelaburan daripada institusi kewangan sememangnya adalah lebih rendah daripada

yang dijanjikan oleh pihak-pihak yang berkenaan tersebut.

Jadi apa yang dinasihatkan kepada orang ramai sekiranya untuk membuat pelaburan-pelaburan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan daripada bahagian Institusi Kewangan Kementerian Kewangan mengenai dengan status syarikat-syarikat yang menawarkan pelaburan-pelaburan tersebut. Saya tidaklah akan berpanjangan lebar mengenai dengan beberapa denda-denda yang akan dikenakan kepada pihak-pihak yang tertentu yang sabit kesalahannya nanti, kerana perkara ini telahpun ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat untuk menubuhkan saham nasional mungkin perkara ini perlu diteliti secara mendalam lagi, kita perlu mendapatkan *modest friendlynya* dan apa sebenarnya tujuan dan perkara-perkara yang perlu kita teliti lagi secara mendalam. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam krisis ekonomi dunia tidak kira sama ada negara itu maju ataupun sedang membangun tetap tidak dapat lari dari hambatan krisis ekonomi dunia ketika ini termasuk Negara Brunei Darussalam. Alhamdulillah negara kita masih mampu bertahan walaupun sedikit terjejas akibat krisis ekonomi dunia ini. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya perkara berikut dapat dipertimbangkan:-

1. Apa kiranya pihak kerajaan dapat membantu dalam menggerakkan ekonomi negara kerana ekonomi negara, ekonomi pihak swasta agak lembap dan tidak berupaya ketika ini;
2. Kerajaan diharap dapat mengambil peluang dalam kegawatan ekonomi dunia ketika ini dengan mempercepatkan projek-projek yang sudah diluluskan kerana harga barangan mungkin menurun dan murah; dan
3. Bila projek-projek ini dapat dijalankan, berjalan lebih awal ianya akan memberi peluang kepada banyak pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat. Rancang dan teliti supaya peluang-peluang ini dapat disasarkan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan berbanyak terima kasih jua di atas saranan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini telahpun peramba bentangkan semalam apabila membentangkan kertas kerja belanjawan, semua perkara-perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah disentuh dalam pembentangan kertas kerja tersebut yang mana peramba berdiri

dalam 55 minit iaitu hampir sejam semalam, tetapi nampak-nampaknya tidak ada *respons* daripada pihak-pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menyentuh mengenai dengan penglibatan anak-anak tempatan dalam projek-projek kerajaan. Peramba ingin mencadangkan, sebelum itu peramba ingin bertanya dari segi dasar kerajaan, adakah pihak kerajaan mempunyai dasar untuk memajukan dan melibatkan anak-anak tempatan dalam projek-projek kerajaan?, dan peramba ingin mencadangkan supaya projek-projek kerajaan bagi projek-projek yang bersesuaian akan khusus hanya diberikan kepada anak-anak tempatan dengan memberi kadar 15% lebih tinggi harga lazimnya. Dengan syarat syarikat-syarikat berkenaan mestilah mengambil pekerja-pekerja daripada anak tempatan yang bersesuaian seperti pemandu, kerani dan sebagainya.

Kedua, syarikat berkenaan mestilah juga melantik *auditor* bagi memantau perjalanan perbelanjaan. Saya berharap dengan adanya inisiatif ini barangkali hasrat kerajaan untuk memajukan anak-anak tempatan melalui SMEs mungkin akan berjaya.

Perkara kedua yang ingin saya timbulkan di sini mengenai dengan TAP korporat, pada petang kelmarin kita telah dengan panjang lebarnya mendengar Yang Berhormat

Menteri Kewangan Kedua (II), menerangkan mengenai dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah memperkenankan untuk menambah pembayaran TAP bagi syarikat-syarikat korporat dengan mengambil potongan daripada pembayaran cukai, saya ingin mencadangkan di sini supaya..

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang kira berada dalam perbincangan Jabatan Kewangan Negara, jadi saya rasa patutlah disesuaikan perbincangan ini dengan tajuk kita atau percakapan dalam persidangan ini.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Mohonkan ampun Pengiran Pengerusi peramba berfikir adalah masih relevan lagi, saranan peramba di sini ialah supaya pembayaran TAP itu akan dapat juga diselajurkan kepada syarikat-syarikat SMEs bukan semestinya hanya kepada syarikat-syarikat korporat. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dua persoalan tadi mengenai dasar untuk memberikan projek-projek kepada anak-anak tempatan, setahu peramba perkara ini memang *on going*, berjalan pada waktu ini, misalnya dalam lantikan-lantikan konsultan, konsultan-konsultan yang telah dilantik banyak daripada kalangan anak-anak tempatan begitu juga terdapat jua kontraktor-kontraktor

tempatan yang diberikan kerja-kerja yang setimpal mengikut kelayakan dan mengikut klasifikasi dan jua *competitiveness* dari segi pemberian tawaran-tawaran.

Soalan kedua, mengenai dengan untuk melarutkan kepada SME mengenai dengan perkiraan perbelanjaan Tabung Amanah Pekerja. Apa yang perlu diperhatikan di sini SMEs ini sebenarnya ia dikenakan inda dikenakan cukai korporat jadi mungkin adalah sukar untuk kita memberikan *inducement* lagi seperti yang kita berikan kepada syarikat-syarikat korporat yang mana syarikat-syarikat korporat ini akan membayar *prepaid tax* sebanyak 23.5%, sebab itulah sebagai langkah untuk memberikan inisiatif supaya syarikat-syarikat kroporat ini mengambil anak-anak tempatan untuk bekerja sebab itulah kita memberikan dua kali ganda kiraan bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang akan dilibatkan bagi TAP, itu saja terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: SD O1A - Jabatan Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan jam sekarang sudah menunjukkan 12.00 tengah hari, maka saya rasa persidangan dalam Jawatankuasa ini ditangguhkan sementara untuk kita bersidang semula di dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis Bersidang semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang dalam Majlis Mesyuarat Negara, memikirkan sekarang sudah menunjukkan jam 12.15 tengah hari iaitu waktu untuk menikmati makan tengah hari, maka saya tangguhkan Majlis ini bagi memberi peluang supaya Ahli-Ahli dapat menyempurnakan urusan seharian iaitu makan tengah hari, maka dengan demikian saya tangguhkan Majlis ini sehingga jam 2.30 petang, sekian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana pagi tadi kita telah menyempurnakan dan menangguhkan mesyuarat ini, serta berunding dalam Jawatankuasa untuk menyelesaikan urusan kewangan, maka dengan demikian saya tangguhkan Majlis ini dan kita bermesyuarat dalam Jawatankuasa untuk menyelesaikan urusan kita yang selanjutnya.

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang mesyuarat Jawatankuasa kita teruskan.

Jurutulis: Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak Ahli-Ahli yang ingin membincangkan tajuk ini, maka saya mengundi. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka dengan yang demikian banyak yang bersetuju, dengan sendirinya tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar dan Perdagangan dijadikan sebagai Jadual. Sekarang berpindah jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan, iaitu SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di sini peramba ingin menimbulkan 3 perkara:-

1. Apa yang kita maklumi bahawasanya keberkesanan Jabatan Kastam dan Eksais nampak pada ketika ini sungguh mengembirakan sekali kerana telah berjaya dan dapat menumpaskan rancangan-rancangan daripada pihak-pihak yang telahpun cuba menyeludup dan membawa barang-barang tegahan masuk ke negara kita Negara Brunei Darussalam;
2. Walau macamanapun, ketika ini sering ternampak tin-tin kosong minuman keras di tepi-tepi jalan maupun di pantai peranginan dan juga kawasan terpencil bahawasanya sebagai satu bukti bahawa kemasukan apa yang peramba, saya sebutkan tadi, telahpun banyak masuk ke negara kita yang mana mungkin tidak dapat dikesan

oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, sebagai langkah-langkah untuk tindakan selanjutnya saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini, tempat-tempat yang dikenalpasti selalunya perkara-perkara ini di bawa masuk ke negara ini melalui jalan darat dan air. Diharapkan supaya Pos Kawalan yang bersepadu dapat dikendalikan pasukan-pasukan berkenaan, ini salah satu cara untuk membendung perkara-perkara peramba, saya sebutkan tadi; dan

3. Apa yang telah diketahui pihak penduduk atau rakyat yang tidak beragama Islam dibenarkan membawa masuk minuman tersebut dengan ada kebenaran khas dan jumlah yang telah dibenarkan, jadi tidak mustahil mereka-mereka ini kerap kali membeli dan membawa dengan had yang telah dibenarkan oleh pihak kerajaan. Ianya akan diedar atau dijual kepada orang lain dan tidak mustahil kepada penduduk tempatan sebagaimana bukti yang peramba telah sebutkan tadi. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmnnir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullhi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, terlebih dahulu Peramba mengucapkan sebanyak terima kasih atas saranan Ahli Yang Berhormat terutamanya untuk meningkatkan lagi pengawalan pos-pos kawalan, operasi untuk menyekat barang-barang yang ditegah dari masuk di negara ini. Sememangnya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja memang sentiasa prihatin terhadap perkara-perkara ini sebab itulah perkara-perkara ini diambil satu pendekatan-pendekatan yang lebih baik dari masa ke semasa. Rondaan-rondaan bersama agensi-agensi undang-undang sentiasa dipertingkatkan bukan sahaja kekerapan ronda-rondaan di sungai-sungai Brunei, kawasan darat atau tempat aktiviti yang tidak mengikut peraturan.

Walau bagaimanapun sebagaimana jua dimaklumi, orang yang menyeludup tidak akan mengikut jalan-jalan yang sudah ditetapkan. Sekurang-kurangnya mereka akan menyeludup di tempat-tempat yang tidak ramai rondaan dan sebagainya. Tetapi insya-Allah Jabatan Kastam selalunya akan mendapatkan maklumat-maklumat daripada orang ramai dan atas kerjasama orang ramai insya-Allah perkara ini mungkin akan kita dapat dikurangkan dari masa kesemasa.

Memang betul orang-orang yang bukan Islam dibenarkan untuk membawa masuk sebahagian daripada minuman-minuman keras. Ke arah itu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah mengetatkan lagi perkara-perkara ini dalam mengadakan pemantauan secara berkomputer di mana

kemasukan-kemasukan tersebut tidak boleh dimasukkan dalam satu waktu ataupun tempoh-tempoh yang tertentu. Mudah-mudahan dengan keadaan ini soal-soal kemasukan yang kerap, tidak berlaku dan akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Teima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bercakap satu perkara saja iaitu saya ingin menyuarakan tentang bangunan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei yang ada di Daerah Belait yang sudah dikosongkan, barangkali sudah lebih dari 5 tahun. Bangunan tersebut sedikit sebanyak menjejaskan dan mencemarkan lanskap Pekan Kuala Belait dan dikhuatiri ianya akan menjadi tempat kegiatan-kegiatan negatif. Dicapangkan supaya bangunan tersebut diroboh jika ianya tidak lagi selamat untuk diubahsuai kemudian digantikan dengan bangunan yang baru jika boleh. Kalau tidakpun dibersihkan saja kawasannya bagi memberi laluan kepada Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria untuk membuat rancangan membina kawasan tersebut supaya Pekan Kuala Belait lebih nampak cantik dan teratur. Saya ingin bertanya apakah perancangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei terhadap bangunan yang dikosongkan dan terbiar itu. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman

bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih di atas saranan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya perancangan bagi bangunan tersebut ialah untuk diubahsuai. Akan tetapi apabila diteliti oleh jabatan-jabatan teknikal ada perkara-perkara yang perlu diambil kira misalnya struktur bangunan-bangunan tersebut. Jadi pada waktu ini Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sedang berunding dengan jabatan-jabatan teknikal untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi. Insya-Allah perkara ini mungkin akan selesai dalam sedikit waktu lagi dan rancangan-rancangan seterusnya sudah setentunya akan kita laksanakan nanti. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terlebih dahulu peramba memohon maaf jika perkara yang peramba utarakan ini ada percanggahan, peramba bukanlah cuba mengganggu peraturan yang telah sedia ada cuma dalam meminta pandangan dan pertimbangan mengenai dengan balu yang menerima pencen suami yang sudah meninggal dunia.

Dia (balu) yang berkenaan tidaklah berhak lagi untuk menerima pencen bekas suaminya apabila ia berkahwin baru, tetapi kalau isteri masih ada jodoh atau isteri yang masih muda berkeinginan lagi untuk berkahwin baru. Apakah ia harus menahan semua ini, demi pencen bekas suaminya, kalau ia berskandal tanpa nikah bagaimana?. Apakah pihak kerajaan akan dapat menimbang supaya balu yang menerima pencen bekas suaminya akan terus menerima bahagiannya. Walaupun separuh setelah dia berkahwin baru. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih di atas saranan Yang Berhormat tadi. Jawapannya inda pulang perlu menahan. Kalau sudah kahwin bolehlah diteruskan. Cuma perkiraan pada waktu ini memanglah peraturan macam itu. Cuma apabila ia inda lagi diberi kepada indungnya itu, iaitu balu yang bahagiannya

itu akan diberikan kepada anak-anaknya. Anak-anaknya yang mendapat pencen turunan tersebut, sepatutnyalah kalau kita dapat jua, anak-anaknya itu sepatutnya akan dapat menyara lagi balu-balu yang akan berkahwin tersebut. Di samping itu juga sekurang-kurangnya suami yang akan mengahwini balu-balu tersebut sudah setentunya akan memberi nafkah, jadi itu saja mungkin ampun. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya difahamkan bahawa pesara-pesara yang menerima pencen perkhidmatan yang berusia 70 tahun ke atas. Pembayaran pencen mereka dibayar melalui Pejabat Perbendaharaan dan tidak lagi melalui bank dan diminta mengambil sendiri. Saya berpendapat bahawa peraturan yang sedemikian adalah kurang pertimbangan di atas jasa bakti yang telah mereka curahkan selama berkhidmat dengan kerajaan. Kita sepatutnya memberi keistimewaan kepada mereka kerana bilangan pesara-pesara ini pun tidak begitu ramai.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mencadangkan untuk dipertimbangkan supaya pihak Perbendaharaan dapat mempertimbangkan pesara-pesara yang telah berusia 70 tahun ke atas itu diberi dua *option* sama ada terus menerima pencen di bank atau pun di Pejabat Perbendaharaan itu sendiri. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu peramba mengucapkan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat tadi. Saranan ini akan dikaji dan insya-Allah akan kita teliti secara mendalam.

Sebenarnya mengapa ia perlu mengambil di Perbendaharaan itu, supaya mengelakkan daripada berlaku sebarang perkara-perkara yang tidak diingini. Misalnya ada sudah beberapa kes yang tertentu di mana ada wakil-wakil yang diminta untuk mengambil pencen-pencen tersebut telah tidak sampai kepada orang yang berkenaan. Jadi itulah sebabnya perkara itu dilaksanakan begitu. Tetapi insya-Allah perkara ini akan diteliti dan dipertimbangkan mengikut keadaan-keadaan tertentu. Insya-Allah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SD05A – Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD05A – Perkhidmatan Rampaian.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Orang ramai masih jua tertanya-tanya bahawa pengawalan dan pemantauan kenaikan harga barang-barang keperluan harian masih lagi belum terkawal sepenuhnya kerana masih banyak lagi kedai-kedai yang menjual barang keperluan makanan harian menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Adalah diharapkan pemantauan yang lebih teratur perlu dipertingkatkan lagi. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, peramba ingin menjelaskan di sini barangkali soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi nampak-nampaknya ditujukan kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan perkara inipun sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri. Nampak-nampaknya tidak ada kena mengena dengan Tajuk yang kita bincangkan pada petang ini. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak

ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SD05A – Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD06A – Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Mengenai dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dan nampak peruntukan tahun lepas sebanyak \$10,659,000.00 kini sudah diturunkan jauh kepada \$3,842,000.00. Ini sudah jelas kerana perubahan ataupun pengalihan dan juga penubuhan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, yang mengambil alih sebahagian besar *portpolio* untuk ICT dan kakitangan yang berkenaan, maka peruntukan sudah dialihkan.

Soalan saya, apakah tugas-tugas baru Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor

Negara pada masa ini?. Terlanjur saya menyentuh mengenai dengan ICT, saya ingin menimbulkan dari *business prescriptive* atau sektor perniagaan ICT. Walaupun peruntukan untuk bidang industri ini begitu tinggi tetapi perjalanan-perjalanan projeknya kurang lancar. Satu kemusykilan untuk sektor perniagaan ICT ini, contohnya sejak tahun 2000, lebih kurang 200 buah syarikat-syarikat ICT telah didaftarkan. Kini awal tahun 2009, kebanyakan daripada syarikat-syarikat ini telah mengalami kemelesetan dan terpaksa menutup perusahaan atau telah dikesilkan ataupun *down sizing*.

ICT juga merupakan satu industri yang membangun dengan cepat dan negara kita perlu mempergunakannya sebagai salah satu penyumbang kepada ekonomi kita ataupun *economy contributor* untuk masa depan. Masalah ini ialah, bagaimana syarikat-syarikat lebih-lebih lagi SMEs syarikat-syarikat tempatan dapat membangunkan dan mengukuhkan pakar-pakar tempatan dan *specialist skill* sekiranya tiada projek atau kerja-kerja yang mencukupi yang berterusan yang diberikan untuk memastikan kepakaran tempatan dapat diberikan latihan dan pengalaman?. Selain daripada penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga pagi tadi, apakah perancangan-perancangan pihak kerajaan dan langkah-langkah yang telah disediakan bagi jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang untuk memastikan sektor perniagaan ICT dapat diteruskan, membangun dan bertahan

sustainable juga sebagai membantu pertumbuhan perusahaan SMEs di negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Peramba hanya akan menjawab soalan mengenai dengan tugas baru *ITSS* kerana Bahagian *Information Technology* telah pun diambil alih oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Jadi Bahagian *IT* yang ada di Kementerian Kewangan hanya akan menangani perkara-perkara yang secara spesifik bagi Kementerian Kewangan sahaja. Oleh itu tugas baru bagi Jabatan Stor dan Teknologi Maklumat ini sudah setentunya akan berkurangan kepada spesifik kepada Bahagian Stor dan Perbekalan Negara sahaja. Insya-Allah perkara ini akan diumumkan kemudian mengenai dengan nama baru bagi jabatan yang berkenaan. Mengenai dengan *ICT* itu barangkali perkara ini telahpun diterangkan secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi mengenai dengan strategi dan sebagainya. Jadi peramba tidaklah akan mengulas lagi mengenai dengan perkara tersebut. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak

ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SD06A - Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Maka Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF lulus.

Jurutulis: Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HSMF dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya hanya mempunyai satu pertanyaan, saya difahamkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada ura-ura untuk mengkaji skim tanggungaji penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Negara Brunei Darussalam. Saya ingin memohon penjelasan di atas perkara tersebut sama ada ianya betul atau sebaliknya. Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tersebut. Adalah memang benar bahawa skim tanggungaji bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sedang dalam penelitian di mana skim yang ada pada masa ini, iaitu Skim Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telahpun diperkenalkan pada tahun 1998.

Ianya memerlukan pengkajian yang penuh teliti supaya ianya sejajar dengan

perkembangan dan keadaan semasa. Ianya memerlukan masa untuk diteliti dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, abis peramba di sini ingin menimbulkan dua pertanyaan iaitu:-

1. Ketika ini pembesaran kawasan Bandar Seri Begawan telahpun dilaksanakan jadi dipohonkan kepada pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya bayaran cukai pintu rumah kawasan bandar ini dipohonkan supaya diturunkan daripada bayaran biasa; dan
2. Apa yang telah diketahui pegawai dan kakitangan kerajaan masih lagi memohonkan kepada pihak yang berkenaan iaitu mereka-mereka yang telah menerima pingat-pingat samada ia pingat PSB, PJK, PIKB dan PKL. Ada di antara pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan ini maupun yang masih bertugas ataupun sudah bersara mereka mengatakan, mereka tidak pernah memakai dan menggunakan bintang tersebut jadi dipohonkan agar kumpulan penerima-penerima ini akan dapat dijemput di majlis-majlis yang bersesuaian dalam satu-satu majlis yang bersesuaian, walaupun ia hanya setahun sekali kerana mereka ini

berhasrat benar untuk menggunakan dan memakai pingat yang telah dikurniakan kepada mereka ini.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, soalan berhubung dengan pecukaaian bagi Bandar Seri Begawan kalau dapat ditimbulkan nanti pada tajuk khusus iaitu SE02A yang lebih sesuai dan relevan sebelum peramba menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, kerana tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah tidak sesuai ditimbulkan pada masa ini sehinggalah kitani beralih kepada tajuk seterusnya nanti iaitu khusus kepada Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Berhubung dengan pemakaian bintang atau pingat-pingat tersebut, adalah bukan di bawah kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah mungkin barangkali di bawah kuasa Jabatan Adat Istiadat Negara jadinya perkara ini tidaklah dapat peramba menjawab dalam soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih, Pengiran Pengerusi, walaupun perkara yang peramba akan timbulkan ini khusus mengenai jalan-jalan daerah. Tetapi ianya

akan melibatkan empat daerah jadinya pada fikiran peramba adalah lebih elok jika ianya ditimbulkan sekarang. Kita maklum dalam tahun 60an dan mungkin sebelumnya sehingga ke tahun 70an bahawa jalan-jalan kecil ke daerah-daerah adalah dibersihkan oleh anak-anak kampung, bukan sahaja jalan tapi longkang-longkangnya pun dibersihkan dengan secara kontrak, kira sekian ringgit serantai, tapi buat ketika ini kita mendapati bahawa kerja-kerja serupa itu telahpun dikontrakkan kepada kompeni-kompeni anak-anak tempatan tetapi dilaksanakan oleh orang-orang asing.

Soalan peramba adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin mengkaji semula pelaksanaan pembersihan jalan-jalan kecil, longkang-longkangnya, seperti dulu dan kalau masalah yang dulunya barangkali bolehlah diatasi secara pemantauan. Sekian Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat menimbulkannya. Memanglah perkara seperti ini, kitani mempunyai peraturan-peraturan kewangan yang perlu kitani patuhi terutama sekali ada *tender* prosedur dan sebagainya yang haruslah dipatuhi oleh pihak kerajaan dalam mengendalikan kontrak-kontrak dan tawaran-tawaran. Walau

macamanapun memanglah saranan yang ditimbulkan amat baik ianya akan dikaji dan diteliti tentang kesesuaiannya supaya ianya tidak akan bertentangan dengan peraturan-peraturan kewangan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengulang balik pertanyaan saya tadi jadi saya ubah kepada SE02A.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada orang yang mahu mengambil bahagian dalam perkara ini lagi, maka saya bertanya, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SEO1A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SEO2A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, jadi menambah

pertanyaan ekoran daripada bilangan di atas jadi saranan abis peramba yang kedua di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas inisiatif Jabatan Bandaran yang mana telah membuat pondok yang begitu indah, tempat penurunan perahu, teksi laut, bot Temburong dan juga di sana diawasi oleh pegawai dari Jabatan Laut.

Syukur Alhamdulillah, jadi untuk lebih membina lagi kawasan tersebut, saya ingin menyampaikan saranan supaya dibuat satu tanda yang menunjukkan bahawasanya tempat tersebut adalah satu pusat atau tempat penurunan atau tempat teksi laut yang akan pergi berulang-alik Temburong – Bandar Seri Begawan dan Bandar Seri Begawan - Temburong, kerana pihak-pihak pelancong setentunya mencari di mana satu tempat khusus penurunan bagi pihak bot tersebut dan juga diselajarkan membina dan mengubahsuai tangga yang ada terdapat di tempat penurunan tersebut adalah di antaranya yang sudah tidak sesuai lagi digunakan, maka supaya ianya lebih sempurna diperbaiki dan diubahsuai.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat perkara dibincangkan ini sepatutnya terus saja dipohonkan ke pihak yang berkenaan. Ini perkara biasa bukan, jadi kalau kita bawa dalam majlis ini akan menambahkan banyak lagi masa yang dibuang, jadi perkara yang dikerjakan biasa itu bolehlah Ahli-Ahli itu sendiri berjumpa dengan pihak yang berkenaan untuk

membetulkan atau menambahkan apa-apa kekurangan bagi kemudahan rakyat Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Mohon ampun dan menjunjung sabda dan izinkan abis peramba saya menyampaikan yang ketiga.

Peramba, saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan akan dapat mengadakan Pegawai Penyelamat Pantai di negara kita Brunei Darussalam ini, yang mana sejauh ini pernah kejadian-kejadian berlaku dipantai-pantai, seperti di Pantai Muara, Tungku, Serasa dan pantai-pantai yang lain. Jadi dengan adanya Pegawai Penyelamat Pantai ianya salah satu dapat menolong orang ramai dan dapat memantau kepada pengguna-pengguna pantai yang disebutkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyarankan beberapa perkara tadi. Iaitu peramba bawa balik semula kepada soalan yang ditimbulkan terhadap penurunan kadar 'rate' ataupun *taxation* di kawasan Bandar Seri Begawan. Yang sebenarnya kedudukan 'rate' di dalam kawasan Bandar Seri Begawan termasuklah kawasan baru yang akan diperkenalkan nanti dikuatkuasakan mulai dari 1hb April 2009. Ini

memang ada termaktub didalam Undang-Undang di bawah Akta Lembaga Bandaran iaitu Bab 12 yang dikenakan tidak melebihi dari 15% daripada harga nilai tahunan. Walau bagaimanapun setakat ini hanya maksimum dikenakan 12% tertakluk kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Misalannya jalan masuk 2%, perkhidmatan bekalan air 2%, najis 2% dan seterusnya.

Ini tertakluk kepada perkhidmatan-perkhidmatan ataupun kemudahan-kemudahan yang diberikan di dalam kawasan-kawasan tersebut. Kalau sekiranya kawasan-kawasan tersebut ada, sekiranya pemilik bangunan itu membersihkan kawasan-kawasannya termasuklah pengutipan sampah, maka *rate* bagi perkhidmatan tersebut sebanyak 1% itu tidak akan dimasukkan dalam percukaian. Ini tertakluklah kepada bentuk kemudahan-kemudahan kepada pemilik-pemilik bangunan yang memiliki bangunan di kawasan Bandar Seri Begawan tersebut.

Pada masa ini saya menyatakan bahawa setinggi-tinggi maksimum cukai bangunan pada masa ini 12%, ada 10%, ada 11% tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Berhubung dengan tempat teksi laut ataupun kemudahan-kemudahan bagi orang yang akan pergi balik ke Temburong, memang sudah disediakan ke tempat tersebut, yang mana perkara ini pernah ditimbulkan oleh

salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat di tahun yang sudah-sudah. Dan perkara ini adalah untuk sementara sahaja, kerana kita khuatir bahawa ada satu perancangan untuk membesarkan di kawasan Jalan Residency. Kitani tidak akan mahu membelanjakan kewangan secara terlampau banyak dan berlebihan. Jadinya kalau sekiranya kemudahan tersebut dirobah ianya akan menjadi satu pembaziran. Walau bagaimanapun apa yang perlu di sini keperluan-keperluan asas disediakan dan sekiranya ada kekurangan-kekurangan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, insya-Allah perkara ini akan dinilai dan jika perlu dan bersesuaian ianya akan dilaksanakan.

Dan soalan ketiga tadi, Pegawai Penyelamat Pantai. Dalam perkara ini memanglah salah satu daripada tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kalau sekiranya ada panggilan-panggilan kecemasan di mana-mana sahaja bukan sahaja di pantai-pantai dan di tempat ada panggilan-panggilan kecemasan, memang ada sudah 'standby' dalam 24 jam, mana-mana yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun perkara yang ditimbulkan itu akan dikaji dan juga diteliti jika ianya bersesuaian. Ianya akan dapat dipertimbangkan oleh pihak berkenaan khususnya Jabatan Bomba dan Penyelamat. Terima Kasih

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Bandaran. Satu berita baik, Bandar Seri Begawan disenaraikan dalam 'Top Twenty For Place Of Living', 'ECA International' menempatkan Bandar Seri Begawan di tempat ketiga 'For ASEAN To Live In' dan tempat tujuh belas for 'EUROPEAN To Live In' selepas Singapura, Kobe, Hikohama, Hongkong dan lain-lain. 'Survey' menonjolkan 'living standard' bagi lebih 400 lokasi 'global' dengan mengambil kira hal-hal seperti cuaca 'climate', kualiti udara, perkhidmatan kesihatan, perumahan, 'Social Network', fasiliti untuk rekreasi, 'Infrastructure', keselamatan dan 'practical stability'.

Ini jelas satu bukti kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Kini sudah lebih setahun kawasan Bandar Seri Begawan dibesarkan kepada kira-kira 100sq. 10 kali ganda kawasan sebelumnya yang diisytiharkan pada 1hb Ogos 2007, dan untuk menjadikan Bandar Seri Bagawan, sebagai bandar yang berkualiti tinggi dan harmoni ataupun 'Top Revolusi City' sudah

tentu banyak perancangan-perancangan yang perlu dilaksanakan seperti penyediaan:-

1. Bandar Seri Begawan *Development Master Plan*;
2. *Mereview* atau memperbaharui akta ataupun *Municipal Act*;
3. Meningkatkan keupayaan *Human Resources* ; dan
4. Pengutipan cukai-cukai bangunan yang efisien dan lain-lain.

Soalan saya sejauh manakah sudah langkah-langkah penyediaan perkara-perkara yang saya sebutkan di atas tadi tercapai. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli yang menimbulkan penjelasan dan juga soalan-soalan tadi. Yang sebenarnya memang sudah kitani ketahui bahawa pada masa ini pihak kerajaan bercadang untuk menyediakan pelan induk iaitu Kemajuan Bandar Seri Begawan. Memang ianya memakan masa dan setakat ini bahawa *Expression of Interest* telahpun diterima oleh 39 buah syarikat-syarikat daripada bukan sahaja Negara Brunei Darussalam malahan juga daripada Canada,

China, Hongkong, Jepun, Korea, Malaysia, Philippines dan Singapore.

Dalam waktu yang sama, ianya memerlukan proses-proses untuk pemilihan dan juga sehingga setakat ini bahawa *tender* dokumen kepada beberapa buah syarikat-syarikat yang terpilih masih lagi dalam penelitian mereka dan insya-Allah dalam sedikit masa lagi ianya akan dihantar kepada pihak satu Jawatankuasa Konsultan Komiti dan ianya akan diteliti dengan sepenuhnya. Pihak manakah yang akan disokong dan dipertimbangkan untuk menyediakan pelan induk bagi Bandar Seri Begawan ini, kerana kitani mahu pelan induk ini adalah satu pelan yang *comprehensive* yang melingkungi semua kawasan-kawasan di kawasan yang baru di Bandar Seri Begawan termasuklah kawasan Kampong Ayer supaya apa jua perancangan dan kemajuan-kemajuan itu akan lebih ke arah dan bersistematik untuk jangka masa yang panjang.

Berhubung dengan undang-undang bagi Bandar Seri Begawan malahan juga ia merangkumi di kawasan Bandaran Tutong dan Bandaran Kuala Belait dan Seria. Ianya pada masa ini dalam proses penelitian dengan pihak yang berkenaan khususnya dengan Jabatan Peguam Negara dan ianya masih dalam proses penelitian dan juga memerlukan perbandingan-perbandingan dengan bandaraya-bandaraya yang lain supaya undang-undang itu nanti akan selaras dengan perkembangan dan keadaan semasa dan juga di masa yang akan datang.

Berhubung dengan percukaian seperti yang kita maklum melalui media masa, bahawa jerayawara telahpun diadakan di kawasan-kawasan terutama sekali di kawasan-kawasan baru Bandar Seri Begawan dan pada fasa permulaan ini, ianya akan dikenakan kepada *Commercial Buildings* termasuklah juga bangunan-bangunan yang disewakan. Ertinya di sini tempat kediaman yang pada masa ini tidaklah akan dikenakan cukai tetapi ianya akan dikhususkan kepada bangunan-bangunan ataupun tempat-tempat komersial termasuklah juga bangunan-bangunan ataupun flat-flat yang disewakan.

Dan pada masa ini, ianya semua sekali telahpun di keluarkan notis kepada pemilik-pemilik bangunan tersebut dalam masa ini. Kalau sekiranya ada pemilik-pemilik yang tidak berpuas hati, ianya bolehlah mengadakan satu surat ataupun surat aduan ataupun yang tidak berpuas hati, boleh dibincangkan sama ada sesuai atau tidak dan mungkin barangkali ada kemudahan-kemudahan yang tidak diberikan dalam kawasan mereka juga akan dialu-alukan untuk berbincang bahagian percukaian dan penafsiran di Bandar Seri Begawan. Ianya, percukaian ini akan di kuatkuasakan mulai daripada 1 April 2009.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, junjung kasih, terima kasih. Peramba ada dua soalan yang akan peramba timbulkan:-

1. Perbelanjaan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan bagi Tahun Kewangan 2008/2009 sebanyak \$22,321,000.00 dan bagi Tahun 2009/2010 sebanyak \$22,299,000.00. Tidak banyak berubah begitu juga dengan bilangan kakitangan sebanyak 241 orang bagi Tahun 2008/ 2009. Dan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 sebanyak 238 orang kakitangan. Seperti kita ketahui, kawasan Bandaran akan diperbesarkan dan cukai bangunan akan dikenakan di beberapa tempat mulai April 2009; dan
2. Soalannya:-
 - i. Bolehkah atau mampukah Lembaga ini akan dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan, jika peruntukan dan kakitangan Lembaga ini tidak bertambah. Ertinya dapatkah Lembaga memberi perkhidmatan yang memuaskan dengan kakitangan yang ada pada masa ini?; dan
 - ii. Soalan yang kedua ini ada disentuh oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Di beberapa kawasan komersial, *shopping complex*, pemilik bangunan dikenakan bayaran *maintenance fee* ataupun *service fee* oleh pemaju-pemaju. *Service fee* ini adalah bayaran, kerana pembersihan termasuklah pembuangan sampah. Dalam pengiraan kadar cukai

bangunan adakah *maintenance fee* ini diambil kira? Maksud saya adakah ianya dipotong atau ditolak dari bayaran cukai yang akan dikenakan?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyarankan beberapa isu terutama sekali dari aspek peruntukan bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Kita melihat bahawa dalam peruntukan Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan tidak termasuk perbelanjaan khas yang telah termasuk dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah diperuntukkan \$1,175,000.00 *additional* daripada peruntukan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, tidak termasuk dalam Perbelanjaan Khas yang di mana Perbelanjaan Khas termasuk di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam pada itu juga, beberapa projek-projek di dalam Bandar Seri Begawan adalah termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara yang berjuta-juta ringgit. Misalnya, iaitu *waterfront* yang ada pada masa ini yang masih dalam proses melaksanakan kerja-kerja tersebut, pembisaian iaitu satu projek untuk membisaikan lagi Taman Jubli Perak dan akan di buat satu kawasan tamu baru

satu lagi iaitu untuk mengubahsuai dan mengemaskini Pasar Gadong yang ada pada masa ini, termasuklah juga untuk pembaikan dan untuk menaikkan taraf lagi peranginan, taman, tasek infarmasi dan ada beberapa projek lagi dan jadinya bukanlah bererti peruntukan Lembaga Bandaran tidak bertambah ianya bertambah berjuta-juta ringgit termasuk dalam Perancangan Kemajuan Negara dan juga dalam tajuk Perbelanjaan Khas.

Dan keupayaan Bandaran Seri Begawan untuk makluman Ahli, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah mendatangkan dua pakar, satu pakar dalam *City Management* dan keduanya ialah pakar dalam penaksiran. Kedua-dua pakar ini yang telahpun didatangkan yang pada masa ini ditempatkan di Bandar Seri Begawan akan membantu untuk mengemaskini, merancang dan juga untuk memperbaiki lagi keadaan Bandaran Bandar Seri Begawan pada masa ini. Dan dari semasa ke semasa pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga Bandaran juga telahpun diberikan kursus latihan dan juga dihantar keluar negeri seperti Singapura, Malaysia dan negara-negara lain untuk menambahkan pengetahuan, pengalaman, kemahiran di dalam aspek-aspek yang tertentu. Ini tidaklah memerlukan kalau sekiranya pada masa ini ada lagi kekosongan-kekosongan supaya tidaknya kitani sudah di *review*, ianya akan

tertaklukkan kepada keperluan-keperluan di masa akan datang.

Jadinya kalau sekiranya benar-benar perlu dan di samping itu oleh sebab ada kekosongan-kekosongan dalam beberapa jawatan dalam Bandar Seri Begawan, pihak kerajaan belumlah memerlukan penambahan-penambahan kakitangan dan insya-Allah kalau sekiranya ia perlu, ianya akan dipohonkan tertakluk kepada keadaan dan juga keperluan-keperluan di masa akan datang. Berhubung dengan pembersihan ataupun *maintenance* seperti yang telah saya sebutkan tadi, kalau sekiranya kawasan-kawasan atau pemilik-pemilik bangunan itu ingin menghendaki pengutipan sampah yang dikendalikan oleh Lembaga Bandaran yang pada masa ini kebanyakannya pemilik-pemilik bangunan termasuk di kawasan-kawasan bandaran yang baru. Mereka sendiri, Alhamdulillah telah dapat membersihkan kawasan mereka termasuklah juga pengutipan sampah, jadinya *rates* tidak akan dimasukkan, walaupun sekiranya termasuk seperti saya nyatakan tadi ianya boleh memaklumkan kepada Bahagian Percukaian dan Penafsiran Bandar Seri Begawan dan ianya tidak akan dimasukkan dalam cukai bangunan bagi kawasan Bandar Seri Begawan yang baru. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ingin sama menanyakan berkenaan dengan

cukai pintu mengenai dengan isu-isu yang belum lagi disentuh.

Pertama, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan seperti pemungutan sampah, longkang, *street lighting* dan sistem saluran najis. Banyak di antara tuan-tuan punya bangunan tertanya-tanya ada separuhnya faham mengenai dengan apa sebenarnya *service-service* yang patut mereka dikenakan. Sebagai contoh jika sebuah rumah mempunyai *septic tank*nya sendiri, adakah ia perlu juga membayar *services* serupa dengan...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli Yang Berhormat, saya meminta Ahli-Ahli yang membuat mengambil perhatian dalam maksud kita ialah merundingkan belanjawan bertajuk demi tajuk jadi saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan bijaksana, sekiranya ada sesuatu yang kurang atau tidak digemari dalam tajuk-tajuk yang tersebut sekiranya tidak mencukupi ataupun melebihi bolehlah ditegur tetapi kalau sekiranya menceritakan hal-hal lain, nanti lama kita duduk di sini, saya sukacita Ahli-Ahli mengambil perhatian yang berat mengenai dengan perkembangan untuk menimbangkan rang undang-undang iaitu tajuk demi tajuk daripada kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan, saya minta perhatian berat daripada Ahli-Ahli.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Yang Amat Mulia mengikut *section 12* dari *chapter 57*,

Jabatan Bandaran, ia mengenakan tiap-tiap *services* dalam 2%, ada yang 2% ada yang 1%, itu sebab pasal itulah tadi peramba menyentuh *service-service* begitu, pasalnya tiap-tiap *services* yang diadakan akan dikenakan bayaran dengan peratus-peratus yang tertentu, maka bagi pihak Jabatan Bandaran Brunei Muara, barangkali perlu untuk menerangkan lebih teliti dan supaya kewahaman orang ramai mengenai *services* yang mereka perlu dikenakan bayaran akan lebih jelas.

Yang kedua, tuan punya bangunan dikehendaki, jika tidak bersetuju dengan kadar bayaran yang dikenakan, dikehendaki untuk membuat rujukan sebelum 21 haribulan Mac, banyak di antara tuan-tuan punya bangunan pada ketika ini masih lagi belum menerima surat-surat berkenaan. Dan peramba ingin mencadangkan juga kalau boleh dalam segi bayaran kalau dapat dibayar secara *staggered*, maksud barangkali bagi tahun pertama dikenakan bayaran 5%, tahun kedua dikenakan bayaran 10% dan barangkali tahun ketiga dikenakan bayaran sebanyak 12%. Ini memberi peluang kepada tuan-tuan punya bangunan supaya akan dapat menyediakan keupayaan kewangannya bagi masa-masa yang tertentu. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan perkara tadi, kerana kalau sekiranya adalah barangkali susah untuk membayar, ada peruntukan di sana dibolehkan dua kali dalam setahun membayar cukai-cukai yang dikenakan tersebut dan kalau sekiranya benar apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi ada segelintir pemilik-pemilik belum ada menerima surat, insya-Allah perkara ini akan diteliti dan juga disiasat sama ada perkara ini belum mereka menerima ataupun ada masalah-masalah pertukaran alamat dan seumpamanya. Dan ingin saya menerangkan di sini bahawa pengenaan cukai ini adalah sudah lama dikenakan seperti yang ada di kawasan Bandar Seri Begawan yang lama pada masa ini.

lanya tidak ada perbezaan, ianya perbezaannya ialah perkhidmatan-perkhidmatan dan *percentage-percentage* yang dikenakan. Dalam waktu yang sama, dalam jangka masa yang panjang, *tax system* ini akan *direview* dan juga akan kitani guna pakai yang *best practices* yang diamalkan di negara-negara yang sudah mempunyai *tax system* yang sudah lebih matang dalam perkara ini, insya-Allah dan pada masa ini satu *task-force* telahpun ditubuhkan dan juga kitani mempunyai ada pakar yang berkenaan dengan penafsiran ini ianya akan diteliti untuk lebih matang lagi sistem yang mana diamalkan oleh luar negara dan pada masa ini kitani menggunakan *Conventional Sytem* yang ada

kitani guna pakai di mana yang telahpun diamalkan di kawasan Bandaran yang lama dan juga Bandaran Kuala Belait, Seria dan Tutong. Itulah yang dapat peramba jelaskan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin : Saya ingin mengajukan satu soalan sahaja iaitu mengenai 8 kemudahan bagi pembayaran bangunan ini seperti air 2%, perkhidmatan polis 1%, penyalamat kebakaran 1%, jalan masuk 1%, lampu jalan 1%. Sebenarnya kami tidak memerlukan beberapa kemudahan-kemudahan ini misalnya jalan raya, jalan masuk ini adalah untuk orang ramai. Jadi kami terpaksa membayar 2% bagi lampu jalan di luar sana. Sedangkan perkhidmatan ini bagi kegunaan orang ramai. Tidak perlu dimasukkan dalam kos bangunan tersebut adalah kerana tidak bersesuaian.

Kedua Pehin, kaji semula terlebih dulu dan berunding bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkenaan. Perkara ini akan dikuatkuasakan mulai 1 April. Banyak perkara yang harus dikaji semula misalnya pembuangan sampah, kami tidak memerlukannya. Kami mempunyai orang-orang untuk melaksanakannya, kami juga tidak memerlukan pembuangan sampah, sistem saluran najis. Oleh yang demikian untuk melaksanakan sistem maka pihak kita perlu berunding dengan peniaga-peniaga adakah ianya sesuai atau tidak. Kemudian kita perlu mengumumkannya di akhbar

Borneo Bulletin supaya perkara ini boleh dirundingkan bersama. Walau bagaimanapun keputusan kamu tidak boleh dirundingkan bersama. Semua pembayaran hendaklah dilakukan iaitu kerana undang-undang kerajaan. Ini bermakna kelemahan kerajaan, sepatutnya kita boleh berunding mengenai perkara ini. Apabila sistem ini sudah dilaksanakan macam mana kita hendak membuat rayuan. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya memohon maaf perkara ini adalah relevan kerana sistem ini tidak sesuai pada masa ini memandangkan krisis global. Banyak orang telah dibuang kerja sehingga rumah-rumah sewa tidak dapat dibayar. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, seperti yang saya terangkan tadi perkara ini sudah kitani amalkan dan ianya akan di *review* sehinggalah ada yang masa *conventional* ini akan kitani ubah suai seperti yang saya terangkan tadi dan kalau sekiranya benar perkara-perakara ada *services-services* tidak termasuk seperti yang saya nyatakan tadi ianya dalam perkara ini boleh dirujuk, dalam undang-undang pun boleh merayu, ertinya di sana itu boleh pihak yang tidak berpuas hati dalam perkhidmatan - perkhidmatan itu boleh merayu.

Ertinya bukan pihak kerajaan tidak mengambil tindakan. Misalnya saja ada kes-kes yang tertentu ada pihak milik bangunan yang tidak membayar cukai telahpun dihadapkan kepada pihak Peguam Negara untuk diambil tindakan undang-undang. Ini adalah sudah diberikan makluman yang saya nyatakan tadi diberikan notis. Terpujanglah kepada pemilik itu untuk maklumkan bahawa adakah ia termasuk dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang dimaksudkan tersebut tadi dan di sana dibolehkan persetujuan di sana itu dan macam sekiranya dalam 2 hingga 3 bulan, 4 bulan. Bangunan itu hendak disewa ada *flexibility* di sana itu. Boleh merayu dan boleh turutkan dari satu kalau sekiranya sewa.

Bangunan itu tidak disewa dan pemiliknya boleh menjelaskan bahagian cukai dan penafsiran dan akan *direview* bahawa bangunan ini inada disewa dalam tempoh sekian-sekian ia boleh dimaklumkan. Itulah yang dapat peramba jelaskan dan saya mengucapkan terima kasih dan segala perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat memanglah diambil perhatian seperti yang saya maklumkan tadi pada masa ini menggunakan cara *conventional* sistem, ianya akan *direview* dan kitani ada sudah mengambil tenaga seorang pakar. Seorang pakar ini akan mengkaji dan saya nyatakan tadi satu Jawatankuasa *task force* telahpun ditubuhkan mereview *conventional tax system* bagi kawasan bandaran, Bandar Seri Begawan pada masa ini. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya kita sudah berbincang agak lama tentu sekali banyak Ahli sudah letih. Jadi dengan demikian. Maka sebelum saya mencadangkan kita berehat. Saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju kepada tajuk yang kita bincangkan ini sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan)

Yang tidak setuju, sila angkat tangan,

(Tidak ada)

Nampaknya yang bersetuju lebih banyak, maka dengan sendirinya tajuk ini diluluskan menjadi sebahagian undang-undang.

Jurutulis: SE02A - Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, masanya agak lama sudah kita duduk, maka dengan demikian diberi peluang Ahli-Ahli Yang Berhormat berehat sekadar 20 minit, lepas itu nanti barulah *meeting* semula. Saya tangguhkan.

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai mana tadi dijelaskan dalam *meeting* Jawatankuasa kita sudah

agak lama. Maka dengan demikian, saya dengan ini sukacita menanggungkan mesyuarat ini dalam masa 20 minit daripada sekarang.

(Majlis berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat Negara bersambung)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Mulia, kita bermesyuarat dalam bidang Mesyuarat Negara. Oleh kerana banyak lagi perkara yang di mesyuaratkan kita kembali semula dalam mesyuarat Jawatankuasa, maka sekarang saya tangguhkan Majlis Mesyuarat kita di sini bagi membolehkan Ahli-Ahli bermesyuarat dalam Jawatankuasa dan menyelesaikan usaha kita dalam hal itu. Ditangguh untuk mesyuarat Jawatankuasa.

(Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Jurutulis: SEO3A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pada tahun ini peruntukan bagi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria berjumlah kira-kira 8.8 juta

dan kita harap dengan peruntukan ini Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria akan dapat membina lagi Pekan Kuala Belait dan Seria. Walau bagaimanapun Alhamdulillah, Pekan Kuala Belait sedikit sebanyak telah beransur-ansur nampak perubahannya, beberapa perkembangan telah nampak dilihat pada masa ini di antaranya ialah *waterfront project*, pasar baru, walaupun *progressnya* agak *slow*, tempat-tempat letak kereta yang diubahsuai, membaik pulih jam besar dan lain-lain di pekan tersebut. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha gigih Jabatan tersebut dengan menyediakan kemudahan-kemudahan awam demi kesejahteraan orang ramai dan dapat membina pekan Kuala Belait dan Seria.

Walaupun bagaimanapun, banyak lagi kerja-kerja yang masih perlu diusahakan dan dibina seperti kawasan-kawasan di Jalan Sulaiman dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya di mana kawasan keadaannya tidak banyak berubah terutama parit-parit perlu di *upgrade* dan dibersihkan dan lain-lain lagi. Saya ingin bertanya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, adakah dalam agenda Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria untuk merancang, memperluaskan kawasan Bandaran Kuala Belait seperti yang dilakukan oleh Jabatan Bandaran Seri Begawan. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji

Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih atas komen daripada salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi dan juga pertanyaan sama ada rancangan untuk membesarkan Pekan Kuala Belait dan Seria. Dalam perkara ini memang dalam rancangan dan *review* tempat-tempat yang akan diluluskan insya-Allah, kalau setelah di *review* dan dirundingkan dengan agensi-agensi berkenaan dan juga *state holders* yang tertentu maka ianya akan terlebih dahulu diteliti tentang kesesuaian dan jangka masa yang tepat nanti akan melalui proses-proses yang tertentu, memang ada rancangan dan pada masa ini sudah dalam proses meneliti oleh Lembaga Bandaran Kuala Belait sini. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dijadikan sebahagian daripada Jadual. SEO4A - Lembaga Bandaran Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Saya ringkas saja, terutama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Kementeterian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah memperuntukkan \$2 juta lebih.

Yang kedua saya difahamkan bahawa ada beberapa jawatan kosong yang masih belum diisikan di Lembaga Bandaran Tutong. Jadi adalah diharapkan jawatan-jawatan sedemikian akan dapat diisikan untuk mengurangkan jumlah pengangguran. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih atas perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, seperti kitani sedia maklum memanglah pengiklanan telahpun dijalankan dalam perkara ini ia mengikut *prosedur* yang telahpun ditetapkan, ini tertakluk kepada kebenaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memilih dan juga menawarkan kepada mereka yang berkelayakan untuk mengisikan jawatan-jawatan tertentu, memang sudah dalam proses ianya masih lagi mungkin di dalam pertimbangan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam perkara ini. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju
pada tajuk ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SEO4A - Lembaga Bandaran
Tutong dijadikan sebahagian daripada
Jadual. SEO5A - Jabatan Buruh.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli untuk
menyuarakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat
yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat
tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SEO5A - Jabatan Buruh dijadikan
sebahagian daripada Jadual. SEO6A -
Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Tidak ada yang ingin mengusulkan, Ahli-Ahli

Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk
ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SEO6A - Pejabat Daerah Brunei
dan Muara dijadikan sebahagian daripada
Jadual. SEO7A - Pejabat Daerah Belait.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.
Shafie bin Ahmad:** Terima kasih Yang
Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ringkas saja
bahawa peruntukan Pejabat Daerah Belait
\$4.8 juta, ini tidak termasuk peruntukan
untuk projek-projek membina jalan-jalan kecil
di Daerah Belait, mengikut peruntukan pada
tahun ini projek-projek tersebut dimasukkan
ke dalam peruntukan Kementerian Hal
Dalam Negeri yang berjumlah \$650,000 ribu,
saya ingin bertanya Yang Amat Mulia
Pengiran Pengerusi adakah ini hanya khusus
untuk membina jalan-jalan kecil yang baru.

Kedua, adakah peruntukan \$650,000 ribu ini
tidak termasuk jalan alternatif yang pernah
saya suarakan di dalam majlis ini iaitu jalan
ke Kuala Balai Labi.

Yang ketiga adakah peruntukan ini termasuk
juga untuk meningkatkan taraf jalan di

pendalaman, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan perkara yang tadi, yang sebenarnya jalan-jalan kecil, pembina jalan-jalan kecil ini ialah di jalan-jalan kecil yang termasuk dalam bidang kuasa Jabatan Daerah, termasuklah juga memperbaiki segala kerosakan-kerosakan jalan-jalan kecil ini tidaklah termasuk apa yang dimaksudkan iaitu jalan daripada Labi ke Kuala Balai, kalau sekiranya pun ada ianya adalah memakan belanja yang besar dan termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara walaupun sekiranya ada. Dalam peruntukan ini memanglah tidak ada peruntukan yang khusus bagi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini adalah seperti yang saya nyatakan tadi ialah untuk membina jalan-jalan kecil dan juga untuk memperbaiki apa jua kerosakan-kerosakan jalan kecil di Daerah Brunei Muara yang termasuk dalam bidang kuasa Jabatan Daerah Belait. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SEO7A - Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian daripada Jadual. SEO8A - Pejabat Daerah Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin tahu bahawa \$5 juta lebih, kalau dikira tiap-tiap tahun peruntukan ini tidak mencukupi. Apakah belum sampai akhir tahun sudah habis, adakah ini tambahan selain daripada ini?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi kalau dilihat dari peruntukan ini dibandingkan dengan 2008, 2009 memang peruntukan ini ada kenaikan dalam \$100 ribu dan sekiranya peruntukan-peruntukan itu dibelanjakan dengan sebaik-baiknya dan ada juga peruntukan di sana itu disediakan di bawah perbelanjaan khas bagi Pejabat Daerah Tutong. Apa yang mustahak di sini supaya peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan itu akan digunakan dengan sebaik-baiknya secara berhemah dan juga berjimat-cermat supaya ianya akan

dimanfaatkan yang mustahak sekali untuk digunakan peruntukan-peruntukan untuk disediakan oleh kerajaan dan ianya bukan sahaja dikhususkan kepada Jabatan Daerah Tutong, malahan semua kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini perlulah juga ada peruntukan-peruntukan khusus bagi membelanjakan apa jua keperluan-keperluan demi untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat di negara ini, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SEO8A - Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. SEO9A - Pejabat Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba tidaklah banyak membuat rumusan mengenai dengan perbelanjaan, walau bagaimanapun peramba mengucapkan berbilang ribuan terima kasih di atas perbelanjaan ini walaupun ia turun sedikit daripada tahun yang lepas dan juga mengucapkan terima

kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam kawalan sebanyak \$560,000.00 bagi perkara-perkara untuk dilaksanakan oleh Jabatan Daerah. Cuma hanya peramba ingin sedikit meminta pertimbangan daripada pihak yang berkenaan supaya tahun depan akan dihadapi satu peruntukan iaitu masalah yang dihadapi pada masa ini ialah mengenai dengan masalah tempat perletakan kereta, iaitu berdekatan dengan kawasan bangunan Kompleks Bumiputera di Temburong. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Perkara ini akan diambil perhatian dan diteliti tentang keperluannya, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.
Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SEO9A - Pejabat Daerah Temburong dijadikan sebahagian daripada

Jadual. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan

Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba memohon untuk bercakap agak panjang sedikit, kerana perkara yang peramba akan timbulkan ini berkaitan dengan kementerian-kementerian lain. Tetapi tidak dapat diceraikan kerana ianya ada berkaitan dengan apa yang peramba timbulkan ini. Perkara yang ingin peramba timbulkan ialah mengenai kawalan Imigresen Kuala Lurah, masalah menyeberangi Sungai Pandaruan dan kawalan Imigresen Kampung Puni hujung jalan. Pada setiap kali percutian sekolah, hari kelepasan awam, seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan hari-hari kebesaran yang lain, maka timbullah masalah kereta berbaris panjang untuk menyeberangi Sungai Pandaruan, sama ada kereta dari Bandar Seri Begawan atau dari Temburong, kerana pada masa ini hanya sebuah feri sahaja dalam satu masa yang menyeberangkan kereta-kereta yang banyak ini. Pada percutian sekolah yang lalu penduduk-penduduk negara ini yang ingin membawa keluarga anak-anak mereka ke luar negeri ke Sabah dan penduduk-penduduk Daerah Temburong sendiri yang ingin keluar daerah terpaksa berbaris panjang hingga menunggu sampai 4 jam untuk menyeberangi Sungai Pandaruan. Setelah menunggu lebih kurang 3 hingga 4 jam untuk menyeberangi Sungai

Pandaruan mereka terpaksa menunggu berbaris selama 3 ke 4 jam lagi untuk melintasi kawasan Imigresen Kuala Lurah. Kita merasa kesihan melihat keluarga-keluarga orang-orang Brunei dan pelancong-pelancong dengan anak-anak mereka menunggu barisan yang panjang dan menunggu begitu lama dengan tidak ada tandas dan kemudahan-kemudahan awam yang tersedia.

Walaupun kejadian ini bermusim, tetapi musimnya itu berdekatan di antara satu dengan yang lain sepanjang tahun. Berkebetulan kerajaan akan membina pos kawalan imigresen yang baru di Kampong Puni di Daerah Temburong dan pihak Malaysia telah membina sebuah Pos Kawalan Imigresen yang baru di Kuala Lurah dan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Terusan, saya khuathir apabila kemudahan-kemudahan ini sudah siap untuk digunakan maka akan bertambahlah lagi masalah menyeberangi Sungai Pandaruan dan bertambah lagi panjangnya barisan kereta-kereta di Pos Kawalan Imigresen di Kuala Lurah, sekiranya kita lambat bertindak untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan ini. Saya percaya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah sentiasa berusaha untuk mengatasi apa jua masalah orang-ramai di negara ini dengan memberikan berbagai kemudahan yang boleh dinikmati oleh orang ramai. Ini adalah selaras dan bertepatan dengan maksud *policy direction* dalam *strategic planning book of the Ministry of Communications on land transportation*

antaranya yang berkenaan termasuklah *quoter investing in quality and insufficient public transport facilities to enable better connectivity creating a safe multi-model connection domestically as well as with neighbouring countries with common borders Sabah, Sarawak and Indonesia. Improving cross border movement of goods and people. Establishing safe land transportation system.*

Bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Bagidna Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Persidangan Kemuncak Kelima BIMP-EAGA , di antara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Philippines di Thailand pada 28 Februari 2009,di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan keperluan bagi melicinkan dan memudahkan perjalanan barangan (*goods*) perkhidmatan (*services*) dan pelaburan (*investments*) di kawasan BIMP EAGA. Perjalanan orang ramai (*people*) juga perlu dipermudahkan memandangkan *economic downturn* masa ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan pujian di atas usaha-usaha yang telah dibuat bagi mempermudah perhubungan udara, darat dan laut di kawasan BIMP EAGA, kerana ianya akan mendatangkan faedah kepada orang ramai dan membantu perniagaan untuk mengurangkan perbelanjaan dalam menjalankan perniagaan di rantau ini.

Saya berpendapat sudah tiba masanya kerajaan memberikan kemudahan yang sesuai bagi orang ramai dan kenderaan-kenderaan menyeberangi Sungai Pendaruan dengan selesa dan lancar dan mengubah suai bangunan Pos Kawalan Imigresen di Kuala Lurah juga untuk kesenangan dan keselesaan orang ramai yang berulang alik menggunakannya.

Pada petang semalam 16 Mac 2009, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat perjanjian dengan Kerajaan Malaysia yang menyentuh mengenai dengan tuntutan Negara Brunei ke atas Limbang, berkebetulan di Majlis ini ada hadir Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, maka kalau Yang Berhormat Pehin itu tidak berkeberatan untuk memberikan sedikit penerangan mengenai dengan perjanjian ini kerana ianya berkaitan dengan perkara yang saya timbulkan ini., Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu siaran akhbar yang kenyataan bersama telah dikeluarkan kelmarin, barangkali peramba ingin membaca dan memetik tiga paragraf yang relevan dalam Majlis ini;-

1. Paragraf kedua yang berbunyi "Pemimpin kedua buah negara telah mengadakan perjumpaan empat mata di Istana Nurul Iman pada 16 Mac 2009, kedua-dua pemimpin juga menandatangani pertukaran surat-surat yang menandakan kejayaan rundingan terhadap isu-isu dua hala yang belum selesai di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Malaysia. Rundingan tersebut yang telah berlangsung sejak berapa tahun kebelakangan ini, mengambil kira kriteria-kriteria berasaskan kepada sejarah, undang-undang dan sebagainya yang boleh diterima oleh kedua pihak;
2. Paragraf ketiga, kedua-dua pemimpin mengambil maklum persetujuan yang dicapai oleh kejayaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terhadap perkara-perkara utama yang terkandung di dalam pertukaran surat-surat ini termasuk keadaan sempadan *maritime* kedua-dua buah negara, penubuhan *commercial arrangement*, di bidang minyak dan gas dan cara-cara penyelesaian pembatasan sempadan tanah kedua-dua buah negara dan hak-hak laluan *maritime* yang berterusan bagi rakyat dan penduduk Malaysia di sebarang zon-zon *maritime* Brunei sama ada bagi mereka yang melawati dan memulai perjalanan dari Sarawak, Malaysia mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam; dan
3. Peramba ingin memetik lagi satu paragraf, paragraf keenam "Pembatasan sempadan-sempadan tanah di antara kedua-dua buah negara akan diselesaikan berdasarkan kepada lima buah perjanjian bersejarah yang ada pada masa ini di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Sarawak, dan juga jika bersesuaian prinsip-prinsip *watershed*, sejurus itu segala isu-isu berkaitan dengan sempadan-sempadan tanah akan diselesaikan mengikut apa yang berpatutan.

Pengiran Pengerusi, memanglah ada dipetik daripada *press report* yang menyatakan Brunei telah menerima *claimed* Malaysia pada Limbang atau menggugurkan *claimed-claimed* lain, yang sebenarnya perkara tuntutan Limbang tidak pernah dirundingkan, apa yang dirundingkan adalah berkenaan dengan sempadan darat seluruhnya. Jadi seperti dalam kenyataan akhbar tadi berhubung dengan sempadan darat kedua pihak bersetuju kepada asas-asas bagi penyelesaian isu-isu yang telah berpanjangan, seperti dengan menggunakan perjanjian-perjanjian telah lama wujud sebagai asas dan juga *watershed principal* dan selepas itu satu *working group* yang akan melibatkan Juruukur Agung kedua pihak akan membuat teknikal-teknikal aspek untuk menyelesaikan sempadan darat. Itu untuk makluman Tuan Peramba.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada lagi Ahli-Ahli lain akan bercakap silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba akan mengutarakan dua soalan:-

1. Di Daerah Temburong terdapat lebih 70 orang bukan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan dalam menghadapi masalah mereka untuk memohon permit masuk dan memohon untuk mendapatkan kerakyatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan bagi warga emas yang sudah berusia lanjut dan tidak lulus dalam setiap kali ditemuduga atau ujian sebagai syarat yang diperlukan. Apakah mereka ini boleh diberi ujian yang berlainan? yakni apa yang bersesuaian khas untuk warga emas, kalau dapat dipertimbangkan pihak Jabatan Imigresen berkenaan akan mengadakan jerayawara dalam memberikan taklimat dan penerangan yang menyeluruh kepada mereka supaya mereka akan benar-benar faham setelah penerangan diberikan dan masalah yang dihadapi terjawab.
2. Mengenai dengan soalan kedua Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,

peramba juga ingin minta pertimbangan bolehkah Jabatan Imigresen di Pos Kawalan mengeluarkan pas jalan apabila ada pesakit yang tidak ada mempunyai passport yang memerlukan rawatan kecemasan segera untuk dibawa ke Hospital Bandar Seri Begawan menggunakan kenderaan ambulans melalui negara jiran?, apakah boleh dibenarkan? dan sepertimana yang pernah terjadi, ia tidak dibenarkan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan kerakyatan dan untuk mendapat status Penduduk Tetap ini kita mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan dan perkara ini pernah ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat di mesyuarat yang lalu bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu telahpun melonggarkan kepada mereka yang tidak tahu menulis atau membaca ataupun warga emas ataupun orang tua-tua, ada peruntukan di sana itu bagi melonggarkan memberikan mereka ini ujian Bahasa Melayu secara bertulis, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sini bahawa ujian Bahasa Melayu secara bertulis sudah tahun 2008

saja, 332 telahpun diperkenankan untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sejak tahun 2003 sehingga 2009 mereka yang mendapat kerakyatan yang mengikut ujian Bahasa Melayu secara oral ialah sebanyak 751 orang telahpun diperkenankan untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penduduk Tetap mengikut kelayakan-kelayakan yang tertentu telahpun banyak dibenarkan dan seperti mungkin barangkali Yang Berhormat sudah maklum bahawa setiap kali saya sendiri kalau mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong perjumpaan dengan rumah-rumah Ketua Kampong, penghulu-penghulu mukim sering saya bertanya jika ada masalah-masalah timbul seperti memohon sama ada untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan status Penduduk Tetap untuk menghadapkan permohonan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Berkenaan dengan status Penduduk Tetap memang termasuk juga di Daerah Temburong, telahpun dibenarkan. Untuk makluman Ahli di sini bahawa status Penduduk Tetap telah banyak dibenarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan misalannya saja dalam tahun 2008 mereka yang diberikan status Penduduk Tetap, termasuk penduduk-penduduk di Daerah Temburong ialah seramai 1,033 orang. Ini bukan bermakna Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan tidak memberikan pertimbangan. Mana-mana permohonan yang diterima akan diproses mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang mereka yang berkelayakan insya-Allah akan diberi pertimbangan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia wujud. Insya-Allah kalau sekiranya diperlukan nanti saya akan mengarahkan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk memberikan taklimat-taklimat kepada mereka yang berkenaan supaya dapat memahami lagi akan peraturan-peraturan dan peruntukan undang-undang sama ada peraturan-peraturan untuk mendapat kerakyatan sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga untuk mendapatkan status Penduduk Tetap. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam pemerhatian saya perkhidmatan-perkhidmatan kaunter di Jabatan Imigresen Negara Brunei Darussalam nampak lebih jauh berubah dan baik dari tahun-tahun sebelumnya, demikian juga kaunter Jabatan Imigresen Kuala Belait, cuma apa yang saya

ingin suarakan ialah tentang tempat-tempat menunggu giliran agak sempit dan tidak begitu selesa di Jabatan Imigresen Kuala Belait.

Yang kedua fasiliti menunjukkan giliran sudah lama tidak berfungsi walaupun berkali-kali diberitahu.

Yang ketiga kedudukan pejabat terletak di tingkat 3 yang paling atas di daerah tersebut, ini menyusahkan orang ramai terutama warga tua yang terpaksa datang ke pejabat apabila hendak membuat pasport atau membaharui pasportnya, adapun lif baiknya cuma sehari tetapi sakitnya sebulan. Saya ingin mencadangkan untuk difikirkan iaitu tiba barangkali masanya untuk Jabatan tersebut disatukan di bawah satu bumbung dengan bahagian-bahagiannya seperti Bahagian Kad Pengenalan, Bahagian Beranak dan Mati, Bahagian Taraf Kebangsaan dan Bahagian *Inforcement* yang pejabat mereka ini agak begitu usang bagi memberi perkhidmatan yang lebih efisien lagi selesa.

Yang terakhir, sukacita saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi memohon supaya jawatan Penolong Pengawal Imigresen diadakan di Daerah Belait memandangkan *workload* di jabatan tersebut makin sehari makin bertambah dan kompleks yang memerlukan *decision* yang betul dan cepat. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan juga kepada Ahli yang menyarankan beberapa isu yang perlu diambil perhatian dan insya-Allah perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi akan diteliti dan diambil perhatian semata-mata untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efektif kepada masyarakat terutama sekali di Daerah Belait. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dengan izin Peramba sedikit menyentuh yang tidak boleh diceraikan iaitu mengenai dengan Jabatan Imigresen, tetapi peramba dapat menceritakan melalui pelancongan. Negara Brunei Darussalam ingin menggalakkan pelancong-pelancong di Negara Brunei Darussalam melalui berbagai-bagai pos kawalan. Peramba percaya negara menghendaki pelancong bagi mempelbagaikan ekonomi yang mana perkara ini dikehendaki oleh negara sejak dahulu lagi. Persoalan sekarang kerajaan menghendaki pertambahan pelancong dari tahun ke tahun, akan tetapi mungkin ada beberapa dasar yang bercanggah dan kehendak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Peramba difahami ada sungutan dan pendapat orang ramai dan pelancong-pelancong yang berminat ke negara ini mengatakan adalah susah untuk mendapatkan visa untuk mereka melawat negara ini. Bagi rakyat setengah negara mereka terpaksa terlebih dahulu mendapatkan visa melalui Kedutaan Brunei Darussalam di luar negara. Peramba ingin bertanya apakah ada cadangan bagi Kementerian berkenaan supaya akan dapat menimbang dalam mengubah dasar, bahawa pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong yang memenuhi syarat di beri *Visa On Arrival* bagi memudahkan pelancong-pelancong melawat ke negara ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Negara Brunei Darussalam yang sebenarnya memang ada perjanjian dengan negara-negara luar sehingga pada masa kini iaitu sebanyak lebih 50 buah negara telahpun dikecualikan visa untuk melawat ke negara ini dan sebahagian jua beberapa buah negara telah membuat perjanjian diberikan *Visa On Arrival* untuk melawat ke negara ini. Ertinya kemudahan-kemudahan tersebut untuk memberikan insentif kepada warganegara-warganegara asing untuk melawat ataupun melancong ke negara ini memanglah ada,

tidak terkecuali ada juga beberapa buah negara bukan saja Negara Brunei Darussalam, negara-negara luar pun ada beberapa buah negara dikehendaki untuk mendapatkan visa bagi masuk ke negara berkenaan termasuk ke Negara Brunei Darussalam. Ini adalah semata-mata untuk mengawal dan menjaga keselamatan negara kerana itulah visa dikehendaki. Ini tertakluk kepada persetujuan secara *reciprocity*, kalau Negara Brunei memberikan visa dan negara tersebut juga akan memberikan pengecualian visa dalam tempoh-tempoh yang tertentu, ada yang diberikan dalam tempoh 14 hari dan juga diberikan tempoh 30 hari. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya tidak akan menimbulkan perkara baru tetapi apa yang saya timbulkan awal tadi nampaknya belum ada respons iaitu mengenai dengan Pos Imigresen Kuala Lurah, Pos Imigresen Kampong Puni dan *facility infrastructure* bagi menyeberangi Sungai Pandaruan, Temburong. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan Pos Kawalan Imigresen di Puni seperti yang kitani lihat pada masa ini, tanah telahpun diratakan dan ianya telah pun ditenderkan. Mengikut proses-proses tertentu, jika sekiranya proses tender telah selesai akan ditawarkan kepada syarikat yang berjaya. Insya-Allah dalam tahun ini mungkin projek itu akan dilaksanakan.

Dan berhubung dengan Pos Kawalan Kuala Lurah seperti yang telahpun dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) bahawa yang mustahak sekali ialah untuk kitani menyelesaikan dulu, di mana tapak yang sesuai. Kalau sudah sempadan itu selesai maka ianya akan dapat kitani laksanakan. Memang peruntukan telah diberikan oleh kerajaan, kitani hanyalah menunggu tapak yang bersesuaian bagi melaksanakan projek tersebut. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ini adalah masalah yang sangat teruk pasal wanita penduduk tetap yang berkahwin dengan orang asing. Ini merupakan masalah yang serius yang perlu dipertimbangkan.

Apabila suaminya umurnya sampai 55 tahun, mereka diarahkan balik ke negeri asal pasal taukenya tidak boleh jamin dia lagi. Dengan ini bersama anak-anaknya mereka kerana syarikat tempat suaminya bekerja tidak boleh lagi menjamin dia. Mereka terpaksa

balik ke negeri asal bersama anak-anaknya. Oleh yang demikian mereka juga terpaksa berpisah dengan isterinya dan ibunya. Atas dasar ini berapalah kesalahan dalam undang-undang ini. Latah kalau dapat Yang Berhormat, walaupun majikannya tidak dapat lagi menjamin pasportnya kalau boleh isterilah yang jamin sama ia dan anaknya. Kalau anda diorang ni kasihan tau.

You don't expect anaknya sama bapanya balik di Malaysia, ibunya di Brunei. Dari segi ugama, saya ingat adalah mengenai ini adalah berdosa. Saya harapkan kalau dapat Yang Berhormat kerana inilah masalah yang teruk di Brunei. Orang-orang Brunei kahwin sama orang luar, lepas tu lakinya terpaksa balik tapi bininya anda mau balik pasal mereka sudah di Brunei puluh-puluh tahun. Saya harapkan kalau boleh bininya bolehlah jamin laki dan anaknya sampai selamanya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ucapkan terima kasih lagi kepada Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini pernah jua ditimbulkan di mesyuarat yang lalu bahawa kelonggaran-kelonggaran seperti ini bahawa kalau sekiranya isterinya warganegara Brunei Darussalam, ada peruntukan di sana itu boleh

dipertimbangkan untuk mendapatkan status penduduk tetap. Pertamanya, suaminya ini kalau lahir di Negara Brunei Darussalam, ia mesti tinggal di negara ini sekurang-kurangnya 15 tahun, kalau ia lahir di luar negeri, sekurang-kurangnya 20 tahun berada dan masih lagi bersekedudukan sebagai suami isteri. Dan salah satu daripadanya juga ia mestilah mengetahui serba sedikit adat istiadat negara, tatasusila negara dan juga tidak membebankan kepada Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini bahawa setakat ini sudah dipertimbangkan, orang yang isterinya warganegara Brunei Darussalam dan suaminya warganegara asing ialah 725 orang telahpun dipertimbangkan. Ini untuk makluman. Memanglah dipertimbangkan dan pihak kerajaan sentiasalah mengambil perhatian tentang kebajikan dan masalah-masalah yang dihadapi terutama sekali mereka yang berkeluarga. Inilah sebabnya perkara ini telahpun dipertimbangkan dan diperkenalkan pada tahun 2006 memandangkan masalah-masalah yang banyak berbangkit untuk kesejahteraan keluarga terutama sekali mereka yang telah berkeluarga. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Kaola ni ertinya bukannya rakyat Brunei Pehin, bininya ialah penduduk tetap. *My question* kalau bininya kerakyatan Brunei, itu *no problem, it can be sponsored*. Tapi

orang ni orang Brunei penduduk tetap. Itu yang *different* tu, itu senerio.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Senerionya bagaimana Pehin? Kalau sekiranya ianya profesional ataupun menyumbang kepada ekonomi, ada kategori-kategorinya.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *The one I know. This one is another specification. You want them to macam lakinya sama anaknya balik ke Malaysia so the wife stay here. That's what you want?*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: *No, I mean what your problem is so isterinya ini bukan warganegara. Kalau sekiranya suaminya ini boleh dikategorikan sama ada ia penyumbang kepada ekonomi.*

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Penduduk Tetap Brunei.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Penduduk Tetap Brunei?

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yes, *second generation.*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Ialah nya saya tadi, kalau suaminya boleh dikategorikan sama ada ia penyumbang kepada ekonomi atau termasuk dalam bidang profesional.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Suaminya *driver.*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Dan satu lagi, kalau ia profesional, boleh jua dipertimbangkan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Dia orang Malaysia ni bukannya orang profesional, driverlah, kulilah. Diorang cinta sama orang Brunei dan kahwin. Itu Allah Ta'ala kasi dia. *It's not excuse bah, This is the big issue tau, they got any time to come and see me. I don't know how to handle it.*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Perkara ini *base on merit.* Bolehlah dipohonkan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Kalau boleh suruh bininya jamin lakinya saja bah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Pada masa ini Pehin, orang yang macam itu kalau ada kerja boleh dijamin oleh isterinya.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Umumnya sudah 55, inda dapat jamin bah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Perkara ini boleh dipertimbangkan *base on merit* dalam kes-kes tertentu.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, minta bertenang sedikit. Saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan atau cadangan ataupun apa jua pandangan dalam majlis ini dengan jelas dan memberikan jawapan dengan terang dan jelas juga. Itulah maksud saya, janganlah tempat kita ini menjadi *argument* menjadi pertengkaran sedangkan Majlis ini semua orang tahu

adalah majlis yang sangat dihormati dan mulia.

Saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat perlulah menimbangkan sebaik-baiknya dalam membahaskan perkara-perkara di antara satu Yang Berhormat dengan seorang Yang Berhormat yang lain. Saya pohonkan demikian.

Oleh yang demikian, saya memohonkan supaya saya akan balik bersidang di persidangan penuh dan sebelum itu saya ingin mengundi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan,

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada)

Maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SS10A – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menangguhkan dahulu perbincangan kita di dalam Mesyuarat Jawatankuasa, maka saya memohonkan untuk naik ke atas, untuk bermesyuarat dalam dewan penuh.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Yang Amat Mulia dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan pada esok hari jam 9.30 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Rabu, 21 Rabiulawal 1430 / 18 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,

PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal
Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri
Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)

di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir
sebelah pagi/petang)**

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-
ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN):**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan

Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat disambung pada jam 9.30 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara masuk hari kelima disambung semula dengan mendahului bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kuncang. (Imam Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkihah): Bacaan Doa Selamat.

Yang Di-Pertua Dewan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, semalam kita telah membincangkan Akta Perbekalan 2009/2010 bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sehingga Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan. Dalam membincangkan Belanjawan ini dipersidangkan Jawatankuasa, maka untuk menyempurnakan perbincangan itu dan meneruskan Majlis Mesyuarat sekarang

saya tangguhkan dan kita bersidang sebagai Jawatankuasa semula untuk menyambung perbincangan kita semalam, maka dengan demikian saya menangguhkan Mesyuarat Negara pada seketika untuk membolehkan kita bersidang dalam Jawatankuasa.

(Mesyuarat Negara ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Jurutulis: Tajuk SE11A - Jabatan Penjara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE11A - Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mohonkan ampun saya terlebih dahulu

meminta sedikit ruang untuk menceritakan sedikit latar belakang. Semasa bencana alam yang melanda Negara Brunei Darussalam pada awal tahun ini di mana berlaku banjir dan tanah susur dikebanyakkan tempat di negara kita ini. Anggota-anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam, telah dapat memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawab mereka dengan begitu tabah dan sabar. Saya sungguh kagum di atas semangat dedikasi para anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat kita ini. Kepujian dan penghargaan patut diberikan kepada semua mereka lebih-lebih lagi kepada mereka-mereka yang bertugas di waktu musim bencana alam baru-baru ini.

Ada beberapa barek anggota Bomba dan Penyelamat itu sendiri terjejas akibat banjir seperti Barek Bomba di Daerah Belait namun anggota Bomba dan Penyelamat tetap menjalankan tugas mereka masing-masing tanpa memikirkan kepentingan diri yang juga terjejas akibat banjir. Ada di antara mereka tidur di pusat-pusat kawalan kecemasan di kawasan pendalaman seperti di Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat, Bukit Puan, kawasan Sungai Beluhur, Mukim Labi. Dengan keramaian anggota yang lebih kurang 200 orang itu iaitu anggota pasukan Bomba Daerah Belait.

Saya penuh percaya mereka tentu menghadapi beberapa halangan dan rintangan dalam memenuhi kehendak pelanggan. Bagi mengenangkan jasa bakti dan dedikasi mereka terhadap tugas semasa bencana alam yang luar biasa ini, saya

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan seperti berikut:-

1. Mengembalikan skim berpencen kepada anggota Bomba Dan Penyelamat sama seperti anggota Polis Diraja Brunei dan Anggota Angkatan Tentera Diraja Brunei;
2. Memberi elaun khas, surat penghargaan serta pingat kepada mereka-mereka yang menunjukkan dedikasi terhadap tugas masing-masing semasa berlakunya bencana alam tempoh hari;
3. Ditambah bilangan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Belait;
4. Dibina satu lagi Balai Bomba di kawasan Mukim Liang, Kampung Lumut disebabkan pertumbuhan bangunan perumahan dan rumah persendirian di kawasan tersebut meningkat;
5. Di baikpulih mana-mana barek bomba yang berkeadaan kurang selesa untuk didiami; dan
6. Balai bomba dan barek tempat tinggal anggotanya dan keluarga patut dipertimbangkan untuk dipindahkan kesuatu kawasan yang lebih sesuai kerana kawasan yang ada sekarang sering dilanda banjir.

Sekian, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan beberapa perkara dan juga mengucapkan terima kasih ke atas ketangkasan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai anggota Bomba dan Penyelamat dalam menangani masalah banjir dan tanah susur yang melanda di negara ini. Bukan sahaja pegawai-pegawai anggota bomba bertungkus lumus tetapi juga dengan kerjasama yang erat dan bersatu padu pihak yang berkenaan seperti Angkatan Bersenjata, Pasukan Polis Brunei, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan agensi-agensi yang lain yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu dan termasuklah juga NGO dan juga penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan mereka yang terlibat dalam menangani bersama-sama untuk memulihkan keadaan yang melanda di negara ini baru-baru ini.

Alhamdulillah, Kita telah jelas bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berangkat sendiri untuk melihat keadaan-keadaan yang dilanda banjir. Di mana baginda berangkat di Daerah Tutong di beberapa kawasan dan begitu juga di Daerah Brunei dan Muara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mengurniakan titah, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada mereka-mereka yang terlibat untuk menangani masalah tersebut termasuk kepada anggota-anggota bomba dan penyelamat.

Dalam persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, berhubung dengan skim berpencen, sepertimana yang dinikmati oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun mengambil tindakan dan juga menghadapkan kepada pihak yang berkenaan untuk dipertimbangkan.

Berkenaan dengan pemberian surat khas dan penghargaan-penghargaan tertentu memang perkara ini diambil perhatian oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Mana-mana yang telah menunjukkan prestasi dan '*performance*' yang cemerlang serta menunjukkan jasa bakti mereka, bukan sahaja kepada semasa bertugas tetapi sumbangan kepada masyarakat memang diambil kira dan mana-mana yang berpatutan dihadapkan sokongan yang tertentu bagi dikurniakan bintang-bintang

atau pingat-pingat dari masa ke semasa mengikut kriteria-kriteria, garis pandu-garis pandu yang telah ditetapkan.

Ada tadi mengemukakan tentang keperluan untuk mengadakan Balai Bomba di Kawasan Liang atau Lumut, pada masa ini memang ada sudah Balai Bomba di Mukim Liang iaitu berhadapan dengan simpang jalan, tidak jauh persimpangan Jalan Labi. Ianya kawasan Balai Bomba tersebut adalah untuk menjalankan tugas-tugas ataupun untuk mengaga ataupun apa-apa jua panggilan-panggilan kecemasan khususnya di kawasan-kawasan Liang dan di kawasan-kawasan di persekitaran termasuklah di seluruh kemudahan-kemudahan barek dan rumah-rumah kediaman bagi anggota bomba dan penyelamat.

Walau bagaimanapun perkara ini dari masa ke semasa akan dikaji dan diteliti sama ada keperluan untuk menambah balai-balai bomba, barek-barek termasuk perumahan-perumahan bomba adalah diambil perhatian. Dan jika perlu dan berseuaian semata-mata untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini dan keperluan-keperluan dikenal pasti untuk memastikan Jabatan Bomba dan Penyelamat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan sempurna .

Terhadap ada balai bomba di kawasan Belait dan juga barek-barek di sana itu dilanda banjir, dan sebabnya dulu tidak ada banjir, tapi sekali sekala memanglah kerana

hujan lebat dan kawasan rendah di tempat yang berkenaan, walau macamanapun perkara ini memang sudah diambil perhatian dan akan mengenal pasti dan teliti dengan terperinci, sama ada bersesuaian atau tidak untuk memindahkan ataupun mencari tempat-tempat bersesuaian untuk menggantikan balai bomba yang ada pada masa ini.

Dan satu lagi yang ditimbulkan, ialah keadaan-keadaan barek-barek dan juga perumahan-perumahan balai bomba. Balai-balai bomba memang ada peruntukan-peruntukan yang dikhususkan untuk menaik taraf dan memperbaiki apa jua kerosakan-kerosakan ataupun yang perlu diperbaiki dengan berdasarkan keutamaan-keutamaan bukan tidak akan dikendalikan. Peruntukan memang ada disediakan tetapi ianya adalah mengikut keutamaan kerana banyak balai-balai bomba di negara kita ini bukan sahaja di Daerah Kuala Belait, malahan juga di Daerah Tutong, Temburong, Daerah Brunei dan Muara. Jadi ianya memang sudah diambil perhatian dan ianya secara peringkat-peringkat diperbaiki dan dikemaskinikan mana-mana balai-balai bomba yang diperbaiki dari masa ke semasa. Sekian yang dapat saya sampaikan, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya juga ingin menyampaikan pesanan daripada sebahagian mangsa-mangsa yang ditimpa banjir dan bencana alam yang lalu sebagaimana yang

disampaikan oleh Yang Berhormat tadi agar pasukan bomba yang dihasratkan tadi juga diberikan ganjaran seperti pingat-pingat dan juga bintang-bintang dan sebahagian daripada mangsa-mangsa ditimpa di daerah ini juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pasukan bomba dan penyelamat dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain yang mana bertungkus lumus tidak kira petang siang dan malam. Jadi untuk memendekkan kerana ini sudah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat. Cuma ingin menyampaikan ada tiga perkara yang saya lihat dan disampaikan oleh sebahagian daripada pegawai dan kakitangan pasukan bomba semasa mereka bertugas.

Yang pertama mereka mengatakan sebahagian peralatan mereka yang digunakan ketika menghadapi musibah iaitu mesin pemotong kayu kebanyakan mesin mereka ini mengatakan sudah lama dan seharusnya akan dapat diberi dan diganti dan seharusnya ditambah dan begitu juga mesin pam air, inilah sebahagian satu masalah. Masalah yang mereka hadapi kerana kekurangan pam yang mana kebanyakan rumah-rumah yang ditenggalami air terlalu lama menunggu giliran untuk diadakan pengeluaran air dari rumah mereka. Jadi itu barangkali sebahagian daripada tugas pasukan bomba semoga ianya dapat diberikan oleh pihak-pihak berkenaan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib

Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telahpun menyatakan penghargaan dan beberapa persoalan dalam menangani masalah ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih penghargaan tersebut. Insya-Allah perkara ini saya sendiri akan menyampaikan melalui ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat ke atas penghargaan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat tadi bagi mewakili mangsa-mangsa banjir dan tanah susur.

Berhubung dengan peralatan-peralatan iaitu mesin memotong kayu supaya akan ditambah dan ianya 'out of date. Perkaranya ini sudah diambil perhatian dan mungkin perkara ini Yang Berhormat tidak maklumi di mana dalam musibah-musibah tersebut telahpun diarahkan untuk dikenal pasti mana-mana alat perkakas dan logistik yang perlu ditangani haruslah juga diambil kira dalam menangani masalah terutama sekali banjir dan tanah susur. Kita juga haruslah mengambil maklum bahawa baru-baru ini keadaan banjir dan tanah susur yang telahpun direkodkan ialah lebih 1,600 buah rumah. Kita haruslah juga secara logikal memikirkan, kerana masalah banjir, tanah susur adalah satu kejadian yang luar biasa. Jadi kita terpaksa menggunakan apa jua logistik dan alat perkakas yang ada pada ketika itu dan dalam waktu yang sama akan diberikan keutamaan-keutamaan. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun juga membekalkan kanvas-kanvas yang perlu untuk membantu mana-mana kawasan yang perlu dibantu untuk mengelakkan tanah susur adalah semakin bertambah malahan ada tambahan-tambahan hingga lebih 2,000 atau 3,000 bukan sahaja Jabatan Bomba dan Penyelamat bahkan ada juga jabatan-jabatan lain memberikan kanvas-kanvas untuk menolong mangsa-mangsa tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Yang Berhormat, penjelasan itu cukup jelas, jika kita panjangkan lagi nanti masa akan banyak terbuang, maka saya meminta Ahli-Ahli Yang Bersetuju pada tajuk ini, Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin

Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, izinkan saya sekali lagi untuk bercakap panjang sedikit pendahuluannya. Seperti yang kita maklum bahawa Skim SPN 21 telahpun dilancarkan

pada bulan Januari 2009 yang baru lalu. Kita menaruh harapan besar pada skim tersebut yang dijangka akan dapat mentransformasi negara di bidang pendidikan menjelang Tahun 2035, ke arah visi:-

1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya;
2. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Di majlis yang berkebajikan di pagi ini, saya ingin Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah keatas Kementerian Pendidikan di atas kegigihan dan kesungguhan Kementerian Pendidikan dalam merealisasikan skim tersebut. Insha-Allah rakyat dan pihak-pihak yang berkenaan supaya memberi sokongan yang padu pada usaha kerajaan ke arah kebajikan dan manfaat ini semata-mata untuk bangsa dan negara. Dan adalah juga menjadi harapan kita agarnya ia akan *sustainable* sebagai satu strategi pendidikan negara tidak kira yang menjadi pemimpin di Kementerian Pendidikan.

Pihak-pihak sekolah, tenaga pengajar atau guru-guru yang terlibat dalam SPN 21 terpaksa mengharungi cabaran-cabaran dalam memastikan dapat mencapai matlamat dan tidak terkeluar dari strategik

SPN 21. Sehubungan dengan itu, dalam keghairahan kita untuk mencapai tujuan dan matlamat tersebut, kita haruslah peka akan kehendak SPN 21 itu sendiri. Maka dalam hubungan dengan ini, saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ingin menyuarakan beberapa perkara untuk dipertimbangkan seperti berikut:-

1. Kementerian sepatutnya menyediakan bajet yang cukup bagi melengkapkan kemudahan-kemudahan pengajaran, dan pembelajaran termasuk kemudahan-kemudahan ICT, yang diperlukan dengan segera kepada sekolah-sekolah rendah di luar bandar dan di pedalaman selaras dengan visi Kementerian Pendidikan untuk menyediakan pendidikan yang menyeluruh bagi mencapai potensi yang maksimal kepada kita semua;
2. Kementerian harus mempertimbangkan tuntutan daripada setengah-setengah tenaga pengajar dan guru-guru yang mempunyai inisiatif sendiri, bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan mengajar kerana bantuan kemudahan mengajar yang diperlukan mungkin terlambat dibekalkan terutama guru-guru yang di luar bandar dan pedalaman;
3. Bagaimana dengan tenaga pengajar di sekolah menengah yang mengajar subjek khas seperti bahasa Inggeris, subjek wajib seperti PE, subjek pilihan seperti *Art, Home Science, Design* dan

Teknologi adakah mencukupi bagi pelaksanaan SPN 21?;

4. Jabatan Sekolah-Sekolah Rendah khususnya di Daerah Belait memainkan peranan sebagai penyelaras bagi peringkat sekolah-sekolah rendah di daerah tersebut. Sebagai penggerak penyelaras adakah dalam pemikiran pihak Kementerian untuk mempertimbangkan bagi membinakan sebuah bangunan khas bagi pejabat di Daerah Belait serta membekalkan dengan kelengkapan-kelengkapan yang lengkap dan termasuk kemudahan ICT selaras dengan keperluan SPN 21. Pada masa ini, Jabatan tersebut menumpang berpejabat di sebuah sekolah di Pekan Seria tidak seperti di Daerah Tutong dan Daerah Temburong, yang mempunyai pejabat tertentu, di samping itu membekalkan kelengkapan dan kemudahan-kemudahan seperti sebuah kenderaan untuk kemudahan melawat pemantauan ke sekolah-sekolah. Yang kedua elaun perjalanan kenderaan, elaun *disturbance allowance* bagi guru-guru yang di tempatkan di luar bandar dan pedalaman, dapat dikaji semula kerana kadar elaun yang ada sekarang sudah tidak lagi relevan; dan
5. Sebahagian dari Buku-Buku Kerja yang digunakan untuk SPN 21 adalah

terbitan dan didatangkan dari negara Singapura, berapa lamakah harus kita bergantung kepada negara tersebut dan tidak adakah dalam perancangan pihak Kementerian untuk mengalakkan para ilmuwan tempatan yang berpotensi untuk mengeluarkan dan membekalkan?.

Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, berapa lama lagi Ahli Yang Berhormat akan berbicara kerana kita memerlukan masa persidangan sangat berguna di dalam sidang ini. Maka saya pohonkan perkara-perkara yang penting yang ada terbabit atau terkurang atau berlebihan dalam belanja ini patut ditegur ertinya perkara-perkara yang rutin boleh dijumpa di Kementerian berkenaan tidak usah diagih-agihkan, sedangkan perkara tersebut boleh diselesaikan oleh Yang Berhormat sendiri menerusi perundingan biasa. Sepertimana yang saya katakan tadi apabila membicarakan sebarang rang undang-undang dalam belanjawan ini, kita terpaksa berhati-hati menyampaikannya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Mulia yang hadir di dalam Majlis ini, saya meminta perkara itu akan diambil perhatian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad: Munkan ampun Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi yang sebenarnya abis tia sudah tu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas beberapa saranan yang telah dikemukakan. Sebenarnya mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang baru dan juga cita-cita Kementerian Pendidikan sendiri tidak ada *demarcation* ataupun perbezaan di antara kemudahan-kemudahan yang kita diberikan bagi penduduk-penduduk ataupun kanak-kanak sekolah yang terdapat di luar bandar, mahupun di bandar-bandar, maksud kita adalah untuk membawakan apa jua kemudahan-kemudahan yang di nikmati oleh penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar di bandar akan dapat dinikmati bersama oleh penuntut-penuntut ataupun pelajar-pelajar di luar bandar, insya-Allah. Mengenai dengan perkara-perkara secara spesifik yang ditanyakan, peramba akan hanya menyentuh beberapa perkara dan yang lainnya, insya-Allah akan peramba bisikkan sendiri kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya ada kelapangan pada hari ini ataupun hari-hari yang berikutnya.

Mengenai dengan tenaga pengajar yang diperlukan memang diakui bahawa dari segi bilangan kita mempunyai tenaga pengajar yang boleh dikatakan lumayan jika dibandingkan dengan beberapa tempat yang lain dibanding dengan ratio ataupun pelajar yang ada. Tetapi walau macamanapun kita berhasrat untuk mendapatkan pengajar-pengajar ataupun ahli-ahli akademik yang

efektif yang boleh memainkan peranan, supaya apa jua cita-cita kita dalam SPN 21 akan dapat tercapai. Pada misalnya, dalam SPN 21, kita memerlukan pengajaran secara *Student Centered* ataupun lebih *interactive* daripada yang pernah kita lalui, setentunya pengajar-pengajar akan memerlukan suasana yang baru, akan memerlukan teknik-teknik yang baru untuk memberikan pengajaran-pengajaran yang secukupnya bagi membolehkan mereka memainkan peranan sebagaimana yang dituntut dalam sistem pendidikan yang baru ini. Buku-buku kerja pada misalnya, memang diakui bahawa kita ada menggunakan buku-buku dari luar.

Tapi walau macamapun, ilmu dari mana sekalipun adalah ilmu juga. Jadi sama ada Matematik pada misalnya, sama ada ia datang dari Singapura ataupun dari Malaysia ataupun United Kingdom adalah Matematik. Jadi kita tidaklah perlu barangkali untuk membuat sesuatu yang berlainan daripada itu sebab tidak ada cara lain bagi kita untuk apa namanya apa yang dipanggil sebagai *to re-invent the will* sebab *will* itu sudah ada. Jadi untuk melicinkan perjalanan ataupun pekerjaan kita, kita gunakanlah apa yang sudah ada, supaya tenaga kita yang sekecil ini akan dapat kita gunakan, untuk perkara-perkara lain yang memerlukan tenaga kita sebaik-baiknya.

Jadi begitulah serba sedikit penerangan peramba Pengiran Pengerusi dan insya-Allah peramba akan berbincang dengan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk

menerangkan perkara-perkara ini dengan lebih lanjut lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di sini peramba tidak akan membacakan huraian-huraian bagi maksud yang akan disampaikan ini, jadi peramba akan terus untuk menyampaikan soalan:-

1. Sebahagian daripada rakyat dan penduduk ingin mengetahui yang mana ketika ini penambahan penuntut-penuntut atau murid-murid sekolah dan juga tambahnya bangunan sekolah-sekolah di negara ini setentunya akan bertambah juga pengambilan guru-guru tempatan di negara ini. Jadi ingin tahu, berapakah pengambilan ataupun penambahan pengambilan guru-guru tempatan pada Tahun 2008 dan juga Tahun 2009 ini?. Adakah pertambahan ataupun sebaliknya?; dan
2. Adakah rancangan bagi pihak Kementerian untuk membina sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan perpindahan? contohnya, Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, jika perkara ini bersesuaian untuk dibina sekolah maka diharapkan supaya pembinaan sekolah-sekolah pada kawasan-kawasan perpindahan yang bersesuaian dapat dibina.

Sekian Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang diakui bahawa murid-murid bertambah dan bilangan sekolah-sekolah kita juga bertambah, dan adalah diakui juga bahawa kita memerlukan guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah yang berkenaan. Jadi ada sebilangan guru-guru juga akan bersara, menurut perkiraan umur oleh sebab guru-guru kita adalah pegawai-pegawai awam menurut peraturan mereka akan bersara pada umur 55 tahun.

Jadi walau macamapun, sebagaimana yang saya nyatakan dari segi bilangan kita mempunyai bilangan perguruan yang boleh dikatakan lumayan, dibandingkan dengan ratio penuntut, jadi tidaklah seperlunya kitani menambah guru-guru ini dengan banyak setiap tahun, oleh sebab sekiranya ini berlaku, maka kitani memerlukan kewangan yang sangat banyak untuk *sustain* perkara seperti ini. Dan dengan sebab itu, kita telahpun membuat beberapa strategi yang baru untuk melatih semula guru-guru supaya guru-guru yang ada akan lebih efektif, akan mendapat pengetahuan ataupun pendidikan dan akan mendapat latihan yang diperlukan, supaya mereka akan dapat mengajar dalam perkara-perkara ataupun subjek-subjek yang diperlukan oleh pihak sekolah berkenaan.

Apa yang terjadi, Pengiran Pengerusi di waktu yang sudah-sudah, bahawa kitani mengambil guru-guru dalam bilangan yang sangat banyak dan adalah diketahui bahawa beberapa daripada yang diambil itu tidak

mempunyai minat langsung untuk menjadi guru. Sekarang tumpuan kita adalah untuk mengambil mereka yang benar-benar layak, mereka yang benar-benar mahu untuk menjadi guru. Profesion guru ini bukanlah sesuatu yang barangkali, yang hanya dibuat mengikut kemahuan, kehendak pekerjaan sahaja, ia adalah satu pekerjaan yang memerlukan dedikasi, yang memerlukan kemahuan orang itu sendiri, dan cintanya untuk menjadi seorang guru. Jadi kita sangatlah memerlukan orang-orang seperti ini supaya anak-anak didik di bawahnya akan mendapat manfaat yang sebaik-baiknya, insya-Allah.

Mengenai dengan sekolah-sekolah rendah ini, kita setentunya sudahpun membuat perancangan untuk merancang membina lebih banyak sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah-sekolah menengah menjelang Tahun 2018. Jadi, perkiraannya adalah menurut tadahan kawasan-kawasan yang berkenaan, jadi kita sedang pun membuat *survey* yang seperlunya untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan yang memerlukan sekolah, insya-Allah akan didirikan sekolah.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba cuma ada satu soalan saja iaitu mengenai dengan skim gaji baru bagi guru-guru. Kita telah dimaklumkan bahawa skim gaji baru guru-

guru telahpun dibenarkan, peramba ingin tahu apakah status skim berkenaan pada masa ini. Sekian terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Skim perkhidmatan baru perguruan telahpun diluluskan dan perkara ini sedang diteliti untuk memindah guru-guru yang berkenaan kepada skim yang berkenaan itu. Satu Jawatankuasa telahpun ditubuhkan di Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh beberapa orang dari luar kementerian untuk menentukan bahawa orang-orang yang benar-benar berkelayakan akan memasuki skim yang berkenaan itu, insya-Allah.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan izin Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba akan mengutarakan tiga soalan:-

1. Peramba difahamkan bahawa keputusan 'O' Level di Daerah Temburong nampaknya menurun pada tahun kebelakangan ini dan tidak ramai penuntut di daerah ini yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat selanjutnya. Peramba juga difahamkan ada guru-guru sekolah menengah yang mengajar

di daerah ini tidak tinggal di Temburong maka ada sebahagian ibu bapa sanggup mengantar anak-anak mereka *tuition* ke Bandar Seri Begawan; dan

2. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di daerah-daerah lain sudah ada terdapat penambahan beberapa buah sekolah menengah, sedangkan di Daerah Temburong hanya sebuah sekolah menengah sahaja yang ada ketika ini. Peramba difahami bahawa Sekolah Menengah Temburong masih kekurangan dari segi kemudahan sukan seperti ketiadaan padang bola yang lengkap dengan balapan milik sekolah dan kelengkapan-kelengkapan yang lain untuk pembelajaran; dan
3. Sepertimana di dalam perancangan bahawa tambahan sekolah menengah akan diwujudkan di Daerah Temburong, bilakah pembinaannya akan dibuat? Dalam pada itu juga orang ramai juga ada menyuarakan akan dapat dibina sebuah sekolah menengah berasrama penuh untuk membantu pelajar mewujudkan dan menumpukan pelajaran, pembelajaran yang terancang dan meningkatkan pendidikan Daerah Temburong boleh dipertingkatkan.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Pengiran Pengerusi mengenai dengan penuntut-penuntut 'O' Level di Temburong, perkara ini sedang diteliti oleh sebab setiap tahun sesudah keputusan peperiksaan keluar, perkara ini biasanya dianalisa dengan teliti oleh jabatan yang berkenaan di dalam Kementerian Pendidikan.

Guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah terutamanya di daerah terpencil seperti Temburong biasanya digalakkan untuk tinggal di kawasan yang berkenaan seperti di Daerah Temburong kita mempunyai rumah-rumah tertentu untuk mereka tinggal di sana. Walau bagaimanapun ada di antara mereka masih tidak suka untuk tinggal di bandar dan berulak-alik jadi disebabkan barangkali oleh kehendak keluarga dan seumpamanya. Walau bagaimanapun kita cuba untuk menekankan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya akan tinggal di kawasan yang berkenaan itu.

Mengenai dengan sekolah menengah memang diakui bahawa kita mempunyai rancangan untuk membina sebuah sekolah menengah yang lengkap, yang baru di Daerah Temburong, sebab sekolah yang berkenaan yang ada barangkali sangat terhad sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari segi kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Perkara ini masih dalam perancangan jabatan yang berkenaan dan Kementerian Pendidikan akan terus menerus memantau perkara ini

supaya akan dapat dilaksanakan, insya-Allah.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi, saya tidak panjang cuma takut ditegur oleh Pengerusi nanti kalau panjang-panjang. Sejak ditubuhkan sekolah-sekolah menengah di Daerah Tutong, termasuk saya pada masa itu menjadi Pengetuanya, apa yang kekurangannya ialah yang mengawasi sekolah-sekolah menengah ini adalah dipohonkan bahawa sama ada ia Timbalan Pengarah ataupun Pengarah Bahagian Menengah. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Peramba kurang jelas Pengiran Pengerusi mengenai dengan soalan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Yang Amat Mulia Pengerusi, untuk menjelaskan sejak tertubuhnya sekolah menengah di Daerah Tutong belum ada seorang pun yang mengawasinya cuma daripada pengetua-pengetua sahaja jadi kalau boleh ditempatkan seorang pegawai sama ada berpangkat Timbalan Pengarah ataupun Pengarah, sepertimana di sekolah-sekolah rendah ialah Pegawai Pelajaran Kanan yang memimpinya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib:

Pengiran Pengerusi perkara ini sering dibincangkan di Kementerian Pendidikan tapi waktunya barangkali belum tiba untuk mengadakan jawatan yang berkenaan itu bagi daerah-daerah, walau macamanapun pantauan atau pemantauan sentiasa dibuat oleh jabatan yang berkenaan supaya sekolah-sekolah menengah yang berkenaan itu berjalan dengan lancar dan teratur, insya-Allah, apa yang diperlukan sebenarnya barangkali bukanlah pegawai atasan tetapi ialah untuk menimbulkan pemimpin-pemimpin sekolah yang efisien ataupun efektif dan juga guru-guru yang apa namanya ni, boleh membawa memberikan pengajaran yang sebaiknya kepada murid-murid ataupun penuntut-penuntut di sekolah-sekolah yang berkenaan. Jadi apa yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan pada waktu ini ialah untuk menentukan bahawa *school leadership* ataupun pemimpin, kepimpinan sekolah akan menjadi lebih efektif lagi, insya-Allah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SF - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual, SHO1A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan mengenai dengan Skim Pinjaman SMEs. Skim Pinjaman SMEs yang ada masa ini nampaknya ada 2 kategori:-

1. Bagi pinjaman yang bernilai \$50 ribu ke bawah yang sudah sekian lama diadakan dan telah dinikmati oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil-kecilan di negara ini dan Skim ini adalah benar-benar membantu ke arah perkembangan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kecil-kecilan di negara ini; dan
2. Tetapi bagi skim SMEs yang bernilai tinggi daripada itu, iaitu sehingga masa ini \$5 juta masih lagi dikhaskan untuk perusahawan dan perniagaan yang berkaitan dengan pertanian sahaja. Manakala perusahaan - perusahaan dan perniagaan-perniagaan lain tidak termasuk dalam Skim SMEs yang sedia ada. Selain daripada mendapatkan pinjaman biasa daripada bank-bank di negara ini yang

mengenakan faedah yang tinggi, di manakah SMEs yang mempunyai perusahaan dan perniagaan yang tidak berkaitan dengan pertanian boleh mendapatkan pinjaman dengan faedah yang sama dengan yang dikenakan di bawah Skim SMEs nampaknya belum ada yang diketahui hingga masa ini.

Oleh yang demikian dalam Majlis ini saya sekali lagi mencadangkan supaya Skim SMEs bagi kategori yang kedua ini yang bernilai sehingga \$5 juta hendaklah juga termasuk semua jenis perusahaan dan perniagaan yang diusahakan oleh SMEs dan bukan hanya setakat untuk projek-projek perusahaan dan perniagaan yang berkaitan dengan pertanian sahaja. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin mengucapkan terima kasih atas perhatian daripada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa, mengenai dengan pinjaman Skim SMEs pelan kedua perusahaan yang dihadkan kepada \$5 juta. Yang sebenarnya dasar yang ada masa ini bukan menghadkan kepada pertanian sahaja, ia juga melibatkan perikanan, pembuatan dan perlancongan dan di samping itu ada perubahan baru yang telah diperkenalkan, yang telah melaratkan jenis

industri yang telah dibenarkan, di samping pertanian, perikanan, pembuatan, pelancongan, ICT dan pembinaan. Jadi ada sudah kelonggaran untuk melaratkan kepada industri-industri yang telah peramba sebutkan tersebut. Di samping meningkatkan jumlah, had daripada \$1.5 juta ringgit kepada \$5 juta ringgit. Dan tempoh pinjaman juga ditingkatkan dari 7 tahun ke 10 tahun. Jadi sudah ada peluasan bidang untuk diberikan pinjaman buat masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menarik perhatian kembali kepada Jabatan Kementerian Pendidikan yang mana Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Islam belum lagi dibincangkan, barangkali tanpa dibenarkan pada Majlis ini tahun depan dia orang tidak berbajet. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menerangkan mengenai dengan bajet Kementerian Pendidikan ini adalah meliputi juga UNISSA dan juga UBD. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebagai sebahagian Jadual. Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Apa yang diketahui, kegiatan pencerobohan, mencuri, kayu gaharu, di hutan Temburong dan Belait. Ianya terus berlaku, jika tidak terkawal sepenuhnya spesies ini akan pupus disebabkan aktiviti pengambilan kayu gaharu secara haram.

Apakah ada projek tanaman semula, jenis pokok terbabit dan yang bernilai dengan sokongan kuat daripada pihak agensi kerajaan, menyedari pokok yang menghasilkan Gaharu mempunyai nilai komersial yang tinggi dan apakah perancangan untuk menjadikan tanaman pokok yang bernilai dijadikan sebagai sumber kewangan sekiranya diusahakan secara komersial.

Kebanyakan Kayu Gaharu perlu dikeluarkan pada hutan secara pencerobohan dan mengakibatkan kerosakan serta ancaman

terhadap tumbuhan yang berharga. Tanpa penanaman semula spesies ini terus diancam kepupusan disebabkan aktiviti pengambilan Gaharu. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi peramba mengucapkan terima kasih, kepada Yang Berhormat daripada Temburong mengenai dengan Gaharu ini. Memang ada perancangan untuk membukakan *concession* untuk menanam Gaharu secara besar-besaran di negara ini, iaitu dalam proses untuk dibukakan secara komersial, secara *concession*. Di samping itu pengawalan juga dijalankan bagi mengawal kedudukan Gaharu-Gaharu yang ada di negara kitani ini. Jadi tindakan-tindakan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perhutanan dengan mengadakan rondaan-rondaan darat terutamanya di Temburong ini dan udara dan juga menubuhkan *base* kem di Temburong. Masa ini dua *base* kem di Temburong mungkin ditambah lagi *base* kem ini untuk memastikan kejadian kecurian ini berkurangan. Jadi bagi menjawab soalan awal itu memang ada banyak perancangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka

saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Saya lihat semua Ahli-Ahli yang bersetuju angkat tangan pada tajuk Jabatan Perhutanan maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di sini saya ingin menyampaikan 3 seranan dalam Jabatan ini iaitu:-

1. Seranan daripada nelayan-nelayan di Daerah Brunei dan Muara khususnya penduduk-penduduk di Kampong Ayer memohonkan supaya pemberian lesen bagi pukut tunda ini supaya dapat diteliti semula oleh pihak-pihak yang berkenaan oleh kerana mereka berpendapat dengan adanya pukut tunda ini pembiakan ikan-ikan mungkin akan berkurangan dan pendapatan bagi nelayan-nelayan ketika ini mereka mengatakan agak berkurangan disebabkan oleh aktiviti daripada pukut tunda ini;

2. Memohon supaya juga diambil ingatan dan diteliti yang mana kenaikan perkakas-perkakas atau peralatan menangkap ikan bagi pihak kaum nelayan, nampaknya selalu meningkat dan selalu naik dari sebulan ke sebulan jadi diharapkan pihak yang berkenaan akan dapat memantau bagi kenaikan perkakas peralatan kaum nelayan ini; dan
3. Mengenai dengan tempat penurunan perahu nelayan sama ada ianya di kampong ataupun di mukim-mukim banyak permohonan - permohonan yang belum lagi dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan, jadi dipohonkan perkara ini supaya ianya diteliti semula dan dapat dilaksanakan.

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba kalau diizinkan untuk menjawab soalan ketiga dahulu. Mengenai dengan tempat penurunan perahu nelayan akan dipertimbangkan sekiranya sesuai untuk diadakan di tempat-tempat yang dipohonkan.

Soalan:

1. Mengenai dengan pukut tunda, di Jabatan Perikanan mulai daripada 1

haribulan Januari 2008 telah mengenakan moratorium ertinya pembekuan penangkapan di Zon 1, di Zon 1 ini ialah dalam kawasan luar pantai yang terdekat. Jadi dalam pembekuan itu tidak dibenarkan penangkapan oleh alat-alat seperti pukut tunda dan sebagainya. Cuma dibenarkan di Zon 1 ini nelayan tempatan dan juga nelayan-nelayan daripada negara ini. Bagi syarikat-syarikat penangkapan ikan ini terutama yang mempunyai kuota pekerja asing mereka dipindah untuk beroperasi di Zon 2. Jadi Zon 1 ini memang sudah dikhaskan untuk orang-orang tempatan dan tidak dibenarkan untuk menggunakan alat-alat perikanan yang disebutkan tadi, pukut tunda dan sebagainya; dan

2. Mengenai dengan kenaikan harga barang ini, memang diakui kenaikan ini dalam 10% hingga sampai 50% peralatan menangkap ikan. Jadi perkara ini akan diambil perhatian dan akan diawasi bersama-sama dengan pihak-pihak kerajaan yang lain bagi memastikan kenaikan ini tidak berlebihan dan lebih terkawal. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Nampaknya yang bersetuju terlalu banyak maka Jabatan Perikanan diluluskan.

Jurutulis: SHO3A - Jabatan Perikanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SHO4A - Jabatan Pertanian.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Jabatan Pertanian adalah salah satu jabatan yang memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan keselamatan makanan di Negara Brunei Darussalam. Belanjawaan yang diperuntukkan pada Jabatan tersebut bagi tahun 2009, 2010 berjumlah \$29.4 juta menurun sedikit. Ini saya difahamkan tidak termasuk peruntukan yang diperuntukkan dalam projek kemajuan pertanian. Sebagai sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan terhadap *food security* negara, bukan sahaja untuk sara diri bahkan diharapkan akan dapat lebih berusaha untuk lebih dari itu, umpamanya satu untuk menimbangkan untuk berusaha sama *joint venture* dengan *private sector* dan agensi-agensi pertanian yang berminat sama ada di dalam dan di luar negeri yang stabil dan yang mempunyai tanah yang *style* secara urus usaha niaga di bidang pertanian bagi menambah dan menjamin *food security* negara.

Yang kedua berapakah jumlah anggaran ganti rugi akibat kemusnahan perusahaan-perusahaan pertanian baru-baru ini? dan bilakah agak bantuan ganti rugi tersebut dapat dihulurkan?. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara pertama, adalah merupakan saranan ataupun teguran sahaja barangkali, memang peruntukan menurun tetapi dalam peruntukan pembangunan meningkat terutama dalam menangani pembekalan beras.

Mengenai dengan jumlah ganti rugi ini, setakat ini belum dapat jumlah yang muktamad terutama pengusaha-pengusaha padi yang masa ini tengah menuai padi yang mungkin akan habis dalam bulan April ini. Jadi jumlah akan digantikan akan tertakluk kepada jumlah padi dan juga anggaran berapa purata hasil mereka sepanjang tahun lepas. Begitu juga dengan sayur; tanaman sayur ini bukan berbentuk wang tunai, tetapi adalah bentuk gantian secara baja ataupun anak pokok dan lain-lain, racun dan sebagainya bukan diganti dengan wang secara terus tetapi diganti secara *in kind*. Jadi jumlah itu mungkin susah untuk diberikan penilaian buat masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih

Pengiran Pengerusi, peramba ada beberapa isu secara umum mengenai dengan kawasan-kawasan penanaman padi:-

1. Jenis air yang sesuai mencukupi, keperluan untuk mengadakan jenis air yang sesuai yang mencukupi; dan
2. Sistem *irrigation* dan *drainage* yang mencukupi dan berkeadaan baik. Kesesuaian kawasan dan *network* jalan yang mampu digunakan jentera-jentera berat untuk kerja-kerja tanah, dan penghantaran hasil dengan mudah dan cepat. Menentukan jenis padi *high grade* yang sesuai. Jenis-jenis jentera seperti mesin membajak, *treasure machine*, *milling machine* dan sebagainya mestilah mudah untuk didapati. Stok baja organik dan racun yang mencukupi, kontena dan tempat untuk menyimpan hasil yang mencukupi dan penghabisan sekali kenderaan pengangkutan. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mohonkan ampun, perkara ini memang diakui salah satu perkara-perkara yang perlu ditangani. Dalam usaha Jabatan Pertanian untuk meningkatkan pengeluaran beras daripada 3 peratus kepada 20 peratus dalam jangka dua tahun daripada 2009 kepada 2010, peningkatan sebanyak 7 kali.

Jadi segala-segala peralatan, segala baja dan sebagainya itu akan terpaksa diadakan dengan jumlah yang sama juga. Kawasan-kawasan itupun dikenal pasti adalah kawasan-kawasan yang sesuai untuk bertanam padi. Peralatannya pun adalah bersesuaian dengan pengeluaran yang akan diadakan 20 peratus dalam tahun 2010 dan 60 peratus pada tahun 2015. Jadi memang dikenal pasti, semua perkara-perkara ini adalah perkara penting untuk mencapai matlamat tersebut.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji

Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan isu penanaman padi walaupun ia telah dibawakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima pada awalnya dan penerangan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama, dengan izin Tuan Peramba ingin untuk mengutarakan tiga persoalan dalam perkara ini iaitu isu penanaman padi telah dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat di dewan yang indah ini pada tahun lepas, peramba fikir ianya amat penting untuk diusul semula, kerana perkara ini telah beberapa kali dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, betapa keprihatinan baginda di dalam hal ini.

Dalam perkara ini peramba ingin menimbulkan bahawa Daerah Temburong persoalan orang ramai bangkitkan ialah:-

1. Apakah rancangan kerajaan mengenai penanaman padi di Daerah Temburong bagi jangka pendek dan jangka panjang? apa dan bagaimana bentuk perancangan kerajaan bagi menjamin tanaman padi di Temburong mempunyai daya tahan dan daya saing? serta seterusnya memberi faedah ekonomi bukan sahaja kepada penduduk-penduduk kampung Daerah Temburong bahkan juga kepada negara amnya;
2. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan penanaman padi bagi petani-petani tempatan Daerah Temburong pada masa ini Alhamdulillah, pengeluaran hasil padi yang dijual oleh petani-petani ke Jabatan Pertanian telah meningkat setiap tahun dan untuk meningkatkan lagi pengeluaran dan kualiti hasil padi, petani-petani daerah ini memohonkan dari Jabatan Pertanian supaya akan dapat satu pusat khusus untuk memproses padi bagi pengeluaran beras, dengan adanya mesin tersebut di daerah ini ianya akan dapat mengatasi masalah penghantaran padi ke Bandar Seri Begawan, cepat mendatangkan hasil dengan menjual beras; dan
3. Para petani yang mengusahakan padi berkelompok di kawasan Pedayan dan Senukoh, Mukim Labu juga amat mengharapkan dan menyuarakan supaya sistem pengairan di tapak

perusahaan perlu dinaikkan taraf sebagai jaminan dalam jangka panjang dan apa yang peramba ketahui sudah 17 tahun petani-petani telah mengusahakan kawasan tersebut belum pun ada tali air berkenaan meskipun sudah pernah mereka suarakan.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia pengiran Pengerusi bagi menjawab tiga-tiga soalan itu, barangkali peramba mungkin mengambil masa panjang sedikit untuk menerangkan perkara ini. Seperti yang peramba sebutkan tadi strategi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menangani bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah mempercepat pengeluaran padi itu daripada 3% daripada tahun 2008, kepada 20% tahun 2010 seperti yang peramba sebutkan peningkatan sebanyak tujuh kali daripada hasil pada masa ini, dan pada tahun 2015 kita akan mencapai 60%, insya-Allah.

Jadi dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi itu tujuh kali dan 20 kali dalam tahun 2015 ini, banyak perkara-perkara yang perlu diadakan ataupun ditangani. Perkara-perkara yang peramba kenal pasti sebagai *enabler* iaitu yang boleh untuk mencapai matlamat tersebut ialah

kawasan tanah yang diperlukan untuk penanaman padi, peramba dalam jawapan awal telah memberitahu kawasan tanah yang dikenal pasti untuk mencapai matlamat tersebut akan ditingkatkan kepada 4,900 lebih hektar dan jumlahnya dalam 6,200 hektar dalam tahun 2015, jadi satu keperluan untuk mengadakan kawasan tanah. Merujuk kepada Temburong, memang dikenal pasti Daerah Temburong merupakan satu daerah yang boleh mengeluarkan hasil padi untuk mencapai matlamat tersebut, jadi kawasan-kawasan seperti yang telah disebutkan tadi Senukoh, Pedayan termasuk Likuin dan lain-lain itu telah dikenal pasti untuk dijadikan kawasan padi;

Enabler kedua ialah infrastruktur diperlukan bagi kawasan-kawasan ini, jadi dalam usaha ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telahpun melantik konsultan untuk memberi nasihat tentang cara untuk mendatangkan air dan juga cara untuk melarikan air, parit talian dan tadahan air dalam ladang-ladang tersebut, jadi dalam usaha Kementerian untuk membawa supaya kawasan-kawasan tersebut dapat dijadikan kawasan yang boleh menghasilkan padi yang dihasilkan dengan infrastruktur yang cukup; dan

Dengan menggunakan penanaman padi jenis *variety, higher yield varieties*, iaitu padi yang boleh menghasilkan hasil tinggi dan boleh dituai dalam sekurang-kurangnya dua kali setahun walaupun tidak tiga kali setahun, jadi pada masa ini padi yang kita tanam cuma dapat menghasilkan setahun sekali,

jadi itu dalam usaha-usaha yang telah dijalankan di Kementerian melalui Jabatan Pertanian. Mengenai dengan beberapa perkara yang ditimbulkan pusat khusus untuk memproses, menggerak dan *milling* (mengisar padi), ini akan dipertimbangkan, memang itu dalam perancangan untuk diadakan supaya *milling* itu walaupun belum ada *milling* proses di Daerah Temburong, padi-padi yang dihasilkan itu akan dibawa ke bandar untuk di kisar dan dibersihkan, jadi kalau ada nanti keperluan untuk mengadakan pengisaran di Daerah Temburong kita juga akan menimbang untuk mengadakan satu pusat pengisaran di Daerah Temburong seperti juga dengan pusat-pusat pengisaran kalau sekiranya diperlukan seperti di daerah-daerah lain seperti Daerah Belait, masa ini cuma ada di Wasan sahaja satu pengisaran yang boleh mengisar bagi seluruh negara, dan juga pengisar-pengisar kecil juga ada di beberapa daerah.

Banyak hendak diterangkan mengenai dengan jenis padi ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat itu cukup jelas terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengikut catatan di sini kebanyakannya apa yang disampaikan ini sudah disampaikan oleh rakan cuma satu saja ingin disampaikan iaitu saranan daripada pekebun-pekebun dan

petani-petani khususnya di Daerah Brunei dan Muara ini memohonkan kepada pihak yang berkenaan supaya bantuan subsidi baja, racun dan sebagainya dipohonkan supaya ditambah kerana mengikut pengetahuan dan laporan daripada mereka baru pun sebulan apa yang disebutkan itu sudah habis, memang perkara ini dimaklumlah, tetapi walau macamapun pihak berkenaan memohonkan supaya jumlah subsidi ini ditambah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sudahkah ahli-ahli atau pegawai yang berkenaan berjumpa kepada jabatan ataupun kementerian yang berkenaan memohonkan perkara ini dan adakah pertimbangan atau tidak. Jadi kalau sekiranya tidak ada pertimbangan bolehlah dibawa ke majlis ini kerana perkara-perkara seperti ini adalah perkara biasa.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebagai menerangkan keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi memang berlaku dalam tahun ini ada kekurangan bekalan disebabkan oleh pembekal yang sudah dilantik untuk membekal baja itu mungkin disebabkan kenaikan harga minyak, harga bahan mentah, baja itu naik jadi ia tidak dapat membekalkan dengan harga yang telah dijanjikannya itu, jadi ia mungkin perjanjian, jadi ia telah diambil tindakan untuk di *black list*, tapi masa ini sudahpun

didatangkan baja dan pembahagian sudahpun dibahagi-bahagikan.

Di samping itu peramba juga ingin mengambil kesempatan dalam penggunaan baja ini peramba di Jabatan Pertanian perlu jua mengawasi terutama penggunaan racun, perlu mengawasinya jangan sampai pokok itu dimandikan racun, racun itu adalah perlu digunakan dengan teratur dan dengan berkira, kadang-kadang kalau dibiarkan racun itu terlampau junterah untuk digunakan petani-petani terutamanya yang tidak diawasi bukanlah menyembur, tetapi akan dimandikannya tanaman itu dengan racun, itu yang abis peramba awasi, walaupun diberi subsidi supaya jangan digunakan racun itu dengan selarah-larahnya.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah mendengar perbincangan dalam tajuk ini, saya meminta kepada Ahli-Ahli yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak bersetuju sila angkat tangan,

(Tidak ada)

Maka Tajuk Jabatan Pertanian diluluskan.

Jurutulis: SH04A - Jabatan Pertanian dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah

jam 11.00 pagi, maka sekarang masanya untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat berehat dan ditangguhkan selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sepertimana yang saya jelaskan tadi sekarang jam 11.00 pagi, setelah kita banyak berbincang dalam Jawatankuasa mengenai dengan Belanjawan Tahun 2009/2010 agak panjang. Maka saya dengan ini menangguhkan mesyuarat kita pada hari ini selama 20 minit bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat menikmati jamuan. Maka dengan demikian saya tangguhkan 20 minit.

(Mesyuarat Berehat)

(Mesyuarat disambung semula)

Yang di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, sekarang saya tangguhkan Majlis untuk membolehkan kita menyambung semua dalam Perbahasan di Persidangan Jawatankuasa untuk menyempurnakan perkara-perkara yang belum lagi habis disempurnakan. Sekarang kita Bersidang Dalam Jawatankuasa.

(Mesyuarat Negara ditangguhkan)

(Majlis Bersidang Dalam Jawatankuasa)

Jurutulis: Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji

Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Penerusi, peramba dalam menghadapi mengenai dengan satu kawasan tapak Industri Batu Apoi sebanyak 13 lot dengan keluasan 3.0759 hektar yang sudah lama wujud dan terbiar begitu saja sejak lebih 10 tahun, dan belum pun ada apa-apa sebarang perkembangan dan usaha-usaha untuk dibangunkan mengenai dengan tapak tersebut.

Peramba juga difahamkan bahawa tapak industri berkenaan adalah khusus untuk dibukakan kepada pengusaha-pengusaha yang memerlukan tapak sahaja, memandangkan pengusaha-pengusaha di Daerah Temburong cuma mampu menjalankan perniagaan sedangkan kos pembinaan satu bangunan memerlukan sumber kewangan yang besar. Di daerah-daerah lain apa yang peramba difahamkan kawasan tapak industri dibangunkan kompleks perniagaan. Peramba ingin tahu apakah kedudukan atau ketetapan dibuat oleh pihak yang berkenaan mengenai perkara ini?. Supaya kompleks tapak Industri Batu Apoi akan dapat dibuat bagi membolehkan pengusaha-pengusaha di daerah ini sama-sama menikmati kemudahan tapak yang disediakan oleh pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka

Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan tapak di Batu Apoi ini, sejauh yang dimaklumi satu permohonan diterima, satu diluluskan dan satu belum beroperasi, jadi kedudukannya tidak ada yang ingin memohon di sana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Kesesuaian untuk tapak itu mungkin dapat dipertimbangkan supaya dibolehkan lain-lain perusahaan untuk bertapak di sana barangkali, jadi itu akan dipertimbangkan kalau sekiranya sesuai untuk diubah syarat penggunaan tapak itu nanti. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Dengan demikian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji

Abas: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera, sebagaimana yang kita maklumi bersama salah satu tujuan penubuhan KPSU, adalah untuk mengembangkan perusahaan-perusahaan bukan minyak dan gas.

Salah satu perindustrian yang dimaksudkan ialah pelancongan. Industri Pelancongan adalah salah satu industri yang berpotensi tinggi yang mana juga akan dapat menyumbangkan kepada DDP atau KDNK negara. Lebih-lebih lagi di bidang eko-pelancongan yang mana kita beruntung mempunyai khazanah alam semulajadi seperti *tropical rainforest* yang unik dan kaya dengan *bio-diversity* bagi destinasi eko-pelancongan. Ia juga boleh dijadikan *capitalist* untuk memperkembangkan dan boleh juga membantu untuk membangun SMEs yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan *down stream* seperti perhotelan, restoran, pengangkutan, *transportation tour guide* dan sebagainya juga memberikan peluang-peluang pekerjaan ataupun *employment*.

Soalan saya:

1. Sejauh manakah sudah pencapaian Industri Pelancongan memberi sumbangan kepada DDP ataupun KDNK negara. Adakah sudah dapat mencapai peratus matlamat

pertumbuhan tahunan yang boleh dijadikan sukat-sukat ataupun *benchmark* yang dikehendaki;

2. Apakah perancangan kerajaan untuk memajukan lagi Industri Pelancongan ini. lebih-lebih lagi dalam suasana kita menghadapi dunia yang dilanda oleh kegawatan ekonomi pada masa ini;
3. Sukacita ingin mengetahui akan pencapaian Projek *Heart of Borneo* yang sedang diusahakan pada masa ini, dan apakah projek itu akan dapat menyumbangkan sebagai satu daya tarikan kepada eko-pelancongan ke negara ini, selain daripada menyumbangkan kepada alam sekitar yang bersih;
4. Bolehkah ianya dijadikan *systemable tourism* di mana flora dan fauna dan warisan budaya kita dijadikan sebagai daya tarikan yang utama; dan
5. Melihat peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini nampaknya Jabatan Kemajuan Pelancongan yang paling rendah sekali. Apakah ini mencukupi untuk mempromosikan Brunei sebagai destinasi pelancongan.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka

Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih. Barangkali peramba dapat memulakan menjawab soalan penghabisan. Walaupun peruntukan *operational* adalah rendah dalam \$1.4 million. Tapi dalam rancangan kemajuan, peruntukan kemajuan ada dalam \$4 juta. Seterusnya mengenai dengan *Heart of Borneo* ini, projek ini sedang berjalan masa ini tengah mencari seorang Pegawai Eksekutif yang sesuai untuk mengetuai Urusetia *Heart of Borneo* dan beberapa rancangan-rancangan juga telah dijalankan yang berbentuk kegiatan-kegiatan *intervention* yang boleh membantu untuk mencapai matlamat *Heart of Borneo* ini.

Jadi diharapkan *Heart of Borneo* ini boleh menjana *eko-tourism* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Mengenai dengan sumbangan sektor pelancongan ini dalam KNK negara dan juga pekerjaan memang diakui pelancongan di negara ini bukanlah satu perusahaan yang dilakukan secara aktif seperti di negara-negara lain di rantau ini. Walau bagaimanapun kita masa ini menyediakan semua prasarana-prasarana untuk menarik pelancong-pelancong itu seperti menyediakan tempat-tempat tarikan di dalam negara ini seperti apa yang disebutkan tadi *Heart of Borneo* dan juga menyediakan kemudahan awam. Itu memang disediakan untuk memastikan bahawa sektor ini akan dapat membantu dalam menangani masalah-masalah pengangguran dan juga mempelbagaikan ekonomi tersebut, terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam membahaskan peruntukan pelancongan ini, saya sesungguhnya tertarik yang mana di Daerah Tutong tidak kurang untuk diperkembangkan iaitu Tasik Merimbun.

Adalah disarankan Unit Pelancongan akan segera mengambil tindakan untuk membangun Tasik Merimbun sebagai satu lagi destinasi pelancongan di negara ini. Dengan mengambil kira berbagai khazanah yang perlu dipelihara dan diperkembang majukan. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam usaha pada mempertingkatkan pelancongan ataupun kunjungan pelancong hendaklah disediakan keperluan yang bersesuaian seperti keutamaan jalan raya, meninjau cara hidup hasil kraftangan penduduk tempatan yang asli dan begitulah seterusnya. Di samping itu pihak swasta juga disarankan memberi sumbangan dalam membangun Tasik Merimbun.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, hendaklah diambil perhatian, sebarang perbahasan dibuat dalam majlis ini hendaklah hati-hati dan cermat dan ringkas, jangan terlalu dipanjangkan atau dibawa lain-lain, jadi perkara itu biasanya perkara biasa. Kalau sekiranya rakyat dan orang ramai

menghendaki, terus saja ke pejabat atau kementerian yang berkenaan. Jadi kitani membincangkan tidak membuang masa, manakala yang akan dibincangkan sekarang ialah kira-kira selembat, dua lembar lagi.

Jadi mudah-mudahan dengan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat semua menggunakan perbincangan dengan tepat dan cepat dan berasas pada Tajuk sebenarnya, saya rasa perbincangan kita pada hari ini akan mudah selesai dan sempurna diuruskan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, cuma dua baris lagi.

Saya penuh yakin bahawa Daerah Tutong sama-sama bergerak menuju perubahan dan pembangunan. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang Tasik Merimbun akan dipantau secara berterusan dan akan dibawa juga agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pengawalan Tasik Merimbun ini. Sebab Tasik Merimbun bukan sahaja jadi pemerhatian pelancongan tetapi juga adalah di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, sebab ia dikenal pasti sebagai warisan *ASEAN heritage*, jadi akan ditangani

dengan pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di sini saya mengambil satu saja yang akan disampaikan.

laitu dalam Jabatan Kemajuan Pelancongan ani dicadangkan supaya ianya akan lebih meluaskan lagi fokus dalam pelancongan ini. Jadi sini disarankan supaya jabatan ini akan dapat melarutkan, kepada beberapa kawasan perpindahan di negara ini supaya ianya akan dapat dijadikan satu lokasi atau pusat lawatan bagi pelancong-pelancong, kerana di antara beberapa kawasan perpindahan ini banyak terdapat kebolehan-kebolehan ataupun yang harus dinampakkan kepada pelancong-pelancong dan juga bagi menampakkan yang hasrat atau negara Kebawah Duli itu menampakkan prihatin kepada rakyat dan penduduknya .

Jadi supaya pihak jabatan ini akan dapat menjadikan satu lokasi atau pusat tempat lawatan pelancong dipilih dari mana-mana kawasan perpindahan di negara ini. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, diambil maklum cadangan tersebut dan saya ingin mengucapkan terima kasih kerana membawa saranan yang bernas untuk *showcase* ataupun untuk menunjukkan

perpindahan ini sebagai salah satu tarikan ataupun mengadakan pusat di tempat-tempat perpindahan ini.

Pada masa ini kita ada menjalankan kegiatan *homestay* yang membolehkan pelancong-pelancong tinggal di rumah-rumah orang kampung di Brunei. Jadi ini mungkin boleh dicuba dan dilaratkan untuk tinggal di perpindahan kerajaan dan juga dijadikan satu tarikan mengadakan pusat di sana. Akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Baru-baru ini satu perjumpaan telahpun diadakan oleh beberapa agensi kerajaan dan swasta yang berkenaan bagi menghidupkan kembali Warisan Pusaka Pusat Eko-pelancongan Kuala Balai.

Mengikut cadangan bagi membangun semula pusat tersebut termasuklah mengintegrasikan kebudayaan eko-pelancongan, kajian luar, pusat penyelidikan dan pusat *Outward Bound*. Projek tersebut dianggarkan menelan belanja kira-kira \$12 juta. Dalam hubungan ini Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya, bilakah agaknya projek tersebut akan dimulakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, akan dilaksanakan secepat mungkin.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Kawasan Ulu Belalong, Daerah Temburong terkenal dengan taman negaranya *Outward Bound* Brunei Darussalam, dengan hutan yang indah menghijau flora dan faunanya serta air Sungai Karang yang menyegarkan, salah satu destinasi pelancongan yang menarik di negara ini.

Oleh kerana tempat ini tinggi dan berbukit serta cuaca yang sejuk dan dingin, apakah ada perancangan Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk membuat kajian apakah ia sesuai untuk tanaman yang berhawa dingin seperti teh, kobis, kentang, buah strawberi dan bunga-bunga?. Kerana jika hasilnya positif ia akan menjadi kawasan agri-pelancongan yang menyokong pelancong di kawasan tersebut. Adalah juga diharapkan pihak Jabatan Pertanian, swasta atau UBD, konsultan agar mengambil tindakan positif ke arah perkara ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi cadangan ini diambil maklum dan melibatkan banyak jabatan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama termasuk Jabatan Perhutanan yang mana mengawal kawasan itu, Jabatan Pertanian yang akan memastikan barang itu adalah *sustainable* dan boleh dilakukan dan pelancongan, kalau sekiranya boleh berjalan,

mungkin boleh dijadikan sebagai satu tarikan pelancong. Akan diambil perhatian dan diambil maklum.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Nampaknya yang bersetuju banyak, maka Tajuk Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan salah satu Rang yang telah diluluskan.

Jurutulis: SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SJ01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ringkas saja dalam rancangan Kemajuan Negara 2007/2012 ada perancangan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membina 5 buah masjid di Daerah Belait, saya ingin mengetahui di kawasan manakah masjid-masjid tersebut akan dibina dan bilakah agaknya pembinaan dapat dimulakan?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, yang ditanya itu ialah dalam Rancangan Kemajuan, kita belum membincangkan bahagian rancangan kemajuan. Terima kasih

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Menjunjung Kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di sini saya ingin menyampaikan 2 permohonan iaitu:-

1. Sejauh ini rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di negara ini sangat-sangat menjunjung kasih di atas banyak kurnia yang telah dibagikan kepada rakyatnya, termasuk "Kurnia Tambang Haji" bagi pegawai-pegawai kerajaan, jadi sehubungan itu melihat dari segi kurnia tambang haji ini sejak ianya dikurniakan ianya belum pernah dinaikkan, jadi dipohonkan dan dapat diteliti semula supaya kadar kurnia tambang haji kerajaan ini akan dapat dinaikkan daripada apa yang ada sekarang ini; dan
2. Adakah bagi pihak kementerian ini juga akan membuat atau membina sekolah-sekolah ugama di kawasan-kawasan perpindahan yang difikirkan sesuai dan munasabah dan sangat-sangat memerlukan dan jadi kiranya ada mudah-mudahan perkara ini akan

dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian di kawasan-kawasan perpindahan yang difikirkan ianya perlu dibina sekolah-sekolah agama. Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar
Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz
Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan usul supaya dinaikkan Tambang Haji perkara ini tertakluk di atas pertimbangan Jawatankuasa yang berkenaan untuk menimbangkannya walau bagaimanapun oleh kerana ada usul sedemikian perkara ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa tersebut bagi menelitinya.

Berhubung dengan keperluan pembinaan sekolah-sekolah agama di bahagian kawasan-kawasan perpindahan memanglah perkara ini menjadi penelitian Kementerian Hal Ehwal Ugama berdasarkan adanya keperluan-keperluan setelah meneliti penuntut-penuntut yang memerlukan tempat bersekolah, kerana sekarang ini sebagaimana yang berjalan dari dahulu sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan biasanya digunakan di sebelah petang.

Jika itu tidak dapat menampung kehendak memanglah difikirkan akan membina bangunan-bangunan sekolah di tempat-tempat perpindahan bukan sahaja di tempat perpindahan tetapi di mana-mana tempat pun yang memerlukannya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji
Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan**

Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan dua perkara:-

1. lalah mengenai dengan "Halal Haram", adalah didapati di kedai-kedai runcit dan sebahagian *supermarket*, banyak menjual barang-barang makanan dalam tin atau paket yang didatangkan dari luar negeri, seperti *corn beef*, ikan, daging, ayam, roti kering, mee segera dan lain-lain yang bertulis halal dipamerkan untuk dijual kepada orang ramai. Dalam hubungan ini saya ingin bertanya adakah barang-barang makanan yang saya sebutkan itu yang didatangkan dari luar negeri telah disahkan kehalalannya oleh pihak yang berkenaan di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jika sudah Alhamdulillah, tetapi jika belum bilakah pengesahannya akan dapat ditentukan dan kenapakah barang-barang makanan tersebut terus boleh dijual kepada orang ramai, orang Islam di kedai-kedai dan *supermarket* di negara ini sedangkan kehalalannya belum disahkan. Tidak kah lebih baik jika barang-barang yang belum disahkan kehalalannya itu diasingkan atau ditempatkan bersama-sama dengan barang-barang yang tidak halal untuk orang yang bukan islam; dan

2. Yang Amat Mulia Pengerian Pengerusi, mengenai dengan zakat harta. Saya sukacita merujuk titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2007M, baginda menyentuh mengenai dengan kutipan zakat harta sehingga tempoh 31 Ogos 2007, yang menunjukkan penurunan yang ketara misalnya, pada tahun 2006 bahagian kutipan dan agihan zakat hanya mengutip \$8.8.juta sahaja, berbanding dengan tahun 2005 telah mengutip \$18.9 juta, iaitu satu penurunan yang ketara.

Dalam hubungan ini saya ingin tahu adakah kajian-kajian terperinci telah selesai dijalankan dengan mengambil kira semua faktor-faktor yang disebutkan dalam titah baginda yang berkenaan. Jika selesai apakah antara sebab-sebabnya perbezaan sangat ketara di antara kutipan zakat harta di antara tahun 2005 dan 2006 itu. Bagi tahun 2007 dan 2008 Berapakah jumlah zakat fitrah yang telah dikutip bagi tahun-tahun ini.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar
Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz
Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:**
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,

mengenai dengan penjualan barang-barang dalam tin yang bertanda halal, perkara ini kemasukan yang kita kawal sekarang ini lebih banyak terhad kepada pembekalan daging-daging mentah manakala di dalam tin ini masih di dalam proses untuk mengawalinya secara lebih ketat. Maka buat sementara ini nasihat-nasihat diberikan kepada penjual supaya mengasingkan mana-mana barang-barang dalam tin, yang belum diakui kehalalannya itu dijual, diasingkan tempat penjualannya.

Proses ke arah mengawal secara penuh memang difikirkan dan sedang langkah-langkah sedang diambil, maka saya dalam kesempatan ini ingin menasihatkan kepada rakyat dan penduduk negara ini perlulah berhati-hati, untuk membeli barang-barang khususnya di dalam tin yang ada tanda halal, kerana sebahagian para peniaga tidak tahu apa itu halal dan apa itu haram, kerana dia bukan beragama Islam yang mengeluarkannya yang ada di hadapannya ialah untung sahaja sehingga khabarnya ada ikan di dalam tin dicap dengan halal, seolah-olah ikan itu disembelih menurut hukum syarak. Kita perlu buat sehingga langkah-langkah lebih ketat dibuat perlulah berhati-hati dalam membeli barang-barang yang bertanda halal, kerana para peniaga tidak memedulikan halal haram atau tidak tahu akan hukum halal haram, mencetak saja dengan perkataan halal. Baru-baru ini perundingan-perundingan telah dibuat dengan beberapa negara khususnya negara-negara jiran, untuk mencari jalan bagaimana cara-caranya supaya barang-barang halal

katalah di Malaysia, katalah di Indonesia diakui halal, *authority* di sana boleh digunakan di sini dan begitu juga sebaliknya. Perundingan-perundingan sedang berjalan sekarang ini menuju ke arah usaha-usaha yang sedemikian.

Mengenai dengan kumpulan harta, penurunan kutipan harta zakat, kita perhatikan ada satu tahun, dua kali Hari Raya. Tentulah apabila dua kali Hari Raya, zakatnya akan 'double' daripada satu kali hari raya. Zakat pelanggan dari Institusi Kewangan Islam kadang-kadang umpamanya tahun ini, belum diserahkan kepada bahagian zakat sehingga larat kepada tahun hadapannya, ada 2 tahun. Kumpulan zakat itu diserahkan sekali, jadi menunjukkan tahun yang berkenaan kurang, jadi tahun ke hadapannya adalah lebih, jadi inilah penurunan itu di antaranya sebagaimana yang saya nyatakan tadi berlakunya 1 tahun, berlakunya 2 kali hari raya dan juga pihak-pihak Institusi Kewangan Islam berlaku kelambatan dalam mereka menyerahkan wang zakat pelanggan-pelanggannya itu.

Tentang usaha-usaha mengkaji kedudukan ini, memanglah diusahakan dan belum lagi selesai. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya satu ketika dulu Kementerian Hal Ehwal Ugama ada mengadakan kursus untuk orang-orang mualaf, khas untuk

mengambil guru-guru iaitu sejak tahun 1992 hingga 1996. Dan satu ketika tahun 2004 dan selepas tersebut projek tersebut telah berhenti hinggalah sekarang ini.

Saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya dan adakah cadangan untuk melarutkan projek ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:

Terima kasih, bimbingan Kursus Mualaf iaitu kepada saudara-saudara baru adalah berterusan, apabila seseorang itu telah memeluk agama Islam dia akan menjalani beberapa kursus.

Pertama, Kursus Bimbingan Pengenalan Islam 10 hari berturut-turut, tinggal di Pusat Dakwah Islamiah dan dibelanjai sepenuhnya.

Kemudian Bimbingan Asas, diikuti Bimbingan Asas selama 14 hari. Kemudian Skim Bimbingan Lanjutan Satu. Skim Bimbingan Lanjutan 2, di samping adanya kelas bimbingan mualaf di tempat-tempat yang berkehendakkannya, ataupun ditentukan dengan dipanggil saudara-saudara baru itu, supaya menghadiri kelas-kelas tersebut. Jadi sebenarnya kelas-kelas mualaf adalah berterusan tidaklah berkala-kala. Jika sekiranya sesuatu kampung atau orang-orang tidak berkesempatan mengikuti kursus demikian di tempat-tempat yang ditentukan memanglah ada disediakan, satu pasukan yang dinamakan Bimbingan

Bergerak mengenai dengan kepimpinan muafaf ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya sejak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai dengan wang yang berjumlah \$200 juta dari tabung wang zakat kalau saya tidak silap, orang ramai berebut-rebut mengambil borang permohonan bagi mendapat bantuan daripada wang tersebut. Saya ingin mengetahui bagaimanakah proses seterusnya?. Adakah ianya sama proses membantu orang-orang susah dan yang memerlukan bantuan seperti biasa, seperti yang ada atau ada proses yang khusus atau khas bagi tujuan ini, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, 5066 permohonan, orang ramai bersesak-sesak di Kementerian Ugama. 5066 permohonan yang diterima oleh Kementerian Ugama, sehingga suatu ketika Kementerian Ugama tidak dapat menampung mereka, maka mereka dipindahkan ke Stadium, kerana ditakuti berlaku keadaan yang menyusahkan sehingga orang pitam. Proses yang dibuat sekarang ini, yang dihadapi oleh Kementerian Ugama ialah Kementerian

Ugama sendiri mengadakan Urusetia untuk menyiasat dua perkara;-

1. Orang-orang yang tertunggak pembayarannya dalam Skim-Skim Perumahan Kerajaan, dan Skim Perumahan Yayasan; dan
2. ialah orang-orang fakir miskin.

Selain daripada Urusetia Kementerian Ugama yang akan menyediakan data-data, apabila penyiasatan data-data terkumpul ia akan dikemukakan kepada sebuah Jawatankausa Peneliti dan membuat sokongan-sokongan. Keputusan sokongan-sokongan daripada penelitian ini akan diangkat kepada sebuah Jawatankausa Pengesahan yang di Pengerusikan oleh Timbalan Mufti mengakui benar orang ini miskin, fakir yang tidak terdaya untuk membayar tunggakan itu, itu bagi hutang rumah. Dan bagi yang miskin juga diakui oleh Jawatankausa Pengesahan yang di Pengerusikan oleh Timbalan Mufti, ini betul, orang ini adalah miskin dan fakir. Peringkat yang ada sekarang ini sebagai misal bagi orang yang berhutang rumah ada 3 golongan;-

1. Mereka yang namanya tersenarai fakir miskin di bahagian Zakat Majlis Ugama Islam. Ini yang didahulukan. Dan Alhamdulillah penyiasatannya hampir selesai dan akan dibawa kepada Jawatankausa yang berkenaan;
2. Pegawai-Pegawai Kerajaan; dan

3. Orang Awam, ini akan mengambil masalah Jika pegawai-pegawai kerajaan ini ertinya termasuklah orang-orang yang berpencen.

Jadi usaha-usaha sekarang ini, sejak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah bergerak sekuat-kuatnya bagi menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan insya-Allah perkara ini akan diselesaikan dengan segera mungkin dengan izin Allah jua. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sejak kebelakangan ini syarikat-syarikat yang menguruskan pakej umrah dan haji sering menghadapi masalah untuk mendapatkan visa bagi bakal-bakal jemaah haji dan umrah.

Solan peramba ialah tidakkah boleh Kementerian Hal Ehwal Ugama membantu syarikat-syarikat ini untuk mendapatkan visa-visa untuk pakej umrah dan haji. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memanglah Kementerian Hal Ehwal Ugama berusaha membantu, tetapi masalah visa adalah masalah orang, masalah Kedutaan Arab Saudi, itu di bawah kekuasaannya. Bantuan hanyalah di bawah

perundingan bagaimana menolong. Kadang-kadang perkara ini pun masalahnya, adalah bukan hanya dibawa di sini, borang-borang itu dihantar kepada pihak itu sendiri bagi memproses, ini adalah masalah peraturan Arab Saudi sendiri. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Setelah dilihat banyak yang bersetuju maka tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SJ01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekarang sudah menunjukkan jam lebih 12.00 tengah hari, tapi saya kira bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Yang Amat Mulia menikmati rehat tengah hari, iaitu makan tengah hari maka dengan demikian saya tangguhkan perundingan kita dalam bidang jawatankuasa ini dan kita akan balik semula mesyuarat penuh.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila duduk, sekarang kita bersidang di dalam persidangan penuh setelah ditangguhkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa, maka oleh kerana waktu sudah menunjukkan jam 12.00 tengah hari, maka saya menangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua Dewan: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, sekarang kita bersidang semula Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Mulia, bagi menyelesaikan urusan kita di dalam Jawatankuasa, maka dengan sebab itu saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara untuk membincangkan di dalam sidang Jawatankuasa bagi menyelesaikan usaha kita dalam Anggaran Belanjawan 2009/2010. Sidang Dewan ditangguhkan untuk bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Mesyuarat Negara Ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat Dalam Jawatankuasa)

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Mulia sekarang kita bermesyuarat selaku Jawatankuasa menimbangankan Anggaran Belanjawan seperti yang dimaklumi. Silakan.

Jurutulis: Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pembangunan belum hadir.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Mulia

oleh kerana pihak yang berkenaan masih lagi ada urusan, maka sekarang beralih kepada Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Dalam majlis serupa pada tahun lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah hasrat agar Negara Brunei Darussalam akan dapat mencapai sifar kemiskinan. Saya maklum bahawa dua-dua Jawatankuasa telahpun dibentuk untuk merangka, merancang ke arah matlamat ini, saya juga maklum bahawa ada beberapa agensi seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, JAPEM dan MUIS sama-sama terlibat menangani masalah ini, sudahkah kita mengenalpasti definasi apa yang dimaksudkan dengan miskin atau fakir miskin di negara kita ini?. Apakah kemajuan perancangan dan tindakan Jawatankuasa berkenaan setakat ini.

Adalah dicadangkan satu kajian yang komprehensif dan transparan dilakukan untuk mengenal pasti *magnitude* kemiskinan yang sebenarnya di negara ini diikuti dengan tindakan-tindakan yang sepadu di antara agensi-agensi yang terlibat. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmat bin Haji Jumat: Bismillahir Rahmanir

Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba, saya mengucapkan terima kasih di atas perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan kemiskinan, memang diakui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun bertitah pada tahun 2008 mengenai dengan hasrat kerajaan baginda untuk mencapai kemiskinan di tahap sifar.

Timbul daripada itu, mohonkan ampun dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telahpun diperkenankan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Peringkat Menteri untuk meneliti, mengkaji membuat penelitian mengenai dengan sifar kemiskinan ataupun *poverty* ini. Memang diakui bahawa *poverty* ini atau kemiskinan ini adalah satu masalah yang kompleks dan baru-baru juga ditimbulkan, jadi peringkat ini satu Jawatankuasa telahpun ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sendiri dan di bawahnya, sebabnya isu di atasnya minta maaf ada satu Jawatankuasa peringkat Menteri, 5 orang Menteri Kabinet dan satu Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, menganggotai yang dinamakan Jawatankuasa Kebangsaan Isu Sosial.

Jadinya Jawatankuasa Peringkat Kabinet yang 5 Menteri ini telahpun bermesyuarat dua kali. Ada sebelas bahagian

ataupun masalah yang ditimbulkan dalam Jawatankuasa ini iaitu isu-isu sosial. Salah satu di antaranya ialah kemiskinan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dan ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian dan agensi-agensi kerajaan dan *private sector* yang berkaitan untuk barangkali dapat membincangkan, meneliti membuat syor-syor untuk mengambil tindakan masa hadapan, supaya kita bukan sahaja andaian tetapi *reality* zero kemiskinan ini. Jadi di peringkat ini isu terminologi yang belum ada, Kerajaan Kebawah Duli memakai istilah pengertian dengan kemiskinan ini, tetapi Jawatankuasa telahpun bersepakat ada tiga pengertian mengenai dengan kemiskinan ini:-

1. *Extreme* atau *absolute poverty* (kemiskinan tegar);
2. *Relative* kemiskinan; dan
3. *Subjective*.

Kemiskinan itulah peringkat ini telah dua kali mesyuarat yang dipengerusikan oleh Kementerian saya sendiri meneliti perkataan-perkataan ini belumlah ada penyelesaian di hujung jalan mengenai dengan kemiskinan ini, tetapi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat di sini adalah bahawa adakan kajian itu transparan, ini betul-betul, sedikit masa lagi Kementerian dan Jawatankuasa ini akan mengadakan kajian, dan kewangan seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat

Mulia Pengiran Pengerusi telahpun disediakan \$10 juta untuk membuat kajian apa yang kita dengar, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telahpun menyediakan kajian \$10 juta dan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya mengadakan kajian, yang sebenarnya kajian sudah ada diadakan tapi kajian ini barangkali boleh transparan dan sah, jadi peramba, hamba di sini baru ada titik permulaan untuk penyelesaiannya di hujung jalan nanti, maka bersabarlah dahulu, terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menyampaikan dua pertanyaan sahaja:-

1. Pada tahun lepas dipohonkan sebuah gelanggang gasing di Kawasan Kompleks Sukan Stadium, apakah hingga sekarang tindakan-tindakan yang sudah dibuat oleh pihak Kementerian?; dan
2. Juga pada tahun lepas pernah dipohonkan khusus padang permainan bagi penduduk-penduduk di kawasan Kampong Air termasuklah Perpindahan Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B' kerana mereka pernah memohonkan yang mana tempat permainan bagi kawasan di Kampong Air ini adalah kurang atau langsung tidak ada hanya terdapat di Kompleks

di Sungai Asam yang mana kompleks tersebut telahpun penuh digunakan setiap hari termasuk juga di waktu malam. Adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan padang permainan khususnya di Kampong Air?. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, ada dua masalah iaitu:-

1. Gelanggang Gasing, barangkali masa ini siap sudah di Kawasan Stadium, kalau pun belum siap barangkali 2 atau 3 hari ini boleh dipakai, disebabkan Ahli Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin selalu menagih perkara ini jadi bolehlah dipakai Gelanggang Gasing ini; dan
2. Masalah yang kompleks mengenai tempat riadah dan tempat bersukan orang-orang di Kampong Air, memang betul saya peramba sendiri, saya sendiri melawat tempat bermain di seberang sana. Masa ini pun diperbaiki tetapi sama ada ia cukup atau tidak cukup itulah menjadi satu masalah tempat-tempat riadah untuk bersukan terutama sekali bagi belia-belia di Kampong Air, tapi bersama-sama kita meneliti dan terima

kasih saya ucapkan dengan teguran-teguran ini, insya-Allah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan meneliti mengenai dengan tambahan-tambahan tempat-tempat belia-belia di Kampong Air dan orang-orang Kampong Air, tempat mereka beriadah, junjung kasih, Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kita sedia maklum, bahawa Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah mengadakan satu program yang dipanggil program Pembangunan Belia, saya mencadangkan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, supaya program tersebut dapat ditambah dengan memasukkan perkara-perkara berikut:-

1. Rancangkan program tersebut bagi melebarkan peluang bagi penerimaan peserta-peserta lebih ramai lagi bukannya hanya 200 orang; dan
2. Dibukakan kepada semua peringkat belia bukan sahaja kepada yang gagal dalam pelajaran akademik mereka. Kemasukan bukan hanyak kepada yang berminat sahaja bahkan kepada semua belia sebagai satu kerahan tenaga belia selain daripada latihan jasmani seperti berkawat dan lain-lain, dimasukkan juga program “*Seni Mempertahankan Diri*”, dengan kemasukan dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi sekurang-

kurangnya dapat kita membantu salah satu aspirasi negara melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran, berdisiplin tinggi dan berjaya.

Sekian Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi memanglah hasrat, *mission* dan strategi Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan untuk melihat *holder stick* atau *all person* yang berwawasan, jadi kalau sekiranya itu mengikut kategori ini adalah mengikut keupayaan Kementerian dan Jabatan itu membuatnya, jadi memang angan-angan, andaiannya untuk semua. Masa ini ada Kementerian sendiri satu jawatankuasa untuk meneliti khidmat belia negara, jadi perkara ini memanglah difikirkan dulu bila kita melaksanakan sesuatu *infrastructure* untuk membuat khidmat belia negara seperti negara-negara lain misalnya Malaysia, Singapura memang kerah tenaga belia ada sudah.

Pada peringkat ini di Kementerian memang ada sudah tetapi belum dijalankan. Masalah undang-undang perlu disediakan dahulu *infrastructure* dan tenaga-tenaga pelatih untuk mengajar, jadi kita mestilah melihat persediaan kita dahulu, baru kita akan membuat. Memanglah diakui dalam bajet Kewangan Tahun 2009/2010 jadi jangka

panjang barangkali perkara itu akan difikirkan dan bila kitani bersedia dan berupaya untuk membuat, di masa itulah kitani akan melaksanakannya. Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka dengan demikian, Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan diluluskan.

Jurutulis: SLO1A - Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO2A - Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.
(Tidak ada).

Maka dengan demikian, tajuk Dewan Bahasa dan Pustaka diluluskan.

Jurutulis: SLO2A - Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO3A - Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peruntukan Jabatan Belia dan Sukan pada Tahun 2009/2010 anggaran dalam \$18.9 juta. Diharap peruntukan sebesar ini akan dapat diampit-ampiti ke Daerah Belait dalam meng-upgrade Kompleks Sukan yang ada sekarang di daerah tersebut. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Yang Berhormat, yang sebenarnya Jabatan Belia dan Sukan dan Kementerian tidak akan membuat dan merancang, bukan ada konsep ampit-ampiti. Ia adalah satu perkara yang serius berancang dan rancangan yang dilaksanakan dari hujung jalan hasil daripada rancangan dilaksanakan itu adalah berhasil tepat pada hasilnya. Itulah Kementerian meneliti untuk melihat di ujung jalan kitani berehat, melihat hasil daripada rancangan-rancangan tersebut.

Jadi kalau punnya kitani beampit-ampiti, peramba pun tahu jua Ahli Yang Berhormat itu, jadi kalau di Daerah Belait, kompleks-kompleks sukan bolehlah dikatakan sudah pupus dan mantap daripada di Daerah Temburong dan Tutong. Jadi barangkali kalau mengikut *statistic population*, kalau di Daerah Belait 70 ribu, jadi di Daerah Tutong 40 ribu, di Daerah Temburong 10 ribu penduduk. Jadi yang belum *complete* adalah di Temburong dan di Tutong. Jadi mengikutlah kehendak *population*, jadi *it's a serious business*, bukan ampit-ampiti, jadi untuk menjawab bukan pulang kan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Yang Berhormat bukan merendah-rendahkan, in da, ganya untuk melurus-luruskan pemikiran, yang kitani di hujung jalan akan melihat realiti, benar-benar kitani menimbak lurus-lurus mengikut kehasilannya itu. Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba ada mengutarakan 4 soalan. Iaitu mengenai dengan:-

1. Kompleks Sukan Temburong, lampu-lampu limpah belum lagi dilengkapi kepada Kompleks Sukan Temburong sepertimana di daerah lain. Ianya adalah perlu diadakan;
2. Padang Kompleks Sukan Temburong perlu juga dibuat pemeliharaan

disebabkan keadaan yang selalu becak dan takongan air berlaku apabila sahaja musim hujan. Berkemungkinan besar *drainage system* di bawah padang sudah rosak mungkin disebabkan usia kompleks yang sudah lama. Manakala belapan ada baiknya diganti baru kerana *track* tersebut sudah usang dan warna belapan juga sudah berubah dan pudar. Sukan ini hanyalah yang terdapat kemudahan tersebut di Daerah Temburong dan turut digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan termasuk sekolah-sekolah yang kerap kali mengadakan kejohanan sama ada di peringkat daerah atau kebangsaan. Perkara ini yang ketiga Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin bertanya;

3. Bilakah kolam renang di kompleks tersebut boleh digunakan? Dan soalan yang terakhir; dan
4. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dengan izin peramba memohon maaf barangkali jika soalan ini lari kepada Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Iaitu memandangkan belia-belie lepasan sekolah menengah yang tidak dapat meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi ialah belia yang menganggur. Dan oleh kerana belia lepasan sekolah tidak ada *skill*, kemahiran bagi mendapatkan sebarang pekerjaan,

sama ada bekerja di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta, adalah dicadangkan supaya di Daerah Temburong dibukakan satu Pusat Latihan Kemahiran Tenaga Kerja Belia atau Sekolah Vokasional yang bersesuaian mencekupi bidang seperti pertanian, ternakan, perikanan, binaan *wiring*, perakaunan, perniagaan, masakan dan lain-lain bidang.

Tujuan Pusat Kemahiran ini adalah bagi membolehkan belia-belia di Daerah Temburong tidak perlu berhijrah keluar daerah yang sering menghadapi masalah penempatan tempat tinggal dan perkhidmatan pengangkutan. Ini merupakan kemuskilan bagi ibubapa yang kurang mampu.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba *expected* soalan mengenai dengan Program Pembangunan Belia ini jadi memanglah diakui ada kebenarannya tapi peramba akan melihat satu-satu dulu.

Yang Pertama tadi, mengenai dengan *drainage*, lampu-lampu, kalau ani peramba tegurkan jadi diakui sedikit lama lagi

barangkali peramba kalau balik karang ke ofis untuk menegurkan perkara-perkara ani supaya diambil perhatian seperti teguran Ahli-Ahli Yang Berhormat. Memang sahlah apa jua Ahli Yang Berhormat, diakui, jadi lepas ani karang esok P.A nya mendengar. Dibelakang itu mohonkan ampun ada Pengarah Belia dan Sukan dan Pegawai-Pegawai dari Kementerian mendengar sudah tu, ani nya Menteri nya sudah pun becakap, jadi mesti diteliti benar-benar.

Jadi terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang ketiga tadi adalah mengenai dengan kolam renang di Temburong, barangkali indera sampai hujung tahun ini boleh dipakai dan boleh siap kolam renang itu. Mengenai dengan permohonan seperti Pusat Perkembangan Belia di Daerah Temburong di Jalan Tanah Jambu sana ada Pusat Pembangunan Belia memanglah kapasitinya sudah melebihi satu pusat pembangunan belia saja di sini, tapi *surprise* jua yang memohon ani adalah dari Temburong, *I expected that* permohonan ani daripada Tutong dan daripada Belait.

Jadi mengkali kalau kitanilah membuat masa ani kompleks Pembangunan Belia Temburong seperti di bandar, itu *white elephant* tu jua. So indera jua banyak, memang jua diakui ada belia-belia yang menganggur, ada belia-belia untuk menambahkan kemahiran, ada belia sebabnya kitani punya 2035, kitani mau seorang itu pelajaran tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya, itu misi hasrat tu sudah,

jadi *infrastructure* untuk menuju *vision* itu, terpaksa dimulainya sekarang. Jadi *all in all*, *plus and minus* mungkin perkara tersebut akan difikirkanlah, diambil maklum dan diteliti, jadi kalau Kuala Belait, Tutong mengadakan satu atulah hasratnya dulu bukanlah diamati bahagian Temburong, jadi *all in all* teguran-teguran ini, Yang Amat Mulia, peramba dan hamba mengambil maklum. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Yang Amat Mulia Pengerusi, kalau kita mendengar Belait, Temburong, Brunei-Muara agak ketinggalan jua di Tutong. Ini bukan ampit-ampiti ni, baru-baru ini satu projek *aquatic* telah di buka oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang mana ini diucapkan terima kasih. Jadi nampaknya di Padang Balapan bukannya tahun ini pulangkan memakai, kalau boleh dapat dibina *grand stand* sekurang-kurangnya dapat 500 orang yang boleh duduk di sana. Yang keduanya kerana belia di Tutong juga tidak ketinggalan semasa waktu malam lampu, apa tu tadi, limpah kalau dapat dibuat juga di Tutong. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Terima kasih Yang Amat Mulia dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, memanglah hasrat ataupun peramba sendiri melawat dan meletakkan batu asas *swimming pool aquatic*, hari itu, jadi

bahagian *swimming pool* seluruh Temburong, Belait dan Bandar Seri Begawan ada dua telahpun siap kompleks-kompleks ini dipakai dan Tutong walaupun ia kemudian ia akan siap dalam pertengahan tahun depan. Jadi mengenai kompleks sukan, ini sudah yang sebenarnya peramba sendiri sudah mengatitkan membuat kertas kerja tapi inda sempatlah 5 tahun ini, mun kan ampun, sebabnya dalam perancangan inda ada ni dalam RKN 5 tahun ini yang ke-9, mangkali mungkinlah kalau jadi lagi ketua darjah, kalau inda jadi ketua darjah itu lain lagi ketua darjah untuk menyambung. Jadi memanglah, kehendak itu ada, siapapun menjadi ketua darjah, kalau rakyat itu mau memanglah boleh diselesaikan dan kerajaan itu mampu, memang ini sudah akan di *seriously* akan dibuat rancangan mun kan ampun. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang bersetuju pada tajuk SL03E - Jabatan Belia dan Sukan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Jelas sekali yang bersetuju banyak, maka Jabatan Belia dan Sukan diluluskan menjadi sebahagian undang-undang.

Jurutulis: SL03A - Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SL04A – Jabatan Muzium-Muzium.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin

Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, setinggi-tinggi menjunjung kasih kerana memberikan peluang, di Jabatan Muzium-Muzium ini khususnya Muzium Teknologi, dikesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Muzium Teknologi yang mana telah membuat projek iaitu khusus permainan tradisional yang mana membawa kerjasama dengan penduduk-penduduk mukim dan Majlis Perundingan Mukim kerana projek yang diadakan itu amatlah mendapat sambutan daripada belia-belia dan nampaknya dari sambutan ini, belia-belia yang pernah memasuki ataupun menjadi peserta khusus memohonkan supaya projek ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Sekali lagi bagi pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Muzium Teknologi. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka ramai yang bersetuju tajuk ini iaitu Jabatan Muzium-Muzium diluluskan.

Jurutulis: SL04A - Muzium dijadikan sebahagian daripada Jadual, SL05A - Pusat Sejarah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada yang ingin mempersoalkan, saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju sila angkat tangan .

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak setuju, sila angkat tangan,

(Tidak ada).

Nampaknya semua bersetuju, maka Pusat Sejarah telah diluluskan.

Jurutulis: SL05A - Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada Jadual, SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin membawa ke Majlis ini bahawa tentang tempat pembayaran elaun pencen tua dan bantuan kebajikan di Jabatan Pencen-Pencen Kuala Belait. Untuk makluman bahawa ruang pejabat dan tempat pembayaran pencen dan bantuan kebajikan

di daerah tersebut tidak begitu selesa di mana penerima-penerima pencen dan bantuan kebajikan terpaksa menunggu mengikut giliran masing-masing di koridor-koridor yang sempit dengan begitu lama. Jadi saya sukacita menyuarakan supaya disediakan ruang khas tempat penerima pencen dan bantuan kebajikan yang lebih teratur, lebih selesa dan mesra pelanggan.

Yang kedua jika difikirkan perlu dan bersesuaian tempatkan kakitangan Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah satu bumbung iaitu sekiranya perkara ini menjadi kenyataan ianya dapat menyumbang ke arah perkembangan, bangunan-bangunan kerajaan di Daerah Belait, maksud saya di bawah satu bumbung itulah disatukan dengan Jabatan Belia dan Sukan yang ada di daerah tersebut. Sekian yang saya dapat saya sampaikan Yang Mulia Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Dewan ini memanglah peramba menganggap teguran atau teguran yang mulia yang baik, jadi teguran-teguran seperti ini untuk memberikan keselesaan kepada orang-orang sektor masyarakat yang terlibat, akurlah, peramba akurlah jadi perkara ini akan diteliti dan mengikut keupayaan jabatan yang berkenaan, iaitu Pembangunan Masyarakat dan peramba sendiri akan melihat sendiri kalau boleh nanti, jadi

peramba terima teguran Ahli Yang Berhormat, peramba ucapkan terima kasih dan itu saja mun kan ampun. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Nampak terlihat bahawa yang bersetuju lebih banyak, maka tajuk ini diluluskan iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Jurutulis: Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Beralih kepada Kementerian Pembangunan SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan bawakan satu isu mengenai akta memandangkan kepada keluasan tanah yang dapat dimajukan untuk pembangunan kini agak berkurangan dan hanya lebih kurang 8% sahaja tanah milik persendirian dalam seluruh negara ini, dari itu adalah wajar dan bersesuaian untuk

memajukan bangunan-bangunan yang jenis-jenis bertingkat tinggi seperti pangsa ataupun *high rise building* dan untuk memajukan bangunan-bangunan seperti ini secara komersial, ianya memerlukan satu akta *structure title*. Saya pernah menimbulkan perkara ini di mesyuarat yang lalu mencadangkan bilakah akta *structure title* ini dapat dikuatkuasakan, yang mana ianya akan dapat memberikan kebaikan (*advantage*) seperti berikut, satu mengalakkan pelaburan luar ataupun *foreign investment* memberikan peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan.

Meningkatkan ekonomi negara, meningkatkan hasil pendapatan kerajaan *government review*. Boleh juga menampung sebahagian daripada keperluan perumahan dan pembangunan seperti ini memerlukan keluasan tanah yang berkurangan ataupun dikira plot ratio nya. Jadi sekali lagi soalan saya difahamkan akta *structure title* inipun siap sedia disediakan dan bilakah diharap ianya akan dapat dikuatkuasakan ataupun diwartakan terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris membangkitkan perkara ini.

Memang betul sebenarnya perkara *structure title* ini telahpun diwartakan, tetapi satu undang-undang di bawah *structure title* ini mengambil masa sedikit sudahpun selesai insya-Allah. Mudah-mudahan *structure title* ini akan dapat dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba akan menimbulkan satu perkara iaitu mengenai dengan kawalan-kawalan ke atas pemaju-pemaju atau rumah. Pada musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2005. Saya telah mengemukakan supaya cadangan *developer* atau pemaju-pemaju tanah negara ini dikawal kegiatannya oleh kerajaan dengan mengadakan rang undang-undang atau peraturan-peraturan yang sesuai.

Nampaknya hingga masa ini belum ada apa-apa perkembangannya. Perkara ini patutlah diberi pertimbangan yang segera, kerana kita sama-sama maklum bahawa di negara jiran kita sudah ada berlaku, beberapa buah rumah pangsa yang roboh yang menyebabkan kematian dan kerugian harta benda. Di negara ini sendiri akhir-akhir ini ada rumah-rumah yang dibina oleh pemaju telah runtuh kerana tanah susur dan ada juga projek-projek perumahan dan bangunan-bangunan kedai yang terbangkalai tidak dapat disiapkan oleh pemaju yang

mendatangkan kerugian kepada tuan-tuan tanah dan pemaju-pemaju itu sendiri.

Selain daripada itu ada pemaju-pemaju perumahan telah dibenarkan untuk menimbuk tanah yang akan dimajukan dengan paras yang tinggi daripada tanah yang bersempadan yang menyebabkan banjir, kepada tanah yang berdekatan setiap kali hujan lebat. Kesalahan ini bukan sahaja kepada pihak yang dibenarkan, tetapi juga kepada pihak yang memberi kebenaran yang seharusnya mengenakan syarat-syarat yang tertentu, dari segi implikasi dan keharmonian kawasan-kawasaan yang berhampiran atau bersempadan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Haji Puasa kerana menimbulkan perkara ini. Sebenarnya *developers* ini memanglah dalam pertimbangan. Apa yang dibuat pada masa ini, bukan sahaja *developers act* malah beberapa piawaian bagi menentukan *developers act* itu. Apa yang sering berlaku itu bukan sahaja, bukanlah kerana ada atau tidak *developers act* semata-mata tapi ialah penguatkuasaan dalam piawaian ini, jadi walaupun *developers act* ini ada, kalau usaha-usaha bagi penguatkuasaan tidak atau ditambah keupayaannya juga akan

mendatangkan masalah yang serupa. Jadi Insya-Allah akta *developers act* dan yang mustahak sekali daripada perspektif Kementerian Pembangunan Penguatkuasaan kepada *developers development* dapat dipertimbangkan juga terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai dengan pembersihan sungai-sungai utama yang terdapat di daerah ini, seperti mana Sungai Gadong, Sungai Kilanas, Sungai Lumapas dan beberapa sungai lagi yang lain. Jadi saya percaya sungai-sungai ini ketika ini sedang dalam pembersihan pendalaman. Walau bagaimanapun saya syorkan supaya rangkaian-rangkaian sungai tersebut yang di sebelah sungai ini terdapat beberapa buah kampung dan mukim dipohonkan supaya ianya dibersihkan, didalamkan untuk melancarkan pengaliran air sewaktu banjir.

Sebabnya dengan adanya pendalaman dan pembesaran sungai-sungai utama ini ianya akan membantu pelancaran longkang-longkang dan parit-parit di sebelah ulunya. Jadi saya pohonkan supaya sungai-sungai yang belum lagi dibersihkan supaya dapat dibersihkan sama, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi. Terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat itu tadi, perkara ini akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Menjunjung kasih. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari khamis 12hb Mac, menimbulkan isu mengenai dengan projek-projek yang terbelang. Projek-projek yang terbelang perlaksanaannya. Apakah setakat ini diketahui sebab-sebabnya. Sebenarnya projek-projek ini terbelang perlaksanaannya?. Jika ada bolehkah diterangkan di Majlis ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih atas kebenaran Tuan Peramba, memberi penjelasan sebenarnya projek-projek yang terbelang itu mempunyai beberapa sebab yang tertentu. Saya tidaklah dapat memecahkan satu persatu, tetapi daripada *random solution* yang ada pada saya kebanyakan perkara-perkara ini ialah berpunca daripada kelemahan kontraktor-kontraktor di Brunei Darussalm. Beberapa kelemahan juga ialah lambatnya *supply* atau pembekalan kepada material-material dan beberapa sebab-sebab yang lain. Apa yang akan dibuat oleh Kementerian Pembangunan ialah untuk memberikan kelambatan kepada beberapa kelas atau beberapa sebab-sebab

yang kelas tersebut yang tertentu. Tapi apa yang ada kepada saya daripada beberapa projek ini ialah kebanyakannya *performance* atau prestasi kontraktor-kontraktor yang ada, menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Setelah mendengarkan persoalan-persoalan dan pandangan-pandangan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka dengan demikian, Tajuk SA01A Jabatan Kementerian Pembangunan diluluskan.

Jurutulis: SA01A - Jabatan Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SKO2A - Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Peramba menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di Perumahan Perpindahan Rakyat Jati dan Perumahan Perpindahan Kampung Ratai'e Temburong pada masa ini ada beberapa buah rumah yang dinaiki dan dirosakkan oleh anai-anai yang datangnya dari

bawah tanah bangunan. Apakah ada pertimbangan atau adakah rawatan rumah yang terlibat yang diserang anai-anai itu dapat pampasan atau diganti, kerana anai-anai ini beberapa kali pun gantian oleh pemilik rumah yang berkenaan ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah tersebut dan masih lagi berterusan. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih atas teguran Tuan Peramba dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Sulaiman Ahad. Jika kerosakan itu adalah bukan disebabkan oleh *warranty* atau kerosakan itu adalah di luar daripada kerosakan biasa, Jabatan Kemajuan Perumahan dalam peruntukan memang ada untuk memperbaiki rumah-rumah tersebut. Apa yang akan diusahakan bagi rumah-rumah yang dinaiki oleh anai-anai inilah untuk membaiki rumah secara komprehensif atau apa yang dipanggil *comprehensive solution* untuk membaiki rumah-rumah ini. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia saya ingin menyampaikan satu suara daripada penduduk di negara kita ini yang mana ingin mensyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya di mana kawasan-kawasan perumahan itu dibina maka dipohonkanlah keutamaan untuk

mendapatkan tempat tinggal rumah tersebut kepada penduduk-penduduk yang berdekatan di sekeliling di tempat kawasan perumahan itu dibina. Jadi dengan adanya peluang yang diberikan ini akan merasa selesa dan tidak terasing. Jadi itulah yang dipohonkan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Berhormat Pengiran Pengerusi, sekali lagi peramba menjunjung kasih kepada Tuan Peramba dan kepada Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor, Seboleh-bolehnya perkara ini akan diusahakan, ertinya memang melalui beberapa skim dan sebagainya. Tetapi memanglah dalam keadaan moden yang pesat ini kadang-kadang keperluan sebegitu itu tidak dapat dipenuhi secara penuh. Jadi usaha untuk memenuhi kehendak itu seboleh-bolehnya akan dibuat. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, yang sebenarnya saya banyak perkara yang hendak disuarakan tetapi mengambil kira akan nasihat Yang Amat Mulia pada pagi tadi, saya hanya akan terus kepada persoalan, iaitu dalam projek kerja-kerja tanah untuk Rancangan Perumahan Negara, seperti di kawasan Lumut di mana akibat projek tersebut kawasan-kawasan jalan ke sekolah, ke setengah sekolah dan

kampung yang berdekatan di kawasan tersebut menjadi banjir ini disebabkan tidak ada parit yang tertentu. Kalaupun ada ia tidak dihubungkan dengan parit yang besar yang ada di kawasan tersebut. Yang Amat Mulia perkara ini saya telah beberapa kali menyuarakan pada pihak yang berkenaan, tetapi saya tidak mendapat apa-apa jawapan dan tindakan, jadi saya memohon jabatan yang berkenaan akan dapat turun padang, melihat sendiri terutama di waktu cuaca hujan dan dapat melihat sendiri dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih lagi Yang Amat Mulia, kalau dapat Yang Amat Mulia, Yang Berhormat tadi memberitahu bahawa banyak perkara isu yang akan dibangkitkan, peramba ingin jua mendengar apa isu-isu yang akan dibangkitkan itu, kerana isu-isu itu adalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mungkin tidak disedari oleh Kementerian Pembangunan dan mungkin hanya disedari oleh penduduk setempat. Mengenai jalan di Kampong Lumut ini seperti yang kita ketahui beberapa projek itu dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan jadi kalau dapat Yang Berhormat memberitahu agensi kerajaan mana yang terlibat itu, supaya semua co-ordination dan apa-apa langkah

yang dapat diambil dengan efisien dan cepat. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Yang Amat Mulia saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Jabatan yang saya maksudkan ialah Jabatan Perumahan dan Jabatan Kerja Raya, bukan sahaja di kawasan Perumahan Lumut, tetapi kalau saya ambil kira perumahan kawasan Pekan Seria perkara sedemikian pun berkalu, kerana kekurangan parit. Itu sahaja yang dapat saya terangkan buat kali ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih dan terima kasih kepada Tuan Peramba dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Perumahan di Lumut ada satu isu mengenai kod pemilik tanah yang mempunyai tanah TOL yang sepatut tidak berumah di situ dan berumah arah lain, kerana beliau mempunyai tanah di tempat lain dan mempunyai juga beberapa kemudahan-kemudahan yang sudah ada dengan kerajaan. Jadi apa yang dirancangan di sana ialah untuk menjalankan projek itu dengan memberi beliau bukan pampasan atau memberi beliau laluan *equitable*, kerana pendudukan tersebut setelah di siasat lebih baik ia dipindah daripada kawasan tersebut. Jadi dalam perkara ini Jabatan Kerja Raya mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Yang Berhormat, kerana apabila ada perkara ini Yang Berhormat itu mengambil langkah yang cepat untuk memberitahu Jabatan Kerja Raya. Mengenai Seria pula memanglah disedari bahawa terdapat beberapa kesulitan bukan sahaja kerana kekurangan parit, malah ada satu projek besar di sana untuk mengalirkan air daripada Seria kepada ban-ban yang sudah dibuat dan insya-Allah kerja ini akan siap menjelang bulan Oktober atau November tahun ini dan apabila siap diharap dibaik atau pun *improvement* yang terasa akan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di Seria, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, melalui *Brunei Economic Development Board* sebanyak 2,000 buah rumah jenis semi D dan teres akan dibina di kawasan kampong Pandan Seria, saya ingin memberi pandangan mengenai dengan beberapa perkara:-

1. Adalah disedari kawasan yang berkenaan telahpun dibuat kerja tanahnya setahun dua yang lalu, tetapi pihak-pihak kontraktor ataupun konsultan yang membina bangunan perlulah mengambil kira *differential settlement infrastructure* seperti jalan, paip air dan saluran najis supaya dalam jangka setahun dua tidak akan pecah; dan

2. Jenis-jenis rumah mestilah disesuaikan dengan kehendak masyarakat terutama sekali kehendak orang kitani orang Islam yang memerlukan sekurang-kurangnya tiga bilik tidur dan salah satu bilik mandi mestilah cukup besarnya untuk memandikan mayat, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih di atas kebenaran Tuan Peramba dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos mengenai perkara ini. Perkara mengenai bangunan yang dibuat oleh BEBD dirundingkan dengan keperluannya dengan memadankan keperluan oleh orang-orang Islam, jadi insya-Allah kita berharap apa-apa yang dibangun itu memenuhi kehendak yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, jadi menyentuh tentang perumahan ini saya ingin tahu dalam RKN 9 di Mukim Keriam, jadi sejauh ini apakah sudah perkembangan-perkembangannya yang dijalankan, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato

Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih, sebenarnya ada satu *site* atau satu tapak telah dikenal pasti di Keriam, tetapi dalam projek dalam RKN 9 ini, apa yang ada ialah untuk menjalankan kerja-kerja *site investigation* sahaja kerana kerja-kerja yang besar yang akan dijalankan ialah di Perumahan Bukit Beruang. Junjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian pada tajuk ini, maka saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

T(tidak ada).

Nampaknya semua ahli bersetuju, maka Jabatan Kemajuan Perumahan diluluskan.

Jurutulis: SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana ada urusan beberapa ahli pada petang ini, maka perundingan kita dalam perkara belanjawan ini kita tangguhkan dulu sepertimana yang telah saya terangkan tadi, maka sekarang kita berpindah kepada Majlis Mesyuarat Penuh.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Mulia kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara dengan sepenuhnya. Setelah diterangkan tadi oleh sebab kita menangguhkan perundingan di dalam Majlis Jawatankuasa dan sekarang kita balik kepada Majlis penuh, maka di sini saya menyatakan bahawa oleh kerana beberapa sebab yang tertentu dan banyak ahli-ahli yang akan menghadirinya, maka dengan sebab itu saya tangguhkan Majlis ini dan akan bersidang semula pada hari Sabtu, jam 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 24 Rabiulawal 1430 / 21 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI., Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia

Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim,

DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir)**

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-
ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN):**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim.
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kelima bagi Majlis
Mesyuarat Negara, iaitu hari yang keenam
dihalului dengan Doa Selamat.

(BACAAN DOA SELAMAT)

**Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Emran bin Haji Kuncang (Imam
Masjid Jame' Asri Hassanil Bolkiah):**

(Membaca Doa Selamat).

Yang Di-Pertua Dewan: Bismillahir
Rahmanir Rahim, Assalamualaikum
Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Ahli-
Ahli Yang Berhormat pada hari Rabu, 18
Mac 2009, kita telah membincangkan Akta
Perlembagaan 2009/2010 bagi Kementerian
Pembangunan sehingga Tajuk SK02A -
Jabatan Kemajuan Perumahan. Dalam
membincangkan belanjawan di Persidangan
Jawatankuasa. Maka untuk
menyempurnakan dan meneruskan
perbincangan itu, maka Majlis Mesyuarat

Negara sekarang kita tangguhkan untuk kita
bersidang sebagai Jawatankuasa bagi
menyambung usaha kita yang kita usahakan
seperti saya terangkan tadi.

Sekarang Majlis ditangguhkan, untuk
meneruskan perbincangan dalam sidang
Jawatankuasa.

(Majlis bersidang dalam Jawatankuasa)

Jurutulis: Tajuk SK03A - Jabatan Kerja
Raya.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri
Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed
Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,
oleh sebab Menteri yang berkenaan tidak
ada dalam Dewan pada waktu ini, maka
dipohonkan supaya kitani beralih kepada
tajuk lain, sementara menunggu ia kembali
daripada tugasnya di luar.

Jurutulis: Jawatankuasa berpindah kepada
membincangkan Kementerian Kesihatan
iaitu SM - Kementerian Kesihatan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang
Haji Idris bin Haji Abas:** Bismillahir
Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Amat
Mulia Pengiran Pengerusi. Assalamualaikum
Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh
dan salam sejahtera, Kementerian
Perubatan sebagai Kementerian
yang bertanggungjawab memberikan
perkhidmatan kesihatan di negara ini
patutlah diberi pujian di atas kualiti

perkhidmatan yang diberikan sejauh ini yang mana juga mendapati piawaian WHO.

Alhamdulillah, dengan kurnia dan kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam rakyat di negara ini beruntung kerana mendapat rawatan-rawatan perubatan yang percuma. Baginda pernah bertitah yang kesihatan adalah kurnia Allah yang paling berharga, dengan adanya tubuh badan yang sihat, dapatlah kita menjalankan kehidupan penuh nikmat dan sempurna.

Kementerian juga berusaha untuk mempromosikan kehidupan sihat *Healthy Life Style* dengan terbangunnya Pusat Promosi Kesihatan baru-baru ini, bertambah lagilah kemudahan-kemudahan dan pengetahuan yang diberikan untuk rakyat dan penduduk di negara ini, untuk mempratikkan kehidupan sihat.

Dalam membuat semua perancangan-perancangan ini ada juga projek-projek yang diperlukan untuk penyediaan fasiliti-fasiliti dan kelengkapan-kelengkapan yang tidak dapat diimplementasikan pada waktu yang tepat oleh sebab-sebab seperti bajet tidak mencukupi, kerana pertambahan keperluan inflasi, kenaikan harga, yang mana ini mungkin menjejaskan *planning* perancangan plan induk perkhidmatan yang patut diberikan.

Soalan saya apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi isu-isu kelambatan seperti di atas ini.

Kedua, untuk meneruskan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, yang melibatkan peruntukan yang begitu banyak, yang sentiasa meningkat tinggi, apakah perancangan yang diatur untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang *sustainable* supaya akan dapat diteruskan di masa depan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, kerana telah membuat dua pertanyaan tadi dan juga kepada komen yang diberikan mengenai dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan.

Alhamdulillah, dengan dokongan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga sokongan orang ramai, Kementerian Kesihatan telah dapat melaksanakan tugasnya dengan baik, insya-Allah.

Mengenai dua persoalan yang diajukan tadi, mengenai dengan apakah langkah-langkah untuk menangani isu kelambatan projek-

projek yang belum berjalan disebabkan oleh peruntukan yang kurang dan sebagainya. Perkara ini dari semasa ke semasa memang telahpun diambil tindakan dengan berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan bajet-bajet tambahan dan projek-projek yang tertentu itu walaupun ia terlambat, insya-Allah akan dapat dilaksanakan jua.

Kita mamahami kebimbangan orang ramai mengenai dengan beberapa perkhidmatan yang mungkin terjejas, tetapi alhamdulillah, dengan adanya perundingan-perundingan dan pemahaman daripada pihak-pihak tertentu, perkara ini dapat kitani atasi. Jadi masalah itu walaupun terlambat sedikit tetapi projek itu akan berjalan, insya-Allah mungkin ampun.

Mengenai dengan peruntukan yang begitu banyak setiap tahun, perkara ini memang diakui. Setiap tahun perbelanjaan Kementerian Kesihatan bertambah dan Alhamdulillah jua Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagaimana komitmen yang telahpun diberikan, sentiasa menambah bajet-bajet yang diperlukan setiap tahun. Walau bagaimanapun, sama ada perkara itu akan *sustainable in the future*, satu perkara yang perlu kitani amat-amati, perlu kitani teliti, dan mungkin akan kitani cadangkan jua bagaimana kitani menjadikan sistem yang ada pada masa ini *sustainable*. Itu saja mungkin ampun. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat.

Saya menyokong apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi, yang mana amat ketara sekali kemajuan dan pencapaian Kementerian Kesihatan sungguh ketara. Apa yang jelas kelihatan ketika ini penambahan *parking-parking* kereta juga ada di kawasan hospital, dan juga penyelesaian bagi tempat wad bilik kecemasan yang dulunya kalau pesakit memohon ataupun meminta rawatan memakan masa hingga lima ke tujuh jam, sekarang cuma dalam satu ke dua jam sahaja dan penambahan biliknya, yang dulu dua tiga bilik sehingga sekarang 36 bilik untuk pemeriksaan doktor. Tahniah dan diucapkan syabas.

Walaupun bagaimanapun, di sini saya ingin menyampaikan beberapa permohonan yang datang daripada pesakit-pesakit yang datang berkunjung ke Hospital RIPAS:-

1. Apa kiranya dipohonkan penambahan bagi bilik kelas satu di Hospital RIPAS, kerana kerap kali apabila pesakit-pesakit memohon untuk mendapatkan bilik kelas satu, selalu didapati atau jawapan bilik itu penuh. Jadi dipohonkan supaya penambahan dan juga dipohonkan bayaran bagi bilik kelas satu itu diringkaskan kepada pesakit-pesakit yang warga emas atau warga tua, yang mana biasanya kalau

- warga emas ani memang ada keistimewaan yang diberikan. Jadi dipohonkanlah keistimewaan bagi warga emas yang memohon tinggal dirawat di kelas satu;
2. Dicadangkan supaya dibekalkan sebuah kereta ambulans, iaitu di pusat klinik-klinik kesihatan yang difikirkan perlu seperti Pusat Kesihatan Sungai Asam yang mana memerlukan apabila terjadinya kemalangan dan sebagainya. Kerana jika menunggu daripada Hospital RIPAS ianya terlalu lama, jadi dipohonkan sebuah kereta ambulans yang ditugaskan di klinik tersebut, dan dicadangkan juga di pusat tersebut dan juga di pusat-pusat kesihatan yang lain, jika ianya bersesuaian sekarang supaya perkhidmatan klinik tersebut dapat dilanjutkan sehingga jam 9 malam, kerana ini adalah memberi peluang kepada pesakit-pesakit dan juga orang ramai yang pada siangnya bertugas dengan pihak kerajaan.
 3. Khusus bagi Hospital RIPAS juga, yang mana kita maklum sekarang *parking* kereta di kawasan ini memang sudah sesak dan amat limpar setiap hari, jadi memang dimaklumi usaha-usaha sudah ada dibuat. Jadi pertanyaan, apakah usaha-usaha dalam jangka panjang bagi mengelakkan kesesakan *parking*

kereta di kawasan hospital tersebut?; dan

4. Pada tahun lepas, saya pernah menyebutkan iaitu masalah *ground floor* Hospital RIPAS yang menuju ke kawasan lif di bawah, apabila hujan seringkali kawasan tersebut sentiasa basah dan licin. Jadi banyak pesakit atau orang ramai mengatakan ini adalah terlalu bahaya jadi saya cadangkan supaya kawasan yang dimaksudkan itu, supaya diberi tambahan atap atau *sliding* mengelakkan supaya kawasan tersebut tidak basah apabila hujan. Jadi barangkali itu saja saya pendekkan untuk saya sampaikan di Dewan ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada tahun ini sebanyak \$40 juta telah diperuntukkan bagi membeli ubat. Pada tahun lalu cuma \$30 juta, ini bererti tambahan sebanyak \$10 juta. Ini adalah jumlah yang meningkat dari tahun yang lalu. Bermakna jumlah orang-orang yang sakit telah meningkat.

Kita mestilah ingat bahawa rakyat dan penduduk yang sihat adalah aset negara.

Untuk menjimatkan wang Kerajaan peramba mencadangkan seperti berikut:-

1. Adakanlah promosi kesihatan di tiap-tiap sekolah, kampung-kampung, mukim-mukim, jabatan kerajaan dan swasta di seluruh negara;
2. Tambahkan lagi tempat rekreasi di kawasan Bandar Seri Begawan, Tutong, Temburong dan Kuala Belait untuk orang-orang ramai; dan
3. Adalah baik diadakan skim insurans yang dinamakan *medicare*, bagi pekerja-pekerja asing. Skim insurans ini adalah akan menguntungkan perniagaan insurans. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih sekali lagi mengenai dengan beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Mengenai dengan penambahan bilik kelas pertama, ataupun bilik *special* kelas pertama. Memanglah diakui masa ini bilik tersebut sangat kurang kerana *demand* terlalu banyak, mungkin ampun.

Walau bagaimanapun perkara ini dalam projek kitani yang akan datang, di mana kitani akan menambah satu bangunan lagi di sana, insya-Allah kita akan dapat mengadakan lagi bilik kelas pertama ini untuk menampung keperluan-keperluan daripada pesakit. Walau bagaimanapun

perkara ini tidaklah dijamin akan mencukupi, kerana semakin bertambah bilik semakin tinggi *demand* itu daripada orang ramai. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diusahakan. Mengenai dengan bayaran kelas bilik pertama diringkaskan bagi warga emas, warga tua perkara ini akan dibincangkan dulu kesan-kesannya, mungkin kalau perlu akan dapat tani laksanakan.

Mengenai dengan cadangan untuk dibekalkan kereta ambulans di pusat-pusat kesihatan seperti Pusat Kesihatan Sungai Asam, yang sebenarnya ambulans kitani masa ini mohonkan ampun in da begitu mencukupi, tetapi dalam perancangan kitani memang ada sudah peruntukan untuk kitani menambah ambulans-ambulans kitani yang ada. Insya-Allah dalam beberapa tahun yang akan datang ini, ambulans kitani akan semakin bertambah dan memang dalam perancangan kitani pun memang ada difikirkan untuk menempatkan beberapa buah ambulans strategik seperti di Pusat-Pusat Kesihatan di mana ramai penduduk-penduduknya.

Ini bagi mengurangkan *respond time* kerana kita sedar bahawa kadang-kadang *respond time* itu dari satu tempat ke satu tempat memakan masa yang panjang maka dalam rancangan kitani kalau sudah ambulans mencukupi memang akan di tempatkan beberapa ambulans di beberapa pusat kesihatan dan mungkin termasuk Sungai Asam ini insya-Allah.

Mengenai dengan *extension of* perkhidmatan klinik dilanjutkan hingga ke 9.00 malam. Perkara ini satu perkara yang amat berat sekali buat masa ini, oleh kerana kekurangan kakitangan terutama doktor dan *nurses* dan sebagainya tapi perkara ini akan diambil maklum dan jika satu hari nanti kakitangan kita mencukupi insya-Allah akan dapat diusahakan jua sekiranya keadaan mengizinkan.

Parking di Hospital Ripas yang sebenarnya kita telah mempunyai lebih kurang 1,005 lots *parking* di hospital Ripas anipun bertambah daripada tahun-tahun yang yang sudah walau bagaimanapun sepertimana kita maklum jua *parking* ini jua tidak mencukupi sebabnya pengunjung-pengunjung hospital setiap tahun, setiap hari semakin bertambah dan adalah satu perkara yang mustahil jika dapat membekalkan *parking* secukup-cukupnya tetapi menyedari perkara ini jua dalam perancangan kitani mungkin kitani bila menambah bangunan di kawasan RIPAS akan dapat dibangunkan jua satu *parking* bertingkat untuk menampung jumlah kereta yang berkunjung ke hospital tapi bagaimanapun perkara ini mungkin masih jua in da mencukupi untuk menampung kesemua keperluan. Mohonkan ampun.

Mengenai dengan atap yang dicadangkan untuk dibangunkan, perkara ini akan kitani liat insya-Allah kalau perkara ini dapat dilakukan dengan peruntukan yang ada, insya-Allah akan kitani buat sepertimana cadangan ahli yang berhormat tentang ubat yang meningkat perbelanjaannya satu

perkara yang tidak dapat dielakkan dan adalah diakui dan kita pun telah meneliti bagaimana Skim *Insurance Medicare* ini boleh membantu barangkali mengurangkan Kementerian Kesihatan tetapi masa ini di peringkat yang awal masih di peringkat kajian, dan tentang promosi kesihatan, perkara ini telahpun dilakukan di seluruh negara dari masa ke semasa, ada promosi kesihatan mukim sihat, promosi kesihatan di kalangan sekolah-sekolah, di jabatan-jabatan dan semuanya. Jadi apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dilakukan dari masa ke semasa dan setiap bulan sekurang-kurangnya satu dua promosi kesihatan yang dilakukan di mukim-mukim, mohonkan ampun, itu sahaja dulu jawabannya. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia dan Ahli-Ahli yang Berhormat, saya ada beberapa soalan di sini. Saya akan ringkaskan dan berharap Ahli Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan dapat memahami saya.

Dan juga barangkali menyampuk apa yang telah dikatakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lainnya bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menerusi Kementerian Kesihatan terus memberi perkhidmatan secara percuma. Dalam rancangan *manpower development* pihak Kementerian Kesihatan sudah tentu maklum bahawa

doktor-doktor atau pakar-pakar *medical* yang diperlukan dari masa ke semasa, di samping mengetahui ramai penuntut yang sedang menuntut dalam jurusan-jurusan *medical* dan *alien professional*, jadinya dan sudah setentunya juga pihak Kementerian Kesihatan mengetahui bila jangka-jangkanya penuntut-penuntut ini akan kembali ke tanah air untuk bertugas. Maka tidakkah boleh jawatan-jawatan bagi penuntut-penuntut ini disediakan, difikirkan bagi mereka yang telah melanjutkan pelajaran begitu lama. Serupa juga masalah ini dengan *alien professional* seperti *cardiology*, *speech therapy*, *physiology* dan sebagainya. Dan kita juga bertanya adakah kita mempunyai cukup jururawat-jururawat yang benar-benar terlatih di dalam *specialize areas* seperti *Intensive Care Unit*.

Doktor-doktor dan *alien professional* dan *technician* yang berjawatan tetap akan dapat dibayar gaji *overtime* apabila mereka dikehendaki bekerja lebih masa terutama sekali kehadiran mereka adalah diperlukan semasa pesakit-pesakit kritikal.

Kebersihan di bahagian wad adalah ketara dan baik seperti menyediakan alkohol untuk menggosok tangan apabila membuat lawatan ke wad-wad, ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Kesihatan untuk meninggikan *awareness* kepada orang ramai. Tentang kebersihan, adalah dicadangkan pihak Kementerian Kesihatan akan dapat melaratkan usaha ini di koridor-koridor, kawasan-kawasan menunggu di luar wad, dan tandas-tandas. Pembersih-

pembersih sememangnya ada membersihkan tandas-tandas dengan baiknya dan dicadangkan jua diadakan sabun dan pengering tangan akan dapat disediakan di dalam tandas. Kita kagum melihat *Jerudong Medical Centre* dengan bantuan yang didatangkan dari Hospital *Gleneagle* Singapura, yang perlu tanda tanya di sini, bilakah anak-anak tempatan kitani boleh ikut serta dalam *manning Jerudong Medical Centre?* Bilakah *E-health* akan diimplement? saya juga dimaklumkan bahawa Blok *Mother Child Health* akan dibangunkan tetapi memandangkan keadaan kawasan yang sememangnya sudah sibuk di kawasan RIPAS, maka adakah kawasan ini bersesuaian, tidakkah lebih elok ianya dipindah ke tempat lain. Sekian sahaja Yang Amat Mulia Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi oleh kerana banyak soalan-soalan yang diajukan menjunjung perkenan Yang Amat Mulia, supaya kesempatan dibagi untuk menjawab semua. Terlebih dahulu sekali lagi peramba mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana pertanyaan-pertanyaan dan juga beberapa saranan yang dibuat. Sememangnya kita masih lagi belum mempunyai kakitangan kesihatan yang mencukupi sama ada pakar ataupun *doctor* maupun *alien health professional* yang lainnya seperti *dietation*, *physiotherapy*, *physiology* sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat,

sememangnya kita juga mempunyai *man-power planning*, tetapi maklumlah kadang-kadang kita dapat merancang tetapi perkara itu tidak semua jadi, tetapi perkara itu akan terus diusahakan supaya *our man-power planning* itu menjadilah seperti yang kitani rancangkan itu. Walau bagaimanapun mana-mana anak tempatan yang mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang tertentu ataupun dalam bidang-bidang yang diperlukan adalah dialu-alukan untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dan jawatan akan sentiasa dibuat untuk mengambil mereka-mereka ini.

Mengenai dengan kadang-kadang tempoh yang lama bagi mereka bergaji hari dan sebagainya itu perkara-perkara ini disedari dan akan dibawa kepada pihak-pihak yang tertentu supaya kita sama-sama dapat mengatasi masalah yang diambil bekerja batak bekerja bergaji hari ini. Menjawab pertanyaan sama ada kita mempunyai dalam bidang-bidang yang *specialised* ataupun *specialised area*, memang kita juga terdapat jururawat-jururawat yang sedemikian walaupun bilangannya masih kecil belum banyak. Insya-Allah dalam langkah yang diambil masa ini iaitu sejak beberapa tahun kebelakangan ini kita menghantar jururawat-jururawat untuk mengikuti latihan-latihan keluar negeri, maka bilangan dan bidang mereka akan bertambah, insya-Allah perkara ini dalam usaha kitani sejak beberapa tahun ini kita telah melahirkan beberapa jururawat yang betul-betul *specialised* dalam *area-area* yang tertentu.

Mengenai dengan bayaran bagi doktor yang bekerja *overtime*. Satu kaedah yang dipanggil *on call allowance* telahpun mula diperkenalkan dan kepada doktor-doktor yang diperlukan bekerja di luar masa biasa di hospital. Sementara bagi *alien health professional* lainnya ataupun *technician* perkara ini masih dalam penelitian oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Saranan bagi diadakan jua sabun dan pengering tangan di tandas-tandas, di koridor-koridor dan sebagainya akan diusahakan. Itu adalah cadangan yang baik yang belum kitani laksanakan pada masa ini akan diambil tindakan yang bersesuaian.

Mengenai dengan *Gleneagles JPMC* (Jerudong Park Medical Centre). Pada masa ini, untuk menjawabnya kita mempunyai perjanjian dengan *Gleneagles JPMC* bagi mereka yang membuat pembedahan dan rawatan jantung ke atas pesakit-pesakit kita. Perjanjian ini adalah berjalan bagi tempoh 15 tahun. Walau bagaimanapun apabila tempohnya tamat nanti, jika kemampuan kita ada, jika orang-orang kitani cukup, insya-Allah, mungkin kitani akan dapat mengambil alih tetapi jika tenaga kerja kitani belum mencukupi, pakar-pakar kitani belum mencukupi, mungkin kita lihatlah macamana *modality* yang lain yang boleh kitani buat dengan sama ada *Gleneagles JPMC* ataupun *JPMC* sendiri.

Walaupun bagaimanapun buat pada masa ini memanglah ada doktor-doktor kitani yang ditempatkan di *Gleneagles JPMC* untuk

mereka mendapatkan *exposure* yang diperlukan apabila pada suatu hari nanti kitani mengambil alih. Jadi ke arah usaha inipun kitani jua melatih jururawat-jururawat dan pihak-pihak yang berkenaan supaya suatu hari nanti kalau kitani mengambil alih tidaklah menjadi kemuskilan bagi kitani .

Mengenai dengan *e-health*, *e-health* adalah satu projek yang besar bagi Kementerian Kesihatan dan diyakini akan memudahkan kerja-kerja kita di hospital-hospital dan di pusat-pusat kesihatan serta klinik. Walaupun agak lama untuk kitani menimbang dan melaksanakan *e-health* ini. kita mau apa keputusan yang kita ambil nanti kita harap ia adalah pilihan yang terbaik. Maka dalam hal ini setelah kitani *deliberate* perkara ini begitu lama, insya-Allah jika semua berjalan dengan lancar kerja-kerja *e-health* akan dapat dimulakan pada tahun ini dan mulai berfungsi mungkin dua tahun dari sekarang. Mohonkan ampun.

Mengenai dengan *Mother and Child Block* ataupun maksudnya '*Women And Children Block*' ini, cadangan pembangunannya adalah di kawasan RIPAS. Sebagaimana yang dicadangkan pada masa ini kerana ianya berkaitan dengan fasiliti-fasiliti dan juga kakitangan yang sudah ada di *Hospital* RIPAS. Seperti makmal, kardiology, OT dan sebagainya dan juga pakar-pakar dan doktor yang ada.

Jika ianya *stand alone* ataupun maksudnya di kawasan yang berasingan maka semua-semua fasiliti dan kakitangan, doktor dan

sebagainya terpaksa di *duplicate*, terpaksa dibuat dua kali. Dalam keadaan sekarang perkara itu mungkin sukar sedikit kerana pada masa ini kitani kekurangan kakitangan doktor dan pakar untuk mengurus satu hospital yang ada di RIPAS. Kalau ditambah satu *board* pada masa ini mungkin ada masalah.

Walau bagaimanapun tentang kesesakan, bising dan sebagainya jika perkara ini dilakukan juga di RIPAS, perkara ini telahpun diambil maklum oleh pihak-pihak berkenaan, pihak Kementerian Kesihatan, pihak Kementerian Pembangunan dan juga pihak pemborong. Maka usaha bagi mengurangkan *inconvenience* pada orang ramai telahpun diambil dan insya-Allah kalau projek ini bermula pada tahun ini mungkin segala perkara-perkara yang ditimbulkan itu akan dapat kitani tunduki lebih awal, Mohonkan ampun, itu saja barangkali mohon ampun, junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, soalan saya ini pendek dan secara umum sahaja. Kementerian Kesihatan menghadapi beberapa cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh beberapa masalah-masalah seperti yang dilaporkan oleh salah satu surat khabar tempatan pada baru-baru ini. Di antara masalah-masalah yang dikenal pasti ialah:-

1. Kekurangan ubat;

2. Kekurangan tenaga manusia ataupun kakitangan; dan
3. Peningkatan kos perkhidmatan kesihatan tiap-tiap tahun.

Peramba ingin tahu, apakah rancangan-rancangan strategi kementerian untuk menangani ataupun menghadapi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi itu. Sekian.

Yang berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi masalah kekurangan ubat ini berlaku dari masa ke semasa selagi kita masih bersandar kepada ubat-ubat yang dibekalkan dari luar negeri yang banyak tertakluk kepada :-

1. Delivery (penghantaran) kadang-kadang penghantaran itu seperti dijanjikan pada tarikh sekian-sekian, tetapi datangnya pada tarikh yang lambat. Jadi menyebabkan kelambatan *supply* yang ditunggu-tunggu itu;
2. Barangkali juga *amount delivered* jumlah dihantar. Kalau kitani mohonkan 5000 kapsul misalnya kadang-kadang dihantar 2000 ganya. Jadi tidak mencukupi. Kerana kitani bersandar kepada pembekalan daripada luar. Jadi *amount delivered* itu pun, jumlah dihantar kadang-

kadang kurang daripada yang dipesan; dan

3. Masalahnya, pembekal sukar mencari ubat-ubat yang kitani minta itu, sebabnya *productionnya* sama ada sudah terberhenti ataupun *productionnya* terhad ataupun ubatnya itu *in high demand*. Jadi oleh kerana market kitani kecil mungkin inda jadi prioriti kepada agen-agen mengedarkan ubat-ubat ini.

Itu masalah yang kitani sering hadapi dan di samping itu senarai ubat-ubat yang kitani pinta ini yang ada pada kitani yang diperlukan oleh orang ramai terlalu banyak. Jadi kadang-kadang ubat itu memang lah terlalu banyak dalam *list* itu, *infact our* ubat itu senarai ubat kitani lebih banyak daripada senarai ubat yang ada di Singapura atau Kuala Lumpur. Terlalu panjang senarai ubat itu, jadi kemungkinan untuk kitani memenuhi semua senarai ubat yang dipohonkan itu dari masa ke semasa memang berkurangan. Mohonkan ampun.

Salah satu jua, masalah jua ialah masalah dalaman barangkali, perlu jua kitani akui masalah dalaman iaitu kita kurang cekap barangkali untuk mengawal *stock* dengan tepat hingga kadang-kadang *stock* itu betul-betul *running low*, rendah baru kitani dapat mengesan barang itu sudah terlalu kurang. Jadi apabila kitani bila mula memesan ubat maka ia akan memakan masa sedikit

lama datang *in between* itu terdapatlah kekurangan itu.

Walau bagaimanapun perkara ini akan dapat kitani atasi insya-Allah dengan adanya *E-health* ataupun *E-health Information system* dapat dikesan sejauh mana ubat-ubat itu berkurangan, di mana ubat-ubat itu ada, kalaupun ianya berkurangan mungkin di tempat-tempat lain ia ada jika perkara ini dapatlah kitani atasi melalui *e-health* ini, di samping itu untuk mengatasi masalah yang selanjutnya.

Kita juga membuat pembelian ubat secara *direct* yakni bukan sahaja dari *local supplier* tetapi *direct* daripada *original distributors* ataupun *direct* kepada pembuat ubat itu sendiri. Dari masa ke semasa kita mengadakan perundingan dengan *manufacturer* ubat ini supaya kitani dapat membeli ubat secara *direct*. Ini bagi mengatasi masalah bekalan yang kadang-kadang tidak mencukupi dalam lambat sampai dan sebagainya. Dan kita juga akan dari masa ke semasa akan sentiasa memperbaiki *system monitoring stock-stock* ubat yang ada itu. Mohon ampun, itu sahaja kali jawapan yang dapat diberikan mengenainya terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah yang patut kitani beri pujian dalam meningkatkan dan menjamin tahap kesihatan di Negara Brunei Darussalam

sentiasa berada dalam keadaan selamat. Di mana sebuah Pusat Kesihatan lagi yang baru di Sungai Liang Belait telahpun siap dibina pada tahun lepas. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menimbulkan beberapa perkara untuk dipertimbangkan:-

1. Tenaga Pekerja di Pusat Kesihatan di Daerah Belait khususnya di Sungai Liang dan Labi akan dapat dipertimbangkan untuk ditambah kerana Pusat tersebut pada masa ini saya difahamkan mengalami kekurangan tenaga pekerja;
2. Kita sama-sama maklum sebentar tadi bahawa Menteri Kesihatan telahpun memberitahu bahawa Kementerian Kesihatan kekurangan doktor, kita mengambil maklum tentang perkara tersebut, walau bagaimanapun saya mohon mengambil ingatan dan catatan di mana Pusat Kesihatan Sungai Liang memerlukan juga seorang doktor bagi merawat kes-kes kecemasan terutama pada waktu malam, di mana pada masa ini pesakit-pesakit kecemasan terpaksa dikejarkan ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait;
3. Pembahagian ubat kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital besar iaitu RIPAS dan Suri Seri Begawan, Kuala Belait, masih belum begitu mantap. Saya sukacita mencadangkan untuk dipertimbangkan iaitu apabila

seseorang doktor membuat konsultasi dengan pesakit, doktor tersebut akan terus berhubung dengan farmasi jenis ubat yang akan diberikan secara *online* ini boleh mengurangkan masa menunggu untuk mengambil ubat;

4. Saya difahamkan bahawa bayaran elaun *night shift* bagi pekerja-pekerja yang bekerja di sebelah malam, seperti Pembantu Hospital, Pembersih, Pekerja di Bahagian Rekod belum lagi dibayar sejak 2007 diharap akan dapat diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya; dan
5. Sama seperti rakan Yang Berhormat sebentar tadi mengenai dengan kekurangan letak kereta di Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait perlu juga diambil perhatian untuk diambil tindakan.

Sekian sahaja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi bagi menjawab soalan dan saranan-saranan yang sebenarnya, pihak kementerian tidak ada masalah untuk meneliti semua apa yang disarankan, setakat mana yang dapat dilakukanlah mengenai dengan masalah kekurangan letak kereta di Hospital Suri Seri Begawan akan diusahakan.

Bayaran elaun ini satu perkara yang harus diteliti, dimana peraturan-peraturan yang berkenaan mengenai dengan pembahagian ubat insya-Allah akan dapat kita usahakan. Mengenai dengan kekurangan doktor, perkara ini memang dalam perancangan untuk menempatkan atau meletakkan doktor di pusat-pusat kesihatan yang berkenaan, sama ada ia sampai ke malam itu belum lagi dalam perancangan, tetapi penempatan doktor secara tetap memang ada dalam perancangan, doktor memang sudah ada ditempatkan di Sungai Liang, Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi hanya satu soalan sahaja iaitu mengenai dengan *HRD (Human Resources Development)* sebagaimana yang pernah ditimbulkan dahulu mengenai dengan Skim Perkhidmatan bagi pihak profesional seperti Teknikal, Arkitek, Jurutera dan sebagainya. Saya ingin tanyakan adakah pihak Kementerian sudah menyediakan Skim Perkhidmatan bagi doktor *Specialist profession* supaya akan lebih menarik minat kepada penduduk tempatan kitani supaya tidak terpengaruh untuk menerima tawaran daripada luar yang lebih menarik, Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebenarnya Skim Perkhidmatan ini telahpun

dibincangkan dan ada *proposal-proposal* pihak kementerian untuk memperbaiki lagi Skim Perkhidmatan yang ada, masih lagi dalam pertimbangan pihak-pihak tertentu dan insya-Allah jika diteliti dan dipersetujui, maka akan ada Skim Perkhidmatan bagi doktor dan pakar seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Mengenai dengan alat-alat *profession* yang lain dan juga jawatan-jawatan yang lain dan perkara ini telahpun dibuat skim perkhidmatan ini dan masih dalam pertimbangan oleh pihak-pihak yang tertentulah, mungkin ampun.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan izin Tuan Peramba terus saja menyampaikan empat (4) soalan:-

1. Pada masa ini hospital di Daerah Temburong hanya mempunyai seorang doktor perempuan, sukacita dipohonkan agar doktor perempuan akan dapat ditambah kerana ada pesakit perempuan yang tidak mahu diperiksa oleh doktor lelaki;
2. Seperti yang peramba maklum perkhidmatan kesihatan di Daerah Temburong masih terhad sebagai contoh masih banyak pesakit-pesakit kecemasan yang terpaksa dihantar ke Hospital RIPAS Bandar Seri Begawan menggunakan helikopter untuk mendapatkan rawatan pakar-

pakar tertentu seperti Pakar Tulang dan Sakit Puan. Adalah dicadangkan agar perkhidmatan-perkhidmatan yang difikirkan perlu akan dapat diperluaskan di hospital di Daerah Temburong;

3. Perkhidmatan perahu ambulans yang lengkap adalah difikirkan perlu mendapat perhatian bagi pesakit-pesakit yang dikehendaki menerima rawatan lanjut atau kes-kes rujukan yang tidak dilengkapi dengan alat-alat kecemasan. Pada masa ini pesakit-pesakit yang menggunakan bot laju syarikat tambang untuk membawa mereka ke Bandar Seri Begawan, rungutan jua ada diterima di mana pesakit-pesakit yang dianggap berjangkit dicampurkan dengan penumpang-penumpang yang lain; dan
4. Juga dipohonkan supaya Jurutera Mesin Dialisis dan kelengkapan perubatan yang lain dapat tinggal di Daerah Temburong bagi mempercepatkan pembaikan mesin-mesin yang rosak dan tidak perlu menunggu lama daripada Bandar Seri Begawan.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman: Sekali lagi

menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil maklum, mana-mana yang difikirkan perlu akan dilaksanakan, mengenai dengan doktor memanglah kita menghadapi kekurangan, walaupun ianya seorang sahaja, dari masa ke semasa ada doktor daripada RIPAS yang dihantar ke sana mungkin ampun untuk melihat pesakit tidak perlu semua di hantar ke RIPAS.

Memanglah dari segi *volumenya* ataupun jumlah pesakit Daerah Temburong tidak banyak, maka untuk menempatkan doktor sekian banyak ataupun servis-servis sekian banyak, mungkin pada masa ini oleh kerana kekurangan kitani belum dapat dipertimbangkan. Walau bagaimanapun seperti yang pernah kita nyatakan jua, di manapun pesakit itu berada tidaklah kitani *neglect* ataupun mengabaikan pesakit-pesakit itu, usaha-usaha jua akan diberikan supaya pesakit-pesakit itu diberi rawatan sewajarnya daripada pihak Kementerian Kesihatan dan tidak akan membezakan. Seupaya yang bolehlah akan dipenuhi permintaan daripada wakil Ahli Yang Berhormat dari Daerah Temburong. Mengenai dengan Jurutera mesin dialisis untuk mendapatkan seorang pakar di sana atau seorang Pembantu Tekniksyen mungkin belum ada keperluan, tetapi apa yang akan diusahakan ialah cuba meringkaskan ataupun memendekkan masa menunggu supaya mesin ini dibaiki, maka kita akan membaiki lagi dari segi penghantaran tekniksyen ke Temburong untuk membaiki

mana-mana mesin yang rosak, itu saja mungkin ampun.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:-

1. Saya sesungguhnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, Menteri Kesihatan di mana Hospital Pengiran Muda Mahkota, Daerah Tutong ada peningkatannya, walaupun ianya kecil iaitu Penjaga Keselamatan ini untuk mengurangkan penggangguran. Sekian Terima kasih;
2. Bangunan Dialisis telahpun dibina cuma menunggu masanya saja akan siap diucapkan terima kasih;
3. Saya sesungguhnya tertarik anak-anak tempatan kitani ramai yang telah menjadi doctor dalam berbagai-bagai bidang. Di antara mereka itu kita ingin tahu, ada berapa orangkah yang sudah menjadi pakar dalam bahagian ini?
4. Dalam waktu yang sama, ada di antara doktor-doktor kitani berpindah ke tempat lain dan membuat kliniknya sendiri, mengapa ia terjadi demikian?; dan
5. Dalam Pelita Brunei bahawa Negara Brunei Darussalam akan berkerjasama

dengan Republik Cuba untuk meningkatkan hal-hal doktor kitani. Apakah perkara ini sudah berjalan pada masa ini?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ramai doktor kitani masa ini jumlahnya ialah 437 orang termasuk yang bukan lokal yang lokal barangkali dalam 100 lebih sudah yang lokal ini, jumlah ini berubah-ubah sebabnya ada yang balik, kemudian keluar negeri lagi untuk menyambung pelajaran mereka.

Walau macamanapun dari segi pakar, kita mempunyai 35 orang pakar sudah berbagai bidang. Pakar tempatan 36 orang pakar tempatan dan sekian banyak Pegawai Perubatan Kanan dan juga Pegawai Perubatan terdiri daripada anak-anak tempatan.

Kepakaran kitani berbagai bidang pakar perubatan, pakar bedah 5 orang, pakar kemalangan 1 orang, pakar bius 2 orang dan sebagainya. Pakar perubatan dalaman 6 orang, pakar perbidanan sakit puan 1 orang dan pakar penyakit kanak-kanak 4 orang, pakar bedah gigi 5 orang. Dari masa ke semasa memanglah jumlah ini akan bertambah kerana kita menggalakkan melalui *Continuing Medical Education* yang diadakan di Kementerian Kesihatan. Kita menggalakkan supaya doktor-doktor kitani

mengambil ke tahap pakar mana-mana yang sanggup belajar lagi.

Mengenai dengan mengapa *some of* sebahagian daripada mereka ini membuka klinik sendiri? Banyaklah faktor-faktor yang mereka sendiri seharusnya boleh menjawab barangkali mendapatkan pendapatan yang lebih. Barangkali mahu berkhidmat kepada orang ramai. Tidak tersekat dengan berkhidmat dengan kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja ataupun mahu mentadbir, mahu menjadi ketua sendiri di klinik sendiri. Jadi banyaklah yang membuka klinik sendiri. Perkara ini tidaklah kitani larang dan tidak juga digalakkan sebabnya kitani mahu mereka bertugas di jabatan-jabatan kerajaan ataupun klinik-klinik kerajaan tetapi inada kitani melarang, sebabnya satu perkara yang baik jua kalau mereka bekerja di pihak swasta. Mungkin banyak orang ke sana dan mungkin bebanan pada kerajaan akan berkurangan. Sebabnya mereka sendiri sudah membayar ubat sendiri dan sebagainya. Jadi perkara ini dapatlah kitani galakkan, tidak menjadi masalah kepada kitani.

Mengenai dengan hubungan dengan Cuba, perkara ini belum lagi ada apa-apa, cuma Duta Besar Cuba yang datang kemari berjumpa dengan pihak Kementerian Kesihatan dan bertanya, cuba meneroka kemungkinan ada kerjasama boleh wujud di antara pihak Cuba dengan Kementerian Kesihatan Brunei. Kita menyambut baik cadangan itu. Walau macamanapun belum ada apa yang dapat diputuskan, sebabnya

kita belum mengetahui dengan lebih mendalam keadaan perkhidmatan perubatan di Cuba. Kalau baik misalnya tidak akan menjadi masalah kalau kitani ada berhubung ataupun ada bekerjasama dengan Cuba. Perkara itu yang akan kitani teliti sebelum kitani membuat sebarang keputusan.

Itu sahaja barangkali untuk menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin menambah satu saranan. Pernah beberapa kali kejadian ini berlaku iaitu kemalangan yang serius yang menyebabkan kematian atau meninggal dunia. Jadi selalu perkara ini berlaku di Bilik Kecemasan. Kaum keluarga yang ditimpa kemalangan memang amat gelisah bila perkara ini berlaku. Jadi selalunya proses pengesahan daripada pihak doktor dan proses untuk membawa balik jenazah atau mayat kemalangan ini terlalu lama hingga menyebabkan 2 jam daripada ianya dirawat. Kemudian apabila ditanya kepada pegawai yang bertugas, pegawai bertugas mengatakan menunggu doktor yang ditugaskan untuk mengesahkan yang pesakit ini telah meninggal dan boleh dibawa balik. Jadi dipohonkan perkara ini supaya perkara ini akan dapat diperbaiki di masa-masa akan datang. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi perkara ini diambil maklum. Mungkin perkara ini terjadi ia bergantung kepada pengalaman seseorang itu. Ada pengalaman orang lain mengatakan tiada masalah, mungkin ada pengalaman daripada yang diceritakan oleh wakil Ahli Yang Berhormat itu ada yang bermasalah. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil maklum dan akan diambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan insiden-insiden macam ini. Junjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tajuk Kementerian Kesihatan telah dan sedang dibahaskan dan banyak yang mengambil bahagian dan juga diberikan penerangan yang begitu jelas. Oleh itu saya memohonkan ahli-ahli yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Kementerian Kesihatan, sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju,

(Tidak ada).

Maka saya nampak semua ahli-ahli bersetuju. Dengan demikian Tajuk SM - Kementerian Kesihatan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SM - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Jawatankuasa berpindah kembali kepada Kementerian Pembangunan SK03A Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Jabatan Kerja Raya, saya akan menimbulkan sektor perkhidmatan profesional. Sebagaimana yang lazimnya konsultan-konsultan seperti Arkitek, Jurutera, Juruukur diberikan tugas ataupun komisen untuk memberikan perkhidmatan profesional bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya. Dan baru-baru ini, melalui kementerian-kementerian lain yang berkenaan, khidmat profesional ini juga diberi kepada *client* persendirian seperti pihak swasta.

Buat masa ini pengawasan perkhidmatan profesional diuruskan oleh CPRU di bawah Kementerian Pembangunan. Mengikut yang lazimnya juga, *best practices* untuk mengemaskinikan khidmat ini patutlah diawasi oleh satu badan ataupun *Board of Architect, Engineer, Surveyor* dan berpandukan kepada akta yang digelar *Architect, Engineer, Surveyor Order Act*. Jadinya semua orang-orang profesional ini dimestikan untuk menjadi ahli seperti Pertubuhan-Pertubuhan PUJA ataupun Pertubuhan Ukur, Jurutera, Arkitek dan mesti berdaftar ataupun *registered* dengan badan ataupun *board* ini untuk dibolehkan mereka diberi lesen untuk diberikan perkhidmatan profesional.

Memandangkan kepada kepentingan pemantauan perkhidmatan profesional ini bagi memastikan kualiti perkhidmatan itu berkualiti tinggi dan atas sebab-sebab

keselamatan bangunan dan penghuninya juga alam sekitar lebih-lebih lagi baru-baru ini telah dipraktikkan di mana setiap kementerian boleh membuat lantikan terus kepada pihak-pihak konsultan. Dari itu pewartaan *order* ataupun akta dan penubuhan Badan Pendaftaran ataupun *Board of Registration* ini adalah sangat-sangat diperlukan.

Jadinya soalan saya, bilakah akta dan *board of Architect, Engineer, Surveyor* ini akan dapat dikuatkuasakan?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Pengerusi. Akta ini telahpun selesai sebenarnya. Apa yang sedang diteliti ialah keupayaan Kementerian Pembangunan untuk menguatkuasakannya kerana perkara-perkara ini memerlukan tenaga-tenaga yang berkemahiran juga. Jadi kalau saya menjawab esok lusa ini anda jua praktikal usulnya, jadi saya hanya memberitahu bahawa memanglah menjadi hasrat Kementerian Pembangunan untuk mengotakannya secepat mungkin. Tetapi apa yang masih diteliti ialah keupayaan Kementerian Pembangunan untuk menjadikannya satu undang-undang yang bermakna. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih, Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan mengenai:-

1. Dengan projek mengubah suai dan membesarkan Sungai Tampoi dan longkang besar Jalan Mulaut sebagai aliran sungai dari Sungai Sengkurong, Sungai Tampoi dan Ban 3. Kerja-kerja ini sudah lama berjalan tapi hingga masa ini masih belum lagi siap. Menurut perhatian saya, kerja-kerja yang masih berjalan perlahan ini telah menjadi salah satu sebab yang menyebabkan banjir teruk yang menimpa Kampong Selayun, Sungai Tampoi, Ban 3 dan Kampong Mulaut selain daripada kemungkinan bertembung dengan air pasang di hujung aliran longkang besar ini.

Menurut perhatian saya, longkang besar yang sedang dalam pembinaan masa ini masih lagi tidak akan dapat menampung air yang mengalir dari kawasan-kawasan yang disebutkan itu dan banjir akan masih terjadi jika ada hujan yang lebat. Saya ingin tahu adakah projek yang sedang berjalan ini difikirkan oleh ahli teknikal boleh mengatasi masalah banjir di tempat-tempat yang saya maksudkan itu atau adakah rancangan lain yang sedang diusahakan untuk mengatasi banjir di kawasan-kawasan tersebut;

2. Peramba ingin menimbulkan mengenai kerja-kerja pembaikan jalan. Peramba telah memerhatikan berkali-kali,

pekerja-pekerja yang membaiki jalan raya tidak memasang tanda-tanda amaran yang mencukupi. Mereka hanya memasang kon atau papan amaran betul-betul berdekatan di tempat mereka itu bekerja dan tidak ada disimpan tanda-tanda amaran awal. Perkara ini lebih berbahaya lagi jika kerja-kerja itu dilakukan di lereng bukit atau di selekoh jalan. Saya mensyorkan supaya pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengarahkan supaya pekerja-pekerja yang berkenaan memasang amaran awal yang mencukupi dalam jarak yang semestinya demi untuk keselamatan bukan sahaja kepada pengguna-pengguna jalan raya tetapi juga keselamatan pekerja-pekerja itu sendiri; dan

3. Yang akhir, orang ramai mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah membina jalan kembar, *dual carriage way* dari Muara hingga ke Telisai dan dari Lumut ke Kuala Belait. Pembinaan *dual carriage way* ini telah benar-benar memberikan kemudahan dan keselamatan kepada pengguna-pengguna jalan raya di negara ini. Walau bagaimanapun jalan raya dari Telisai ke Lumut masih lagi jalan yang sama seperti dulu yang melambatkan perjalanan orang ramai terutama sekali jika ada kenderaan-kenderaan berat menggunakannya

atau berlaku kemalangan. Bagi melicinkan dan memudahkan perjalanan orang ramai dan bagi keselamatan pengguna-pengguna jalan raya maka sudah tiba masanya jalan kembar atau *dual carriage way* ini dibina bagi menghubungkan jalan *dual carriage way* di Telisai dengan jalan *dual carriage way* di Lumut semata-mata untuk kesenangan, kemudahan dan keselamatan orang ramai di negara ini dengan secepatnya.

Saya difahamkan bahawa cadangan untuk membina jalan *dual carriage way* berkenaan sudah lama disediakan peruntukan tapi kerja-kerja pembinaannya belum lagi dimulakan hingga masa ini. Saya ingin tahu bilakah kerja-kerja pembinaan jalan berkenaan akan dijalankan?.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Pengiran Pengerusi. Peramba ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa kerana membangkitkan ketiga-tiga perkara itu:-

1. Mula-mula sekali banjir di kawasan Sungai Tampoi. Memanglah diakui bahawa pembinaan longkang besar di hujung Sungai Tampoi terus ke Ban

3 hingga ke Ban 6 sebenarnya, memanglah tergendala kerana beberapa sebab-sebab yang di luar kawalan Kementerian Pembangunan. Insya-Allah projek ini akan berjalan sedikit masa lagi. Apa yang ingin peramba nyatakan di sini ialah longkang besar itu nanti tidak akan dapat memenuhi atau mengelakkan banjir yang berlaku di kawasan tersebut. Beberapa rangkaian projek mesti diusahakan untuk mengatasi perkara ini.

Beberapa projek itu ialah mengadakan takungan air di utara Sungai Tampoi. Ertinya ke atas lagi daripada Mukim Sengkurong untuk menadah air itu di sana sebelum mengalirkan. Begitu juga beberapa takungan air di kawasan-kawasan Ban 4, 5 dan 6. Apa yang harus kitani sedari ialah jika keadaan banjir atau keadaan air yang begitu banyak terus kitani alirkan ke sungai projek itu, ertinya masuk ke Ban 6. Apa yang dikhuatirkan banjir itu akan berpindah daripada sana ke ulu sungai itu ke Bebatik dan kawasan-kawasan yang tersebut. Jadinya projek seperti ini mestilah dibuat secara menyeluruh barulah banjir itu dapat diatasi;

2. Mengenai dengan aduan atau isu yang kedua dibawa oleh Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya mendengar tadi seringkali

diperhatikannya. Saya, telepon saya ada, telepon JKR ada, kalau sekiranya ada seringkali itu besar tah pahala Yang Berhormat supaya dapat membawa perkara ini kepada perhatian JKR. Jadi langkah-langkah segera akan insya-Allah dapat diambil. Jadi kami memohon kerjasama Yang Berhormat kalau nya seringkali itu terus lah hubungi saya. Kalau anda dapat hubungi pihak-pihak yang berkenaan supaya sama-sama kitani menjaga kesentosaan negeri kitani ini; dan

3. Mengenai aduan pasal Jalan Telisai ke Lumut, seperti yang kitani ketahui perkara ini sedang pun dalam usaha oleh BEDB untuk memanggil tendernya. Itu saja yang dapat saya berikan. Mula-mula sekali projek itu akan dijalankan secara menyeluruh, tetapi oleh kerana beberapa sebab ia dicadang untuk dijalankan secara berfasa tetapi nampaknya sekarang pemikiran baru kerajaan ialah untuk menjalankannya secara menyeluruh semula, mudah-mudahan saja usaha ini akan berjaya. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba menghadapi dua soalan:-

1. Masalah perumahan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya Temburong. Pada masa ini Jabatan

Kerja Raya Temburong hanya mempunyai perumahan di Loji Rawatan Air Kampong Sumbiling, Jalan Batang Duri, iaitu mengandungi satu blok perumahan jenis berek dan dua blok perumahan jenis banglow yang letaknya 18km dari Pekan Bangar. Ianya dikhususkan dan keutamaan diberikan kepada kakitangan JKR Bahagian Air yang bertugas di loji berkenaan. Buat masa ini pegawai dan kakitangan JKR Temburong yang memerlukan perumahan terpaksa menghadapi permohonan untuk mendiami perumahan di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong tertakluk kepada kekosongan yang ada. Pegawai dan kakitangan jabatan ini terpaksa menunggu dalam jangka masa yang lama untuk mendiami dan menikmati perumahan adalah dapat dipohonkan; dan

2. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba juga ingin bertanya setakat ini, apakah perkembangan yang sudah dibuat seperti yang peramba maklum iaitu penyambungan paip bagi bekalan air bersih, penyambungan daripada Kampong Piasau-Piasau menuju ke Pos Kawalan Labu sejauh kira-kira 5km yang belum ada bekalan air bersih sejak Pos Kawalan Labu ditubuhkan. Pada masa ini penghantaran bekalan air bersih ke Pos Kawalan Labu berkenaan hanya menggunakan *tanker* JKR Air.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Nampaknya keperluan untuk perumahan pegawai-pegawai kerajaan melainkan yang khusus untuk kawasan yang berkenaan ertinya tidak ada satu *institutional quarters* Jabatan Kerja Raya hanyalah kepada mereka-mereka yang khusus bekerja di loji tersebut.

Jadi memanglah dalam hal ini, perkara ini ditangani oleh satu pejabat yang khusus untuk menjaga bukan sahaja keperluan Jabatan Kerja Raya tetapi keperluan semua sekali, jabatan-jabatan di Daerah Temburong melainkan perumahan-perumahan yang ada *institutional quarters*. Mengenai perkembangan ke Piasau-Piasau. Apabila *tanker* ini diadakan ertinya satu projek itu akan menelan belanja begitu besar jadi jika kita dapat memberikan kemudahan air bersih itu melalui *tanker*, ertinya belumlah *cost benefit* untuk mengadakan projek itu dapat di *justify* atau ditentukan. Ertinya jangan sahaja keputusan air bersih asal memberi, kita mestilah memandang berat tapi jika keperluan air bersih itu dapat ditampung dengan secara memberi *tanker* itu begitulah dulu yang sampai satu projek yang menelan belanja itu dapat kita adakan.

Tapi walau macamapun keperluan itu sentiasa diambil kira. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di kesempatan ini izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada JKR Daerah Belait yang telah memberi kerjasama dalam menangani membantu memperbaiki jalan yang terjejas akibat tanah susur semasa bencana alam di Daerah Belait baru-baru ini. Walau macamapun Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ada beberapa perkara yang saya akan utarakan untuk diambil perhatian dan tindakan oleh pihak JKR seperti berikut:-

1. Penduduk - penduduk kampung di kawasan Jalan Kecil Sungai Liang mendakwa bahawa sejak projek BMC dimulakan perjalanan perhubungan mereka sangat banyak terjejas di mana di sebatang jalan kecil di kawasan tersebut telahpun terputus. Dipohonkan supaya JKR dapat membuat penyelesaian dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi membaik pulih jalan kecil yang terjejas dan terputus itu dengan segera;
2. Dipohonkan supaya Simpang 3 masuk ke kawasan BMC. *Brunei Methanol Company* dijadikan sebagai Simpang 4 dengan menghubungkan Simpang 4 dengan menghubungkan Simpang 766. Iaitu jalan Kampong Sungai Lalit ke Simpang 3 BMC bagi menyenangkan orang-orang kampung

yang tinggal di kawasan tersebut berulang alik ke kampung mereka;

3. Dalam pemantaun saya sepanjang jalan dari Sungai Liang hingga ke Bukit Teraja terdapat beberapa batang jalan berkeadaan rosak dan perlu diperbaiki. Seseengah jalan itu sudah lama rosak, diharap mendapat perhatian dan tindakan segera dari pihak JKR, terutama jalan-jalan yang semakin kecil akibat bencana alam tempoh hari iaitu di kawasan Tungullian dan jalan-jalan yang sering dilanda banjir, seperti jalan Sungai Beluhur, Sungai Petai dan juga Jalan Bukit Puan. Tidak dinafikan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi bahawa JKR memang ada mengambil tindakan terhadap jalan-jalan tersebut tetapi masih juga lagi dilanda banjir; dan
4. Yang terakhir saya ingin mengetahui sama ada pihak-pihak yang berkenaan ada menjalankan *environmental intake assestment* ataupun *social impact assestment* bagi projek-projek yang diusahakan di kawasan tapak industri Sungai Liang yang sedang berjalan ketika ini.

Sekian dan terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi saya mengucapkan terima kasih, menjunjung kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan ke 4 perkara itu. Perkara 1 dan 4 usulnya berangkali izinkanlah saya menjawab dulu soalan yang ke 2. Perkara ini akan dirundingkan dengan BEDB mengenai dengan menjadikan jalan ini empat simpang.

Peramba merakamkan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat mengenai jalan-jalan Kampong Bukit Beluhor, Kampong Petai dan Sungai Liang dan beberapa kawasan pada Simpang Labi ke Tungullian kerana inilah abis peramba harga daripada Yang Berhormat. Mengenai dengan sama ada EIA dan mengapa jalan itu terputus saya kira perkara ini sudahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dengan penduduk-penduduk. Kalau perbincangan dengan pihak yang berkenaan saya yakni EIA ini juga dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya dari Daerah Tutong. Sepertimana yang kita sama-sama maklum bahawa semasa banjir. Di Mukim Tanjong Maya, Mukim ukong, Mukim Berambai, dan Mukim Lamunin sudah dikenal pasti di mana tempat jalan raya yang utama yang menghubungkan jalan raya kecil telah....

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekarang kita bersidang pada menimbangkan Rang Undang-Undang

Belanjawan. Saya rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat patutlah menegur dengan tepat jangan panjang-panjang, masa kita amat berguna dan amat mahal kerana itu saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin lebih tahu dan mendalam perkara-perkara tajuk yang dibincangkan sila beri siasatan yang lebih tepat supaya senang dijawab dan janganlah terlalu panjang sehingga menyebabkan masa kita terbuang dalam persidangan ini. Sekian.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Jadi Yang Berhormat Menteri Pembangunan boleh faham perkara itu, jadi saya ringkaskan sahaja bahawa perkara ini sesungguhnya akan dapat diambil perhatian.

Meninggikan taraf jalan raya di Lamunin pernah saya suarakan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua. Jadi ingin tahu buat masa ini macam mana perkembangannya, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Pengiran dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya mukim-mukim yang terjejas oleh banjir pada bulan Januari lepas itu sudah dikenal pasti, *Consultant studies* pun sudah ada. Apa yang diharapkan ialah projek-projek yang diperaku atau di

recommend oleh konsultan itu dijalankan dengan segera. Mengenai menaikkan taraf ke Lamunin dan Telisai perkara ini diusahakan sentiasa. Tetapi dimaklumkan bahawa ada satu *stretch* daripada simpang Lamunin hingga ke Tasek Merimbun jika dibaiki pun sentiasa akan rosak dan adalah difahamkan bahawa usaha-usaha sentiasa akan diadakan untuk memperbaiki jalan terjejas itu. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Kita sering terbaca dan terdengar bahawa di mana tuan-tuan tanah mengadu yang kawasan-kawasan tanah mereka dan kadangkala di dalam rumah mereka dimasuki oleh lumpur hasil daripada kerja-kerja tanah yang bersempadan dengan tanah mereka. Walaupun kerajaan mempunyai peraturan untuk memantau kerja-kerja tanah bukan sahaja untuk projek-projek persendirian tetapi projek-projek kerajaan, ada juga terdapat kesusuran tanah yang mengakibatkan jalan awam dan tiang-tiang elektrik, tapi apabila kejadian-kejadian seperti tadi berlaku tuan-tuan dan pihak kerajaan seringkali tidak berupaya untuk mengambil sebarang tindakan yang berkesan terhadap tuan-tuan tanah ataupun kontraktor-kontraktor kerja tanah yang bertanggungjawab.

Jadinya, saya ingin mencadangkan satu pendaftaran dan lesen dikeluarkan bagi semua kontraktor-kontraktor kerja tanah, lesen berkenaan boleh dibaharui bagi

tempoh 1 ke 3 tahun. Jika mereka didapati bersalah lesen mereka akan ditarik balik dan tidak dibenarkan membuat kerja-kerja tanah bagi tempoh yang tertentu. Prosedur dan peraturan-peraturan diperketatkan mana-mana tuan-tuan tanah membuat kerja-kerja tanah yang tidak mengikut seperti yang dibenarkan akan dapat diambil tindakan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Pengiran Pengerusi, junjung kasih peramba mengucapkan kepada Yang Berhormat itu inilah cadangan yang sedang diteliti dan dihargai kepada Yang Berhormat itu, bukan sahaja mengenai *developer* pemaju-pemaju tanah tapi juga keperluan untuk memasukkannya dalam *Developers Act* yang pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa apabila kitani membincangkan SKA01A dulu. Jadi bagi pihak Kementerian Pembangunan kami mengucapkan banyak-banyak menjunjung kasih kepada kedua-kedua Yang Berhormat itu atas keprihatinan Yang Berhormat atas cadangannya itu.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi di sini saya menyampaikan tiga (3) pertanyaan dan juga permohonan:-

1. Mengenai dengan kalbat yang merintang di bawah jalan yang

menyeberangi jalan raya iaitu bahagian bawah ketika ini masih terdapat beberapa kalbat tersebut yang saiznya yang begitu kecil dan tidak sesuai lagi pada masa ini, jadi di antaranya terdapat pula rintangan paip air yang menghalang permukaan kalbat sama ada sebelah masuk dan di sebelah keluar, jadi supaya dipohonkan penelitian dan untuk memperbaiki apa yang telah saya sarankan tadi;

2. Beberapa jambatan *bailey* masih terdapat di daerah ini yang ada di antaranya apabila kereta melintasi jambatan tersebut kedengaran bunyi dentuman besi apabila kereta ini melintasi jambatan tersebut, jadi dipohonkan supaya beberapa jambatan *bailey* ini akan dibuat kajian dan jika perlu dipohonkan untuk diganti dengan jambatan konkrit kerana usia jambatan *bailey* ini ada yang sudah mencapai puluhan tahun; dan

3. Saya ingin menyentuh mengenai dengan tempat parking kereta kawasan penduduk-penduduk Perpindahan Bolkiah 'A' iaitu di Kawasan Kampong Buang Sakar, jadi saya melihat mereka menyimpan kereta di kawasan sepanjang jalan Kampong Kasat Buang Sakar kerana mereka tidak ada tempat kawasan untuk parking kereta dan terpaksa mereka parking

di tepi jalan, jalan raya Kampong Kasat, Buang Sakar, jadi perkara ini memang mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna, saya cadangkan supaya dibuat satu kawasan parking kereta dengan ditembok di tepi jalan dan di tebing sungai perairan tersebut untuk kegunaan sebahagian daripada pemilik-pemilik kereta tersebut dan jika ianya bersesuaian bolehlah bagi pihak kementerian ini membuat perundingan dengan pihak Yayasan, jadi itulah salah satu yang dapat peramba, saya sampaikan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih di atas anugeraha Tuan Peramba memberi jawapan, peramba mengucapkan, terima kasih kepada Yang Berhormat itu saranan ketiga-tiga itu, jadi insya-Allah perkara-perkara yang dibangkitkannya itu akan diusahakan. Mengenai perkara pertama paip atau rintangan jalan besi ini memanglah Jabatan Kerja Raya senantiasa berusaha untuk mengelakkan keperluan seperti ini, tapi kalau adalah yang *urgent* atau yang mustahak dapatlah Yang Berhormat untuk memaklumkan kepada saya sendirikah atau pada Jabatan Kerja Raya. Insya-Allah prioriti bagi kerja-kerja itu akan dapat diberikan mengikut kesesuaiannya. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju Tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka saya dapati kebanyakan telah bersetuju, maka Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang sudah menunjukkan jam 4.00 petang, jadi saya cadangkan minta Persidangan kita dalam Jawatankuasa ini ditangguhkan dan balik semula kepada Majlis penuh. Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan dan Majlis Mesyuarat Negara bersidang.

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang balik Majlis yang penuh, memandangkan kepada jam sekarang sudah lalu dan supaya kita dapat berehat beberapa minit maka Majlis ini saya tangguhkan 20 minit dari sekarang, Majlis ditangguhkan.

**(Majlis ditangguhkan)
(Majlis bersidang semula)**

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyambung perbincangan kita dalam sedang Jawatankuasa untuk menguruskan dan menyelesaikan kertas-kertas kerja bajet negara maka dengan sebab itu saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membolehkan kita bersidang di dalam Jawatankuasa.

(Majlis bersidang dalam Jawatankuasa)

Jurutulis: Tajuk SK04 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Kiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ingin membahaskan tajuk ini, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli angkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka dengan yang demikian banyak yang bersetuju, maka tajuk ini luluskan.

Jurutulis: Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian daripada Jadual, Tajuk SK06A - Jabatan Tanah.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Honourable Chairman, Cabinet Ministers and Members of the Parliament.*

Regarding the land issue, honestly I am very embarassed to bring the subject because i raise the land issues for several times during previous sessions. In his Majesty Titah this year, members of this council to be open in raise issues without fear, hesitation or shame.

The land issues is often brought by many people, with regards to:-

1. *Change of land conditions;*
2. *Transfer of land ownership; and*
3. *Ownership of land properties by Permanent Residents.*

Honourable Chairman, Permanent Resident comprise of two categories, that is:-

1. *Permanent Residents holding foreign passport and*
2. *Permanent Residents who are Bruneian holding Certificate of Identification.*

Many of these Permanent Residents ask why they are not allowed to buy the house for their own? it would be a good move to allowed Permanent Residents to own their own houses, this will help enhance the national economy. If is not as these Permanent Resident will buy houses only to sell them and make money because the price of houses in Brunei Darussalam is always going down from year to year.

Honourable Speaker, this is a big issues that people has facing with, hope that the minister concern will consider the matter seriously especially the Permanent Resident to allow them to buy house for their own use.

Honourable Chairman, my second question, I have been rise the matter several times regarding to build a flyover bridge from Chung Hwa near Sheraton across the parking lot. So may I asked the minister concerns what is the outcome of this project? Thank you very much.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Pengiran dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat memberitahu supaya Kementerian ini *seriously consider*, sebenarnya masih dalam pertimbangan jua dan peramba ingin memberikan jaminan bahawa perkara ini *seriously considered* by Kementerian Pembangunan, apa yang menjadi masalah di Kementerian Pembangunan ialah bukan saja tanah untuk orang-orang yang berkad merah malah tanah-tanah kepada rakyat yang belum bertanah juga, jadi insya-Allah perkara ini akan dilihat macamana pendekatan yang paling sesuai.

Mengenai *flyover* di parking lot di Sekolah Menengah Chung Hwa, perkara ini memang dalam pertimbangan Jabatan Kerja Raya sebenarnya dan ditimbang dengan projek-projek yang lain kerana tempat itu

nampaknya tempat selekoh yang padat sedikit dan selalu kenderaan berat melaluinya. Jadi pembangunannya mestilah difikirkan dengan saksama supaya tidak akan mengganggu keadaan di sana. Sekali lagi peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini, junjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ada dua perkara yang akan ditimbulkan:-

1. Pada tahun 2008 yang lalu, Jabatan Tanah ada mengeluarkan kenyataan untuk mengganti rugi tanah-tanah persendirian yang terlibat dengan pembinaan jalan raya, terutama sekali di kampung-kampung dan tanah-tanah persendirian yang diserahkan kerana pemecahan tanah, saya sangat mengalu-alukan kenyataan Jabatan Tanah itu dan saya berharap supaya proses atau urusan-urusan untuk melaksanakan penggantian ganti rugi tanah-tanah persendirian yang terlibat itu akan dapat dipercepatkan.
2. Perkara ini pernah peramba timbulkan pada mesyuarat-mesyuarat yang lalu tetapi nampaknya pertimbangan oleh pihak yang berkenaan hingga masa ini belum ada. Perkara yang peramba ingin timbulkan ialah mengenai dengan *premium* ke atas tanah *lease*, oleh kerana pihak-pihak yang terlibat masih

lagi meminta peramba untuk menimbulkan perkara ini di Persidangan ini, maka inilah peramba menimbulkan semula perkara ini, tanah *lease* yang peramba maksudkan itu ialah permohonan-permohonan tanah atau *land application* yang telah dibenarkan oleh *British Resident* pada waktu itu sebagai *approve application*, menurut siasatan peramba setiap permohonan tanah semasa *British Resident* berkuasa ianya akan diperiksa oleh pegawai luar Jabatan Tanah dan laporan serta sokongan pegawai itu dihadapkan kepada *British Resident* untuk pertimbangan, biasanya *British Resident* akan membenarkan setiap permohonan itu menurut sokongan pegawai luar. Pemeriksaan *land application* pada waktu itu kurang teliti kerana ada beberapa keping tanah yang...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, jangan lagi dibawa cerita-cerita lama, kalau tidak berpuas hati dengan keadaan sekarang, bolehlah tegur jadi pihak yang berkenaan akan memberi pertimbangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya tidak akan menyambung cerita lama dan akan terus kepada perkara yang dimaksudkan, gerangan tanah, *lease* 50 tahun yang

dibenarkan oleh *British Resident* jumlahnya tidak luas jika dibandingkan dengan jumlah keluasan tanah kekal yang telah dibenarkan oleh *British Resident* pada warga negara asing pada waktu itu. *British Resident* telah membenarkan warga asing untuk memiliki tanah geran kekal yang sangat luas sehingga berjumlah lebih 3,000 ekar di Daerah Temburong dan Daerah Brunei dan Muara.

Kita sepatutnya tidak keberatan untuk menyambung tanah *lease* yang dimiliki oleh rakyat jati Brunei tanpa premium atau dengan harga premium yang lebih rendah. Tanah mereka ini akan tetap menjadi milik mereka sebagai rakyat yang taat setia kepada raja dan negara. Tanah ini boleh ditambah syarat supaya tanah ini tidak boleh dipindah milik, kecuali kepada rakyat jati negara ini atau kepada waris pemilik tanah sahaja. Saya berharap pihak yang berkenaan akan dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Pertama penggantian, iaitu *plot X* dan yang terlibat itu, insya-Allah akan dipercepatkan dan begitu juga peramba masih ingat, mengenai dengan Sengkurong bypass yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat sudah akan dipercepatkan. Mengenai dengan tanah di sini ada dua isu:-

1. Isu mengenai tidak *approve* oleh *British Resident* dan beberapa *application* yang belum keluar oleh *British Resident* dan satu isu tanah luas diberikan kepada warga asing dan kepada warganegara Brunei tidak ada malah diberi *lease*. Jadi izinkanlah peramba, pasal premium dahulu sebab apa Ahli-Ahli Yang Berhormat membangkitkan bahawa pertimbangannya tidak ada, ertinya kalau tidak ada pertimbangan. Kerajaan masih lagi mengekalkan pertimbangan yang ada iaitu premium yang ada pada masa ini masih lagi berjalan. Jika dipohonkan premium ini untuk dikurangkan, bukanlah bererti kerajaan akan mengurangkan semata lainlah belum dikurangkan ini bukan bererti kerajaan tidak memedulikan perkara ini; dan
2. Mengenai setiap permohonan yang besar oleh *British Resident*. Diakui bahawa langkah sudah dilihat setelah 50 tahun adalah satu langkah yang kurang bijak atau barangkali tidak bertepatan daripada waktu ini. Jadi kalau kitani kan mengambil satu langkah untuk memberikan orang yang belum bertanah itu ertinya kitani kan membuat satu langkah yang dikira lina berapa lurus jua, jangan kitani membuat dua langkah yang salah untuk meluruskan apa yang salah pada awal-awal itu.

Memang Kementerian Pembangunan, dan Jabatan Tanah menyedari itu, bahawa terdapat tanah-tanah di Daerah Brunei Muara dan Temburong yang telah besar diberikan. Kalau kitani lihat dalam sejarahnya, yang besar itu diberikan untuk perladangan. Jadi kalau kitani lihat sekarang ini kitani kan mengadakan perladangan besar juga untuk padi dan sebagainya. Jadi kita mesti melihat tindakan itu dengan waktu yang ada pada masa itu, ertinya tindakan itu haruslah kita lihat dengan *prevailing situation* atau keadaan yang ada pada masa itu. Apa yang kitani takut nanti, terutama sekali tanah ini, kalau kitani salah mengambil satu-satu tindakan ianya akan mengikat generasi-generasi kitani yang akan datang. Jadi insya-Allah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu masih lagi dalam pertimbangan Jabatan Tanah. Junjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ada beberapa soalan mengenai tanah TOL:-

1. Pada masa ini permohonan Tanah TOL telahpun dibekukan ataupun belum boleh dilayan. Oleh kerana masih ramai rakyat ini tidak mahu memiliki rumah sendiri kerana tidak mempunyai tanah. Maka melalui Majlis ini dipohonkan kelonggaran supaya

TOL dibuka semula khas bagi mereka yang tidak bertanah untuk membangun rumah sahaja. Ada di antara mereka telah memohon Skim Perumahan Negara, namun hingga sekarang belum ada tanda-tanda yang mereka ini akan berjaya dalam masa yang terdekat.

Sedangkan mereka ini ada sebahagian akan menghampiri alam persaraan. Kalaupun ada di antara mereka ini berjaya dari skim berkenaan, untuk membayar balik adalah menjadi bebanan, kerana ada di antara mereka ini tidak berpencen dan bergaji hari. Dari itu sekali lagi diharapkan supaya pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan mengurniai anugerah tanah secara TOL untuk membolehkan mereka itu membina rumah;

2. ialah mengenai menoreh tanaman getah. Di kampung-kampung pendalaman, Hulu Sungai Tutong, Belait dan di Daerah Temburong banyak pokok-pokok getah ditanam oleh datu, nini, yang sudah meninggal dunia di atas tanah kerajaan pada tahun 40an. Baru-baru ini beberapa orang waris telah memohon untuk menoreh pokok getah berkenaan, kerana harga getah pada masa ini agak stabil. Jawapan yang diterima dari Pejabat Tanah, No. 76 CL BPK

37, bertarikh 19 Ogos 2008, dukacita kerana bertentangan dengan Undang-Undang Kanun Tanah, Penggal 40 Bab 32. Pada tahun 50an petani-petani pada ketika itu dibenarkan menoreh pokok-pokok getah berkenaan dengan dikenakan bayaran 8 sen satu pokok getah yang ditoreh dan 4 sen bagi lesen menorehnya bagi masa selama satu tahun.

Soalan apakah peraturan yang lama itu tidak boleh lagi digunapakai?, kalau tidak boleh bagaimana caranya mereka ini (petani-petani) waris ini untuk menoreh pokok-pokok getah yang berkenaan. Sekiranya petani-petani ini dibenarkan menoreh pokok-pokok getah kepunyaan waris mereka ini ianya membolehkan dan membantu dan mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan di negara ini. Ada kemungkinan beratus-ratus tenaga pekerja akan dapat manfaatnya; dan

3. ialah mengenai dengan pembayaran TOL. Pada masa ini pembayaran TOL diamalkan pada masa ini ialah setahun sekali, itupun setelah mendapat kebenaran dan biasanya setelah dipohonkan setahun selepas itu. Jadi dipohonkan kalau dapatlah 3 tahun sekali membayarnya sepertimana yang diamalkan oleh Pejabat Kenderaan Darat, iaitu pembayaran lesen kereta tiga tahun sekali dan kebenaran telahpun dibenarkan tiga

tahun sekali. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba menjawab satu dan tiga itu mengenai TOL, dan menjawab yang kedua itu kemudian. Mengenai TOL ini, apa yang ada dalam dasar tanah ialah untuk mengadakan *temporary occupation licence* bagi usaha yang tidak melebihi setahun. Jika kitani bayar tiga-tiga tahun dengan dasar dan perundangan yang ada ini belum dapat. Tetapi walau macamapun Kementerian Pembangunan sedang melihat satu kaedah polisi baru untuk mengadakan satu pendekatan mengenai dengan TOL ini, bukan sahaja setahun, maka sehari, dua hari, seminggu sebulan tiga bulan dan beberapa tempoh yang lebih panjang.

Apa yang menimbulkan TOL ini lagi dulu ialah, apabila tanah ini diberikan secara kekal tanah ini disalahgunakan untuk spekulatif. Jadi oleh kerana itu tidak lagi digunakan jadi kerajaan pada masa itu menyedari bahawa keperluan untuk memiliki tanah itu memang ada walaupun secara TOL. Tetapi peramba masih ingat ada satu soalan daripada seorang Yang Berhormat sana kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengenai berkelompok dan sebagainya, ataupun dengan cara itu disalahgunakan dijual dan disalahgunakan. Oleh kerana itulah

keperluan tanah baik secara TOL secara berkelompok ini dibakukan dahulu untuk melihat satu kaedah yang bersesuaian supaya jangan tanah-tanah TOL ini sampai diberikan dan disalahgunakan itu .

Mengenai keperluan untuk mengadakan tanah TOL untuk perumahan ini pun sedang diusahakan, secara TOL tersusun supaya jangan apa yang ada pada masa ini. Apabila kitani lihat peta-peta kitani, TOL ini bertaburan inda tentu. Jadi apa yang kan dibuat untuk perumahan ini akan difikirkan dan bukan ertinya akan diperkenankan kerana perkara-perkara mengenai tanah ini adalah dalam bidang kuasa Kebawah Duli.

Mengenai tanaman getah ini, memanglah Jabatan Tanah itu mengambil dasar itu kerana usulnya penggunaan tanah untuk getah itu tidak lagi bersesuaian. Kalau sudah 40 tahun getah ini inda berapa lagi *production* nya. Kalau di tempat-tempat lain yang mempunyai pasaran getah yang tertentu ada *wholesaler* dan sebagainya, dan memanglah diperbaharui tiap-tiap berapa tahun. Di Brunei yang 40 tahun dulu sudah inda lagi berapa lurus tu. Untuk perhatian Yang Berhormat peramba sendiri pernah masa form 5 dulu ikut menggetah juga dengan bapa. Jadi tau kitani tu pohon getah yang sudah lebih 30 tahun itu kalau kitani toreh kulitnya kadang-kadang payah susu getah itu kan keluar.

Oleh itu lebih baik tanah itu digunakan bagi penggunaan ekonomi yang lebih bersesuaian.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya hanya mengutarakan satu soalan iaitu seperti yang kita maklum bahawa warga asing dan penduduk tetap tidak dibenarkan membeli tanah di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun senario pada masa ini terdapat warga asing dan penduduk tetap membeli tanah di Negara Brunei Darussalam dengan cara menggunakan saluran *Power Attorney PA* pada masa ini. Apakah dasar atau peraturan-peraturan Jabatan Tanah mengenainya. Sekian terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Pengiran. Dalam perundangan kitani mengenai PA dan TD ini ertinya *Power of Attorney* dan *Trust Deed ani*, ianya mengandungi hal urus milik bagi tanah. Apa yang difikirkan oleh Kementerian Pembangunan ialah untuk memperketatkan urusan-urusan pembelian tanah melalui *Power of Attorney* supaya ia lebih *transparent*. Jadi beberapa pemikiran-pemikiran sedang dibuat meliputi beberapa perundangan-perundangan atau dasar-dasar yang disesuaikan bagi keperluan urus niaga dan pembelian tanah supaya jangan kitani satu hari mendapati bahawa tanah-tanah dimiliki oleh orang-orang yang asing secara *Power of Attorney, Trust deed* ini. Menjunjung kasih Pengiran.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pada mulanya saya akan menyampaikan ada tiga, sekarang tinggal satu kerana telah disampaikan oleh rakan tadi. Apa yang ingin saya sampaikan mengenai dengan proses permohonan bagi penukaran syarat tanah daripada syarat pertanian ke syarat perumahan jadi setengah pemohon mengatakan permohonan itu sekarang ini masih lagi lambat untuk menerima keputusan jadi disarankan supaya perkara ini akan lebih dicepatkan kepada pemohon-pemohon, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih lagi perkara ini akan sentiasa di bawah perhatian. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang bersetuju pada Tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Nampaknya yang bersetuju banyak maka Tajuk Jabatan Tanah diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SK06A – Jabatan Tanah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK07A – Jabatan Ukur.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pada Permesyuaratan Musim Pertama Kali keempat pada tahun 2008, saya pernah menyuarakan tentang pengeluaran peta menunjukkan sempadan jalan dan kampung untuk panduan orang ramai dan pelancong. Alhamdulillah dan syabas kepada Jabatan Ukur yang telah dapat menghasilkan sebuah buku peta yang dipanggil “*Street Directory*” di mana ada dijual di toko-toko buku di seluruh negara dengan harga \$14.50 kalau saya tidak silap. Peta ini memang amat berguna sebagai panduan kepada kita semua cuma terdapat beberapa kesilapan di peta tersebut khususnya peta kawasan Daerah Belait. Saya ingin mencadangkan supaya peta tersebut disemak semula dan diperbetulkan kesalahan yang terdapat dalam peta tersebut bagi mencerminkan keadaan yang sebenar. Sekian saja terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung Pengiran peramba menjunjung kasih dan menerima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini mudahan-mudahan saja usaha-usaha untuk memperbaiki seperti yang dicadangkan itu

akan sentiasa dapat diusahakan, menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang bersetuju pada Tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak setuju,

(Tidak ada).

Nampaknya Ahli semua bersetuju, maka Tajuk SK07A - Jabatan Ukur di luluskan.

Jurutulis: SK07A – Jabatan Ukur di jadikan sebahagian daripada Jadual. SK08A – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai dengan *environment*, menyedari akan perubahan cuaca *climate changes* dan masalah alam sekitar *environment* adalah masalah global dan menjadi suatu cabaran yang mengancam kehidupan manusia di alam maya ini. Masyarakat dunia juga memandang serius terhadap isu-isu seperti *global warning* kenaikan suhu *temperature co2 emission* sebagai punca bencana alam. Ini terbukti sudah banyak *international forum* telah diadakan seperti *G8 Hokaido Summit, United Nation Framework Convention Development On Climate Change, Asia Pacific On Clean Development Climate Changes* dan bagai-bagai lagi. Ke semuanya

ini untuk mencari jalan dan *solution* dan mengambil langkah-langkah supaya dunia akan bersepadu untuk mematuhi peraturan-peraturan undang-undang untuk menjaga kepentingan *environment* supaya tidak terancam.

Negara kita juga tidak terkecuali daripada ancaman-ancaman bencana alam, baru-baru ini contohnya satu fenomena banjir dan tanah susur telah melanda negara kita yang mana menjejaskan banyak rakyat dan penduduk serta harta benda adalah satu perkara yang penting dalam apa jua aktiviti-aktiviti pembangunan kita lakukan di negara ini kita mestilah mematuhi peraturan undang-undang yang di aturkan seperti mengadakan *EIA (Environment Impact Assesment)* bagi projek-projek yang besar melibatkan alam sekitar pemotongan bukit-bukit dan pokok-pokok, hutan belantara kerja-kerja tanah yang melibatkan saluran *drainage* dan sebagainya. Jadinya perundangan dan peraturan jelas memainkan peranan dan yang penting membantu memantau isu-isu *environment*.

Saya pernah membawakan isu alam sekitar pada mesyuarat yang lepas dan saya sukacita ingin mensyorkan lagi supaya Akta Alam Sekitar dapat diwartakan dikuatkuasakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung Pengiran dan menerima kasih di atas

cadangan daripada Yang Berhormat. Cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan sudah tiba masanya. Apa yang ada masa ini, beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat terkandung dalam beberapa Jabatan di Kementerian Pembangunan bukan saja di Jabatan Alam Sekitar. Apa yang *immediate concern* jabatan itu ialah isu-isu pembuangan sampah dan jerebu dan kualiti atau mutu udara.

Perkara-perkara itu akan dinilai semula oleh Kementerian untuk mengadakan apa yang dipanggil satu *enviromental law*. Dalam negara-negara lain *environmental law* adalah satu undang-undang yang tertinggi di bawah satu agensi bukan nya dalam satu jabatan bernama alam sekitar kerana seperti yang peramba terangkan tadi. Isu-isu itu pada masa ini ditangani oleh Jabatan Kerja Raya, oleh Jabatan Tanah, dan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Apa yang *concern* abis peramba ialah untuk mengadakan satu undang-undang di bawah kawalan Kementerian Pembangunan yang meliputi semua isu-isu mengenai alam sekitar, *climate changes* dan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa Daerah Temburong merupakan satu-satu daerah yang mempunyai hasil batu-batu

kelikir yang dijadikan sebagai mata pencarian syarikat-syarikat kuari dan yang berkaitan, yang mana kegiatan tersebut menjana hasil *revenue* dari kutipan cukai dan sebagainya kepada pihak kerajaan sendiri. Akan tetapi pada masa yang sama tidak dapat dinafikan bahawa kegiatan-kegiatan ini telah menimbulkan banyak sungutan daripada penduduk Daerah Temburong yang tinggal berhampiran dengan sungai-sungai yang terlibat.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin bertanya apakah pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi atau JASTRI pernah membuat kajian mengenai dengan kesan-kesan yang berpunca daripada kegiatan pengorekan batu terhadap alam sekitar terutamanya persekitaran sungai dan penghidupan manusia dan binatang yang tinggal di kawasan yang terjejas. Adakah kajian itu telah menghasilkan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pihak-pihak tertentu dalam memastikan alam sekitar dapat dijaga di tahap yang optimum bagi generasi sekarang dan yang akan datang. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Pengiran. Jawapan yang pendek, belum ada sebenarnya kawasan kajian itu diadakan tetapi adalah satu daripada usaha yang akan dijalankan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ada dua pertanyaan dan permohonan:-

1. Dimaklumi ketika ini Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi memang rancak menambah skop bagi mengadakan taman dan rekreasi. Jadi di sini saya ingin memohonkan khusus kepada Jabatan ini supaya akan dapat memajukan iaitu Bukit Saeh yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara, ini kerana bukit ini adalah sebuah bukit yang tertinggi di Daerah Brunei dan Muara. Dan dimaklumi bahawasanya Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan pernah menaiki bukit ini, jadi saya pohonkan supaya bukit ini dapat dimajukan; dan
2. Saya ingin tahu, dalam Anggaran Perbelanjaan 2009 dan 2010, ada peruntukan dalam perbelanjaan operasi iaitu dalam ceraihan Kempen dan Promosi yang berjumlah \$50 ribu yang telah diluluskan. Soalan saya bolehkah dipohonkan sedikit peruntukan ini untuk dipakai atau digunakan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong? dengan hasrat untuk mengadakan kempen-kempen atau kerja-kerja gotong-rotong yang berkenan dengan taman dan rekreasi.

Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Keperluan untuk menjadikan atau menghidupkan semula Bukit Saeh ini memanglah suatu yang sentiasa diambil perhatian tetapi akan diusahakan dengan agensi-agensi yang lain mengenai keperluan dan kesesuaiannya kerana Bukit Saeh ini kalau kita lihat adalah satu bukit yang begitu strategik bukan sahaja daripada segi keadaannya tetapi dalam *Ordinance of Borneo* ia adalah satu bukit yang sangat tinggi nilainya daripada segi ukur. Jadi inilah yang menjadi beberapa pertimbangan mengenai kesesuaian bukit ini.

Tidak dinafikan bahawa *view* atau pemandangan dari bukit ini adalah satu pemandangan yang baik. Jadi pendeknya akan diusahakanlah cadangan Yang Berhormat itu.

Mengenai dengan keperluan untuk mengadakan kempen-kempen itu, kami mengalu-alukan perundingan dengan Yang Berhormat itu atau dengan Jawatankuasa-Jawatankuasa Perundingan Kampong jika ada perkara-perkara yang diusahakan untuk alam sekitar. Kami mengalu-alukan cadangan-cadangan tersebut.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang

Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sejak membuka cawangannya di Kuala Belait, saya nampak tidak banyak perubahan yang dapat dilihat berlaku selain dari mengemaskinikan pembuangan sampah, memelihara taman-taman rekreasi dan membantu menyediakan pohon bunga-bunga di masa-masa-majlis perayaan dan lain-lain.

Saya ingin mengetahui apakah perancangan dan program Jabatan tersebut dalam membina alam sekitar di daerah tersebut. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Pengiran Pengerusi. Persoalan ini adalah satu persoalan yang agaknya besar dan mendalam.

Sebenarnya JASTRI atau Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di kawasan Belait, yang nampak itu mengemaskinikan dan membantu menyediakan segala prasarana tetapi apa yang tidak nampak ialah kerja-kerja pemantauan yang dibuat oleh JASTRI. Misalnya beberapa stesen untuk menilai kualiti atau mutu udara di Kuala Belait. Ini jarang kena harga kerana apabila keadaan itu baik, anda orang ingat. Kalau sudah ada *nauzubillah*, mudah-mudahan saja anda ada, baru orang mencari mana-tia JASTRI-ani. Tetapi kerja-kerja

inilah yang paling banyak kalau dilihat tiap-tiap hari ada report.

Jadi mengenai kerja-kerja membisakan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan sentiasa dibuat dan perundingan-perundingan dengan pejabat-pejabat yang berkenaan di Daerah Belait akan sentiasa diadakan termasuk juga *consultation* atau perundingan dengan Yang Berhormat.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua ahli bersetuju, maka Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SK08A – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Munkan ampun, peramba akan mengutarakan tiga soalan:-

1. Kadar bayaran telefon bimbit yang dikenakan di negara ini pada ketika ini

adalah tinggi bagi panggilan di dalam negeri iaitu menerima panggilan masuk dan panggilan keluar dan juga bayaran tahunan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Dicadangkan bayaran ini dapat dipertimbangkan untuk dikurangkan, sama ada melalui menggunakan telefon *land line* atau *mobile*;

2. Untuk keperluan orang ramai dalam sama-sama menikmati perkhidmatan perhubungan melalui telefon bimbit yang lebih baik, di Daerah Temburong perkhidmatan telefon bimbit masih lagi di tahap yang rendah di kawasan-kawasan yang masih belum mempunyai liputan telefon bimbit. Dan seperti penjelasan yang ditaklimatkan daripada Penyedia Perkhidmatan, telefon bimbit baru-baru ini bahawa kos pembinaan menara telekom memakan perbelanjaan yang besar untuk liputan yang menyeluruh.

Dalam perkara ini apakah tindakan pihak-pihak yang tertentu dalam mengatasi masalah ini?; dan

3. Peramba juga difahamkan masalah pembinaan menara telekom menghadapi proses pembinaan memakan masa yang lama untuk dapat diluluskan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Apakah jabatan yang terlibat akan dapat mempertimbangkan supaya proses

kebenaran yang dipohonkan akan dipercepatkan? Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, kerana mengemukakan perkara-perkara yang menjadi perhatian kepada orang ramai;-

1. Mengenai dengan kadar bayaran telefon, sebenarnya telefon bimbit, kalau kitani perhatikan sebelum B-Mobile diberikan lesen untuk beroperasi, harga-harga ini adalah di bawah satu operator saja.

Jadi bila kita *liberalize* ertinya memberikan lesen kepada satu lagi operator nampaknya terdapat persaingan dan dari persaingan ini kalau kitani perhatikan bayaran-bayaran telahpun berkurangan. Jadi adalah lebih baik daripada monopoli. Kerana adanya persaingan antara dua operator. Jadi tentulah perkara-perkara macam ini akan menjadi perhatian kepada bahagian AiTi ataupun Pihak Berkuasa Industri Info-telekomunikasi dan akan diambil perhatian;

2. Mengenai dengan keperluan perkhidmatan telefon bimbit

di beberapa tempat di Temburong, ini memang benar diakui bahawa liputan telefon itu tidak dapat menyeluruh. Ada kawasan-kawasan yang tidak dapat diliputi oleh operator telefon atau Telco, iaitu kompeni-kompeni Telkom. Kompeni Telekom ialah adalah merupakan pihak *private* (swasta). Jadi mereka juga akan memikirkan *return of investment* atau pulangan daripada pelaburan kerana pelaburan untuk membuat menara memang mahal. Adalah dianggarkan oleh pihak AiTi bagi meliputi kawasan di Temburong itu mungkin memakan belanja 11 juta.

Jadi ke arah ini pihak *Telco* atau *Telecom Company* yang beroperasi di sana akan menilai mengikut keperluan - keperluannya. Untuk makluman pada masa ini usaha sedang dibuat untuk mengadakan menara umpamanya di Belalong yang belum lagi mempunyai liputan dan ini adalah bergantung kepada prioriti. Dan lagi sekali pihak AiTi yang berkuasa bagi mengawal selia ataupun operasi industri telekom akan mengambil perhatian terhadap perkara yang dikemukakan; dan

3. Masalah pembinaan *tower* ataupun menara, memang benar bahawa pada masa yang lalu pembinaan menara ini dibuat di tanah kerajaan. Tetapi sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri

Pembangunan tadi bahawa ada perkara-perkara tertentu yang menyebabkan perkara ini untuk dilihat semula. Walau bagaimanapun pihak *Telcom*, (*Telecom Companies*) yang beroperasi di Brunei ini berusaha juga untuk mengadakan telefon *tower* atau *sites* ini di tanah-tanah persendirian. Tetapi masalah jua timbul dengan tanah persendirian kerana kadang-kadang orang punya tanah misalnya A bersedia untuk menyewakan tanahnya untuk didirikan *tower* ini, tetapi jiran-jirannya tidak bersetuju. Lagi sekali timbullah masalah bukannya pihak *Telcom* tidak dapat memberikan perkhidmatan tetapi perkhidmatan itu bergantung kepada di mana kitani mahu meletakkan *tower* itu.

Sekalipun *tower* itu dapat kitani dirikan. Masalah lagi timbul untuk menghubungkan *tower* itu melalui kabel. Jika kabel itu berjalan di atas tanah kerajaan mungkin masalahnya kurang, tapi jika kabel itu berjalan di tanah persendirian jadi banyak lagi *negotiation* akan perlu dibuat. Jadi perkara-perkara ini diharap akan dapat dimaklumi oleh orang ramai. Bukannya pihak *Telcom* atau *Telecom companies* tidak berusaha tetapi usaha sedang dibuat.

Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya:-

1. Mengenai dengan pemakaian telefon bimbit, biasanya kalau tempat yang berhampiran dengan sempadan negara jiran selalunya telefon bimbit ini pemakaiannya termasuk dalam liputan *celcom* jadi macamakah cara mengurangkan ataupun menghilangkan daripada mobile yang digunakan di tempat-tempat yang berhampiran dengan sempadan ini dimasuki atau dikuasai oleh liputan *celcom*?; dan
2. Setengah pengguna-pengguna telefon khususnya mobile ini, ada yang mencadangkan supaya penerima-penerima yang menerima panggilan ini jangan tah dikenakan cajnya, cukup dikenakan caj kepada yang menelefon, jadi apakah pandangan daripada pihak abis Pehin?.

Junjung kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Sebenarnya masalah *spill over* dekat sempadan Brunei Darussalam dengan jiran kitani pernah ditimbulkan di dalam majlis ini beberapa tahun yang lalu. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya di antara

Telcom Companies, syarikat-syarikat Telekom Brunei dengan syarikat Telecom di Malaysia memang *regularly* selalu mengadakan perbincangan bagi menyelaraskan perkara-perkara ini.

Pada bulan April 2008, Operator Telekomunikasi DST dari Brunei Darussalam dengan Celcom, Digi dan Maxis dari Malaysia telahpun bersetuju untuk mengurangkan *signal level* pada jarak 3 km dan Celcom Malaysia telah juga membuat usaha untuk menyengetkan antenanya iaitu supaya jangan sampai pemancarannya itu menuju ke arah kitani. Demikian juga kitani dapat komplet jua. DST dapat komplet di sebelah Miri, kerana pancaran kitani memancar lebih kepada sebelah Miri dan ini jua kitani sengetkan jua antenna kitani. Jadi cara yang sebaik-baiknya adalah masalah yang tidak dapat dielakkan dan perundingan berjalan di antara syarikat-syarikat ini *regularly*. Jadi saya nasihatkan untuk abiskita jangan *switch on automatic*, *switch manual* kalau abiskita *manual* in da ada *interference* tu. Jadi kepada mereka yang menggunakan telefon bimbit bila sampai ke sempadan kalau kan bejalan dari Bandar Seri Begawan ke Temburong melalui jalan sungai *switch* kepada *manual* abiskita in da kan dapat *interference* tu. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia kepada Pengerusi, peramba ada dua soalan:-

1. *Tower* atau *pool* atau menara telefon kadang-kala kita terdapat dua atau tiga *pool* berganding satu tempat yang berhampiran, tidak kah boleh syarikat-syarikat berkenaan di bawah barangkali atas arahan Kementerian Perhubungan supaya mereka berkongsi *pool-pool* ataupun menara berkenaan; dan
2. Mengenai dengan liputan, memandangkan kepada penggunaan liputan di *GPRS* bukan sahaja adalah untuk kegunaan telefon bimbit, tetapi ia jua digunakan untuk *Internet* dan *GPRS*, maka adalah disyorkan kalau boleh liputannya itu akan dapat disalurkan ke seluruh negara kita ini. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih. Perkara mengenai dengan perkongsian *tower*, memang satu cadangan yang baik dan akan diambil perhatian dan sudahpun diambil perhatian oleh pihak-pihak Syarikat Telekom di Brunei iaitu DST dan B-Mobile dan mengenai dengan perkara liputan *GPRS* perkara ini juga akan disampaikan kepada pihak Operator Telepon. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan diluluskan.

Jurutulis: SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah jam 5.15 petang. Tentu sekali sudah lama duduk dan mungkin ada yang mempunyai perjanjian-perjanjian mengenai dengan undangan dan sebagainya maka dengan demikian, saya tangguhkan Majlis Jawatankuasa ini bagi membolehkan saya bersidang penuh iaitu Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai dijelaskan tadi antara lain tentunya Ahli-Ahli mempunyai perjanjian-perjanjian menghadiri sesuatu perjanjian untuk hadir di majlis-majlis atau berbagai-bagai, maka kebetulan juga jam sudah menunjukkan 5.20 petang. Maka bagi memberi masa yang rehat kepada ahli-ahli, saya tangguhkan Majlis ini hingga hari Isnin jam 2.30 petang.

(Majlis ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Isnin, 26 Rabiulawal 1430 / 23 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji
Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir)**

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN):

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim.
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat
Negara masuk hari Ketujuh disambung
semula dengan mendahului bacaan Doa
Selamat.

(BACAAN DOA SELAMAT)

**Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Emran bin Haji Kuncang. (Imam
Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkih):
Membaca Doa Selamat.**

Yang Di-Pertua Dewan: Bismillahir
Rahmanir Rahim, Assalamualaikum
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Ahli-
Ahli Yang Berhormat pada hari Sabtu, 21
Mac 2009, kita telah membincangkan Akta
Perbekalan 2009/2010 sehingga Tajuk

SN01A -Jabatan Kementerian Perhubungan.
Dalam membincangkan belanjawan ini, kita
akan memulakan dengan bersidang secara
lazim iaitu dalam Jawatankuasa, maka
sekarang Majlis ini saya tangguhkan untuk
bersidang dalam Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

(Majlis Bersidang sebagai Jawatankuasa)

Jurutulis: Tajuk SN02A - Jabatan Laut.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin
Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang
Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan
Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba akan
mengutarakan 2 perkara:-

1. Pada masa ini Jabatan Laut,
Kementerian Perhubungan membuat
pemantauan kepada bot-bot
penumpang laluan Bandar Seri
Begawan dan Temburong, untuk
penumpang-penumpang dimestikan
memakai jaket keselamatan yang
sudah beroperasi sejak 23 Oktober
2008 hingga sekarang. Peramba ingin
bertanya mengapakah pemantauan
tersebut hanya dikenakan kepada bot-
bot laluan Bandar Seri Begawain -
Temburong sahaja. Dan tidak kepada
bot-bot penumpang bagi laluan Muara-
Lawas, Muara-Sundar dan bot-bot
tambang di Kampong Ayer; dan

2. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang peramba lihat dan juga maklum bahawa pegawai dan kakitangan Jabatan Laut yang bertugas dari pagi hingga petang bagi pemantauan bot-bot penumpang laluan Bandar Seri Begawan dan Temburong sudah lima bulan beroperasi, tetapi belum ada tempat khas ataupun pos sementara di tempat yang bersesuaian bagi keselesaan mereka bertugas. Di pengkalan penaikan bot penumpang Bandar Seri Begawan - Temburong dan apa yang peramba lihat, pemantauan hanya menggunakan meja dan payong sahaja di kawasan gerai yang berdekatan. Ada pihak jabatan berkenaan akan dapat mengambil perhatian dalam perkara ini.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat sebentar tadi. Mengenai dengan keperluan untuk menggunakan jaket keselamatan sebenarnya keperluan ini bukanlah hanya dihadkan kepada bot-bot yang beroperasi di antara Bandar Seri Begawan dengan Temburong, tetapi semua bot-bot yang beroperasi di perairan Negara Brunei Darussalam. Adalah dikehendaki bagi

pemandu dan penumpang memakai jaket keselamatan.

Akan tetapi, pelaksanaan untuk meningkatkan pemakaian itu lebih ditekankan baru-baru ini, sejak ianya dilaksanakan kepada bot-bot penumpang di antara Bandar Seri Begawan dengan Bangar kerana *incident* kemalangan yang berlaku dalam *route* ataupun perjalanan ini.

Mengenai dengan tempat pegawai bertugas memanglah sebenarnya perkara itu diambil maklum, tapi sebenarnya bukanlah sahaja untuk menempatkan pegawai itu di sana, dari segi *enforcement* ini kitani akan berusaha bukan sahaja Pegawai Penguatkuasa berdiri atau duduk di tempat berlepas, kadang-kadang orang kitani ini masa berlepas dipakainya, lepas daripada pelabuhan dibukanya. Jadi mestilah ada lagi langkah-langkah lain yang akan dibuat untuk memperkesakan pemakaian jaket keselamatan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menimbulkan satu pertanyaan iaitu mengenai dengan pengangkutan kenderaan kereta iaitu menuju ke Menumbok dari Bandar Seri Begawan ke Menumbok dan ke Kampong Menumbok ke Bandar Seri Begawan. Sebagaimana yang telah dimaklum sebahagian dari penduduk ini, bahawasanya pihak berkenaan telahpun mengeluarkan permohonan-permohonan kepada syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam perkara ini

supaya mendapat penjelasan yang lebih lanjut apakah perkara-perkara yang harus dibuat persediaan bagi pihak kerajaan termasuklah jadual pelayaran dan apa-apa jua perkara yang berkaitan dengannya. Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Untuk mengemukakan pandangan atau cadangan ataupun menegur jumlah belanjawan janganlah menggunakan dalam bahasa menulis ataupun mengarang, *direct* sahaja cadangan itu tanpa menggunakan bahawasanya itu, ini, nanti masa kita terbuang kerana beberapa ayat yang tidak sangat digunakan dalam Majlis ini. Jadi kerana itu kalau boleh *direct* saja, jadi senang menjawab, lekas, lancar segala perundingan kitani.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Terima kasih. Sebenarnya soalan ini berkaitan dengan Jabatan Pelabuhan, jadi jika Pengiran Pengerusi mengizinkan peramba akan menjawab bila sampai kepada tajuk berkenaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohd Yunos bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin bertanya satu soalan mengenai dengan adakah Jabatan Laut selama ini terdapat

satu *Master Plan* sebagai penggunaan kawasan-kawasan laut dan adakah Jabatan Laut juga mempunyai strategi-strategi terutama sekali barangkali dalam minggu lepas kitani Brunei sudah membuat satu perjanjian dengan Malaysia mengenai dengan kawasan perlautan kitani. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sendiri tidak pasti apa yang dimaksudkan dengan *Master Plan* Jabatan Laut itu, tetapi Jabatan Laut adalah mempunyai tanggungjawab terhadap bidang *Marine* dari segi perjalanan pendaftaran bot-bot dan sebagainya, keadaan kualiti air dan barangkali *Master Plan* yang dimaksudkan itu tidaklah peramba dapat jawabkan di sini.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka tajuk SN02 - Jabatan Laut diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SN02A - Jabatan Laut dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Mengenai Pelabuhan Muara adalah satu-satunya pelabuhan atau *gate way* bagi negara kita untuk urusan-urusan *import* dan *export* melalui jalan laut ke negara-negara ASEAN dan antarabangsa. Selain daripada penyediaan kemudahan-kemudahan seperti bangunan gudang, *warehouse*, terminal *container*, sistem keselamatan, kecemasan *maritime* dan lain-lain. Saya difahami pihak kerajaan juga ada melaksanakan satu mega projek iaitu Projek Pelabuhan Pulau Muara Besar (PMB) yang diharap akan menjadi sebuah pelabuhan yang penting di rantau ini dan juga menjanjikan akan memberikan kira-kira 4,000 orang pekerja tetap. Soalan saya apakah pencapaian projek PMB pada masa ini?:-

1. Apakah persediaan pihak kerajaan untuk melabur bagi kemudahan – kemudahan *infrastructure* untuk pelabuhan *container* air dalam ini, atau pun *deep water* atau *cointainer port*, untuk menarik pelabur luar (*foreign investor*) untuk sama-sama melabur; dan

2. Saya juga difahamkan bahawa BEDB juga mempengerusikan projek ini, jadi apakah peranan BEDB dalam projek PMB ini?.

Terima kasih.

Yang Berhormat: Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat sebagaimana, barangkali kita sama-sama kita mengetahui bahawa projek Pulau Muara Besar atau PMB adalah dikendalikan di bawah tanggungjawab BEDB (*Brunei Economic Development Board*) Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin mengulang pertanyaan peramba tadi dalam Tajuk Jabatan Pelabuhan iaitu apakah kesediaan kerajaan mengenai dengan pengangkutan kenderaan laut Brunei - Menumbok dan Menumbok - Bandar Seri Begawan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Barangkali apa yang dimaksudkan itu bahawa tawaran bagi mengusahakan feri kenderaan di antara Serasa dengan Menumbok yang telahpun dikeluarkan. Jadi mana-mana pihak yang ingin mengetahui

lebih lanjut akan apa perkara yang diinginkan bolehlah merujuk kepada Jabatan Pelabuhan sekiranya maklumat yang terdapat di dalam tawaran yang disiarkan diakhbar itu tidak mencukupi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung untuk memberikan penerangan kepada soalan yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini, mengenai dengan projek BEDB (*Brunei Economic Development Board*) yang berhubungkait dengan Pulau Muara Besar. Status projek ini pada masa ini ialah bahawa satu syarikat telahpun dilantik sebagai *master planner* iaitu syarikat *Servana Singapura* dan juga sebuah syarikat antarabangsa *ICTSI* yang berasal daripada Phillipine telahpun dipilih untuk menjadi pengendali pelabuhan ini. Memorandum Persafahaman telahpun ditandatangani pada bulan September, bulan Oktober tahun 2008 dan pada masa ini siasatan-siasatan teknikal, kerja-kerja bagi pembinaan Pulau Muara Besar akan berjalan bermula pada tahun 2010.

Beberapa industri dan pembangunan telahpun dirancang untuk diadakan di Pulau Muara Besar ini mengambil kira bahawa pelabuhan yang akan dibina ini pada mulanya akan mengandungi satu jeti yang sepanjangnya 600 meter, kemudian akan ditambah lagi dengan perkembangan selanjutnya. Kerja-kerja untuk mengeluarkan

tawaran bagi kemudahan-kemudahan yang akan disediakan untuk menghubungi Pulau Muara Besar ini seperti jambatan daripada Serasa ke pulau ini, perkakas-perkakas ataupun keserantaan seperti janakuasa dan sebagainya sedang pun disediakan dan insya-Allah pada masa yang bersesuaian akan dikeluarkan untuk ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha di negara ini. Jadi begitulah secara ringkasnya perkembangan yang telahpun dicapai setakat ini dan adalah dijangkakan bahawa projek ini mungkin akan siap dalam kira-kira Tahun 2012 ataupun 2013. Sekian menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan diluluskan.

Jurutulis: SN03A - Jabatan Pelabuhan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SN04A - Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi. Saya ingin bertanya sama ada Jabatan Penerbangan Awam mempunyai *instrument* yang lebih terkini yang boleh memfokuskan keadaan cuaca di suatu-suatu kawasan tertentu, kerana kadang-kadang keadaan cuaca di antara satu daerah dengan daerah yang lain tidak sama. Jika sekiranya ada *instrument* yang boleh mengesan cuaca didaerah-daerah atau di mukim-mukim secara spesifik ini sekurang-kurangnya akan dapat membantu orang ramai untuk merancang program perjalanan mereka dan juga dapat berjaga-jaga bagi mengelak sebarang kemungkinan berlaku yang disebabkan oleh cuaca buruk. Sekian Yang Amat Mulia Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerma Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengerusi, mengenai dengan Unit Kaji Cuaca Jabatan Penerbangan Awam, pada masa ini sebenarnya, bila Unit ini ditubuhkan ia adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada Penerbangan Udara. Tetapi akhir-akhir ini terdapat keperluan untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Unit ini dengan adanya permintaan-permintaan perkhidmatan daripada agensi-agensi yang lain. Bagi tujuan perkhidmatan ini, Jabatan Penerbangan Awam mempunyai 3 sistem:-

1. *System Of Lightning Data Acquisition Monitoring and Tracking* secara ringkasnya *SLAMAT* yang berfungsi untuk mengesan, mengumpul, memantau dan menganalisa maklumat

kilat di semua kawasan di negara ini dan terdapat 5 buah stesen dibina di semua daerah;

2. *Automatic Meteorological Data Acquisition System* ringkasnya *AMEDAS* iaitu peralatan bagi menyediakan pemerhatian cuaca secara automatik di seluruh negara, dan bagi tujuan ini terdapat 14 stesen cuaca automatik atau automatic weather stations di seluruh negara iaitu 4 stesen di Brunei Muara, 3 stesen di Tutong, 4 stesen di Kuala Belait dan 3 stesen di Temburong. Stesen ini mengandungi peralatan dan sensor yang dapat menyukat kelajuan dan arah tuju angin, suhu, humiditi, arah tuju cahaya matahari dan hujan. Demikian juga dengan tambahan sensor ini antara lainnya ia akan dapat menentukan keadaan pencemaran udara; dan
3. *Doppler Surveillance Weather Radar* yang mampu untuk memantau evolusi pergerakan ribut ataupun hujan yang melanda sesebuah kawasan. Jadi pada masa ini kitani punya *Doppler Surveillance Weather Radar* ini *resolutionnya* adalah rendah dan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang baru ini yang ke-9, Jabatan telah diperuntukan satu peruntukan untuk membeli peralatan yang akan dapat meningkatkan resolusi daripada pembacaan data daripada *Doppler Surveillance Weather Radar* ini.

Sebab itulah pada masa ini, bila ramalan kaji cuaca dan pada masa kitani menghadapi hujan yang luar biasa dalam bulan Januari dan Februari kita tidaklah dapat meramal suatu-suatu kawasan, sebabnya peralatan ini tidaklah secanggih yang diharapkan. Tetapi insya-Allah apabila kitani mempunyai *High Resolution Doppler Surveillance Weather Radar* kita akan dapatlah mengetahui kedudukan hujan di suatu-suatu tempat itu nanti.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:

Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. peramba ingin tahu keputusan kajian sama ada membina lapangan terbang baru di tempat yang lain ataupun mempertingkatkan lapangan terbang yang ada pada masa ini? Jika selesai kajian itu apa keputusannya?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerma Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima Kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya *master plan* yang telah dilaksanakan adalah untuk pembesaran Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa pada masa ini, dan bukanlah untuk membina satu Lapangan Terbang baru, walaupun sebenarnya sebelum ini, sudah juga ada satu konsultan yang telah dilantik untuk mencari tapak-tapak bagi pembinaan untuk disimpan bagi kemungkinan digunakan pada

suatu masa yang akan datang bagi kegunaan lapangan terbang yang baru. Kerana keluasan tanah yang diperlukan untuk satu lapangan terbang itu adalah agak besar iaitu kira-kira 8 KM x 5 KM. Jadi apa yang terjadi pada masa ini kita hanya membuat *master plan* yang telah diberikan kepada Konsultan Petor Perunding untuk pembesaran Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa di Berakas. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam diluluskan.

Jurutulis: SN04A - Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang ingin saya timbulkan disini ialah:-

1. Tentang masa membuat pembayaran cukai jalan dan membarui lesen memandu akan dapat dipertimbangkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dibuka pada waktu-waktu rehat makan tengahari, seperti yang diamalkan oleh Jabatan Elektrik yang membuka kaunter pembayaran mereka pada waktu makan tengahari. Ini bagi tujuan memberi perkhidmatan yang terbaik pada orang ramai; dan
2. Yang ingin saya timbulkan ialah tentang keadaan kesesakan di pejabat dan kawasan Jabatan Pengangkutan Darat khususnya di Kuala Belait pada masa ini terutama pada hari-hari Sabtu, bila hari hujan lebat kawasan di sekelilingnya sering kedalaman dan kebanjiran.

Saya ingin mencadangkan supaya Pejabat Pengangkutan Darat yang ada sekarang ini dipindahkan ke suatu lokasi yang lebih sesuai, luas dan tinggi ataupun kalau tidak *possible* di *upgrade* saja bangunan yang sedia ada itu, supaya lebih luas dan memberi keselesaan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi, terima kasih dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

1. Mengenai dengan masa yang diambil untuk pembaharuan lesen memandu dan *road tax*, perkara ini diambil perhatian. Dan di samping itu saya ingin memaklumkan bahawa insya-Allah tidak lama lagi Jabatan Pengangkutan Darat akan me *roll-out* sistem Pengangkutan Darat, iaitu satu sistem di mana permohonan *road tax*, membarui lesen kereta dan lesen memandu akan dapat dibuat secara *online* insya-Allah dengan cara itu barangkali akan mengurangkan kesesakan di sana; dan
2. Mengenai kesesakan di Pejabat Pengangkutan Darat Kuala Belait, perkara ini juga dimaklumi dan jika Ahli Yang Berhormat meneliti rancangan kemajuan terdapat di sana rancangan untuk membina satu pejabat baru bagi Jabatan Pengangkutan Darat di Kuala Belait yang terletak di Kampong Mumong, insya-Allah bila Rancangan Kemajuan Negara ini berjalan, Kuala Belait akan mendapat sebuah pejabat baru. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Honorable Chairman, Cabinet Ministers, Members of Parliament. I have three issues to rise regarding Land Transport. First, ok speed device. The speed device is a warning*

light mounted on the top the vehicle. This speed device is to monitor the speed of the commercial vehicle which they must comply with the traffic regulations.

Sometimes the device is not functioning properly and the lights continue blinking even though the vehicles is travelling in the low speed. This sometime cause confusion to the motorist followed behind as they wonder whether the vehicle is turning to the left or turning to the right.

Honorable Chairman, I would like to ask the Land Transport or the supplier has such equipment to satisfy or check whether the device is functioning properly or comply with the international safety standard. The speed device cost commercial back owner roundabout \$650. This speed device has been abolished by most country like Singapore 30 years ago. And if I'm not mistaken Brunei implement this speed device in 1999 or 2000.

Honorable Chairman, since at the back of the heavy commercial vehicle there is already a warning speed limit, side at the rear stated 50 km/hr. If the driver is exceed the limit, it is the work of a traffic officers. In order to save unnecessary expenses and avoid confusion, I hope the Minister's concern should consider to abolish this device. My second question is about commercial permit. In Brunei every commercial vehicle big or small should have commercial permit. Before, private used as for hire. Only two country implement this, in

this world, there are Malaysia and Brunei. But in Malaysia, commercial vehicle below 5 ton don't need permit.

In Brunei Honorable Speaker, I believe it is appropriate that in order to have the SME, we should consider to weight permit for all commercial vehicle van below 3 ton. At the moment in Brunei as permit consist of variety ton each 95% of 5 ton above, I believe if the authority allowed commercial vehicle or van threaten below to operate without permit. This will not jeopardize the business of the S permit holder. It will be convenient also and helpful for all the SME and we have to cut cost or saving unnecessary expenses to hire a big truck to carry a small item to kampong-kampong.

Honorable Chairman, however to potaip the S permit holder, such vehicle below 3 ton without permit should not be permitted to go to the Muara was or for hire heavy penalties should be impose for any of them breaking this regulation. Thank you.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih dan terima kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan dua perkara tadi:-

1. Mengenai dengan *speed warning device* iaitu amaran had laju yang telah diperkenalkan sejak tahun 2002 yang bertujuan untuk memberi peringatan kepada para-para pemandu untuk

memandu tidak melebihi had laju yang dibenarkan bagi sebuah kenderaan komersial. Sebenarnya alat amaran had laju ini adalah menepati kehendak "Akta Amaran Laju Kenderaan Bermotor 2002" dan ini adalah sebagai langkah keselamatan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak penguatkuasa bagi memastikan pemasangan dan penggunaan alat amaran had laju dipasang pada setiap kenderaan komersial.

Adalah disedari bahawa pada masa ini penguatkuasaan atau pemantauan perlu dipergiatkan dari semasa ke semasa dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat. Dan pihak Kementerian Perhubungan mengambil maklum tentang keperluan untuk mengkaji semula mengenai bidang kuasa agensi-agensi yang berkenaan. Saya menghargai akan pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini dan ingin memaklumkan bahawa sebagai langkah jangka panjang Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang meneliti kemungkinan bagi penggunaan peralatan yang lebih efektif lagi yang telah berjaya digunakan oleh negara-negara lain seperti penggunaan *Online Vehicle System Monitoring* ataupun *Speed Limited*; dan

2. Mengenai dengan soalan kedua, permit untuk *commercial vehicle*,

mengikut Akta Lalulintas Jalanraya, *Road Traffic Act Chapter 68 section 59*, semua kenderaan komersial termasuk *stage carriers, motor omnibus, contract carriages, taxi cab, good service vehicles and such classes or description of public service vehicle* perlu mendapat permit tanpa mengira berat kenderaan berkenaan. Kementerian Perhubungan merasa bahawa ada masih keperluan bagi mengawal selia kenderaan komersial di Negara Brunei Darussalam dalam memastikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya adalah terkawal dan terjamin seperti keperluan pengawalan had laju pemeriksaan kenderaan setiap 6 bulan dan penggunaan *reflector*.

Dalam hubungan ini Lembaga Melesen pada masa ini memberi beberapa jenis permit kenderaan komersial termasuklah permit jenis (P) iaitu persendirian, dan permit jenis (S) iaitu sewa. Permohonan bagi mendapatkan permit adalah berasaskan kepada pemohon memenuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor menyedari akan keperluan orang ramai khasnya pemilik-pemilik syarikat ataupun yang SME dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi untuk mendapatkan permit ini.

Oleh yang demikian Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor masih berusaha lagi untuk mempercepat dan meningkatkan lagi proses pengeluaran permit-permit yang dimaksudkan itu. Sekian sahaja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ingin membuat dua pertanyaan:-

1. Mengenai dengan tempat menunggu bas atau perhentian bas yang mana dimaklumi memang ada sudah tempat-tempat yang dibina oleh Jabatan ini. Walau bagaimanapun dipohonkan mana-mana tempat yang belum lagi ada parking bas tersebut seperti di kawasan jalan Kampong Sungai Kebun dan juga sebahagian daripada kawasan-kawasan rumah perpindahan yang memerlukan termasuklah kawasan perpindahan Kampong Kelugos Lumapas; dan Kawasan tempat sekolah memandu di daerah ini yang mana ketika ini kawasan sekolah memandu diadakan di kawasan parking kereta berhampiran dengan Stadium Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara yang macam ini tidak kah boleh Ahli Yang Berhormat terus bertanya kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Perkara ini terlalu kecil untuk dibincangkan di sini. Saya cadangkan perkara-perkara yang terlalu

menyusahkan rakyat yang sebegitu patut diambil berat. Tak usah menunggu setahun sekali untuk bermesyuarat di dalam Majlis Mesyuarat ini. Perlunya diberitahu terus kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan segera diambil tindakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Munkan ampun, abis peramba menjunjung sabda, cuma sedikit sahaja mohon izin untuk meneruskan maksud yang kedua supaya dipohonkan pondok yang lebih selesa dan sesuai yang bersifat sementara untuk digunakan bagi sekolah memandu dan juga orang ramai. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi junjung kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan tempat perhentian bas kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat meneliti di dalam anggaran belanjawan Jabatan Pengangkutan Darat pada setiap tahun ada peruntukan untuk membina pondok-pondok bas.

Jadi insya-Allah ianya dibuat setiap tahun dan pada tahun ini, jika bajet ini diluluskan kita akan menambah lagi pondok-pondok perhentian bas dan kita mengambil maklum akan keperluan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan kawasan tempat sekolah memandu sebenarnya litar baru bagi sekolah memandu ini dan tempat ujian sudah pun ada di Sungai Akar pada masa ini, dan jika kemudahan-

kemudahan yang lain dapat dilaksanakan. sekolah-sekolah memandu ini akan berpindah ke tempat tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Untuk menarik ejen-ejen kereta beroperasi di Daerah Tutong, maka saya cadangkan bahawa Jabatan Pengangkutan Darat Tutong supaya akan dapat mengadakan pendaftaran kereta baru seperti mana juga Jabatan Pengangkutan Darat, Daerah Brunei dan Kuala Belait. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi cadangan itu diambil maklum. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sudah pernah juga menyuarakan di Dewan Persidangan yang mulia ini mengenai dengan had laju kenderaan bermotor yang masih lagi menjadi persoalan orang ramai di Temburong iaitu jalan raya yang sudah dinaikkan tarafnya. Jalan raya daripada Ujung Jalan Puni Temburung menuju ke Pos Pengkalan Labu memanjang sahaja 65 KM sejam. Supaya dapat dipohonkan untuk dinaikan taraf had kelajuannya kepada 80KM sejam di tempat-tempat kawasan yang

bersesuaian. Peramba memohon akan mendapat pertimbangan dalam perkara ini dan mengikut jawapan yang sudah diberikan adalah dalam pengkajian, peramba juga memohon penjelasan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebenarnya perkara untuk menetapkan had laju di satu kawasan itu bukanlah hanya terletak kepada Jabatan Pengangkutan Darat, tetapi melibatkan beberapa agensi-agensi dalam kerajaan yang lain, dan untuk makluman bahawa jalan raya dari Ujung Jalan ke Labu itu pada mulanya bukanlah untuk tujuan jalan yang boleh dilalui dengan 85KM. Bagaimanapun sebagaimana yang telah dimaklumi Ahli Berhormat, perkara itu sedang diteliti oleh agensi-agensi yang berkenaan. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat diluluskan.

Jurutulis : SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan sebagai sebahagian Jadual. SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pada Mesyuarat kali keempat pada tahun lepas, saya difahamkan satu kajian bagi menswastakan Jabatan Pos akan dibuat. Pekerja-pekerja di jabatan tersebut telah meluahkan kebimbangan mereka akan rancangan tersebut dan ada beberapa komen telahpun saya dengar dan terbaca, seperti media-media masa mengenainya. Sesetengah mereka merasa bimbang sebab takut kehilangan pekerjaan dan sumber mata pencarian. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya sama ada kajian-kajian dijalankan. Jika selesai apakah perancangan jabatan pada masa ini, sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih atas soalan tersebut. Memanglah pada peringkat bila perkara ini ditimbulkan dahulu ianya adalah untuk memulakan satu *feasibility study* dan *feasibility study* itu telahpun dilaksanakan, tetapi untuk mengkorporatkan sesebuah jabatan kerajaan itu perlulah kitani membuat banyak pertimbangan-pertimbangan yang tertentu termasuklah pertimbangan-pertimbangan bukan sahaja sama ada ia *commercial value* dan

sustainable untuk berjalan sebagai satu badan korporat. Tetapi juga perkara-perkara yang bersangkutan dengannya jadi pada peringkat ini perkara ini masih dalam penelitian.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka tajuk SN06A – Jabatan Perkhidmatan Pos ini diluluskan.

Jurutulis: SNO6A - Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SPO1A - Kemajuan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat sebarang pertanyaan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Belanjawaan Kemajuan ini adalah besar butir-butir yang ada di lampiran 1013 yang ada sekarang. Saya silakan untuk menganjurkan pertanyaan-pertanyaan setelah meneliti kertas-kertas yang telah diberikan kepada semua Ahli, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmannir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung izin Tuan Peramba untuk menghuraikan secara ringkas sahaja cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini. Mudah-mudahan dengan adanya penerangan ringkas ini ianya akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbincangan kita dalam Jawatankuasa ini. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:-

1. Pada keseluruhannya peruntukan Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2009/2010 masih lagi dikekalkan sebanyak \$1,050 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$9.5 billion. Ianya adalah sebagai kesinambungan dalam pelaksanaan perancangan di bawah Wawasan Negara 2035. Dengan mengekalkan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) sebanyak \$1,050 juta bagi tahun kewangan 2009/2010, ianya menandakan komitmen kerajaan dalam melaksanakan dasar dan strategi bagi mencapai matlamat perencanaan kemajuan jangka panjang dan Wawasan Negara 2035;
2. Keseluruhan perbelanjaan pembangunan sama ada melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN),

sektor minyak & gas atau pelaburan pihak swasta (seperti projek Methanol) dijangka akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi (*economic stimulus*), meningkatkan perusahaan sederhana dan kecil-kecilan (SMEs) serta membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta; dan

3. Bagi tahun kewangan 2009/2010, RKN akan menumpukan kepada kegiatan-kegiatan berikut:-

3.1 Meneruskan usaha melaksanakan langkah-langkah pembaikan pelaksanaan projek-projek RKN yang bermula pada tahun kewangan 2007/2008 termasuk:-

- i. Mempercepatkan proses pelantikan konsultan dan pelaksanaan projek melalui setiap Kementerian;
- ii. Menggalakkan penggunaan kaedah *design and build*, khususnya bagi projek-projek yang memberikan *multiplier effect* seperti projek-projek perumahan, infrastruktur, kemudahan awam dan sebagainya; dan
- iii. Pelaksanaan projek yang bersesuaian melalui program *Public Private Partnership (PPP)* bagi mengurangkan

- beban pihak kerajaan dalam menyediakan peruntukan Kementerian setiap tahun.
- 3.2 Di bawah proses *review mechanism* yang diwujudkan melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), cadangan kemasukan projek-projek baru yang bersesuaian ke dalam RKN akan terus dipertimbangkan termasuk program bagi keselamatan makanan (*food security*), pendidikan dan sebagainya; dan
- 3.3 Meneliti semula keseluruhan prasarana awam (*public infrastructure*) yang terjejas akibat kejadian banjir yang dialami baru-baru ini. Melalui penelitian ini, beberapa projek prasarana awam yang dikenal pasti akan dimasukkan ke dalam senarai projek-projek RKN 2007-2012 untuk dilaksanakan.
4. Anggaran peruntukan RKN 2009/2010 adalah juga disediakan berasaskan kepada penekanan Rancangan Kemajuan Negara kepada 4 Teras Pembangunan RKN 2007/2012 iaitu:-
- i. Untuk mempercepatkan pembangunan sosial dan mempertahankan kestabilan negara. Peruntukan RKN Tahun Kewangan 2009/2010 ini memperuntukkan 48% dari keseluruhan peruntukan bagi mengembangkan strategi pembangunan infrastruktur; strategi jaminan sosial; strategi keselamatan; dan strategi alam sekitar;
 - ii. Untuk meluaskan asas ekonomi dan mengukuhkan asas bagi ekonomi yang berteraskan pengetahuan (Knowledge-Based Economy), 23% telah diperuntukkan bagi mendokong dua strategi utama iaitu Strategi Ekonomi dan Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan;
 - iii. Untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, sejumlah 23% daripada peruntukan telah disediakan untuk mendokong strategi pendidikan; dan
 - iv. Untuk memperkukuhkan kapasiti institusi, sejumlah 6% daripada peruntukan telah disediakan bagi mendokong strategi pembangunan institusi.
5. Dalam RKN 2007-2012 sebanyak 1,063 projek dengan harga rancangan B\$9,500 juta telah diluluskan. Sehingga bulan Mac 2009 status pelaksanaan projek RKN ini adalah seperti berikut :-

- i. Sebanyak 524 projek (bernilai B\$4,994 juta) telah siap atau di dalam peringkat pelaksanaan;
 - Penggunaan Awam diperuntukkan sebanyak \$160.7 juta atau 15.3%;
 - Pengangkutan dan Perhubungan disediakan sebanyak \$112.3 juta atau 10.7%;
 - Teknologi Info – Komunikasi diperuntukkan sebanyak \$85.6 juta atau 8.2%;
 - Bangunan Awam \$78.9 juta atau 7.5%;
 - Keselamatan \$42.0 juta atau 4.0%;
 - Rampaian \$22.6 juta atau 2.1%; dan
 - Sains & Teknologi dan Penyelidikan Pembangunan diperuntukkan sebanyak \$21.6 juta atau 2.1%.
 - ii. Sebanyak 70 projek (bernilai B\$661 juta) dalam peringkat tawaran;
 - iii. Sebanyak 68 projek (bernilai B\$614 juta) dalam peringkat reka bentuk; dan
 - iv. Sebanyak 401 projek (bernilai B\$3,231 juta) dalam peringkat perancangan.
6. Keseluruhan perbelanjaan RKN bagi tahun kewangan 2008/2009 (sehingga bulan Mac 2009) dianggarkan berjumlah kira-kira B\$650 juta. Dalam masa yang sama projek-projek yang sedang dalam peringkat tawaran (bernilai B\$700 juta) dan yang telah dilantik konsultan (bernilai B\$730.3 juta) dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya dalam tahun kewangan 2009/2010;
7. Pengagihan peruntukan mengikut sektor peruntukan ini adalah seperti berikut:-
- Perkhidmatan Sosial diperuntukkan sebanyak \$316.4 juta atau 30.1%;
 - Perindustrian dan Perdagangan \$209.9 juta atau 20.0%;

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebagaimana yang telah disampaikan dalam pembentangan Kertas Belanjawan pada minggu lepas bagi Tahun 2009 ini, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menganggarkan kadar pertumbuhan ekonomi adalah lebih baik daripada Tahun 2008, iaitu di antara 1.2% hingga 31%. Perkembangan positif ini akan dibantu oleh peningkatan pelaburan dan sektor kerajaan terutama lapangan projek RKN, projek sektor minyak dan gas dan loji methanol yang dijangka menjana pertumbuhan dalam sektor-sektor pembinaan, kewangan, perdagangan, pengangkutan dan perhubungan.

Walau bagaimanapun unjuran pertumbuhan yang positif ini mempunyai risiko pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh pengeluaran dan pengeksportan minyak dan gas yang lebih rendah berbanding di Tahun 2008 dan berkurangnya permintaan negara-negara pengimport minyak dan gas Brunei disebabkan oleh kelembapan ekonomi negara-negara tersebut.

Sekian apa jua soalan yang akan diajukan sudah setentunya akan dijawab oleh rakan-rakan sejawat peramba di sebelah sini mengikut sektor-sektor yang relevan bagi kementerian-kementerian masing-masing. Sekian menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:
Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Kemajuan 929 - Projek BEBD, pihak BEBD baru-baru ini telah mengeluarkan dua kenyataan, sebelum itu Yang Amat Mulia Pengerusi, saya ingin memastikan bahawa peruntukan bagi tahun 2009/2010 ialah \$119,283.000.000 kalau tidak silap saya, pihak BEBD baru-baru ini telah mengeluarkan dua kenyataan iaitu, loji *methanol* akan mula mengeluarkan *methanol* nya pada tahun hadapan kemudian diikuti lagi dengan satu kenyataan di mana pihak BEBD akan membina 2000 unit rumah membantu RKN.

Saya ingin mengetahui berapa ramai syarikat-syarikat tempatan diberi kontrak bagi mengendalikan projek-projek ini, dan sudahkah anak-anak tempatan mendapat peluang-peluang pekerjaan di bawah projek ini terutamanya perkembangan SMEs di Negara Brunei Darussalam. Demikian saja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi buat kali ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan projek *methanol*, pembinaan loji *methanol* ini sedang berjalan dengan lancarnya, di projek Industri Sungai Liang pada masa ini, dan adalah dijangka bahawa loji ini akan siap pada penghujung tahun ini, dan loji ini adalah dijangka mula beroperasi dan akan mengeluarkan hasil pada permulaan Tahun 2010.

Mengenai dengan kerja-kerja pembinaan ini peramba percaya bahawa banyak syarikat-syarikat tempatan telahpun mendapat manfaat daripada pembinaan ini daripada segi pembinaan infrastrukturnya, termasuk jalan raya dan juga penyediaan sekitarnya.

Mengenai dengan perumahan yang 2000 buah, yang sedang dirancang untuk dibina di kawasan Mumong, peramba difahamkan syarikat yang mendapat *tender* untuk membangun adalah sebuah syarikat yang berasal daripada Malaysia dan Syarikat ini mempunyai kemampuan untuk menyiapkan

satu projek yang mempunyai jumlah pembangunan yang besar, sekianlah saja yang dapat dimaklumkan mengenai dengan perkara ini.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya akan menyentuh Tajuk 923, Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi, peruntukan untuk Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi bagi 2009/2010 hanyalah \$85 juta. Yang kita ketahui bahawa dalam RKN 2007/2012 diperuntukkan kira-kira satu billion yang bererti peruntukan bagi tiap-tiap tahun lebih kurang \$200 million. Jika kita melihat angka yang dibelanjakan untuk 2007/2008 sebanyak \$73 juta, 2008/2009 \$54 juta, 2009/2010 \$85 juta. Jumlahnya kira-kira \$212 juta. Jadi apa yang saya fahami atau perkiraan saya itu betul, apa yang dicapai ataupun dilaksanakan hanyalah kira-kira 22%. Apakah sebabnya perkara begini berlaku dan apakah langkah-langkah untuk menangani masalah-masalah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ICT ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, itu kepada muka surat 122, di mana jumlah peruntukan yang terperinci bagi Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi ini ada dilampirkan dan ini nampaknya berbeza dengan muka dua yang

telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Butir-butir yang terperinci ada di dalam peruntukan ini. Mengenai dengan projek ini status yang terkini ialah sehingga Mac tahun 2009 sebanyak 56 Projek E-Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telahpun dilaksanakan dan begitu juga di kementerian-kementerian lain telahpun juga banyak dilaksanakan projek-projek yang telahpun dirancangan itu.

Barangkali salah satu daripada sebab-sebab kelambatan projek ini ialah kurang penyelarasan di antara kementerian-kementerian dan pengguna-pengguna dengan kumpulan penyelarasa *E-Governmen* mengenai dengan projek ini. Walau bagaimanapun pemantauan sedang dijalankan untuk mempercepatkan lagi projek *E-Government* ini supaya ia akan dapat dilaksanakan dengan seberapa segera. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Katakan tajuknya supaya senang diperhatikan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Tajuknya Jalan Raya 907 Jalan Raya. Saya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mohon penjelasan dan kepastian, projek menaikan taraf Jalan Sungai Mau, Merangking, Buau di Daerah Belait di mana peruntukan bagi tahun 2009/2010 \$600,000.00. Saya cuma ingin mengetahui bila akan dijalankan/dimulakan.

Yang kedua, ialah mengenai dengan *Rehabilitation of Sungai Liang Labi Road* di mana peruntukan pada 2009 dan 2010 kosong. Saya minta penjelasan daripada Jabatan kerja Raya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kalau bajetnya itu sudah ada ertinya akan dijalankan pada atulah, walaupun asal projek 5 tahun mungkin ia akan dijalankan beberapa tahun, tetapi projek yang ada pada tahun depan ialah \$500,000.00. Mengenai *Rehabilitation Sungai Liang Labi Road* ini, walaupun di sini tidak ada beberapa kerja-kerja yang lain yang ada dalam peruntukan tahunan Jabatan Kerja Raya, akan diadakan juga akan dijalankan jua, tetapi ertinya bukan inada ada di sini, tidak akan dijalankan tetapi kerja itu akan dijalankan serangkai dengan kerja-kerja yang lain yang ada dalam peruntukan tahunan Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan bagi keseluruhan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang Berhormat sila beri tajuk apa, senang saya mengikut.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan

Tudin: Peramba ingin menimbulkan keseluruhan tajuk dalam Anggaran Perbelanjaan Negara April 2009 hingga Mac 2010 di bawah tajuk-tajuk projek yang disenaraikan, kalau dilihat di bawah Tajuk kecilnya banyak projek-perojek telah tidak digunakan sama sekali bagi Tahun Perbelanjaan 2007 / 2008 iaitu lebih kurang 823 projek misalnya di bawah Pertanian sebanyak 25 projek tidak dipakai, di bawah Perumahan Negara sebanyak 125 projek tidak di pakai. Tajuk-tajuk lain juga banyak peruntukan yang telah disediakan bagi 2007 / 2008 tidak digunakan peruntukannya. Saya ingin tahu, apakah sebab-sebab peruntukan yang telah disediakan itu? untuk itu yang telah dibenarkan tidak digunakan pada tahun 2007 / 2008. Saya berharap peruntukan yang disediakan bagi tahun-tahun yang ianya diperuntukan akan dapat digunakan sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Berhormat Pengiran, izin kan peramba memberikan satu jawapan yang boleh dikatakan menyeluruh apa yang berlaku *intention* atau tujuan asal memanglah mengadakan satu peruntukan untuk melaksanakan projek itu, tetapi oleh kerana beberapa sebab seperti pelantikan konsultan dan prestasi-prestasi kontrak dan kadang-kadang keadaan cuaca yang tidak mengizinkan, beberapa projek-projek itu terlambat tetapi Alhamdulillah dalam projek lima tahun ini, walaupun projek itu tidak dijalankan selalunya projek-projek

itu dapat dijalankan atau dibubut secara lebih pesat dalam tahun kemudiannya. Jadi Alhamdulillah walaupun setengah-tengah projek itu tidak berjalan seperti yang dirancang dalam harga rancangan itu, insya-Allah pada tahun-tahun depannya projek itu akan dijalankan dengan lebih pesat lagi. Atu saja jawapan secara makro atau menyeluruh.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada lagi ingin membahaskan pada tajuk ini, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Kemajuan. Jadi dengan demikian Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SPO1A – Kemajuan - dijadikan sebahagian daripada Jadual. Bab 1 Gelaran Pendek.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Bab 1 Gelaran Pendek diluluskan.

Jurutulis: Bab 1 Gelaran Pendek dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Akta ini boleh digelar sebagai “**Akta Perbekalan (2009/2010) 2009**” dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb. April 2009. Maka oleh kerana nampaknya perbahasan kitani mengenai dengan belanjawan telahpun sempurna diselesaikan. Maka dengan demikian saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan saya akan balik ke Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis bersidang semula.

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan, saya memohon izin memberitahu bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar “**Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009/2010 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-**

Maksud Tertentu” telah dipertimbangkan dalam Persidangan Jawatankuasa yang telah dipersetujui dengan tidak ada pindaan.

Sekarang saya memohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca dan diluluskan. Sekian terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Ada sokongan supaya Rang Undang-Undang dibaca kali ketiga dan diluluskan. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Nampaknya Rang Undang-Undang Kewangan yang dibawakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua), tadi telah dipersetujui ramai. Maka dengan sendirinya Rang Undang-Undang ini diluluskan untuk dilaksanakan oleh kerajaan sekarang.

Jurutulis: “Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2009-2010 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu”.

Perkara Yang Kelapan, Ketetapan yang pertama akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin

Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkanlah saya menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja Nombor 1 Tahun 2009 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2008 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua Dewan, sebanyak 24 Perintah yang disenaraikan tersebut telahpun dengan kurnia diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman bersama, sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudahpun berjalan pada tahun lalu dan sebahagiannya lagi akan berjalan, insya-Allah pada tahun ini.

Ke semua Perintah-Perintah itu telah juga diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-Perintah ini dilaksanakan untuk membolehkan jentera-jentera kerajaan berfungsi dengan lebih teratur dan sempurna mengikut keperluan negara. Dengan sebab itu, maka Perintah-

Perintah yang telah diperkenankan ini pada pendapat saya tidaklah perlu lagi untuk dibahaskan, sebaliknya sesuailah ia ditetapkan dan diluluskan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keterangan mengenai dengan Perintah-Perintah yang saya nyatakan ini adalah seperti yang tertera dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara Bilangan Perkara 4. Izinkanlah saya seterusnya mencadangkan Usul yang berbunyi:-

“Bahawa Majlis ini membuat ketetapan Fasal 7 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 dari Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan dihadapkan ke Majlis ini sebagai Kertas Bilangan 1 Tahun 2009 adalah masing-masing melalui dari tarikh Perintah-Perintah itu dibuat dan diluluskan”.

Sekian.

Yang Di-Pertua Dewan: Menteri Pendidikan telah mengemukakan ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1959 dan ada sokongan. Saya bukakan kepada Ahli-Ahli untuk memperbahaskan perkara ini sekiranya Ahli-Ahli ingin memperbahaskannya.

Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli yang ingin memperbahaskan perkara ini, saya minta yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Yang bersetuju menang dan ketetapan diluluskan.

Jurutulis: Ketetapan yang kedua ialah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada yang ingin bercakap bagi sebarang perkara siapa bersetuju angkat tangan. Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan sila bangun.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, menurut Peraturan 4 (2) saya sukacita majlis ini membincangkan Perkara 8 (II) di dalam agenda. Alasan saya untuk memohon sedemikian Yang Di-Pertua Dewan ialah kerana Ketetapan ini juga

berhubung dengan kuasa-kuasa majlis dalam meluluskan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 dan pertimbangan awal akan membolehkan pihak kerajaan menjalankan projek Kemajuan bagi tahun kewangan hadapan. Terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah mencadangkan satu ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (136) dan ada sokongan, saya bukakan untuk perbahasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Di-Pertua Dewan, Saya mohon izin untuk berdiri bagi mensyorkan Ketetapan yangmana akan menguntukkan bagi Belanjawan Kemajuan bagi tahun 2009/2010 di bawah akaun SPO1A. Dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2009/2010 terdapat peruntukan sejumlah \$1,050,000.000 juta yang dipohonkan supaya dipindahkan kepada Kumpulan Wang Kemajuan. Butir-butir perbelanjaan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas Bilangan 2/2009. Penerangan-penerangan ringkas mengenai peruntukan RKN juga telahpun saya terangkan semasa majlis ini bersidang di dalam jawatankuasa dan telahpun diluluskan secara keseluruhannya oleh Dewan ini semasa mencadangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2009/2010.

Oleh itu Yang Di-Pertua Dewan, saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sepertimana yang telah dirancang. Dari itu Yang Di-Pertua Dewan, saya sukacita mensyorkan supaya majlis ini menetapkan menurut cerai 2 dari Bab 4 Undang-Undang Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136. supaya perbelanjaan yang berjumlah \$1,050,000.00 juta dibenarkan dan diperuntukkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud yang dinyatakan di dalam Anggaran-Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2009/2010 yang terbentang sebagai Kertas Bilangan 2/2009. Terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Saya meminta ahli-ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli bersetuju angkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Yang bersetuju telah banyak, maka dengan sendirinya tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Perkara yang ke 9, ucapan-ucapan penangguhan. Ucapan penangguhan yang pertama akan dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Bismillahir Rahmanir Rahim. Asalamualaikum Waramatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah setelah majlis yang mulia ini bersidang selama 7 hari, maka saat ini kita telah sampai di penghujung persidangan kita. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana atas ketekunan, kesabaran, ketegasan dan kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan, permesyuaratan kita telah berjalan dengan baik, penuh teratur dan lancar. Hasilnya, di sepanjang persidangan ini, kita telah sama-sama sepakat meluluskan beberapa perkara yang sangat penting untuk menentukan kelicinan perjalanan kerajaan sepanjang tahun yang akan datang ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil pula peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana setelah beberapa hari kita bersidang, permesyuaratan kita kali ini telah dapat kita laksanakan dengan penuh harmoni dan penuh persefahaman. Penghargaan ini juga ditujukan khusus kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, kerana mereka telah berjaya membangkitkan berbagai-bagai persoalan dan telah menyampaikan luahan isi hati nurani rakyat jelata di serata kampung, mukim dan daerah untuk sama-

sama didengar dan difikirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini. Di pihak kerajaan di sebelah sini pula, kita akan terus berusaha sebaik-baiknya untuk memperjelaskan kewahaman dan apa jua isu yang menjadi persoalan Ahli-Ahli Yang Berhormat itu tadi. Hasrat kita di sebelah sini adalah supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana memperolehi kefahaman yang mendalam terhadap maksud dan tatacara pelaksanaan satu-satu usaha dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan.

Saya juga amat memandangi tinggi terhadap Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana di dalam waktu yang singkat ini telah berupaya membangkitkan persoalan-persoalan dalam usaha mengatasi apa jua isu atau cabaran yang telah diungkapkan di persidangan kita kali ini.

Walau bagaimanapun, kita haruslah sama-sama mengetahui bahawa apabila merancang dan melaksanakan sesuatu tindakan, perubahan, program atau apa jua projek, pihak kerajaan mempunyai perancangan tertentu, sama ada untuk jangka pendek, jangka sederhana, mahupun jangka panjang. Pada lazimnya pihak kerajaan adalah terbuka untuk menerima pertanyaan-pertanyaan jika ada pihak-pihak yang waham terhadap apa jua yang dilaksanakan oleh kerajaan itu, tanpa perlunya menunggu hingga ke saat majlis ini kita dijalankan. Dengan kata lain, Ahli-Ahli Yang Berhormat haruslah membuat kajian mendalam terhadap perkara yang

dilaksanakan oleh kerajaan yang menjadi isu di kalangan rakyat jelata negara ini.

Sebagai penyambung lidah di antara rakyat dengan kerajaan dan di antara kerajaan dengan rakyat, maka Ahli-Ahli Yang Berhormat harus mampu bukan sahaja menyampaikan luahan hati rakyat tetapi diharapkan akan dapat berupaya pula untuk menerangkan apa yang diperolehi dan difahami daripada pihak kerajaan dengan sejelas-jelasnya kepada kepada rakyat yang berkewahaman itu.

Pada misalnya, dalam keadaan ekonomi dunia yang genting ini, banyak hal yang terpaksa melalui proses perubahan dan penyesuaian semula. Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam merancang dan mengorak langkah kerana kita tidak akan sekali-kali menjadikan masa hadapan negara kita ini sebagai satu percaturan. Kita hendaklah mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa yang pernah dialami oleh negara-negara lain akibat daripada kemelut ekonomi dunia itu sendiri.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua semasa membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Brunei Darussalam Pada Tahun Kewangan 2009 dan 2010, bahawa kerajaan dijangka akan mengalami *defisit* belanjawan yang begitu besar. Ini bermakna semua pihak perlu berhati-hati dan berhemat dalam berbelanja agar dapat menepati sasaran kerajaan itu.

Sehubungan dengan itu, saya dan rakan-rakan saya di sebelah sini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana memahami kedudukan ini dan marilah kita sama-sama mengubah mentaliti dan sikap yang selalu mengharapkan subsidi kerajaan kepada sikap mandiri dan sara sendiri. Mentaliti dan sikap yang terlalu bergantung kepada kerajaan itu adalah nampaknya kurang relevan dengan perkembangan kita pada masa ini, tambah-tambah lagi di dalam keadaan *financial landscape* di masa hadapan yang masih kabur dan belum tentu kedudukannya itu.

Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang telah kita capai dalam tempoh persidangan yang singkat ini, tidak lain melainkan adalah untuk kemanfaatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang sama-sama kita cintai ini. Hasrat ini barang setentunya adalah selari dengan hasrat dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan dan juga kerajaan baginda dalam menyusun langkah yang teratur dan berkesan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang makmur, maju, aman damai dan penuh berdaulat sebanding dengan negara-negara maju yang lain di dunia ini.

Permesyuaratan kita ini adalah sebagai landasan bagi kita semua berunding dan bermuafakat dengan hati yang penuh tulus ikhlas dan telus diiringi dengan niat yang

lurus demi agama, nusa dan bangsa. Insya-Allah kita akan bertemu dan meneruskan lagi permesyuaratan kita pada masa yang akan datang dan terima kasih. Dengan itu Yang Di-Pertua Dewan, saya dengan hormat, dengan penuh syukur dan tawakal ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala jua ingin mencadangkan supaya persidangan kita kali ini ditangguhkan. Sekian.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan Yang Kedua akan dibawa oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Di-Pertua Dewan, Cabinet Ministers and members of the Parliament.

Thank you very much for giving me this opportunity to raise up some of the important issue.

1. *Abolition of poverty or penghapusan kemiskinan*

Poverty is a big problem. His majesty The Sultan and yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darusslam has set the abolition of poverty by the year 2035 as a "national vision"

Poverty can create various other social problem that can threaten the political and economic stability, peace and security of the country.

So we can see the seriousness of the problem of poverty. In my view, we must find long-term measures how to solve it.

Giving money or subsidies is not a solution.

Yang Di-Pertuan Dewan, I strongly believe the best way to abolish poverty is through building the capacity of the people by providing them with the right education and training- in other words, develop the human capacity.

This means we must have variety of educational and training programmers to produce professional, skilled, semi-skilled and unskilled people.

Therefore, we must set up a committee to implement training schemes for these people.

After identifying the training schemes, we have to set up training centre or schools to train people for each skill.

Secondly, we also must encourage and welcome foreign investors to Brunei by giving them special incentives such as good infrastructures, free tax and make doing business 'EASY' for them by for example, making the application process simple, subject they must employ local employee.

It should be made compulsory for foreign Investors and local businessman who

have set up business in Brunei for a long time they must employ local. We should also give them incentives like tax deductions based on the number of locals they employ. And the more locals they employ, the more tax rebates they should get.

One of the conditions for foreigners who want to apply to become permanent resident. They must employ 30% locals of their total workforce.

We must work together so that by 2035 or even earlier, poverty no longer exists in Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertuan Dewan. Let me now turn to "Ease of doing Business";-

- 1. According to the World Bank Report, Brunei declined from 83rd (eighty third) in the world to 88th (eight eight) out of 120 country in terms of "Ease Of Doing Business"; and*
- 2. Property Transactions;*
 - I. According to the World Bank Study, Brunei came 'last' in the world when it came to the ease and transparency of buying and selling property; and*
 - II. It can take 12 to 18 months or more to facilitate the legal transfer of tile. Even then it is some times declined.*

This is not an encouraging image or perception.

Our risk going down further as no clear action has been taken to address the findings.

We need to keep up with changes in the world. We cannot afford to be left behind while the world around us change and move forward.

Failing to keep with Time and Changes is disastrous and will leave us behind. And to recover it will take us many years by which time others have moved further ahead.

In view of the importance and urgency to address these findings, I proposed that a task force is established to review the findings and recommend and implement solutions. The task force should include:-

- Private sector (e.g lawyer, bankers, business leaders, chambers of commerce);*
- Brunei Economic Development Board; and*
- Ministry of Industry and Primary Resources.*

To make it effective, the task force should be given authority to make the changes necessary.

In addition, monthly or quarterly report should be submitted to higher authorities to advice of progress and many barriers to change.

Like Malaysia Pemudah which are very successful in attract foreign investor. It is a task force between government and private sectors to assist for these investor wanted to invest in Malaysia. This is a good example that we should consider.

Yang Di-Pertua Dewan, Lastly, I extend my congratulations to you on the way you conducted the meeting so it went smoothly and in a friendly atmosphere. I also must congratulate the second Minister of Finance for his professional and clear way he presented the 2009-2010 budget. It is laudable budget has included allocations towards various efforts to be undertaken to abolish poverty. Thank you very much.

Jurutulis: Ucapan penagguhan ketiga akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih, Yang Di-Pertua Dewan, Yang Berhormat dan kawan-kawan sebaya dalam ucapan penagguhan ini saya akan mengutip satu persatu rangkaian kata-kata titah, yang saya anggap adalah hikmahnya bagi majlis ini, untuk kebajikan rakyat dan negara di masa kini dan di masa akan datang.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada sidang Mesyuarat Kali Kelima bagi Musim Pertama pada 12 Mac 2009 yang lalu.

Seperti lazimnya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjadi persidangan ini sebagai wadah untuk mencetuskan idea-idea baru lagi bernas bagi membantu kerajaan untuk melakar strategi-strategi pembangunan yang diperlukan. Yang Di-Pertua Majlis pada pendapat saya yang janggal ini kita duduk dan bersidang dalam Majlis Mesyuarat Negara ini, tidak hanya menyemak, menatap dan melihat, Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2009/2010 semata-mata (Buku Bajet 2009-2010).

Buku ini adalah sebagai asas dan landasan, satu persatu perkara-perkara mengenai penggunaan wang negara dalam pentadbiran kerajaan semata-mata untuk keperluan rakyat dan negara. Saya difahamkan bahawa majlis ini tidak boleh untuk mengubah walau sedikitpun angka-angka abjad yang ada tercatat di dalamnya, adalah hasil keperluan "Sidang Kabinet". Yang Dipertua Majlis, kita bersidang di sini dengan kepimpinan bijaksana oleh Yang Di-Pertua Majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengharapka cadangan-cadangan dan pandangan yang baru, logik, ada fakta berasas, bernas dan dapat digunapakai pada

masa terkini dan masa akan datang, adalah diperlukan.

Selain dari itu baginda juga bertitah dan mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak akan terlepas pandang begitu sahaja, terhadap semua projek-projek atau kerja-kerja terbengkalai dan tiba-tiba berhenti, di mana baginda melahirkan kekhuatiran dengan terhentinya kerja-kerja akan meyumbang belanja yang lebih besar untuk menyiapkan dan menyelesaikan kesempurnaan projek berkenaan.

Yang Di-Pertua Dewan, untuk melakar dan menjelaskan dalam aspek ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat memerlukan masa dan waktu yang panjang bagi menerang dengan tulus akan realiti terhadap satu-satu perkara yang dibincangkan berpandu kepada fakta dan kenyataan. Ini adalah titah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya bersidang dan bercakap, dan menunjukkan imej terbaik dengan sistem yang kita pakai. Dan dibentangkan buah-buah fikiran yang bernas tanpa takut-takut atau malu-malu dan ragu.

Pada kebiasaannya apabila sidang belanjawan berlaku, orang ramai dan rakyat berminat untuk mengikuti perjalanan majlis dan terhadap perkara-perkara yang dibincang oleh majlis yang melibatkan kebajikan rakyat.

Dalam hubungan inilah ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat, perlu menerang

dengan panjang lebar dan sejelas-jelasnya kepada sesuatu perkara yang dikemukakan supaya dapat difahami dan mengelak salah tanggapan di pihak berkenaan. Saya berpendapat kehadiran kita semua adalah semata-mata kerana bagi tujuan menjaga kebajikan rakyat dan menyelesaikan masalah mereka. Dengan adanya perbincangan dari hati ke hati di antara kita semua dalam majlis ini, diharapkan akan melahirkan suasana dinamis, aman damai tenteram untuk tatapan rakyat dan negara umum. Dan akhirnya saya ingin menyampaikan beberapa rangkap pantun untuk tatapan kita semua. Izinkan Yang Di-Pertua Majlis:

***Hadir ke majlis berbaris-baris,
Ikut peraturan di beri notis,
Atas bijaksana yang Di-Pertua Majlis
Semua perbincangan selesai beres***

***Kita hadir ikrar janji
Bersama Menteri yang sudi menghadiri
Dari rakyat kami diberi
Untuk kemakmuran rakyat dan negeri***

***Adat berbincang menegak kebenaran
Semoga perkara mendapat keredaan
Kalau ada kat-kata celaan
Ampun dan maaf Jadi pintaan***

***Perbincangan majlis hari ke hari
Dengan bahasa penuh bererti
Tiada tersimpul di dalam hati
Kata-kata terlanjur ditarik kembali”***

***Hadir ke majlis menunai amanah
Dari rakyat dan juga pemerintah***

***Tiada niat untuk melatah
Kita mengakui tidak sebayah***

***Di hari terakhir kita berpisah
Segala perbincangan selesai sudah
Harapan rakyat begitu indah
Dengan kata-kata penuh bermadah***

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih, Yang Berhormat sungguh manis pantunnya.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang keempat oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan yang telah memimpin kita dan mempengerusikan Permesyuaratan kita dengan jayanya, ini juga dengan kerjasama yang telah diberikan oleh setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang memberikan perjalanan persidangan kita berjalan dengan baik, harmoni dan berjaya. Yang Di-Pertua Dewan, dalam kesempatan Ucapan Penangguhan ini, saya akan membawakan isu-isu mengenai dengan tenaga ataupun *Energy*.

Pertumbuhan penduduk ataupun *Population* dan peningkatan cara hidup yang mewah ataupun *Improved Lifestyle* memerlukan peningkatan kehendak tenaga (*Energy Demand*). *Energy* diperlukan dalam serba-serbi kehidupan termasuk bidang pertanian, pembangunan, air minuman, lampu, penjagaan kesihatan, telekomunikasi, aktiviti-aktiviti industri yang lain. Buat masa ini, kita masih lagi memenuhi keperluan *energy* yang dihasilkan melalui *Fossil Fuel* ataupun daripada petroleum dan natural gas.

Dalam kita meningkatkan penggunaan *energy* mungkin tidak disedari juga meningkatnya *Emission of Greenhouse Gases* yang memberikan impak kepada perubahan cuaca ataupun *Global Climate Change*. Ke arah ini penyelidikan saintifik membuktikan peningkatan suhu *temperature* dan daftar laut *sea level* yang juga meningkat naik sejak abad ke 19.

Untuk mencapai objektif Wawasan Negara 2035 dan meningkatkan kualiti kehidupan yang selesa kita di masa depan kita mestilah mengambil berat tentang isu-isu tenaga (*energy*) dan memelihara akan kesejahteraan alam sekitar supaya insya-Allah kehidupan kita dan generasi-generasi yang akan datang akan dapat dicapai dengan kehidupan yang *sustainable*.

Justeru itu saya ingin mencadangkan supaya kita mempromosikan *Energy Efficient Design (EED) Programme*. Strategik implementasinya seperti berikut:-

Banyak negara-negara maju telah mempraktikkan sistem tanda aras ataupun *benchmarking* dan rangka garis pandu kepada perkembangan kecekapan tenaga. Antara contoh yang terkenal ialah United States of America - *LEED rating*, di Australia – *Green Star rating*, di negara-negara Asia seperti Singapura - *Green Mark Rating* dan di Malaysia - *Green Building Index*.

- i. Penentuan kadar dan garis pandu indeks ini diperlukan bagi memberikan panduan kepada amalan-amalan yang terbaik (*Best Practices*); dan
- ii. Kedua menentukan tanda aras bagi EED minima bagi pembangunan pada masa depan.

Perlaksanaan sistem ini adalah selaras dengan inspirasi dunia antarabangsa yang mana memberikan faedah pada penjaminan kos sumber alam semula jadi dan menjimatkan perbelanjaan terhadap alam sekitar dalam waktu jangka panjang.

Terdapat 4 bidang utama dalam strategi perlaksanaan kalau digunakan untuk pelan induk seperti tersebut yang saya panggil 4P iaitu:-

1. Penggalakan secara insentif;
2. Penguatkuasaan melalui peraturan;
3. Perlaksanaan melalui pendidikan dan kursus-kursus; dan
4. Penyertaan melalui pelanggan dan pendidikan industri.

Kebanyakan contoh/modal yang menggunakan sistem ini bermula secara sukarela oleh pemaju-pemaju besar. Perkembangan baru ini boleh memberikan faedah nilai tambah kepada *sustainable energy efficient design* dan boleh digunakan sebagai alat pemasaran.

Dalam hal ini kerajaan bolehlah memainkan peranan yang penting dengan memperkenalkan insentif ke arah kejayaan penggunaan tenaga secara efisien dan secara berterusan. Insentif bolehlah berbentuk sama ada wang tunai bonus ataupun *wages* atau kedua-keduanya sekali.

Adalah didapati kejayaan yang menggunakan EED ini boleh dilihat melalui projek *Champion* dan *Showcase Projects*. Perkara ini telah terbukti bahawa EED ini berjaya dilaksanakan di bangunan komersial, perumahan dan bangunan-bangunan pelbagai guna (*mixed use building*). Contoh yang terbaik ialah seperti *Singapore's Energy Efficient Building*, Malaysia LEO dan Bangunan ZEO (*Zero Energy Office*). Projek *Singapore Energy Efficient* adalah bangunan asal yang telah diubahsuai oleh *Building Construction Authority Singapore* dan bergabung dengan *National University Singapore*. Pejabat Malaysia *Low Energy* dan baru-baru ini di Pejabat *Zero Energy* di antara program yang telah diusahakan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Perdagangan Malaysia. Konsultan ZEO bekerjasama dengan Bahagian Penyelidikan, Universiti-Universiti di Malaysia. Kerjasama dengan

pihak industri dengan pihak universiti sangat-sangatlah digalakkan.

Dalam penerapan ini, kehasilan dan penyelidikannya telah diuji dan dicuba. Pengetahuan ini dapat dikongsikan bersama di antara negara-negara maju untuk faedah bersama. Bila mana EED *rating* ini dapat diimplemantasikan di negara kita Brunei Darussalam ini, ianya bolehlah dimasukkan kepada akta-akta pengawalan yang minimum. Ianya bolehlah juga mula diterapkan kepada pembangunan komersial dan kemudian kepada semua pembangunan lain termasuk perumahan. Semua pembangunan yang dipohonkan mestilah menepati *regulatory requirements*, seperti contoh di Singapura telah memerlukan minimum 50 points *Green Mark Rating System* untuk diluluskan pada setiap permohonan.

1. Penyelidikan untuk alternatif ataupun *Renewal Energy*.

Di samping kita mempromosikan EED Programme dan mengimplimentasi penggunaannya sebagai satu syarat yang dimestikan secara peraturan ataupun *regulatory requirements*, penyelidikan *scientific* terhadap *alternative energy* atau *renewal energy* mestilah diteruskan.

Oleh yang demikian usaha penyelidikan yang dicadangkan oleh pihak Universiti Brunei Darussalam seperti yang telah dikenal pasti untuk membuat sebanyak 6 buah *research projects* itu mestilah

diteruskan. Harus diingat juga, sudah banyak kerja-kerja penyelidikan dibuat mengenai dengan bidang energi ini yang boleh digunakan sebagai panduan dan bahan rujukan. Di samping itu, aktiviti-aktiviti seperti ini boleh juga memberikan peluang untuk kita menjalinkan kerjasama antara institusi-institusi berkenaan dalam ASEAN dan dunia antarabangsa.

Yang Di-Pertua Dewan, saya percaya usaha ke arah penjimatan energi ataupun EED yang dicadangkan ini akan membawa kita mencapai objektif kita untuk *Green Policy* dan *Sustainable Energy* untuk masa depan dan yang juga akan dapat memelihara alam sekitar.

Sekian terima kasih. Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang kelima akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya akan menyentuh sedikit dengan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), apabila Yang Berhormat membentang belanjawan Tahun Kewangan

Tahun 2009/2010 mengendai dengan beberapa pindaan yang berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35).

Yang Di-Pertua Dewan, pindaan-pindaan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat adalah setentunya berita yang dialu-alukan bagi pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga. Sebagai ahli peniaga, saya menerimanya dengan hati yang gembira, pindaan itu besar ertinya. Saya ingin mengambil kesempatan di sini bagi menyebarkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memperkenankan pindaan akta cukai yang tersebut tadi, junjung kasih. Di antara pindaan itu dengan ringkasnya adalah seperti berikut:-

- Cukai pendapatan korporat diturunkan kepada 23.5%;
- Sumbangan ahli majikan kepada Tabung Amanah Pekerja akan diberi potongan tambahan (*further deduction*) iaitu sebanyak 100% daripada sumbangan asal majikan;
- *Initial Allowance* bagi *Plant* dan *Machinery* dinaikkan kepada 40% daripada 20%;
- Juga diberi pilihan perbelanjaan '*plant and machinery*' diperkira secara '*straight line method*' pada kadar 33 1/3% setahun; dan

- Perbelanjaan bagi memasang atau pembelian komputer atau '*automation equipment*' belum mendapat '*capital allowance*' 100%.

Yang Di-Pertua Dewan sebagai tambahan kepada apa yang saya nyatakan tadi bagi mempertingkatkan daya saing iklim perlaburan dan perekonomian saya cadangkan seperti berikut:-

1. Baru-baru ini beberapa jenis alat cetak komputer (*computer printer*) dikenakan *import duty* di antara 5% hingga 20% mengikut Brunei Darussalam *Trade and Tariff Classification 2008*. Manakala alat ganti (*spare parts*) dan alat tambahan bagi alat-alat cetak komputer *printer* semua dikenakan *import duty* 20%. Apa yang saya maksudkan di sini bukannya alat-alat cetak *offset printing machinery* atau *printing machinery* yang lain. Hanyalah *printer* untuk komputer. Sebelum ini komputer *printer* yang saya maksudkan ini tidak dikenakan *import duty* sama juga seperti komputer *hardware* dan *software* ditiadakan *import duty* sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Yang Di-Pertua Dewan, *printer* adalah salah satu alat komputer. Komputer ada *hardware*nya, *software*nya dan ada *printernya*. Oleh itu tidaklah patut *printer* dan alat ganti dikenakan *import duty* iaitu cukai. Saya mencadangkan bahawa alat komputer *printer* serta

alat-alat ganti, alat-alat tambahannya ditiadakan *import duty*;

2. Saya mencadangkan supaya perbelanjaan majikan bagi memberi latihan iaitu *training* kepada pekerja-pekerja tempatan akan diberi potongan iaitu *further deduction* sebanyak 100% tambahan daripada perbelanjaan asal majikan dari cukai pendapatan. Latihan ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja-pekerja syarikat. Ini termasuklah perbelanjaan bagi pekerja-pekerja menghadiri kursus dan pensijilan atau *certifications* juga termasuk ISO dan sebagainya; dan
3. Cukai tahunan ataupun *Withholding Tax*. Mulai 1 Januari 2008, *withholding tax* dikenakan kepada pembayaran perkhidmatan yang berasal dari Brunei Darussalam mengikut Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 termasuklah:-
 - 100% - *Know-how payments for use of Scientific, Technical or Commercial Knowledge*;
 - 20% - *Management Fees*; dan
 - 20% - *Technical Assistance and Services Fees*.
 - Perkara-perkara yang lain saya tidak sebutkan di sini kerana saya tidak

ada halangan yang ianya dikenakan *withholding tax*.

Yang Di-Pertua Dewan, kita masih lagi perlukan kepakaran dari luar bagi menjalankan beberapa projek-projek perkembangan di negara ini. Kita juga masih lagi memerlukan *technical assistance* dan juga memerlukan pelatih-pelatih bagi menjalankan latihan-latihan. Sebagai contoh, kita memerlukan perkhidmatan dari luar untuk melaksanakan projek-projek ICT, projek-projek E-Kerajaan. Tentu sekali syarikat tempatan akan bekerjasama atau berusaha sama dengan syarikat dari luar untuk menjalankan projek-projek E-Kerajaan ini. Perkhidmatan yang diberi oleh syarikat luar yang dikerjakan di Brunei Darussalam melalui syarikat-syarikat tempatan untuk menjalankan projek E-Kerajaan yang saya sebutkan tadi dikenakan bayaran 20% *Withholding Tax*. Tentu sekali ini akan menambahkan kos projek-projek itu nanti. Diharap pihak yang berkenaan akan dapat mengkaji isu *Withholding Tax* yang saya sebutkan tadi. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalmualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah hampir jam 5, jika saya beri lagi 10 minit seorang, dia akan mengambil 50 atau 70 minit lagi. Jadi untuk kita dapat menyempurnakan ibadah kita pada hari ini maka saya tangguhkan Majlis ini hingga jam 9.30 pagi esok.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Selasa, 27 Rabiulawal 1430 / 24 Mac 2009****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak
(Dr.) Kemaludin Al-Hajj Ibni Al-Marhum
Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji
Mohd.Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan
Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia
Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS.,
PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri
Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,

Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG BERGELAR):

Yang Amat Mulia

Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,

Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir)**

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-
ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN):**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd.
Noh,
DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan

Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat disambung pada jam 9.30 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula iaitu hari yang kelapan dan di dahului Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kuncang. (Imam Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah): Bacaan Doa Selamat.

Yang Di-Pertua Dewan: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat iaitu Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah semalam kita telah mendengar beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat menyampaikan ucapan penangguhan yang diakhiri oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai. Sekarang pada menyambung mesyuarat ini, kita meneruskan ucapan-ucapan penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan didahului oleh Yang Berhormat Dato Paduka

Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menimbulkan mengenai dengan kemiskinan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perasmian Persidangan Pembukaan Rasmi Majlis Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara pada 4 Mac 2008 yang lalu. Izinkanlah saya memetik antara titah baginda itu:

"...Semenjak negara mencapai kemerdekaannya, pendapatan per kapita penduduk adalah memberangsangkan. 10 tahun selepas merdeka ianya terus meningkat ini tidak diragukan lagi, dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat sebagai contoh pada tahun 1994 pendapatan per kapita adalah sebanyak BND\$23,502 dan naik lagi pada tahun-tahun berikutnya sehingga mencecah ke BND\$47,964 pada tahun 2006"

Bertolak dari sini, sepatutnya kadar kemiskinan dengan sendirinya adalah menurun, maka berdasarkan ini adakah tidak terlintas di ingatan kita untuk menetapkan salah satu matlamat wawasan ialah untuk

menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar”.

Sejauh ini, saya belum nampak apa-apa kenyataan daripada mana-mana pihak mengenai dengan rancangan untuk mengambil langkah-langkah atau tindakan-tindakan bagi merealisasikan hasrat seperti maksud titah baginda itu iaitu untuk menghapuskan kemiskinan hingga tidak ada lagi seorang pun rakyat negara ini yang miskin. Hanya di persidangan pada 18 Mac 2009 ini, perkara ini ada ditimbulkan sedikit atas pertanyaan daripada salah seorang Ahli Yang Berhormat.

Semasa Perasmian Mesyuarat Ugama Islam yang telah berlangsung pada 13 Januari 2009 baginda antara lain bertitah:

“...Alangkah bahagianya kita jika dapat mengisytiharkan negara ini bebas dari kemiskinan walaupun untuk sehari”.

Dengan adanya titah-titah baginda pada 4 Mac 2008 dan 13 Januari 2009 mengenai hasrat baginda untuk melihat setiap rakyat di negara ini bebas dari kemiskinan maka pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan wajiblah mengutamakan tindakan mereka ke arah mencapai matlamat ini dengan tidak berlengah-lengah lagi. Matlamat untuk mencapai hasrat ini hendaklah ditentukan jangka waktu pencapaiannya. Misalnya 5 tahun, 10 tahun atau 15 tahun yang akan datang.

Masalah untuk mengatasi atau menghapuskan kemiskinan ini adalah melibatkan semua kementerian kerajaan dan orang ramai, yang memerlukan penubuhan sebuah jawatankuasa induk dan beberapa jawatankuasa di bawahnya bagi menyeleraskan tindakan yang bersepadu, komited dan berterusan. Ke arah pelaksanaan untuk mencapai matlamat ini haruslah juga berpandu kepada garis kemiskinan yang terpakai di negara-negara lain seperti di negara-negara Asean, walaupun garis kemiskinan yang mereka gunakan itu tidak semestinya diikuti.

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mungkin sudah ada mempunyai sukat-sukatnya atau garis pandu sendiri kerana kedua-dua kementerian ini telah dan sedang memberi bantuan kepada fakir miskin yang memerlukan bantuan di negara ini. Mungkin sukat-sukat atau garis pandu yang sedang digunakan itu perlu pembaikan atau perubahan kerana menurut perhatian saya masih banyak lagi orang-orang miskin atau orang-orang yang susah tidak menerima bantuan secara secukupnya atau ada yang tidak dipertimbangkan untuk menerima bantuan menurut sukat-sukat yang ada masa ini, walaupun mereka ini dikatakan masih susah.

Saya percaya pihak penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di setiap mukim dan kampung itu adalah lebih mengetahui akan keadaan anak buah mereka masing-masing. Kita boleh

mendapatkan senarai nama-nama keluarga atau perseorangan yang dikatakan miskin, susah kerana tanggungan yang banyak pendapatan tidak cukup. Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan yang banyak tetapi tidak mempunyai pekerjaan atau mempunyai pekerjaan tetapi pendapatan tidak cukup, atau kepala keluarga yang tidak mempunyai pekerjaan, walaupun sudah mencari di sana sini.

Orang-orang yang berkenaan seperti ini memang masih ada di kampung-kampung di negara ini. Adakah mereka ini dikategorikan sebagai miskin? Apabila nama orang yang miskin dan susah sedemikian diperolehi dari penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, maka tindakan untuk menentukan kedudukan mereka yang sebenarnya hendaklah dijalankan dengan teliti menurut sukat-sukat yang telah ditentukan. Tindakan besapadu oleh kementerian-kementerian kerajaan dan bantuan-bantuan pihak swasta yang berkebolehan bagi sama-sama mengatasi masalah mereka secara tindakan jangka pendek dan perancangan jangka panjang hendaklah dijalankan supaya mereka itu terlepas daripada hidup berterusan sebagai orang yang dikatakan miskin.

Antara tindakan yang patut diambil secara pendek ialah untuk memberikan mereka bantuan kewangan setiap bulan dari wang yang dikhasakan yang mencukupi kepada orang-orang yang susah dan orang-orang miskin dan daripada wang zakat sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Permesyuaratan Majlis Ugama Islam pada 13 Januari 2009 yang lalu.

Tindakan jangka panjang ialah dengan mengenal pasti sama ada mereka ini sihat dan boleh bekerja, sekiranya mereka itu masih sihat dan boleh bekerja usahakanlah sebarang kerja yang sesuai bagi mereka, supaya mereka dapat menyara hidup mereka sendiri dengan terus diberikan bimbingan dan perhatian sehingga mereka berjaya dan tidak lagi perlu diberi bantuan kewangan.

Akhirnya Yang Di-Pertua Dewan, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan di atas kebijaksanaan memimpin persidangan ini dari awal hingga akhir dengan harmoni dan sebaik-baiknya. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) kerana telah menghadapi Rang Undang-Undang Akta Perbekalan 2009/2010 dengan memberikan penerangan-penerangan yang jelas dan meyakinkan. Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Jurutulis: Ucapan penanguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia, Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat kesan kenaikan suhu dunia atau *global warming* terhadap *enviroment* dan manusia adalah banyak dan berbeza. Kesan jangka panjang yang dijangka perubahan cuaca dunia mungkin sudah kita rasai. Kenaikan paras air laut, kepupusan *glacier*, *artic* bertambah kecil, dan perubahan *pattern* pertanian, diakibatkan oleh perubahan manusia.

Kebanyakan akibat kenaikan suhu dunia akan mengakibatkan perubahan fizikal seperti paras air laut yang naik, suhu setempat yang naik dan perubahan *pattern* hujan. Adalah sudah menjadi kenyataan bahawa kenaikan suhu dunia adalah penyebab cuaca yang ekstrem. Pada akhir tahun 2008 dan awal tahun 2009 negara kita telah mengalami keadaan hujan yang berlebihan, iaitu kesan *La-nina*. Yang Di-Pertua Dewan mengikut Perkhidmatan Kajian Cuaca Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam, air hujan yang turun dalam tempoh satu hari dalam bulan Januari yang lalu di Stesen Kajicuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa dan di Kuala Belait hampir menyamai jumlah hujan yang turun di stesen-stesen berkenaan dalam jangka panjang bagi tempoh satu bulan.

Pada bulan Januari 2009, Stesen Kajicuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa 2009

mencatatkan jumlah hujan yang turun sebanyak 708 milimeter, iaitu tiga kali ganda purata jangka panjang yang mana jumlah ialah 277 milimeter bagi bulan Januari bagi tahun-tahun sebelum ini. Dan pada 26 Januari tahun ini mencatatkan jumlah hujan sebanyak 167.6 milimeter. Dalam tahun 1997 dan 1998 *Al-nino* telah mengakibatkan kemarau yang panjang lama dalam jangka 30 tahun di Negara Brunei Darussalam. Asap dan kabus dari kebakaran hutan telah mengakibatkan penutupan Lapangan Terbang dan penerbangan tergendala. Masalah kesihatan bertambah, sekolah-sekolah ditutup dan waktu bekerja dipendekkan. Kesan *global warming* paras laut dianggarkan akan naik dari 180 hingga 590 milimeter pada penghujung abad ke 21. Ini sudah setentunya akan menjejaskan pendudukan di sekitar pantai, kesan jangka panjang terhadap aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi penduduk berkenaan.

Yang Di-Pertua Dewan kita sedia maklum bahawa kawasan Kuala Belait, Seria hingga ke Lumut adalah rendah dan rata yang terdiri dari kawasan pit. Tinggi tanah purata bagi kawasan ini ialah 1.8 hingga ke 2 meter, dan ada di antaranya cuma 1.4 meter tingginya. Ketinggian paras air laut ialah 1.33 meter. Jadinya perbezaan di antara kawasan darat dan paras air laut pasang, di sebahagian tempat di Daerah Belait adalah sedikit sahaja, iaitu lebih kurang dalam 0.07 ke 0.60 meter.

Di samping kawasan yang rendah kawasan-kawasan ini juga mengalami penurunan

paras daratan subsiden. Penurunan ini adalah dalam kadar 900 milimeter dalam tempoh 50 tahun, iaitu lebih kurang 18 milimeter setahun. Disebabkan kedua-dua faktor ini apabila hujan lebat berlaku di waktu air pasang, disebabkan juga *gradient* sungai atau *water hit* yang rendah kawasan-kawasan yang berkenaan sering mengalami banjir. Yang menjadi persoalannya di sini ialah dalam perancangan penempatan projek-projek kerajaan seperti kawasan perumahan, industri dan sebagainya. Kenapakah kita masih lagi menempatkan projek-projek di kawasan-kawasan rendah ini?

Sedangkan di daerah berkenaan tidak kurangnya kawasan-kawasan yang tinggi. Mungkin sukar dan mahal untuk dimajukan, tetapi boleh. Yang Di-Pertua Dewan, seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan beberapa hari yang lalu bahawa satu projek telahpun diungkayahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu *drainage* projek bagi kawasan Seria, Sungai Bera, iaitu lebih kurang 3 kilometer by 5 kilometer dengan membina 2 meter tinggi tembok dan *re alignment* Sungai Seria.

Dalam kesibukan kita memperlengkapkan infrastruktur untuk hujan, untuk tujuan mencegah lagi kejadian-kejadian banjir dan tanah susur, kita mestilah juga mempertingkatkan usaha kita menangani kemungkinan-kemungkinan kemarau panjang yang akan mengakibatkan kekurangan air untuk diminum dan

penggunaan air bagi sawah-sawah padi, tanaman dan kebakaran-kebakaran hutan. Selain dari apa yang telah kita bincangkan terhadap persediaan kita dalam hal ini, saya ingin mencadangkan beberapa perkara tambahan:-

1. Tembok-tembok atau *embarkment* dan *barrier* di Kuala Sungai Belait dan Kuala Sungai Tutong dibangunkan untuk melindungi kawasan-kawasan rendah yang sering dimasuki oleh air pasang laut atau sungai terutama sekali di masa-masa hujan lebat, pam-pam juga disediakan untuk mengeluarkan air hujan yang bertakung berlebihan;
2. Menempatkan projek-projek baru di kawasan-kawasan tanah yang lebih tinggi dan selamat;
3. Projek-projek ampangan air yang terbengkalai dipercepatkan pembinaannya dan ditambah bilangannya, ampangan air mempunyai *dual purpose*. Pertama untuk mengawal banyak air yang turun ke kawasan-kawasan *downstream* untuk mengelakkan banjir, kedua untuk stok air minuman dan untuk *irrigation* semasa kemarau panjang, dan kalau bersesuaian ianya juga boleh digunakan untuk *generate hydro power*;

4. Penanaman pokok-pokok sebagai *fire breaker* di tempat-tempat yang sering terjadi kebakaran hutan;
5. Pergurusan yang lebih efisien dan efektif di atas data-data kaji cuaca supaya anggaran waktu panjang, kita akan lebih berkesan agar kita boleh membuat persediaan yang bersesuaian untuk kita menangani kesan hujan lebat dan kemarau berpanjangan;
6. Pengalaman pengurusan kecemasan atau *emergency management* perlu kita *post mortem*. Pengendalian kita sebelum kecemasan seperti penyampaian maklumat kepada orang ramai terutama sekali kepada mereka yang akan terlibat serta persediaan-persediaan yang kita buat untuk menangani bencana tersebut. Semasa kecemasan terjadi, maklumat-maklumat yang lengkap untuk sentiasa disampaikan kepada orang ramai adalah perlu. Perkara-perkara yang perlu orang ramai buat dan perkara-perkara yang dilarang mereka buat;
7. Tempat-tempat berlindung yang selamat perlu dikenal pasti jika perlu diadakan;
8. Pengangkutan - pengangkutan kecemasan melalui udara, air dan darat untuk menghantar air minuman, makanan, ubat-ubatan dan memindah orang-orang yang terlibat ke tempat

yang lebih selamat juga perlu diadakan dengan secukupnya. Kecemasan kerja-kerja baik pulih infrastruktur perlu dilaksanakan dengan segera; dan

9. Penglibatan *Non Government Organization (NGO)* bukan sahaja setakat menghulurkan bantuan kewangan dan barangan adalah perlu di semua peringkat. Kita juga perlu melibatkan dan melatih sukarelawan-sukarelawan yang banyak dengan kepakaran mereka masing-masing yang mampu di *mass mobilized*.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, akhir sekali saya menyokong penuh dan kami sambut dengan baik saranan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk pihak kami di sebelah sini mengadakan perjumpaan dengan pihak kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan untuk sama-sama merundingkan kemuskilan-kemuskilan orang ramai, di samping mendengar penerangan-penerangan mengenai *vision*, matlamat, strategi-strategi kementerian-kementerian untuk memberi khidmat yang lebih efisien dan berkesan. Adalah dihasratkan perjumpaan-perjumpaan ini akan menjadi landasan untuk *two way floor of information* di antara kementerian-kementerian dengan orang ramai melalui kami di sini.

Sebagai makluman pihak kami telahpun mengadakan dialog dengan Kementerian Pendidikan dan pada tahun sebelumnya kami telah mengadakan perjumpaan dengan

Kementerian Perhubungan dan Radio Televisyen Brunei. Kami berharap akan dapat mengadakan perjumpaan dengan kementerian-kementerian yang lainnya, dan tidak semestinya di peringkat menteri, perjumpaan-perjumpaan dengan Setiausaha Tetap atau Timbalan Setiausaha Tetap ataupun Ketua Jabatan sudah memadai, jangan lupa kita mempunyai Wawasan 2035 untuk sama-sama kita capai. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan dibawakan oleh yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, ucapan penangguhan daripada saya pada hari ini yang bertajuk iaitu pembinaan jambatan yang menghubungkan Bandar Seri Begawan/ Pintu Malim iaitu di Mukim Kota Batu ke Pulau Berembang iaitu Kampong Menunggol dan Jambatan ke Mukim Lumapas yang menyeberangi Sungai Butir.

Latar belakang cadangan bagi pembinaan bagi jambatan dan jalan penghubung antara Kampong Pintu Malim Mukim Kota Batu ke Pulau Berembang dan ke Mukim Lumapas telahpun dikenal pasti dalam kajian setempat iaitu *local plan* bagi mengangkat pusat Bandar Seri Begawan dan Gadong pada Tahun 1998, dan pernah saya suarakan dalam mesyuarat yang lalu

tetapi pada tahun ini diubah sedikit memandangkan menurunkan perbelanjaan yang lebih tinggi iaitu dalam satu langkah yang mustahak bagi mengurangkan kesesakan Jalan Raya Burong Lepas, Bengkurong, Jalan Tutong dan Bunut.

Isu masalah, pengguna-pengguna jalan raya yang menggunakan laluan Jalan Tutong, Bunut dan Bengkurong yang dalam keadaan yang sesak dan *traffic jam* terutama waktu-waktu *peak hours* iaitu waktu pagi, tengahari, petang, musim persekolahan terutama musim hujan keadaan ini menjadi parah dan jika terjadi gangguan jalan dan kemalangan jalan raya, ketika ini pengguna jalan tersebut semakin bertambah dan amat ketara dengan adanya pembinaan perpindahan bertambah, dan amat ketara dengan bertambahnya pemindahan seperti Skim Perumahan Tanah Rakyat Jati Lumapas "A" iaitu kampong Kelugos yang mana beberapa rancangan perpindahan di masa hadapan yang dalam perancangan, seterusnya bila rancangan jambatan dan jalan ini dibuat ianya menjadi satu alternatif laluan yang boleh mengurangkan kesesakan jalan raya yang dahulunya hanya memakan masa kurang daripada 30 minit yang dibandingkan sekarang ini hingga melebihi 60 minit.

Faedah langsung:-

1. Isu kesesakan jalan raya Jalan Bengkurong, Jalan Tutong, Bunut dapat diselesaikan dengan adanya alternatif lain;

2. Cadangan ini akan memberikan kesan positif dari segi pengurangan masa, masa perjalanan, meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan pembukaan beberapa kawasan yang dikira tersisih aktiviti ekonomi pada masa hadapan;
3. Pihak dalam pembangunan Rancangan Kemajuan Negara RKN pada tahun 2007 hingga 2011 dalam sektor perhubungan dan pengangkutan dengan memberikan tumpuan tinggi perjalanan yang selamat, selesa dan cepat melalui air, udara dan darat. Perhubungan darat akan lebih pesat melalui pembinaan jalan-jalan raya, jambatan dan peningkatan taraf jalan-jalan yang sedia ada termasuk rangkaian jalan ke kawasan pedalaman dan yang baru diterokai;
4. Bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat serta sosio-ekonomi di Mukim Sungai Kebun, Mukim Lumapas dan kawasan-kawasan sekitarnya;
5. Bagi memajukan lagi Bandar Seri Begawan iaitu pusat bandar melalui perkembangan Pulau Berambang dan mukim-mukim di persekitarannya;
6. Terbinanya jambatan penghubung Bandar Seri Begawan dengan Lumapas nanti sudah tentu akan membuka pembangunan di sebelah selatan Bandar Seri Begawan yang mana tidak tertumpu kepada sebelah kawasan Gadong, Jalan Tutong dan Jalan Muara dengan kata lain pembangunan akan seimbang *Balances of Developing*;
7. Jika ianya dilaksanakan kita akan mempunyai lagi satu mercu tanda permodenan Bandar Seri Begawan. Bukan saja mencantikkan Bandar Seri Begawan malah juga kawasan-kawasan Sungai Kebun dan Perumahan Bolkiah A, Bolkiah B yang di dalam peta pembesaran Bandar Seri Begawan;
8. Pertambahan penduduk membina rumah di darat jika kemudahan jambatan dan jalan dilaksanakan, dan dari sana kerajaan bagi menyediakan Skim Perpindahan Perumahan sedikit sebanyak akan berkurangan; dan
9. Pulau Berambang iaitu Kampong Menunggol hanya dapat ditangani dengan menggunakan pengangkutan melalui air sahaja. Dengan jambatan dan jalan boleh dibuat sudah tentu kawasan dan penduduk berkenaan akan turut dinikmati kemudahan pengangkutan dengan selesa dan tidak terasing lagi dengan bandar.
10. Salah satu menjadi Pusat Pelancongan asing kita ketahui di mana seperti negara-negara lain yang mana dengan jambatan-jambatannya misalnya di Malaysia terkenal dengan Jambatan

Pulau Pinang. Australia dengan Jambatan *Sydney Bridge* dan tidak lama lagi Jambatan Menumbok ke Pulau Labuan. Begitu juga nanti Negara Brunei Darussalam, khususnya Bandar Seri Begawan dengan jambatan yang menyeberangi ke Pulau Berambang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penungguhan saya pada pagi ini, saya dengan rasa hati yang penuh ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan yang mana dapat memimpin perjalanan Dewan ini dengan penuh keriang dan kegembiraan dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kerana membagikan kepuasan dan dengan jawapan-jawapan dalam pertanyaan-pertanyaan yang telah kami ajukan. Sebelum saya mengakhiri saya menyampaikan 3 rangkap pantun.yang mana persetujuan daripada kami di sebelah sini.

Anak dagang memakai jubah,
Singgah di Pekan beli setinggi,
Kita bersidang selesailah sudah,
Tahun hadapan berjumpa lagi.

Terbang burung meniti-niti,
Turun hinggap di kayu angšana,
Perkara dibangkitkan harus diteliti,
Menjadi kepuasan kita bersama.

Kalau ada jarum yang patah,

Boleh kiranya berikan kami,
Kalau ada silap kami yang salah,
Sudilah kiranya maafkan kami.

Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Wabillalhit Taufik Walhidayah.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih sangat menarik pantun itu tadi.

Jurutulis: Ucapan penungguhan seterusnya akan dibawakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Saya menjunjung kasih atas Ucapan Penungguhan ini, di mana saya tekankan bahawa Peruntukan Tahun Kewangan 2009/2010 akan dapat dilaksanakan mengikut jadual kepada projek-projek yang ditentukan. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, selanjutnya ialah Program Latihan Belia Negara. Bila kita memperkatakan belia masa kini, kita terbayang masa depan mereka ini, satu persoalan yang semestinya kita sedia yang mana seringkali kita bercakap belia sebagai pelapis di masa akan datang. Tidaklah dinafikan bahawa setiap pemimpin negara menjadi agenda utama pada memikirkan perkara yang berkaitan

dengan permasalahan belia seperti isu-isu sosial, mendapatkan pekerjaan dan seumpamanya.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Berhormat, sukacita saya menarik perhatian dalam Dewan ini bahawa beberapa pendekatan atau langkah-langkah perlu diadakan dengan memperkenalkan atau merujuk program latihan belia negara sebagai gandingan yang ada sekarang. Saya berpendapat bahawa adanya PLBN masalah-masalah belia dapat kita tangani dan antara lain:-

1. Program ini membentasi masalah-masalah keruntuhan akhlak remaja dengan memupuk gaya hidup yang positif dan proaktif;
2. Disiplin dapat dipertingkatkan melalui peraturan yang tertentu dan perlu difahami;
3. Peserta yang mengikuti program ini dapat mengisi masa lapang secara bermuafakat;
4. Mereka akan sedar identiti diri dan bertanggungjawab kepada sesuatu perkara yang berlaku; dan
5. Meningkatkan harga diri serta hidup mereka dengan penuh matlamat dan perancangan selepas mengikuti program motivasi dan kaunseling apa jua masalah mereka dapat dibendung.

Yang Di-Pertua Dewan, selain itu aktiviti yang disediakan dapat memperkuatkan mental dan fizikal remaja kerana mereka akan melakukan aktiviti berkumpulan seperti berkhemah, mendaki bukit, berkawat dan latihan tahan lasak. Semua itu memerlukan ketabahan dan kekuatan fizikal. Dengan cara ini, nilai peribadi yang baik seperti bersemangat waja, perkasa dan beriktibar dapat dipupuk dengan tidak melupakan menunaikan kewajipan terhadap perintah agama.

Yang Di-Pertua Dewan, sepertimana yang saya nyatakan di atas bahawa memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Hari Belia Kebangsaan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada 17 Rejab 1428 bersamaan 1 Ogos 2007 seperti berikut:-

“Belia yang sihat dan bertanggungjawab akan terus memberi sumbangan dan malah meningkatkan pencapaian prestasi mereka. Inilah yang kita mahukan daripada para belia kita supaya terus aktif membenting tulang demi kebaikan, tambahan pula negara kita, Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaan 25 tahun”.

Yang Di-Pertua Dewan, selanjutnya Pusat Latihan Kemahiran sepertimana yang kita maklum bahawa pencari-pencari kerja, anak-

anak tempatan yang berdaftar di Jabatan Buruh sejauh ini hampir 6,000 orang termasuk penuntut-penuntut yang gagal dalam Tingkatan 3 dan 5. Oleh sebab mereka ini tidak mempunyai pengalaman, jauh sekali kemahiran dalam satu-satu bidang yang tertentu maka agak susah mereka menyesuaikan diri dengan kerja yang ditawarkan.

Yang Di-Pertua Dewan, sejauh yang kita ketahui bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sektor swasta berusaha menangani pencari-pencari kerja, anak-anak tempatan ini dengan berbagai-bagai cara bagi mendapatkan pekerjaan. Namun demikian bahawa masih ramai lagi mereka belum bekerja.

Yang di-Pertua Dewan, sesungguhnya saya sukacita menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebagai salah seorang mewakili daerah mengambil beberapa pendekatan untuk mengatasi perkara ini maka saya mencadangkan bahawa supaya diwujudkan Pusat Latihan Kemahiran di tiap-tiap daerah. Dengan terbinanya pusat ini sebagai satu langkah melatih kemahiran di bidang sesuatu pekerjaan yang mereka ambil umpamanya tukang gunting, tukang jahit, tukang dobi, tukang kasut, membuat roti dan sebagainya yang mana kerja-kerja yang saya sebutkan masih dipegang oleh orang asing. Dengan sebab itu seperti juga terbinanya pusat industri BMC di Sungai Liang.

Yang Di-Pertua Dewan, sebelum saya mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, saya sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Di-Pertua Dewan di atas kepimpinan memimpin Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima dalam Dewan yang mulia ini walaupun ada sekali-sekala teguran-teguran kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap namun demikian bahawa Ahli Yang Berhormat dapat juga meneruskan ucapannya untuk menyampaikan apa juga hasrat rakyat dan penduduk sebagai wakil daerah masing-masing.

Di samping itu juga atas kerjasama dan berganding bahu Yang Dimuliakan Pehin Dato Jurutulis, sesungguhnya begitu rapat dan erat menjalankan permesyuaratan kita di masa yang lalu. Untuk akhirnya saya buat beberapa peribahasa:-

Kuat burung kerana sayap,
Kuat ketam kerana sepit,
Kuat manusia kerana muafakat.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir

Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana telah berjaya memimpin persidangan dengan begitu berhemah, bertimbang rasa lagi teratur dan terima kasih juga kerana memberi peluang kepada saya berucap di Majlis Ucapan Penangguhan pada pagi ini.

Di kesempatan ini juga, saya dengan hati yang tulus ikhlas dan amat sukacita sekali lagi menjunjung kasih di atas keberangkatan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Mac 2009 yang lalu. Titah Baginda telah memberi semangat dan inspirasi yang sungguh mendalam kepada saya dan kerananya jua dapat menjadikan persidangan ini sebagai wadah untuk melakar idea-idea yang termampu bagi membantu pihak kerajaan dan pada masa yang sama jua dapat meyampaikan hasrat yang tersirat di lubuk hati rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertuan Dewan, izinkan saya memetik beberapa bahagian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diingati, diamat-amati kembali bagi meyakinkan kita untuk melaksanakan tugas-tugas

dan tanggungjawab kita seperti yang dihasratkan oleh baginda.

Titah baginda “selain menyumbangkan bantuan-bantuan kita juga perlu mengambil langkah ke hadapan bagi mengemaskinkan rangkaian infrastruktur negara sehingga tidak ada lagi apa yang disebut sebagai kemudahan-kemudahan asas yang lemah atau keperluan-keperluan utama yang belum ditangani” seterusnya baginda bertitah “Beta melihat masih banyak kerja-kerja terbengkalai yang perlu dipercepat, setengah projek itu baru sahaja berjalan tiba-tiba berhenti, mengapa ia terhenti, di manakah salahnya ini? Apakah ini tidak mungkin menjadi salah satu sebab menyumbang kepada belanja besar?.” baginda seterusnya mengingatkan kita supaya tidak akan terlepas pandang begitu sahaja terhadap perkara-perkara yang membabitkan kebajikan rakyat dan negara.

Sehubungan dengan itu Yang Di-Pertua Dewan saya ingin menyuarakan beberapa perkara untuk difikir-fikirkan bersama seperti berikut:-

1. Jika sekiranya pihak kerajaan menganggap mengembalikan sistem berpencen itu akan membebankan kerajaan maka dicadangkan supaya pihak kementerian yang berkenaan supaya dapat memikirkan dan mempertimbangkan untuk meresapkan kaedah berbank ke dalam sistem Tabung Amanah Pekerja;

2. Perluasan kawasan penanaman padi di Daerah Belait dan di daerah-daerah yang lain dengan melibatkan pihak swasta amatlah dialu-alukan hanya apa yang diharapkan agar rakyat di daerah-daerah tersebut akan dapat sama-sama jua menikmati hasil perkembangannya dan jangan sampai kata pepatah orang melayu kitani ambuk dihutan disusui, anak di rumah mati kelaparan;
3. Pengagihan wang zakat yang diperjelaskan adalah sangat-sangat disanjung tinggi, rakyat yang memerlukan bantuan berharap supaya proses tidak mengambil masa yang lama untuk diputuskan; dan
4. Dan yang terakhir, kelambatan beberapa projek kerajaan bukanlah semata-mata berpunca daripada kontraktor-kontraktor, kita harus tanya siapa yang memilih kontraktor-kontraktor itu, kita harus juga melihat sistem pembayaran kerajaan kadang-kadang kontraktor-kontraktor lambat dibayar hingga tidak ada modal pakai membeli barang-barang dan membayar gaji pekerja-pekerja mereka. Maka ini juga boleh menjadi salah satu penyebab mengapa projek-projek kerajaan terbengkalai, kita harus mencari rumusan supaya dapat diselesaikan.

Yang Di-pertua Dewan, sekian sahaja yang dapat saya sampaikan dan sebelum saya mengakhiri ucapan sekiranya ada di sepanjang persidangan sebarang tingkah laku saya yang kurang menyenangkan mengeluarkan perkataan yang kurang manis dan yang menyinggung perasaan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana mahupun Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sini saya memohon ribuan maaf, tiada niat di dalam hati untuk kan memandaimandai, kan berlabih-labih, apa saja yang saya luahkan itu adalah sebagai memenuhi kewajipan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah
Wasalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan seterusnya akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya Wal Mursaleen, Sayyidina Muhamadin Wa'ala Alihi Wassabihi Ajma'een.

Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba dengan hati yang tulus ikhlas menjunjung kasih menggabungkan diri peramba dalam menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam di atas kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan memimpin di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia dan indah ini.

Dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanhu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua peramba dapat diberikan peluang berucap dalam ucapan penangguhan, dalam mengutarakan beberapa permasalahan dan seterusnya mengemukakan beberapa pandangan bagi tujuan pembaikan.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, dengan izin sukacita peramba dalam merujuk akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara, di Bangunan Dewan Majlis yang indah ini pada minggu yang lepas antara lain baginda bertitah:-

“Seperti lazimnya, Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjadikan persidangan ini sebagai wadah untuk mencetuskan idea-idea baru lagi bernas, bagi membantu kerajaan untuk melakar strategi-strategi pembangunan yang diperlukan”

Sehubungan dengan titah tersebut, bahawa kita maklum Daerah Temburong adalah daerah yang kedua terbesar bagi Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, penduduk daerah ini adalah yang terkecil berbanding dengan daerah-daerah yang lain. Dengan keadaan yang dipisahkan oleh laut dan juga terpisah oleh daerah negara jiran daripada pusat pentadbiran negara, ditambah dengan penduduknya yang kecil, kegiatan perekonomian di daerah ini tidaklah begitu memberansangkan dan kurang menarik minat pelabur-pelabur sama ada dalam negara sendiri atau luar negara untuk membuat projek-projek pembangunan yang berskala besar dan berbentuk perintis.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, pertambahan penduduk di daerah ini juga kurang memberansangkan bagi menjana perkembangan ekonomi setempat. Malah penghijrahan penduduk di daerah ini ke pusat Bandar sama ada untuk menyambung pelajaran atau mendapatkan peluang pekerjaan bagi penempatan yang lebih baik juga menyumbang kepada berkurangnya atau tidak bertambahnya jumlah penduduk sejak dari dahulu lagi.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi menjadikan Daerah Temburong sebagai satu destinasi atau tempat yang menarik para pelabur atau pencari pekerjaan sesuatu mesti difikirkan dan dilakukan dengan cepat agar jurang pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dengan daerah lain dapat dirapatkan.

Peramba melihat ada beberapa perkara utama yang jika ada kemahuan dan sokongan daripada pihak kerajaan insya-Allah akan berjaya merubah Daerah Temburong dari keadaannya sekarang:-

1. Jalan penghubung yang mudah bagi tujuan pengangkutan sumber-sumber dan bahan-bahan. Apa yang peramba maksudkan ialah pembinaan jalan raya dan jambatan yang menghubungkan Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong. Mengenai dengan jalan penghubungan ini, peramba tanpa jemu dan sering saja membawakan isu ini. Alhamdulillah, nampaknya jawapan daripada Menteri Pembangunan tahun ini adalah positif, jadinya peramba tidaklah akan berpanjang lebar mengenainya;
2. Pemberian insentif khusus kepada syarikat-syarikat industri berat yang merintis atau membuka kilang di Daerah Temburong sama ada pada pembuatan pemprosesan makanan dan sebagainya yang mampu memberi pekerjaan kepada penduduk

setempat. Peramba ambil maklum mengenai dengan adanya skim insentif bagi syarikat-syarikat yang berstatus perintis iaitu yang mereka mengeluarkan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan ialah sesuatu yang baru di negara ini. Insentif khusus yang peramba maksudkan ialah khusus menarik syarikat-syarikat besar untuk membuka kilang di Daerah Temburong. Apakah bentuk insentif tersebut?. Perkara ini boleh difikirkan bersama selepas dibuat kajian menyeluruh mengenai daya tahan ekonomi dan sumber-sumber yang boleh digunakan; dan

3. Memfokuskan apakah jenis industri yang boleh dibangun dan diperkenalkan di Daerah Temburong?. Secara fizikalnya, Daerah Temburong mempunyai keluasan tanah yang belum diterokai, hutan-hutan yang subur dan sumber-sumber alam lain. Peramba berharap agar pihak-pihak berkenaan akan dapat membuat satu usaha bersepadu membuat penyelidikan dan perancangan, apakah yang perlu difokuskan di Daerah Temburong. kalau perlu adalah lebih baik dilantik konsultan yang mahir di bidangnya khusus untuk merangkap perancangan kemajuan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, rakyat dan penduduk di Daerah Temburong bersyukur, bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan tidak kendur-kendurnya sentiasa sahaja memeduli akan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong seperti menyediakan infrastruktur asas, bantuan-bantuan kebajikan kepada yang memerlukannya dan sebagainya.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, bagi mengakhiri ucapan peramba ini, sekali lagi peramba dengan hati yang tulus ikhlas dan juga bagi mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berdoa semoga baginda dan keluarga baginda serta rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda dalam aman sejahtera dan sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alameen.

Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Wabillahit Taufik Walhidayah , Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Peramba menjunjung kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan, peramba menjunjung kasih di atas keizinan Yang Di-Pertua Dewan bagi peramba memberikan sedikit ulasan mengenai perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama ada semasa membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2009) Tahun Kewangan 2009/2010, mahupun dalam ucapan penangguhan sesi persidangan tahun ini. Ulasan ini akan lebih ditumpukan kepada perkara-perkara umum dengan menyentuh satu dua perkara yang spesifik sahaja.

Sebelum itu, terlebih dahulu peramba ingin mensekutukan diri dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang telahpun berucap terdahulu dalam mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan di atas kebijaksanaan Tuan Peramba dalam memimpin Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2009 ini sehingga Majlis ini telah dapat berjalan dengan lancar dan sempurna dalam suasana yang harmoni.

Peramba juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan kerana menyokong

Rang Undang-Undang Perbekalan (2009) Tahun Kewangan 2009/2010 tanpa sebarang pindaan. Apa jua saranan-saranan membina dan sumbangan buah fikiran positif yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, insya-Allah, akan diteliti dan dikaji kesesuaiannya, terutama dari segi faedah dan impaknya kepada keseluruhan rakyat dan penduduk di negara ini. Dalam pada itu, seperti yang telah perambasuarakan terdahulu, bahawa dalam menimbang saranan-saranan yang telah diutarakan, pihak kerajaan perlu bersikap realistik. Ianya perlu mengukur keupayaan dan kemampuan sumber-sumber (*resources*) yang ada terutama sekali sumber kewangan, bukan saja bagi jangka masa pendek dan sederhana, tetapi juga dari segi "*contingent liabilities*" yang akan ditanggung secara berterusan oleh kerajaan dalam menunaikan keperluan tersebut dalam jangka masa panjang.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, dalam persidangan di Dewan yang mulia ini, kita telah dapat mendengar beberapa idea-idea bernas lagi membina dari Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang mana saranan-saranan ini adalah sangat-sangat dialu-alukan dan dihargai. Cuma, dalam kegawatan ekonomi global yang semakin meruncing dan tidak diketahui penghujungnya ini, di mana kerajaan dijangka akan mengalami defisit belanjawan yang agak besar pada Tahun Kewangan 2009/2010 ini, kita di sebelah sini, sebenarnya masih ternanti-nanti dengan penuh harapan agar Ahli-Ahli Yang

Berhormat di sebelah sana akan dapat membantu menghulurkan pendapat dan idea-idea yang bernilai tambah terutamanya terhadap isu-isu *fundamental* atau persoalan-persoalan asas yang berhubung kait secara spesifik dengan belanjawan negara, khususnya dalam menangani cabaran-cabaran besar yang perlu kita tempohi bersama pada tahun kewangan ini. Persoalan-persoalan yang kita maksudkan tersebut misalnya antara lainnya termasuklah:-

- i. Cara-cara terbaik dalam meluaskan asas ekonomi dan pendapatan negara yang sekaligus menangani defisit belanjawan yang dijangkakan;
- ii. Atau setidak - tidaknya memikirkan *option-option* yang terbaik untuk meningkatkan kesedaran orang ramai untuk berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran dalam penggunaan tenaga elektrik dan juga minyak kenderaan yang diberikan subsidi oleh kerajaan; dan,
- iii. Ataupun apakah usaha paling berkesan untuk meningkatkan kefahaman orang ramai supaya melunaskan tunggakan mereka kepada kerajaan tepat pada waktunya bagi membolehkan hasil tersebut digunakan bagi membiayai projek-projek kerajaan yang berfaedah bagi semua rakyat dan penduduk di negara ini yang sudah setentunya akan menjana lebih

banyak peluang pekerjaan yang sekaligus akan mengurangkan jurang kemiskinan di negara ini.

Sebaliknya, apa yang kita perhatikan dan dengar, kebanyakan saranan-saranan yang diutarakan oleh sebahagian Ahli Dewan ini mungkin tanpa disedari, adalah lebih menjurus kepada meningkatkan lagi "*contingent liabilities*" (bebanan kewangan) kerajaan. Tambahan pula bagi kebanyakan saranan-saranan tersebut, jika dikira manfaatnya bukanlah secara menyeluruh, tetapi cuma terhad kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Besar kemungkinan, jika cadangan-cadangan ini ditunaikan, ianya akan menimbulkan lebih banyak masalah yang lebih rumit, apabila pihak-pihak lain melihat golongan mereka sebagai tertinggal. Ini sudah setentunya akan menggalakkan golongan yang diketepikan untuk memohon faedah yang sama, manakala bebanan kerajaan sebagai penanggung perbelanjaan tidak dihiraukan.

Seperti yang kita sepatutnya sedia maklum, tanggungan-tanggungan kerajaan yang sudah sedia ada sekarang ini pun memang semakin hari semakin meningkat dengan bertambahnya bilangan rakyat dan penduduk. Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa sistem '*welfare state*' yang terdapat di negara kita ini, dengan subsidi yang lumayan dan bayaran perkhidmatan yang masih dianggap rendah, ianya adalah antara yang paling '*generous*' di dunia dan oleh itu perbelanjaan kewangan dan "*contingent liabilities*" kerajaan memang

sudah amat banyak dan tinggi. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, buat masa ini kerajaan masih lagi terus mampu menanggung bebanan tersebut dengan selesa;

Walau bagaimanapun, rakyat serta penduduk yang bernaung di negara ini perlulah berpandangan jauh bagi memastikan kemampuan tersebut akan berterusan dalam jangka masa panjang dan dapat turut dinikmati jua oleh generasi-generasi yang akan datang. Apatah lagi pada peringkat ini, sumber hasil kewangan negara masih belum mencapai kepelbagaian yang diharapkan. Oleh itu, mana-mana cadangan baru bagi menambah bantuan-bantuan dari pihak kerajaan, perlulah dinilai dan diteliti dengan terperinci terutama kesannya secara menyeluruh bagi memastikan sama ada penambahan tanggungan kerajaan tersebut adalah penyelesaian yang terbaik bagi semua pihak, tanpa menambahkan lagi bebanan ke atas sumber kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan sudah barang setentunya tidak akan mengabaikan pihak-pihak yang benar-benar memerlukan bantuan mengikut kelayakan, kemampuan dan keutamaannya, insya Allah.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan negara kita kini telah dewasa setelah 25 tahun menikmati kemerdekaan penuh, kedewasaan tersebut

seharusnya sudah mula tercermin dalam sikap kebanyakan rakyat dan penduduk negara ini. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana rakyat dan penduduk di negara ini telahpun prihatin terhadap tanggungjawab masing-masing dalam mendukung aspirasi dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan negara. Kita juga begitu berbangga bahawa sebilangan besar golongan muda dan belia-belia telah begitu matang dan gigih berusaha dalam mengurus kehidupan masing-masing tanpa terlalu berharap kepada bantuan (*handouts*) dari kerajaan semata-mata. Semangat berdikari dan kekukuhan jati diri sedemikian, pada hemat peramba adalah asas kekuatan bangsa, dan kemerdekaan negara yang tulen dan berdaya tahan.

Di negara-negara lain yang progresif, aspirasi serta usaha-usaha ke arah mencapai '*financial independence*' atau '*financial freedom*', adalah merupakan istilah yang sering kita dengar, dan perkara ini seharusnya dijadikan contoh tauladan yang baik dan perlu menjadi amalan positif di negara ini. Mudah-mudahan dengan semangat berdikari dan jati diri yang kukuh, rakyat dan penduduk di negara ini, insya-Allah akan terus menjadi masyarakat yang rajin berusaha, bermaruah dan berhemah tinggi, bertanggungjawab dan berdisiplin, berinovasi, berdaya saing dan berdaya maju bagi mampu menghadapi berbagai cabaran hidup, dan bukan sebaliknya menjadi masyarakat yang lemah, yang sentiasa berharap-harap kepada bantuan dan ehsan

dari pihak kerajaan dan orang lain. Ini tidak terkecuali kepada pihak swasta.

Di sini peramba ingin menarik perhatian bahawa selama ini, atas usaha dan dasar-dasar kerajaan untuk menjadikan suasana bisnes (*business environment*) lebih kondusif, Alhamdulillah, sektor perniagaan di negara ini telah mampu menjalankan operasinya dengan aman dan selamat, sehingga membolehkan mereka mengumpul dan meraih keuntungan. Oleh itu, pihak swasta sepatutnya perlu meneruskan usaha dalam meningkatkan perannya masing-masing untuk sama-sama mendokong aspirasi negara terutama dalam mengukuhkan dan memajukan bisnes masing-masing; membantu dalam meluaskan asas pendapatan kerajaan dan berusaha untuk membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan terutamanya kepada anak-anak tempatan. Kita penuh berharap agar sektor swasta di negara ini, akan berterusan memberikan sokongan padu dan berdiri bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam mengharungi cabaran-cabaran ekonomi global masa kini, apatah lagi kerajaan secara berterusan sentiasa menjadikan pengukuhan sektor swasta sebagai salah satu fokus utama belanjawan negara, di samping menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan bagi *business community* ini untuk berkembang maju dan berkembang luas. Sehubungan dengan itu kita ingin menyeru masyarakat bisnes di negara ini supaya akan menunaikan tanggungjawab mereka dengan mematuhi segala peraturan dan undang-

undang kerajaan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa;

Dalam hal ini, peramba juga ingin menghuraikan mengenai isu yang ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat iaitu berhubung dengan perluasan skop cukai pegangan. Istilah cukai pegangan ialah cukai yang dikenakan ke atas pembayaran-pembayaran tertentu yang dibuat oleh syarikat korporat di negara ini kepada penerima yang bukan residen Negara Brunei Darussalam. Dalam ertikata lain, cukai pegangan ini adalah cukai yang dikenakan kepada syarikat bukan residen yang memperolehi pendapatan perniagaan tertentu dari Negara Brunei Darussalam. Langkah ini adalah selaras dengan amalan percukaian antarabangsa di mana syarikat-syarikat bukan residen berkenaan sepatutnya turut menyumbang kepada hasil pendapatan negara. Malahan negara ini adalah di antara negara di dunia yang terkemudian dalam memperkenalkan cukai pegangan ini. Perluasan skop cukai pegangan yang sebelum ini hanya terhad kepada bayaran faedah keluar negara sahaja adalah bertujuan antara lainnya untuk mempertahankan daya saing (*level playing field*) di antara syarikat-syarikat tempatan terutama yang membayar cukai pendapatan dengan syarikat-syarikat luar negeri atau tempatan yang banyak bergantung kepada syarikat-syarikat luar dalam operasinya.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi mengakhiri ulasan ini, peramba sekali lagi ingin menarik perhatian

bahawa peranan dan tanggungjawab kita di Dewan ini, bukanlah semata-mata menumpukan kepada cadangan-cadangan yang melibatkan '*transfer of wealth*' dari kerajaan untuk menambah kemudahan dan kemanfaatan bagi *constituent* yang kita wakili sahaja. Tetapi tanggungjawab yang lebih utama dan unggul ialah bagi kita sama-sama memelihara kepentingan negara secara menyeluruh dan berpanjangan. Oleh itu, cadangan-cadangan bernas yang bernilai tambah dan berpandangan jauh, yang menjurus ke arah memajukan negara dan menaikkan taraf hidup setiap lapisan rakyat dan penduduk secara *sustainable*, dan bukannya semata-mata ditumpukan kepada keselesaan hidup jangka pendek sahaja, patutlah diberi penekanan yang paling teratas. Ke arah itu, peramba ingin memohon kerjasama dan jasa baik dari Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, yang dilantik menjadi pemimpin masyarakat yang juga bertindak selaku mata, telinga dan lidah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, untuk sama-sama memberikan penerangan-penerangan dan kefahaman yang sejelas-jelasnya kepada orang ramai terhadap perkara-perkara asas atau fundamental seperti berikut:-

- i. Bahawa dalam menggubal dasar-dasar dan juga membuat perancangan-perancangan kerajaan, betapa kerajaan telah mengambil kira dan sedaya-upaya menseimbangkan kepentingan semua pihak;

- ii. Bahawa kerajaan secara berterusan, dengan sumber dan keupayaan yang ada, sentiasa berusaha dengan gigih dalam meningkatkan lagi tahap keupayaan, kemajuan dan daya saing negara dalam berbagai bidang bagi menyumbang ke arah kemakmuran dan kesejahteraan negara secara berpanjangan;
- iii. Bahawa semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk mendokong aspirasi kerajaan dan menghulurkan sumbangan positif untuk membawa negara ini ke tahap yang lebih tinggi dan menjadikan negara ini berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan agar mampu menghadapi pelbagai cabaran dengan bijaksana; dan
- iv. Bahawa untuk memenuhi semua keperluan rakyat ini, kerajaan perlu mempunyai pendapatan yang stabil dan *sustainable*, dan ke arah itu adalah menjadi *social responsibility* rakyat dan penduduk yang bernaung di negara ini untuk mendokong usaha-usaha dan menyumbang ke arah memelihara dan meluaskan asas pendapatan kerajaan dan bukannya semata-mata berharap kepada bantuan-bantuan dari kerajaan.

Oleh itu, peramba sekali lagi dengan penuh ikhlas memohonkan kerjasama dari semua pihak, terutama Ahli-Ahli Dewan, sektor

swasta dan orang ramai supaya sama-sama meningkatkan lagi usaha dan keupayaan secara berterusan bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini berterusan sebagai sebuah negara yang aman makmur dan sejahtera di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dengan rakyatnya sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala jua, insya-Allah. Sekian, Menjunjung kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih begitu panjang lebar penjelasan yang telah di sampaikan dalam majlis ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membuat ucapan penangguhan dalam persidangan ini.

Saya hanya ingin memberikan penjelasan mengenai dengan perkara zakat yang ditimbulkan oleh dua orang ahli. Penjelasan ini pun hanyalah menyentuh beberapa perkara. Berdasarkan data-data Tahun 2007 bahawasanya proses permohonan untuk mendapatkan agihan wang zakat khasnya daripada fakir miskin ini sebenarnya berjalan dari dulu sudah adalah semua permohonan itu diteliti. Bukan semua permohonan mesti

dapat, kerana tiap-tiap permohonan itu akan diteliti terlebih dahulu di Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat. Langkah seterusnya permohonan itu akan ditemuduga.

Sesudah itu rumah pemohon itu dilawat dengan izin mereka, dimasuki, dilihat apa yang ada di dalam rumah itu, bagaimana keadaan dapurnya adakah beras di rumahnya, adakah televisyen di rumahnya, semua direkodkan oleh pegawai-pegawai yang pergi menziarah ke rumah penghuni itu. Hasil penziarahan ini akan dibawa kepada sebuah jawatankuasa meneliti di peringkat pegawai-pegawai. Setelah penyucian ini dibuat, mereka akan membuat pertimbangan, membuat perakuan dan membuat sokongan-sokongan untuk dimesyuaratkan kepada Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat yang bersidang pada tiap-tiap minggu. Ertinya permohonan untuk mendapatkan agihan wang zakat adalah diproses dengan penelitian menurut peringkat-peringkatnya dan akhirnya dibawa kepada Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat yang bersidang pada tiap-tiap minggu.

Saya ingin menerangkan di antara agihan-agihan zakat, di antaranya ialah apa yang dinamakan agihan makanan asasi bulanan. Satu keluarga yang terdiri daripada 7 orang, ketua keluarga tidak bekerja bininya pun tidak bekerja, 5 orang anaknya bersekolah sebagai misal. Ketua keluarga akan diberi \$200 sebulan, isterinya diberi \$100 sebulan, 7 orang, suami isteri dan 5 orang anak itu diberikan bantuan \$65 sebulan bagi maksud makanan mereka, beras, gula, tepung, sira, asam dan lain-lain. Ertinya \$65 sebulan kali

dengan 7 orang \$455, kali 12 bulan \$4,910. Anak-anak yang bersekolah yang 5 orang itu, tiap-tiap bulan diberi bantuan tiap-tiap seorang \$60. \$60 kali 5 orang sebulan kemudian dikali lagi dengan 12 ialah dapat \$3,600. Ertinya keluarga yang tidak berkerja terdiri daripada suami, isteri, 5 orang anak yang bersekolah setahun mendapat agihan zakat \$12,110.

Apa sebenarnya sukat-sukat kemiskinan? apa sebenarnya sukat-sukat fakir?. Menurut syarak, fakir ialah orang yang tidak mempunyai pendapatan tidak sampai separuh daripada keperluannya. Misalnya ia memerlukan \$10 satu hari, pendapatannya di bawah \$5, mungkin tidak ada, mungkin \$1, mungkin \$2, mungkin \$3, mungkin \$4 di bawah \$5. Miskin pendapatannya lebih daripada separuh tetapi tidak sampai kepada \$10 itu. Mungkin ia \$5, \$6, \$7, \$8, \$9 inada sampai \$10, itulah miskin. Ini sukat-sukat syarak untuk makannya, untuk pendidikan anak-anaknya.

Menurut statistik, bantuan bulanan yang kami namakan agihan makanan asasi bulanan yang mengandungi seperti beras, gula, susu, garam dan lain-lain. Daerah Brunei Muara Tahun 2007 ada seramai mulut yang menerima 1687 orang. Jumlah agihan tahun itu \$880,985. Daerah Tutong 122 jalama, yang diagihkan \$59,095. Belait 159 wangnya ialah \$79,720. Temburong 303 orang \$179,500.

Jadi Tahun 2007 yang bantuan agihan asasi ini ialah \$1,207,300. Kemudian yang

persekolahan tadi bagi Tahun 2007, Daerah Brunei Muara kanak-kanak yang mendapat agihan persekolahan 1419 orang, jumlah agihan tahun itu \$798,960. Tutong 212 orang \$108,900. Belait 48 orang \$34,980. Temburong 189 orang \$71,820. Jumlahnya pada tahun itu kanak-kanak yang mendapat agihan bagi pelajaran ini ialah \$1,014,660. Itu mengisi perut, mengisi minda.

Sekarang orang yang tidak berumah. Wang zakat diagihkan kepada orang yang tidak berumah. Ada 129 keluarga yang disewakan rumah tiap-tiap bulan yang sewanya di antara \$300 dan \$500 mengikut keadaan rumah. Tahun 2007 keluarga yang disewakan rumah 129 keluarga, jumlah agihan setahun itu \$516,476.82. Lain lagi untuk membaiki rumah, lain lagi kadang-kadang orang membeli rumah khasnya di Kampong Air, semuanya ini sudah diadakan penyelidikan-penyelidikan bukan tidak dipertimbangkan, bukan ditolak mentah-mentah. Penyelidikan pun adalah dengan kerjasama daripada ketua-ketua kampong. Pernah tu bahagian zakat cukup mengalukan kerjasama daripada ketua-ketua kampong dan penghulu-penghulu kerana mereka yang tahu anak buah mereka. Tapi kadang-kadang kita manusia kawasan yang dijaganya luas, mungkin ada terlepas pandang sebagai misal ada kanak-kanak belajar di Sekolah Saiful Rijal Jalan Muara memberitahu saya. Kami kalau waktu rehat ada melihat orang tua-tua tebongkok-bongkok ada dengannya kanak-kanak memutik tin-tin minuman, ini kejadian betul.

Ceritanya dia cerita susah, maklumat sampai kepada saya.

Saya berutahu maklumat ini minta alamatnya, minat apanya, terus saja saya suruh siasat, betul dia susah. Terus disiasat dibawa meeting dapat bantuan, pertolongan. Jadi mungkin terlepas pandang ini kawasan-kawasan luas yang dikuasai oleh ketua kampong dan juga penghulu-penghulu, kerana itulah kerjasama semua pihak sangat dialu-alukan bagi mengatasi masalah-masalah kemiskinan. Dalam erti kata, janganlah sampai orang di Brunei ini mati kebuluran. Kalaupun mati kebuluran wang zakat ada.

Tapi saya fikirilah mungkin barangkali jumlah bantuan sebagaimana yang dikatakan tadi Ahli Yang Berhormat tadi tidak cukup. Tetapi apa sebenarnya cukup itu. Subjektif dalam Arab nisbi suatu sukat-sukat yang turun naik yang kita tidak tahu dengan tepatnya. Kalau kita melihat sejarah Rasulullah ketika berkerja keras untuk membina parit yang besar, sahabat-sahabat kelaparan, masing-masing menaruh batu di perut. Mereka pun mengadu kepada Rasulullah, mereka hanya 1 batu diikat di perut tetapi Rasulullah lebih daripada satu batu, mereka malu tidak mahu mengadu. Ini miskin susah. Inikah ada terjadi, jauhkan Allah Ta'ala, negara kita makmur. Tapi sukat-sukat cukup itu adalah satu perkara subjektif. Suatu perkara nisbi di dalam perkiraan kita.

Kemudian mengenai dengan rumah ini satu laporan yang diketuai suatu mesyuarat yang

diketuai oleh JPM yang di antaranya menyatakan bahawa sebab-sebab kemiskinan di Brunei ialah di antaranya pertama pekerjaan dan kedua perumahan dalam mesyuarat itu setelah dikaji berapa ramai yang tidak berumah. Majlis Ugama Islam menawarkan, menyediakan sesudah dikira setiap-setiap rumah begini-begini. Disediakan 30 juta untuk membiayai rumah-rumah ini. Saya lupa berapa bilangannya. Yang diistilahkan *quick in, quick win* barangkali. Itu saya lupa barangkali tetapi. Tapi ini peranan zakat ini untuk menyelesaikan salah satu masalah di Brunei orang tidak berumah termasuklah yang saya sebut 129 ini yang kan dimasukkan untuk kan dibina rumah. Tapi bina rumah bukan zakat. ia keluar wang. Itu orang membina rumah urusan-urusan pihak lain.

Kemudian harta zakat musim hari raya ini bilangannya ramai dan bilangan wang dikeluarkan pun pada tahun tersebut wang yang dikeluarkan ialah \$7.5 juta. Secara umumnya wang zakat dikeluarkan setahun, untuk menghadapi masalah-masalah kemiskinan dan fakir miskin ini ialah di antara \$10, \$11, \$12 juta begitu. Jadi saya fikir dengan penjelasan-penjelasan ini dapatlah kita memberi gambaran bahawasanya wang zakat berperanan sebagaimana yang disuruh oleh syarak.

Dan sekarang ini fokus pula dibuat untuk menyelesaikan orang-orang yang tidak berupaya menyelesaikan wang tunggakan yang terhutang kepada kerajaan dalam skim-skim Perumahan dan insya-Allah perkara ini

sedang diteliti dengan secermat-cermatnya dan mudah-mudahan akan dapat diselesaikan dalam waktu yang sesingkat-singkatnya. Begitu juga dengan masalah kemiskinan yang lain.

Demikianlah Yang Di-Pertua Dewan mengenai dengan masalah yang dikeluarkan. Oleh kerana pihak sana tadi Yang Amat Mulia membuat pantun-pantun. Jadi kawan-kawan di sini, di antaranya marista, bagus tah Pehin menjawab. Jadi izinkanlah peramba untuk menjawab. Bukan juga menjawab untuk sama-sama berpantun. Untuk pantun pertama ialah mengenai kurnia titah dalam Majlis ini:-

*Baginda bertitah jelaskan fakta,
Harapan baginda rakyat sejahtera,
Kita pelihara sistem yang ada,
Dengan tema Adil Laila Bahagia.*

*Persidangan wadah idea baru,
Lagi bernas melakar strategi,
Membangun negara bermaruah dan maju,
Kebajikan dan kemakmuran rakyat nikmati.*

*Pencapaian kita bangsa merdeka,
Berjaya melakar kehidupan bangsa,
Hasil sistem berkurun lamanya,
Konsep Melayu Islam Beraja.*

*Krisis ekonomi ujian berat,
Jangan membazir belanja berhemat,
Budaya menabung berjimat cermat,
Insya-Allah generasi mendatang akan selamat.*

Pantun berikutnya ialah mengenai dengan persidangan dan peramba minta janganlah ini yang tersingung. Semua pembayang mengenai membawa Cokmar.

*Cokmar Dewan suatu alat,
Tanda kebesaran dan kehormatan,
Semua perbincangan kebajikan rakyat,
Ke arah kemakmuran dan keamanan.*

*Pembawa Cokmar tak pernah lelah,
Mereka cergas berkerja keras,
Perbincangan Majlis mesra muhibah,
Soal berjawab tanya berbalas.*

*Cokmar Dewan warna kilauan-kilauan,
Diletakkan megah di atas meja,
Setiap fikiran juga seranan,
kami teliti kami analisa.*

*Pembawa Cokmar jalan teratur.
Jurutulis orangnya pintar,
Sidang berjalan dengan teratur,
Berkat bijaksana Tuan speaker.*

*Kepada mereka Pembawa Cokmar,
Khidmat biskita akan dikenang,
Setinggi tahniah Tuan Speaker,
Orangnya sabar sentiasa tenang.*

*Pembawa Cokmar ngalih berpuluh,
Biarpun berat mereka bertahan,
Selamat ulang tahun ke 80 Tuan Speaker,
panjang umur diberkati Tuhan.*

Amin Ya Rabbal Alameen. Terima kasih.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli yang baru bercakap ini, sungguh indah pantunnya untuk menarik kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan akan menjadi ingatan kitani semua. Sekarang adakah lagi Ahli-Ahli yang ingin memberi ucapan?

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Dalam agenda pengulungan ini Yang Di-Pertua Dewan ada dua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai dengan:-

1. Isu kemiskinan; dan
2. Isu belia-belua di masa hadapan;

Peramba Yang Dipertua Dewan, tidak akan berpanjang lebar hanya oleh sebab dua isu yang besar ini telahpun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana dua perkara ini. Di peringkat ini, dua isu ini saya sifatkan dua perkara ini, adalah untuk memperbaiki ke peringkat lebih baik Negara Brunei Darussalam dalam dua isu ini. Pada masa ini oleh kerana dua perkara ini adalah isu yang *very complete*, yang susah untuk ditanai. Jadi dalam Dewan ini cukuplah barangkali hamba, peramba sini untuk menyatakan bahawa dua perkara yang *very fundamental* untuk kita berjalan ke hadapan memperbaiki Negara Brunei Darussalam adalah dalam peringkat kajian.

Terutama sekali isu kemiskinan, peramba saya telahpun menyatakan dalam soalan-soalan mulut dalam majlis ini dalam dua tiga hari yang lalu, perkara ini telahpun diterangkan dan cukuplah di peringkat ini peramba menyatakan dua-dua isu ini adalah dalam peringkat kajian. Insya-Allah dalam tahun-tahun hadapan barangkali kita bukan sahaja di peringkat kajian, di peringkat analisis, tetapi di peringkat *out come, practicality live* dalam mesyuarat Negara Brunei Darussalam. Terima kasih, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Adakah Ahli-Ahli lain sebelah kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Majlis Yang Berhormat, peramba terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kerana memberikan peluang kepada peramba untuk bersama-sama Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di Majlis Mesyuarat ini. Sebelum itu peramba bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan dan juga atas kebijaksanaan dan kearifan Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua

dapat memimpin sepanjang permesyuaratan ini dengan penuh keharmonian dan juga dengan sesempurna-sempurnanya.

Alhamdulillah sejak permesyuaratan ini dilangsungkan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, kerana telah dapat bekongsi minda dan mengemukakan pandangan yang positif dan konstruktif, di samping dapat menengahkan permasalahan dan kewahaman yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan ada sebahagian daripada cadangan dan permasalahan ditimbulkan itu seperti rakan-rakan saya di sini juga ianya memerlukan penelitian dan kajian yang terperinci dan mendalam dengan berpandukan kepada undang-undang, peraturan-peraturan di samping garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan apa jua projek atau perancangan atau perkara yang ditimbulkan tersebut akan dapat dilaksanakan semata-mata bagi kemajuan dan kesejahteraan negara serta rakyat dan penduduk di negara ini.

Peramba di sini ingin juga menjelaskan ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat mengenai dengan pengambilan pekerja-pekerja tempatan oleh pelabur-pelabur adalah sangat-sangat dihargai dan dialu-alukan. Yang sebenarnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri terutama sekali Jabatan Buruh memanglah menggalakkan dan lebih mengutamakan sama ada pihak pelabur atau pihak swasta atau badan korporat untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan, sama ada dalam berbagai profesion dan pekerjaan.

Alhamdulillah dalam beberapa sektor industri seperti dalam bidang perbankan, kewangan minyak dan gas, anak-anak tempatan telah dapat membuktikan keupayaan dan kebolehan melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Akan tetapi dalam beberapa sektor industri misalnya dalam pelombongan, kuari dan industri membuat pertanian, perhutanan, perikanan dan juga dalam industri hotel dan restoran masih lagi ke tahap yang tidak memuaskan di mana anak-anak tempatan belum lagi banyak bekerja di dalam sektor tersebut. Apa yang kita harapkan di sini agar syarikat-syarikat swasta akan bersikap positif dan lebih komited dan meneruskan usaha bagi mengutamakan dan menambahkan lagi jumlah pengambilan anak-anak tempatan, yang mana saya penuh berkeyakinan dan penuh percaya akan dapat mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini dan sekaligus adalah salah satu daripada cara kita untuk mengurangkan jumlah kemiskinan di negara ini.

Saya seterusnya percaya jika sekiranya anak-anak tempatan diberikan pendedahan latihan, berbentuk kemahiran yang bersangkutan paut dengan bidang industri yang diperlukan, saya merasakan anak-anak

tempatan kita tidak ketandusan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang serta boleh menandingi pekerja-pekerja asing. Ini telah terbukti seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Seperti yang telah ditimbulkan tadi, ingin di sini saya maklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dan pada masa ini dan akan terus berusaha bagi mempertingkatkan lagi tahap *capacity building* dan kemahiran tertentu di samping usaha-usaha yang telah dikendalikan melalui Kementerian Pendidikan dan juga agensi-agensi seperti Pusat Pekerjaan Jabatan Buruh, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, *Live Wire* program Shell, *i-Centre* di bawah kawalan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Pusat Sumber Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga program khas kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam dan sebagainya.

Ini sudah setentunya akan dapat menambahkan lagi anak-anak tempatan untuk lebih berilmu, banyak pengusaha dan peniaga-peniaga di samping itu juga untuk memastikan anak-anak tempatan lebih mengutamakan untuk memahirkan diri sendiri dan juga berpotensi untuk lebih *marketable* dalam bidang pekerjaan. Apa yang saya ingin sarankan di sini masalah yang timbul seperti apa yang dimaklumi ialah

masih lagi pekerja-pekerja ataupun pencari-pencari pekerjaan terutama sekali yang berkelulusan "O" Level ke bawah iaitu 93% daripada mereka ini masih lagi *very choosy* ataupun memilih-milih pekerjaan.

Apa yang mustahak di sini, mereka haruslah menerima kenyataan macamani kelulusan, macamani jadi jenis pekerjaan yang sesuai. Tetapi masalah sekarang apa yang diadukan ialah kebanyakan mereka hanya beberapa hari bekerja selepas itu berhenti, inilah satu masalah yang harus kitani sama-sama menyedari untuk minta kerjasama daripada Ahli-Ahli yang sebelah sana macamana kitani mengubah minda anak-anak tempatan kitani khususnya pencari-pencari kerja ini supaya tidak akan memilih pekerjaan. Dalam waktu yang sama dalam mengatasi masalah-masalah ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan satu Jawatankuasa atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dinamakan "Jawatankuasa Menangani Isu Pengangguran", Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengenal pasti apakah punca-punca pengangguran di samping untuk mengenal pasti plan-plan tindakan dan perkara-perkara yang harus diambil dalam menangani isu pengangguran ini.

Salah satu daripada masalah ditimbulkan ialah berhubung dengan bencana alam. Seperti yang kita maklumi bahawa Pusat Bencana Kebangsaan telahpun wujud di

negara kita ini dan Pusat Bencana Kebangsaan ini ialah salah satu daripada agensi yang memainkan peranan untuk menyelaras dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam bersama-sama menangani masalah-masalah ataupun isu-isu bencana alam. Perkara ini juga telah dan akan terus dipastikan dalam memperbaiki dan juga mengemaskini tatacara untuk menangani masalah-masalah yang menimpa di negara ini khususnya pengalaman-pengalaman kitani baru-baru ini pada bulan Januari dan Februari. Insya-Allah isu-isu dalam memperbaiki tatacara menangani dari semasa ke semasa dengan kerjasama agensi-agensi yang lain akan diperbaiki dari masa ke semasa untuk memantapkan dalam menangani masalah-masalah tersebut.

Akhirnya dalam perkara ini, saya ingin mengongsikan bahawa dalam kitani bersama-sama mendokong dan menunaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam marilah kita bersama-sama bukan sahaja pihak kerajaan malahan juga Ahli-Ahli yang Berhormat juga memainkan peranan yang sama di samping pihak swasta dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini untuk turut sama-sama bertanggungjawab dan berganding bahu dan berperanan untuk memberikan sokongan dan dokongan yang erat lagi padu serta bekerjasama dalam bergiat aktif untuk bersama-sama menyumbang dan majukan negara ke tahap yang lebih berdaya saing, berdaya tahan, cemerlang di peringkat global dan bersama-

sama bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara keselamatan, keharmonian, keamanan dan kesejahteraan negara yang sekian lama kita nikmati ini. Sekian Yang Di-Pertua Dewan, junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, pertama peramba mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas keizinan Tuan Peramba untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada majlis ini, tujuan peramba adalah semata-mata untuk memberikan penjelasan kepada beberapa isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang di sebelah sana terutama sekali mengenai dengan persoalan tenaga (*energy*).

Sukacita peramba menerangkan bahawa di dalam usaha untuk mencari tenaga alternatif bagi negara ini Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri telahpun mengadakan projek yang diberi nama "Projek Tenaga Suria", projek ini adalah merupakan tanggungjawab perusahaan sosial ataupun *Cooperate Social Responsibilities* yang dibuat oleh Syarikat Mitsubishi Coporation iaitu salah satu pemegang saham Syarikat Brunei Liquidified Natural Gas (BLNG) kepada Negara Brunei Darussalam ini.

Memorandum persafahaman bagi Projek Tenaga Suria Brunei ini telah ditandatangani di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dengan Syarikat Mitsubishi Coporation Japan pada 13 Ogos 2008. Kos Projek Tenaga Suria Brunei ini adalah berjumlah sebanyak \$B21.7 juta yang bersamaan dengan US\$14 juta, dan kos projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Mitsubishi Coporation. Projek ini adalah berkemampuan untuk mengeluarkan kapasiti sebanyak satu per puluhan (1.2) mega watt elektrik dan ini adalah merupakan projek penjanaan yang menggunakan tenaga matahari yang terbesar yang sedang dibuat di negara-negara Asean pada masa ini. Untuk makluman kepada semua, tapak bagi projek ini ialah di Tapak Janakuasa Lama di Pekan Seria dan objektif utama bagi projek ini adalah untuk mengenal pasti jenis *tunnel photo voltage* yang paling sesuai dengan keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua Dewan, status projek ini pada masa ini adalah bahawa Mitsubishi Cooperation pada masa ini adalah dalam proses menyediakan dokumen bersetujuan muktamad ataupun *definitive agreement* untuk ditandatangani di antara negara Brunei Darussalam dengan Mitsubishi Cooperation dan dokumen ini merupakan sebuah persetujuan yang diikat dengan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Sasaran bagi penandatangani dokumen ini adalah pada bulan Mei tahun 2009 iaitu kira-kira dalam dua bulan lagi. Mengenai dengan usaha-usaha penjimatan tenaga ataupun *energy frequency design* yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, pada masa ini draf dokumen buku panduan pengauditan tenaga ataupun *energy audit manual* dan juga garis pandu reka bentuk bangunan untuk kecekapan penggunaan dan penjimatan tenaga ataupun dalam bahasa inggerisnya *building design guide line for energy frequency and conservation*. Pada masa ini adalah dalam proses penerbitan oleh Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Institut Teknologi Brunei. Dokumen-dokumen yang dimaksudkan ini bertujuan untuk digunakan sebagai maklumat dan panduan oleh mana-mana pengguna-pengguna tenaga yang terdiri daripada orang-orang awam mahupun sektor swasta.

Yang Di-Pertua Dewan penglibatan Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri dalam program tahunan menggalakkan dan penggunaan tenaga yang cekap dan penjimatan tenaga iaitu *promotion of energy and conservation* dalam singkatannya ialah *PROMECE* yang mana projek ini ialah di bawah kerjasama Mesyuarat Pegawai Kanan Asean mengenai tenaga iaitu *Asean Senior Officers Meeting On Energy* pendeknya *SOME* dan projek ini juga diusahakan oleh *Ministry of Economy Trade and Industry Japan* ataupun *METI* bagi

kategori-kategori berikut, mengenai dengan kategorinya:-

- i. Pertama *PROMECE buildings* di mana pakar audit tenaga daripada *Energy Conservation Centre Japan* telah menjalankan pengauditan ke atas beberapa bangunan yang dicalonkan oleh Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri, di antara bangunan-bangunan yang pernah menyertai program ini adalah ButraHeildberg iaitu syarikat pengeluaran Semen, Orchid Garden Hotel, ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan bangunan Institut Teknologi Brunei. Hasil daripada program ini Orchid Garden Hotel telah berjaya mengurangkan bil elektriknya sebanyak 22.1% dalam jangka masa satu tahun dari mula-mula pengauditan dibuat pada tahun 2004.
- ii. Kemudian mengenai dengan *PROMECE Eenergy Management* pakar pengurusan tenaga bagi bangunan daripada *energy conservation centre Japan* telah juga menjalankan kerja-kerja pengurusan tenaga ke atas beberapa bangunan yang dicalonkan oleh Bahagian Tenaga. Di antara bangunan-bangunan yang pernah menyertai program ini juga adalah Orchid Garden Hotel, *Kingstons Creamery and Beverages* Sendirian Berhad, *Oil and Gas Discovery Centre (OGDC)* dan *Hongkong Shanghai Bank Cooperation*

HSBC serta Suci TLT Sendirian Berhad.

- iii. Kemudian di atas usaha sama Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar Universiti Brunei Darussalam, Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri akan menubuhkan kelab tenaga di sekolah-sekolah menengah. Insya-Allah inisiatif ini akan dijalankan sedikit masa lagi.
- iv. Dan akhir sekali Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri telah menerima cadangan-cadangan bagi penyelidikan yang berhubung kait dengan tenaga daripada institusi-institusi tinggi di negara ini terutama Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei.

Sukacita juga peramba menarik perhatian bahawa dalam bidang kajian penyelidikan dan perkembangan ini pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah menyediakan peruntukan untuk digunakan bagi kerja-kerja penyelidikan dan perkara ini peramba dimaklumkan telahpun diketahui oleh pihak pengguna yang diamanatkan iaitu Universiti Brunei Darussalam, cuma statusnya pada masa ini ialah bahawa peruntukan ini tidak banyak digunakan oleh pengguna-pengguna yang mengadakan penyelidikan ini.

Di dalam persidangan Jawatankuasa salah seorang ahli telahpun membangkitkan soal mengenai dengan kekosongan jawatan-

jawatan di dalam perkhidmatan kerajaan. Peramba sukacita mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan bahawa walaupun ada pada masa ini sebanyak 7,000 kekosongan jawatan tetapi 6,000 daripadanya pada masa ini adalah dalam bidang pemerosesan dan insya-Allah jika sekiranya jawatan-jawatan ini akan diisi yang tidak berapa jauh lagi kita cuma akan mengalami kekosongan sebanyak kira-kira 1,000 jawatan sahaja.

Ini peramba berharap perkara ini akan menjelaskan kedudukan yang terkini mengenai dengan kekosongan yang terdapat di jabatan-jabatan kerajaan pada masa ini. Dan untuk mengakhiri Ucapan Penangguhan ini peramba sukacita membacakan pantun untuk mengakhiri Ucapan Penangguhan peramba ini.

*Buah pulasan buah delima,
Sagu setampin berat isinya,
Tahniah di atas kebijaksanaan Pengiran
Speaker,
Yang memimpin mesyuarat dengan jayanya.*

*Pohon tarap pohon bidara,
Ikan siakap siar bangkita,
Mohon maaf kepada semua,
Tersilap cakap terkasar bahasa.*

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah.
Wassalamualaikum Warahamatullahi Ta'ala
Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih, sungguh indah

pantunnya. Melihat keseluruhannya saya ternampak bahawa Ahli-Ahli kita adalah juga ahli-ahli yang berseni tinggi, mempunyai mutu yang berbagai-bagai di dalam jiwa mereka, jadi saya sangatlah memberikan sanjungan dan tahniah.

Di dalam menimbangkan hal permesyuaratan kita pada beberapa hari ini, saya lihat perkembangan permesyuaratan daripada Ahli-Ahli yang hadir sungguh menggalakkan dan membawa ke arah kemajuan cara bermesyuarat mahupun cara berfikir dan cara berbagai-bagai lagi melihat perkembangan-perkembangan negara kita, rakyat kita terutama sekali raja kita.

Jadi saya sungguh berbangga bagaimana perkembangan-perkembangan di negara kita dapat kita diwujudkan sedemikian, dan saya percaya tidak lama lagi kita akan mempunyai kemajuan yang lebih jauh berbanding pemahaman dan pengalaman yang banyak kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya ingin bertanya lagi sebelum menghabiskan perbincangan ini. Adakah lagi Ahli-Ahli yang akan bercakap?, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Peramba menjunjung kasih atas kesempatan yang Tuan Peramba berikan kepada peramba. Dan mula-mula sekali peramba ingin menggabungkan diri dengan Yang Berhormat. Semua Yang Berhormat telah pun memberi tahniah kepada Tuan Peramba atas kebijaksanaan Tuan Peramba menjalankan Permesyuaratan Pertama bagi Permesyuaratan Kelima pada kali ini.

Izinkanlah pramba menyentuh beberapa perkara cara *general* yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali mengenai perubahan iklim dan alam sekitar. Perkara ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian atau tiga fasa:-

1. Fasa hadapan atau fasa yang atas iaitu kesedaran mengenai apa yang ada dan apa yang terhad. Apa yang ada ialah perubahan iklim dan cuaca tidak menentu yang berpunca daripada perbuatan manusia atau perubahan kepada iklim.

Di sini kerajaan mempunyai komitmen dengan menjadi parti atau menjadi pihak perjanjian kepada beberapa protokol antarabangsa dan kepada beberapa persetujuan mengenai alam sekitar yang telahpun dibuat, dipersetujui di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu;

2. Di fasa pertengahan pula ialah apa yang berlaku kepada negara kita

seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kesannya ialah paras air yang meningkat, segala cabaran atau kemungkinan pantai-pantai atau sumber-sumber air terhakis.

Dalam pada itu juga, sebagai langkah pertengahan kita mengambil beberapa langkah seperti penempatan beberapa projek dengan menilai kehendak yang berlainan misalnya satu kehendak untuk mejadikan hutan sebagai *carbon sink* di negara ini. Dan juga mengambil beberapa pilihan dengan terdapatnya tanah-tanah berguna yang semakin berkurang, di samping keperluan-keperluan yang semakin bertambah seperti projek-projek kerajaan dan perumahan. Dan dalam pada itu mengekalkan penggunaan tanah yang lebih optima.

3. Secara hiliran atau penghujung ialah kesedaran dan tindakan daripada kita. Tindakan ini ialah dengan penggunaan sumber-sumber yang optima seperti sumber-sumber air, sumber-sumber sungai, dengan membuang air-air yang terpakai secara yang paling optima dan berguna.

Dalam pada itu juga kita mestilah sentiasa mengekalkan penjagaan alam sekitar yang tinggi, seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga penggunaan bangunan-bangunan hijau, penjagaan aset dan

juga beberapa langkah yang perlu yang dapat kitani ambil secara bijaksana seperti pengitaran sampah, kesedaran penggunaan alam sekitar, pengurangan penggunaan air, pengurangan penggunaan elektrik dan kesedaran bahawa kerja-kerja ini atau apa-apa langkah-langkah ini memerlukan beberapa perbelanjaan daripada pihak kerajaan.

Jadi sebagai kesimpulan dalam isu alam sekitar ini, peramba mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telahpun membangkitkan kesedaran mengenai perkara ini dan berharap dengan kerjasama dari semua pihak, kita akan dapat mengambil langkah-langkah yang berguna bagi penjagaan alam sekitar; dan

Kedua; Projek-projek yang tergendala. Kalau kita lihat semula dalam bajet mengenai Kemajuan, peruntukan yang ada selama beberapa tahun ini ialah \$1050 juta dan kalau kita lihat perbelanjaan sebenar pada tahun 2007/2008 ialah \$605 juta iaitu merupakan 58 peratus pencapaian.

Dalam Anggaran Perbelanjaan bagi 2008/2009, insya-Allah kita akan melihat perbelanjaan sebanyak \$713,792,000.00 iaitu merupakan perbelanjaan 68%. Ertinya daripada tahap pencapaian 58%, Alhamdulillah, jentera kerajaan dalam semua agensi-agensi Kerajaan bagi projek-projek

kemajuan telahpun dapat mempertingkatkan pencapaian ini kepada satu tahap yang lebih tinggi, 10% lebih tinggi.

Daripada penerangan yang saya telah berikan, saya telah menyatakan bahawa beberapa faktor daripada kelambatan ini banyak berlaku dan satu daripadanya ialah pemborong. Dalam penilaian Kementerian Pembangunan, pemborong ini ialah satu *generic* yang besar atau satu aspek yang besar tetapi ia mengandungi beberapa aspek-aspek yang lain dan bukanlah bererti semua sekali ini kesalahan pemborong.

Beberapa kelemahan-kelemahan itu yang diharap akan dapat diatasi dengan beberapa langkah-langkah peningkatan kemahiran ialah satu, terdapat kesalahan membuat jangkaan, kadang-kadang terdapat juga kelemahan dalam segi kewangan pemborong-pemborong, kurang cekapnya mengurus projek itu. Inipun bukan pemborong sahaja malah terdapat juga kadang-kadang kurang cekap di bahagian Kementerian Pembangunan, tidak dinafikan.

Satu daripadanya juga ialah keputusan perbekalan dan tidak dinafikan kelambatan bayaran adalah satu juga faktor. Jadi apabila seorang Yang Berhormat tadi menyatakan kalau pemborong salah siapa yang memilih dan mengapa lambat bayaran saya tidaklah akan mengulas secara panjang, hanya soalan begini saya kira adalah satu *rhetoric* yang paling senang dan satu perkara yang saya kira *shifting the blame* kepada satu pihak tanpa mengambil satu-satu analisa

bagi menolong atau mempertingkatkan prestasi yang sudah ada.

Mengenai beberapa projek yang telah dibangkitkan termasuk projek jambatan daripada Mukim Lumapas ke Pulau Berambang, projek jambatan ini akan dinilai daripada semua aspek termasuklah juga 8 aspek yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Jadi sebagai penyudahnya Pengiran Speaker, peramba kuranglah arif dalam berpantun hanya peramba ingin mengucapkan, menyembahkan ribuan terima kasih kepada tuan peramba atas kebijaksanaan dan yang paling mustahak kesabaran Tuan Peramba dalam membimbing perbincangan dan berterima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telahpun memberikan banyak cadangan-cadangan yang berguna yang akan dapat diteliti dalam masa yang singkat ini. Sekali lagi peramba menjunjung kasih kepada Tuan Peramba. Sekian Wabillahir Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua Dewan: Terima kasih, sekiranya tidak ada lagi, saya mengambil kesempatan memberi sedikit pandangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang saya pernah perhatikan tahun demi tahun dalam persidangan ini sesungguhnya saya mendapati pada persidangan kali ini sungguh mengagumkan, mungkin mengagumkan

itu adalah datang daripada sikap dan gaya Ahli-Ahli menjalankan tugas selaku wakil daripada dan Ahli di dalam Majlis Mesyuarat ini, mudah-mudahan apa yang saya lihat dan perhatikan itu negara kita ini semakin hari semakin maju, meningkat dan boleh dikatakan tidaklah terlalu ketinggalan dalam mengangkayahkan sidang mesyuarat walaupun negara kita agak kecil sedikit.

Alhamdulillah berkat kebijaksanaan dan ketegasan serta daya berani Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan yang kita dengarkan beberapa hari ini walaupun ianya agak lama daripada persidangan yang sudah-sudah, tetapi banyak mencerminkan keupayaan yang begitu menarik, terutama sekali di segi kepentingan negara kita iaitu negara Melayu Islam Beraja, tidak ketinggalan Ahli-Ahli juga memberikan pandangan-pandangan bukan sahaja untuk kerajaan, tetapi juga untuk kepentingan rakyat yang sangat-sangat memerlukan kehidupan mereka yang lebih baik dari masa ke semasa.

Jadi saya tidaklah berpanjang lebar barangkali, jam pun sekarang sudah meminta kita berehat dan menikmati makan tengah hari dan tidak lain tidak bukan saya sekali lagi memberi tahniah kepada semua ahli-ahli termasuk Jurutulis saya yang sungguh bijaksana sekali dalam mengusahakan dan menjalankan perbincangan di dalam mesyuarat yang dihormati ini. Maka saya sekali lagi mengucapkan terima kasih mudah-mudahan kerjasama yang seumpama ini bertambah-tambah kukuh bukan sahaja dalam Majlis

Mesyuarat, tetapi bila-bila masa. Maka dengan mendahulukan kalimat Allah Subhanahu Wata'ala kita bersyukur ke hadrat-Nya dengan kejayaan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini pada satu masa dan satu hari yang akan ditentukan nanti maka dengan demikian mesyuarat ditamatkan.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)